




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI KEDAH
TAHUN 2009




JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 **NEGERI KEDAH**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI KEDAH
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah dan Jabatan Kerja Raya <i>Pengurusan Kenderaan</i>	3
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah <i>Pengurusan Penyelenggaraan Jalan Negeri</i>	22
Jabatan Pertanian Negeri Kedah <i>Pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-buahan</i>	45
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah <i>Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak</i>	63
Pejabat Tanah Kuala Muda <i>Pengurusan Sistem Kutipan Hasil Tanah Berkomputer</i>	83
Pejabat Tanah Daerah Kuala Muda, Sik dan Kulim, Jabatan Pengairan Dan Saliran <i>Pengurusan Aktiviti Perlombongan dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	107
Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah <i>Pengurusan Projek Menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai</i>	123
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan <i>Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	138
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	157
<i>Kedah Resort Sdn. Bhd.</i>	157
<i>Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd.</i>	178
<i>KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd.</i>	195

PERKARA**MUKA SURAT****BAHAGIAN III - PERKARA AM**

Pendahuluan	211
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	211
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah	227
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	227
PENUTUP	231



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman menitahkan supaya Laporan ini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2009 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 13 buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah, Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah, Pejabat Tanah Kuala Muda, Pejabat Tanah Sik, Pejabat Tanah Kulim, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Majlis Perbandaran Langkawi. Program/Aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Kenderaan Kerajaan Negeri Kedah, Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri, Pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-buahan, Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak, Pengurusan Sistem Kutipan Hasil Tanah Berkomputer, Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Projek Menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai, Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar serta Pengauditan Syarikat Kerajaan iaitu Kedah Resort Sdn. Bhd., Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd. dan KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd..
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Negeri Kedah pada tahun 2009 menunjukkan kelemahan seperti yang dilaporkan dalam laporan ini dan ia boleh menjejaskan imej Kerajaan Negeri, Syarikat Kerajaan dan Perkhidmatan Awam.
4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaannya telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam laporan saya bagi tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaannya terhadap isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, membasmi kemiskinan, meningkatkan aktiviti ekonomi negara dan menyediakan kemudahan awam yang sempurna. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**" bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

6 Julai 2010



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah dan Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah - *Pengurusan Kenderaan***

Pada tahun 2006 hingga 2009, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM11.59 juta untuk perolehan kenderaan bagi seluruh Negeri Kedah dan sejumlah RM7.83 juta telah dibelanjakan. Daripada peruntukan RM11.59 juta tersebut, sejumlah RM9.33 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Perbendaharaan dan Jabatan Kerja Raya (JKR), manakala sejumlah RM6.68 juta telah dibelanjakan. Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kenderaan di tiga Jabatan tersebut tidak memuaskan. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti antaranya adalah tiada perancangan penyenggaraan, berlaku pengisian bahan api dalam tempoh masa yang singkat, ada pembayaran dua kali berjumlah RM30,270 dan Rekod Pusat Kenderaan tidak dikemas kini oleh Pejabat SUK. Manakala terdapat servis bagi kenderaan baru di Pejabat Perbendaharaan dilaksanakan oleh bengkel luar dalam tempoh jaminan dan JKR membuat pembelian minyak diesel di luar harga Kerajaan. Selain itu, tiada tindakan pelupusan diambil terhadap kenderaan yang telah rosak dan kenderaan yang telah mendapat perakuan pelupusan.

2. **Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah - *Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri***

Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah merupakan Jabatan yang bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau kerja penyenggaraan jalan negeri bagi memastikan jalan yang digunakan berada dalam keadaan baik dan selamat. Sejumlah RM223 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelenggara sepanjang 4,528 km jalan raya negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pada tahun 2007 hingga 2009, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM136.61 juta daripada jumlah peruntukan sejumlah RM141 juta bagi membiayai penyenggaraan jalan di seluruh Negeri Kedah. Pengauditan telah dijalankan di Pejabat JKR Daerah Kuala Muda/Sik dan JKR Daerah Pendang/Yan. Pada keseluruhannya, pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan negeri adalah tidak memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti projek yang diluluskan tidak dilaksanakan sebaliknya diganti dengan projek lain dan projek kecemasan, memecahkecil pembelian papantanda, perbelanjaan salah dikenakan, kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi, kelewatan menyiapkan kerja penyenggaraan, perubahan kerja penyenggaraan tidak mendapat kelulusan Pegawai Penguasa serta kos perolehan minyak diesel yang meningkat akibat tidak mengikut harga pasaran Kerajaan.

3. Jabatan Pertanian Negeri Kedah - *Pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-Buahan*

Program Pembangunan Industri Buah-buahan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah bertujuan memastikan buah-buahan yang dikeluarkan bermutu tinggi, mencukupi serta memenuhi permintaan buah-buahan segar dalam negeri dan untuk industri pemprosesan buah-buahan. Bagi tahun 2007 hingga 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM14.40 juta untuk menjayakan program ini, manakala perbelanjaannya pula berjumlah RM11.34 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2009 hingga Januari 2010 mendapati pelaksanaan Program adalah memuaskan kerana telah membantu meningkatkan hasil pengeluaran buah-buahan dan pendapatan petani di Negeri Kedah. Bagaimanapun, terdapat kelemahan pengurusan program iaitu dari segi pemilihan peserta dan kawasan projek; surat akujanji peserta tidak disediakan; projek tidak diusahakan mengikut amalan pertanian terbaik; projek lewat dilaksanakan dan berlaku lambakan baja di stor Jabatan Pertanian Negeri Kedah.

4. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah - *Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak*

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah (Jabatan) bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Kedah. Jabatan ini telah memperkenalkan Rancangan Kemajuan Ternakan bagi membangunkan industri ternakan di Negeri Kedah meliputi enam program yang dilaksanakan oleh Jabatan termasuk Program Peningkatan Populasi Pembiak (Program PPP). Melalui Skim TRUST iaitu satu kaedah bagi melaksanakan Program PPP, haiwan ruminan seperti kerbau, lembu, kambing dan bebiri diserahkan kepada peserta. Peserta dikehendaki menyerahkan anak betina pertama yang memenuhi syarat tertentu kepada Jabatan dan selepas itu induk serta anak menjadi milik penternak. Selain menyerahkan anak betina pertama, peserta juga boleh membuat bayaran balik kepada Jabatan mengikut nilai harga semasa ke atas anak betina tersebut. Matlamat Program PPP ialah meningkatkan sumber pendapatan seisi keluarga penternak, melalui penambahan bilangan bibit ternakan dan pengeluaran makanan daging dari ternakan tempatan serta pemodenan sistem pemeliharaan ternakan secara *Good Animal Husbandry Practice* (GAHP). Pada keseluruhannya, pelaksanaan Program PPP adalah tidak memuaskan. Ini kerana terdapat banyak kelemahan dari aspek pengurusan Skim TRUST, peserta program, ternakan, rekod dan maklumat serta pemantauan. Jabatan hendaklah mengambil pendekatan serius untuk mencapai objektif yang ditetapkan di dalam Skim TRUST ini.

5. Pejabat Tanah Kuala Muda - *Pengurusan Sistem Kutipan Hasil Tanah Berkomputer*

Hasil cukai tanah yang dikutip oleh Pejabat Tanah Kuala Muda bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah berjumlah RM109.32 juta. Hasil ini terdiri daripada cukai tanah berulang,

cukai tanah tahun pertama, tunggakan cukai, bayaran premium, lesen dan permit. Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri Kedah telah menggantikan Sistem Pungutan Hasil Tanah Berkomputer (SPHT) kepada Sistem Pengurusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) secara *Online*. Kerajaan Negeri telah melantik sebuah syarikat untuk melaksanakan projek SUKHAT-*Online* dengan kos RM2.16 juta bagi tempoh 2007 hingga 2010. Objektif SUKHAT adalah untuk membina semula dan mengganti aplikasi yang dibina bagi memberi kemudahan kepada pelanggan serta mempertingkatkan lagi hasil kerajaan negeri dan mengurangkan tunggakan hasil semasa. Secara umumnya, pengurusan kutipan hasil cukai tanah melalui penggunaan SUKHAT *Online* dapat membantu memudahkan urusan pentadbiran hasil dan mengurangkan beban kerja kakitangan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan integriti data seperti kesahihan dan ketepatan data, maklumat pemilik tanah tidak lengkap, rekod cukai tanah tidak kemas kini, berlaku kelewatan menghantar surat peringatan kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan dan kelewatan memproses Notis 6A.

6. Pejabat Tanah Daerah Kuala Muda, Sik dan Kulim, Jabatan Pengairan Dan Saliran - *Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar*

Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) bertanggungjawab mengurus dan menjaga sumber tanah Negeri Kedah. Antara sumber tanah utama di Negeri Kedah adalah bahan batuan yang terdiri daripada pasir, batu dan tanah merah. Pasir merupakan salah satu bahan utama dalam industri pembinaan dan jalan raya. Dua kategori pasir yang boleh digunakan untuk tujuan pembinaan adalah pasir sungai dan darat. Sumber bekalan pasir yang paling banyak dan mudah diperolehi adalah dari dasar sungai dan kawasan sekitar tebingnya. Kaedah pengambilan pasir di Negeri Kedah adalah dengan menggunakan pam dan pontun serta menggunakan jengkaut. Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir adalah tidak memuaskan kerana pengusaha telah melanggar syarat yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD). Kegiatan pengambilan pasir yang tidak diuruskan dengan baik telah menimbulkan kesan kepada alam sekitar seperti kekeruhan air sungai, keruntuhan tebing sungai, kemerosotan kualiti udara dan kerosakan kepada jalan raya. Penguatkuasaan dan pemantauan aktiviti pengambilan pasir juga adalah kurang memuaskan kerana rancangan pemantauan terhadap pengusaha kuari pasir tidak dilaksanakan, tiada unit khas untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan kurang koordinasi antara PTG, PTD, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar.

7. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah - *Pengurusan Projek Menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai*

Pusat Peranginan Gunung Jerai dibina pada tahun 1985. Gunung Jerai mempunyai ketinggian 1,217 meter merupakan puncak tertinggi di Negeri Kedah. Projek menaiktaraf pusat peranginan ini bertujuan untuk dijadikan salah satu destinasi pelancongan di Negeri Kedah. Projek ini melibatkan pembinaan tambahan chalet baru dan menaiktaraf bangunan

sedia ada yang terdiri daripada bangunan utama, bilik VIP, dewan serbaguna dan rumah pekerja. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah telah melantik Kedah Sato Sdn. Bhd. bagi menjalankan projek naiktaraf pusat peranginan ini, manakala *The Regency International Hotel* pula dilantik untuk menjalankan operasi perhotelan. Pada keseluruhannya, pengurusan projek menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai ini adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil tindakan bagi menjamin kualiti projek, keselamatan dan kepuasan hati pelanggan. Antara kelemahan yang ditemui ialah projek gagal disiapkan dalam tempoh kontrak, kelewatan permohonan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa, Pusat Peranginan beroperasi tanpa Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), pengurusan arahan perubahan kerja tidak memuaskan, kerja pembinaan tanpa kebenaran merancang dan pelan bangunan, kualiti kerja dan bekalan perabot yang tidak memuaskan, tiada perjanjian pengurusan Pusat Peranginan, pemilihan anak syarikat Perbadanan sebagai kontraktor projek dan operasi perhotelan tanpa insurans kebakaran.

8. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan - Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesan Terhadap Alam Sekitar

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (Majlis) ditubuhkan pada 4 Disember 2001. Ianya merangkumi kawasan seluas 47,848 hektar meliputi seluruh Pulau Langkawi. Purata berat sisa pepejal yang diuruskan adalah sebanyak 80 tan sehari dan jumlah ini boleh meningkat kepada 120 tan pada hari cuti umum dan cuti persekolahan. Pada keseluruhannya pelaksanaan pengurusan sisa pepejal Majlis adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal yang lemah, loji rawatan air larut resap yang dinaik taraf dengan kos RM2.58 juta tidak berfungsi serta tidak menepati *standard* yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, penimbunan tanah tidak dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan, kemudahan *washing bay* tidak disediakan dan kutipan *tipping fee* lewat diserahkan untuk dibankkan. Pelaksanaan kerja kutipan sampah dan pembersihan kawasan juga perlu diberi perhatian seperti tumpahan air larut resap di atas jalan raya ketika proses mengangkut sampah dijalankan dan sampah tidak dibersihkan dengan sempurna.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

9. Pengurusan Syarikat Kedah Resort Sdn. Bhd.

Kedah Resort Sdn. Bhd. (KRSB) yang ditubuhkan pada 9 Februari 1982 di bawah Akta Syarikat 1965 merupakan sebuah perniagaan milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan modal berbayar berjumlah RM6.20 juta. Syarikat ditubuhkan bertujuan memberi perkhidmatan perhotelan bagi menjana sumber kewangan untuk PKNK. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan KRSB pada tahun 2006 hingga 2009 adalah tidak memuaskan. Selain menghadapi liabiliti pinjaman yang tinggi, KRSB hanya memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM0.07 juta pada tahun 2006 dan kemudiannya mengalami kerugian pada tahun 2007 hingga 2009 yang berjumlah RM0.33 juta, RM0.96

juta dan RM0.28 juta. Kerugian ini adalah disebabkan oleh sebahagian operasi hotel terpaksa dihentikan untuk pembinaan bangunan hotel dan kelewatan projek pembinaan semula bangunan hotel tersebut mengikut jadual yang ditetapkan. Pengurusan perniagaan perhotelan SP INN oleh KRSB juga kurang memuaskan kerana gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pengurusan projek menaik taraf kemudahan hotel, pengurusan perubahan kerja yang tidak teratur, peningkatan kos pembinaan hotel, masalah pengurusan keselamatan bangunan hotel dan pengurusan kewangan yang tidak teratur. KRSB juga di dapati belum menyumbang kepada PKNK dalam bentuk dividen kerana masih tidak mempunyai aliran tunai yang kukuh.

10. *Pengurusan Syarikat Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd.*

Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd. (STDC) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 15 Mac 1979 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar RM2 juta. STDC merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan ditubuhkan bertujuan menjana sumber kewangan yang diperolehi dengan membiayai projek pembangunan agar dapat dinikmati oleh rakyat. Visi STDC ialah menjadi syarikat pembinaan yang dihormati serta berteknologi tinggi, tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan memberi pulangan kepada Kerajaan. STDC kini terlibat di dalam bidang pembinaan, penyenggaraan dan pengurusan projek. Selain merupakan kontraktor kelas 'A', STDC juga telah dianugerahkan Sijil Amalan Kualiti ISO 9001:2000. STDC memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM0.32 juta pada tahun 2006 dan RM0.34 juta pada tahun 2009. Manakala pada tahun 2007 dan 2008, STDC mengalami kerugian yang masing-masing berjumlah RM2.56 juta dan RM0.15 juta. Pengurusan aktiviti utama STDC tidak memuaskan kerana hampir keseluruhan projek diserahkan kepada pihak ketiga menyebabkan keuntungan yang diperolehi adalah kecil. Tadbir urus korporat juga tidak memuaskan berikutan kelemahan pengurusan kewangan seperti bayaran yang tidak teratur dan tidak berkepentingan kepada STDC, maklumat penerima tidak lengkap bagi pengeluaran cek tunai, ketiadaan prosedur kerja, had dan bidang kuasa Lembaga Pengarah serta pihak Pengurusan tidak jelas dan fungsi Lembaga Pengarah dan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan yang bertindih.

11. *Pengurusan Syarikat KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd.*

KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd. (KSDC) yang sebelum ini dikenali sebagai Albar Insurance Brokers ditubuhkan pada 1 Jun 1976. KSDC telah menjadi milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) pada tahun 1989. KSDC mempunyai modal berbayar berjumlah RM2.1 juta dan aktiviti utama perniagaannya adalah broker insurans terhadap semua jenis perlindungan yang sedia ada di pasaran. KSDC telah diberikan hak eksklusif untuk bertindak sebagai konsultan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri serta anak syarikat Kerajaan dalam melindungi aset yang dimiliki. KSDC memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM0.14 juta pada tahun 2006, RM0.01 juta pada tahun 2008 dan RM0.07 juta pada tahun 2009 manakala pada

tahun 2007 KSDC mengalami kerugian berjumlah RM0.16 juta. Pengurusan aktiviti utama KSDC adalah memuaskan yang mana menunjukkan KSDC mencatatkan peningkatan drastik jualan premium insurans pada tahun 2008 berbanding tahun 2006. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan iaitu peningkatan penghutang perdagangan, belum mencapai nisbah purata industri untuk perbelanjaan berbanding pendapatan, tidak mematuhi prosedur kerja dan tadbir urus korporat yang tidak memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan pengurusan iaitu, pembayaran yuran pengarah tidak mendapat kelulusan Mesyuarat Agung, indeks petunjuk prestasi tidak disediakan, polisi pelarasan harga tidak disediakan serta kemudahan dan keistimewaan yang diperolehi Ahli Lembaga Pengarah tidak dinyatakan dengan jelas di dalam surat pelantikan. Selain itu, pihak Audit mendapati KSDC gagal memberikan pulangan pelaburan kepada PKNK.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program dan aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu program atau aktiviti telah dijalankan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, lapan aktiviti telah dikaji iaitu Pengurusan Kenderaan Kerajaan Negeri Kedah, Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri, Pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-buahan, Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak, Pengurusan Sistem Kutipan Hasil Tanah Berkomputer (SUKHAT), Pengurusan Aktiviti Perlombongan dan Pengambilan Pasir serta Kesannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Projek Menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai dan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesan Terhadap Alam Sekitar. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan/Agensi berkenaan dan hanya isu yang penting dilaporkan di Bahagian ini.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH,
PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DAN
JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH**

2. PENGURUSAN KENDERAAN

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Kenderaan Jabatan bermaksud kenderaan yang berada di bawah kawalan Kerajaan sama ada ianya dibeli atau disewa dengan menggunakan wang Kerajaan, diterima melalui sumbangan atau hadiah atau diperolehi melalui proses perundangan. Kerajaan Negeri Kedah membekalkan pelbagai jenis kenderaan kepada Jabatan terlibat bagi memenuhi keperluan setiap Jabatan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diberikan. Jabatan yang memerlukan kenderaan akan membuat permohonan untuk mendapatkan kenderaan kepada Kerajaan Negeri Kedah melalui Pejabat Perbendaharaan Negeri. Setiap permohonan akan diberi pertimbangan melalui kelulusan dalam bajet tahunan berdasarkan kepada justifikasi yang diberi. Bagi kenderaan yang rosak dan tidak ekonomi dibaiki, proses pelupusan perlu dilaksanakan. Pelupusan bagi kenderaan ini perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

2.1.2 Pada tahun 2006 hingga 2009, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM11.59 juta untuk perolehan kenderaan bagi seluruh Negeri Kedah dan

sejumlah RM7.83 juta telah dibelanjakan. Daripada peruntukan RM11.59 juta tersebut, sejumlah RM9.33 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR manakala sejumlah RM6.68 juta telah dibelanjakan. Peruntukan dan perbelanjaan pada tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Perolehan Kenderaan
Pada Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	SUK		Perbendaharaan		JKR		Jumlah Keseluruhan		Peratus Belanja (%)
	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	
2006	1.54	1.53	1.00	0.92	-	-	2.54	2.45	96.5
2007	0.38	0.38	1.00	0.87	0.11	0.10	1.49	1.35	90.6
2008	0.35	0.28	1.65	0.69	0.32	0.31	2.32	1.28	55.2
2009	0.59	0.59	2.08	0.72	0.31	0.29	2.98	1.60	53.7
Jumlah	2.86	2.78	5.73	3.20	0.74	0.70	9.33	6.68	71.6

Sumber: Penyata Kewangan Negeri

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kenderaan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta dipantau dengan berkesan selaras dengan kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

2.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan kenderaan dari tahun 2006 hingga 2009. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod/dokumen yang berkaitan dengan perolehan dan penyenggaraan kenderaan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK), Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah (Perbendaharaan) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah (JKR). Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam tugas pengurusan kenderaan serta pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap kenderaan berkaitan. Selain itu, pengesahan kenderaan turut dibuat di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan dijalankan antara bulan November 2009 hingga Januari 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kenderaan di Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR adalah tidak memuaskan. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti antaranya tiada perancangan penyenggaraan, berlaku pengisian bahan api dalam tempoh masa yang singkat, pembayaran dua kali sejumlah RM30,270 dan Rekod Pusat Kenderaan tidak dikemas kini oleh Pejabat SUK. Manakala servis bagi kenderaan baru di Pejabat Perbendaharaan dilaksanakan di bengkel luar dalam tempoh jaminan. JKR telah membuat pembelian minyak diesel di luar harga pasaran Kerajaan. Selain itu, tindakan pelupusan belum diambil terhadap kenderaan yang telah rosak dan kenderaan yang telah mendapat

perakuan pelupusan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

2.4.1 Penyenggaraan Kenderaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menetapkan penyenggaraan kenderaan bertujuan untuk memastikan kenderaan dapat berfungsi dengan lancar, selamat digunakan, memelihara dan memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan, mengurangkan kerosakan serta menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Pegawai Aset pula dipertanggungjawab menyediakan senarai kenderaan yang memerlukan penyenggaraan, merancang, melaksanakan, merekod dan menilai program penyenggaraan yang telah dilaksanakan serta menyelia dan memantau penyenggaraan oleh pihak swasta. Pada tahun 2006 hingga 2009, sejumlah RM3.5 juta telah dibelanjakan untuk tujuan penyenggaraan kenderaan bagi Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR. Kos senggaraan yang tertinggi adalah di Pejabat SUK dengan sejumlah RM2.47 juta atau 70.7% untuk kenderaan guna sama dan kenderaan Ahli *Ex-Officio* Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Kos Senggaraan Kenderaan Bagi Tempoh Tahun 2006 Hingga 2009

Pejabat	Kos Senggara (RM)				Jumlah Keseluruhan (RM)
	2006	2007	2008	2009	
SUK	599,338	572,596	742,551	556,078	2,470,563
Perbendaharaan	40,036	16,009	38,284	34,325	128,654
JKR	128,351	293,557	207,362	265,781	895,051
Jumlah	767,725	882,162	988,197	856,184	3,494,268

Sumber: Rekod Jabatan

2.4.1.1 Penyenggaraan Kenderaan Di Pejabat SUK

Pengurusan penyenggaraan kenderaan di Pejabat SUK diuruskan oleh Unit Pengurusan Aset yang bertanggungjawab menyediakan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA 13), merancang, melaksanakan, merekod (KEW.PA 14) dan menilai program penyenggaraan yang telah dilaksanakan. Selain itu, perbelanjaan penyenggaraan pula dibuat oleh Bahagian Kewangan SUK.

a) Kos Penyenggaraan Kenderaan Yang Tinggi Berbanding Kos Perolehan

Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi penyenggaraan kenderaan untuk tahun 2006 hingga 2009 mendapati kos senggaraan berbanding kos perolehan bagi lima buah Proton Perdana V6 adalah tinggi antara 71% hingga 119%. Analisis juga mendapati perbandingan kos senggaraan dengan kos perolehan yang tertinggi adalah bagi Proton Perdana V6 bernombor KBC 93 dan KAV 9300 kerana kenderaan berkenaan digunakan secara optimum. Setakat Disember 2009, bacaan odometer bagi kedua-dua kenderaan ini masing-masing adalah 401,158 km dan 361,252 km dan usia kenderaan telah melebihi 4 tahun. Kos senggaraan bagi kenderaan berbanding kos perolehan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Kos Senggaraan Kenderaan Proton Perdana V6 Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

No. Pendaftaran	Usia Kenderaan	Kos Perolehan (RM)	Kos Senggara (RM)				Jumlah (RM)	Perbandingan Kos Senggara Dengan Perolehan (%)
			2006	2007	2008	2009		
KBC 93	9	65,376	20,718	18,857	18,300	19,850	77,725	119
KAV 9300	11	68,078	25,920	9,811	15,601	14,677	66,009	97
KAU 33	11	68,078	6,599	13,438	23,076	14,828	57,941	85
KBM 300	10	100,709	25,572	20,744	6,371	19,544	72,231	72
KBM 4224	6	69,250	983	17,767	18,925	11,628	49,303	71

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Berdasarkan maklum balas, Pejabat SUK mengakui kenderaan bernombor KAV 9300, KBM 300 dan KAU 33 sering memerlukan senggaraan yang tinggi disebabkan perjalanan jarak jauh dan faktor usia yang melebihi 10 tahun. Manakala kenderaan bernombor KBM 4224 pula memerlukan pembaikan yang tinggi akibat kemalangan.

b) Kekerapan Penyenggaraan Kenderaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan penyenggaraan aset Kerajaan antaranya adalah bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dan mengurangkan kerosakan jika disenggara dengan teratur. Semakan terhadap baucar bayaran mendapati sebanyak 1,097 kali senggaraan melibatkan 75 kenderaan berjumlah RM2.47 juta bagi tahun 2006 hingga 2009 telah dibuat di Pejabat SUK. Sebahagian besar kerja penyenggaraan dilakukan oleh Syarikat Sam Soon Automobile melibatkan 247 kali senggaraan berjumlah RM545,120 atau 22%. Analisis mengenai kos dan kekerapan penyenggaraan tertinggi bagi 12 bengkel kenderaan adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Kos Dan Kekerapan Penyenggaraan Kenderaan Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Bil.	Bengkel/Syarikat	2006		2007		2008		2009		Jumlah Senggara		(%)
		Senggara		Senggara		Senggara		Senggara		Senggara		
		Kos (RM)	Bil.	Kos (RM)	Bil.	Kos (RM)	Bil.	Kos (RM)	Bil.	Kos (RM)	Bil.	
1.	Sam Soon Automobile Service	98,084	24	125,949	72	116,539	73	204,548	78	545,120	247	22
2.	Great Union Auto Service	296,145	88	93,088	45	84,828	27	6,852	2	480,913	162	20
3.	Perniagaan Mazlan & Hashimah	-	-	-	-	148,532	84	50,369	41	198,901	125	8
4.	Bengkel Membaiki Kereta Fidel's	-	-	90,360	33	42,491	18	42,023	22	174,874	73	7
5.	Sansui Services Centre	71,316	16	54,812	13	21,150	3	-	-	147,278	32	6
6.	Wheely Sounder Auto Acc.	38,669	9	62,037	29	19,311	16	11,618	6	131,635	60	5
7.	Ken-Ken Auto Air-Cond. & Acc.	51,000	19	15,449	15	33,358	22	24,239	17	124,046	73	5
8.	Dae Auto Service	-	-	44,983	25	49,815	28	21,850	8	116,648	61	5
9.	Sahabat Berkat Enterprise	-	-	24,506	12	36,843	10	49,793	24	111,142	46	5
10.	EON	1,187	3	-	-	505	3	63,403	64	65,094	70	3
11.	Sansui Auto	-	-	-	-	37,490	5	22,335	1	59,825	6	2
12.	Sin Jian Li Motors S/B	-	-	27,484	7	23,416	4	8,106	1	59,005	12	2

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat SUK

Pejabat SUK memaklumkan bahawa kekerapan penyenggaraan kenderaan berbanding bilangan kenderaan adalah munasabah disebabkan faktor usia dan kekerapan kegunaan kenderaan tersebut. Selain itu, penyenggaraan dibuat di 12 bengkel berkenaan disebabkan perkhidmatan yang cepat seperti mana dikehendaki memandangkan keperluan kenderaan pada masa itu.

c) Kekerapan Penggantian Tayar

Semakan Audit terhadap baucar bayaran Pejabat SUK mendapati penggantian tayar sebanyak dua kali telah dibuat terhadap kenderaan Mercedes Benz S320L bernombor KBU 5000 dan KBA 1 serta Proton Perdana V6(A) bernombor KBV 565 pada tahun 2008 dan 2009 masing-masing melibatkan sejumlah RM9,160, RM6,120 dan RM2,960. Sejumlah RM10,860 digunakan bagi penukaran tayar kali kedua dalam tempoh setahun. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kekerapan Penggantian Tayar

No. Kenderaan	No. Baucar/ Tarikh	Tarikh Penggantian	Jarak Perjalanan (km)	Jenis Tayar	Jumlah (RM)
KBU 5000	V0002910/28.05.08	24.03.2008	15,236	Continental Premium Contact 235/60 x 16 - 4 biji	3,160
	V0009616/09.01.09	13.11.2008		New Imported Tyre 225/55 x 17- 4 biji	6,000
KBA 1	V0005664/13.09.09	25.03.2009	16,094	Ventus H422 x Q Hankook - 4 biji	2,700
	V0006939/15.11.09	15.07.2009		Continental CPC2 225/55 x 17 - 4 biji	3,420
KBV 565	V0000427/17.02.08	17.01.2008	Tiada Maklumat	New Tyre 205/55 x 16 - 4 biji	1,520
	V0007953/15.12.08	11.10.2008		Good Year 205/55 x 16 - 4 biji	1,440

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat SUK

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, kekerapan penukaran tayar bagi kenderaan terlibat adalah disebabkan jarak perjalanan jauh yang kerap kali bagi tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kenderaan di Pejabat SUK adalah tidak memuaskan kerana tiada perancangan penyenggaraan dibuat dan berlaku penukaran tayar kali kedua dalam tempoh empat hingga sembilan bulan.

2.4.1.2 Penyenggaraan Kenderaan Di Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah

a) Servis Kenderaan Di Bengkel Luar Dalam Tempoh Jaminan

Mengikut syarat yang diberi oleh syarikat pembekal dalam manual jaminan kenderaan, kenderaan hendaklah diservis oleh syarikat berkenaan dalam tempoh tersebut dan apa-apa kerosakan yang berlaku dalam tempoh jaminan akan diganti oleh syarikat pembekal tertakluk kepada terma dan syarat. Bagi kenderaan Nissan X-Trail bernombor KBX 8812, tempoh jaminannya adalah 3 tahun bermula 18 September 2006 hingga 17 September 2009 oleh Edaran Tan Chong Sdn. Bhd.. Manakala Naza Sorento bernombor KCF 700 pula diberi jaminan selama 1 tahun bermula 13 April 2008 hingga

12 April 2009 oleh Naza Kia Sdn. Bhd.. Semakan Audit mendapati kenderaan berkenaan telah diservis di bengkel luar dalam tempoh jaminan kenderaan tersebut. Maklumat berkaitan adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Servis Kenderaan Di Bengkel Seng Kee Motor
Tidak Mengikut Syarat Jaminan

No. Kenderaan	Tempoh Jaminan	No. Baucar/Tarikh	Tarikh Invois	Jumlah (RM)
KBX 8812 <i>Nissan X-Trail</i>	18.09.2006 Hingga 17.09.2009	V0000042/23.03.2009	-	994
		V0000071/12.04.2009	-	780
		V0000117/06.05.2009	30.04.09	607
		V0000207/16.07.2009	24.06.09	767
		V0000208/16.07.2009	25.06.09	545
		V0000255/19.08.2009	15.07.09	741
KCF 700 <i>Naza Sorento</i>	13.04.2008 Hingga 12.04.2009	V0000070/12.04.2009	-	706

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat Perbendaharaan Negeri

Pihak Perbendaharaan telah mengambil maklum tentang perkara tersebut.

b) Penggunaan Minyak Enjin

Mengikut manual penyenggaraan kenderaan, minyak enjin perlu ditukar setiap 5,000 km atau 3 bulan sekali yang mana terdahulu. Manakala penggunaan minyak enjin dari jenis *fully synthethic*, penyenggaraan berkala boleh dilakukan bagi jarak 10,000 km sehingga 15,000 km. Semakan Audit mendapati kenderaan *Nissan X-Trail* bernombor KBX 8812 telah menggunakan minyak enjin *fully synthetic* dan telah ditukar pada tahun 2009 sebanyak enam kali dengan jarak perjalanan 3,308 km, 3,727 km, 2,102 km, 4,551 km, 4,324 km dan 4,853 km. Dengan demikian, adalah tidak ekonomi dan berlaku pembaziran sekiranya penyenggaraan berkenaan masih kerap dilakukan. Kekerapan penukaran *Radiator Coolant* setiap kali servis juga menyumbang kepada pembaziran. Mengikut amalan, penukaran *Radiator Coolant* perlu ditukar pada jarak perjalanan 20,000 km. Pejabat boleh menjimatkan sejumlah RM2,939 iaitu pada 18 Mac 2009, 30 April 2009, 24 Jun 2009 dan 07 Oktober 2009 sekiranya servis dilakukan mengikut jadual. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Penyenggaraan Kenderaan Nissan X-Trail Bernombor KBX 8812

Butiran Penyenggaraan	Tarikh Penyenggaraan						
	17.02.09	18.03.09	30.04.09	24.06.09	15.07.09	07.10.09	09.12.09
Engine Oil Fully Synthetic	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Oil Filter (JPN)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Oil Treatment	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Radiator Coolant	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Fuel Filter (JPN)	✓	-	✓	-	✓	-	-
Service Injection Throttle Body	✓	-	-	-	-	✓	-
Service 4 Wheel Brake	✓	-	✓	✓	✓	-	✓
Computer Setting/Tuning	✓	-	✓	-	✓	✓	-
Air Filter (JPN)	-	✓	-	✓	-	✓	-
Flushing Transmission Oil Filter	-	✓	-	✓	-	✓	-
Auto Transmission Oil	-	✓	-	✓	-	✓	-
Spark Plug (JPN)	-	-	✓	-	✓	-	-
Bacaan Odometer (km)	85,185	88,483	92,210	94,312	98,863	103,187	108,040
Jarak Perjalanan (km)	-	3,308	3,727	2,102	4,551	4,324	4,853
Kos Senggara (RM)	994	780	607	767	741	785	909

Sumber: Rekod Pejabat Perbendaharaan

Berdasarkan maklum balas, Pihak Perbendaharaan akan menghantar pemandu dan pegawai menjaga kenderaan mengikuti kursus penyenggaraan kenderaan seberapa segera bagi mengelak masalah tersebut berulang pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kenderaan di Pejabat Perbendaharaan adalah tidak memuaskan kerana servis kenderaan baru dilaksanakan oleh pihak swasta dalam tempoh jaminan.

2.4.2 Kad Inden Minyak

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 menetapkan panduan mengenai penggunaan Kad Inden Minyak dan penggunaan setiap inden adalah terhad kepada kenderaan yang ditetapkan. Selain itu, rekod kawalan hendaklah disediakan dan dikemaskini serta diperiksa oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberikuasa dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati Daftar Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan di Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR. Analisis terhadap bayaran minyak di Pejabat SUK tahun 2009 mendapati kenderaan bernombor KBM 400 telah menggunakan dua kad *Smartpay* iaitu bernombor 70838173490643448 dan 70838100749001946. Manakala satu kad *Smartpay* pula digunakan untuk enam buah kenderaan gunasama di JKR. Bilangan Kad Inden Minyak dan kenderaan bagi Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Bilangan Kad Inden Minyak Dan Kenderaan

Pejabat	Bil. Kad Inden	Bil. Kenderaan
SUK	32	31
Perbendaharaan	5	5
JKR	7	6

Sumber: Rekod Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, Daftar Pergerakan Kad Inden Minyak telah disediakan. Selain itu, satu daripada kad Smartpay kenderaan bernombor KBM 400 telah dibatalkan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan, tindakan mewujudkan Daftar Pergerakan Kad Inden Minyak telah dibuat.

2.4.2.1 Pengisian Bahan Api Dalam Tempoh Masa Yang Singkat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 menetapkan bahawa penggunaan setiap inden adalah terhad kepada kenderaan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Laporan Butiran Belian Bahan Api yang dikeluarkan oleh pihak pembekal pada bulan Mac hingga Jun 2009 di Pejabat SUK mendapati sebanyak 43 kes pengisian bahan api dalam tempoh masa yang singkat. Tempoh pengisian minyak adalah antara lapan saat hingga 1 jam 28 minit melibatkan enam buah kenderaan berjumlah RM3,424.46 di Pejabat SUK seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Pengisian Bahan Api
Dalam Tempoh Masa Yang Singkat

Bil.	No. Pendaftaran Kenderaan	Bil. Kes	Jumlah Perolehan (RM)
1.	KAN 10	20	1,636.80
2.	KAE 3003	19	1,468.99
3.	KAG 6565	1	98.81
4.	KCC 3993	1	88.02
5.	KBM 2000	1	42.79
6.	KBM 4224	1	89.05
Jumlah		43	3,424.46

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat SUK

Contoh pengisian minyak bagi enam buah kenderaan berkenaan yang dilakukan pada bulan Mac hingga Jun 2009 adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Pengisian Bahan Api yang Singkat Pada Bulan Mac Hingga Jun 2009

Bil.	No. Pendaftaran Kenderaan/ No. Kad	Tarikh	Masa	Pembekal	Pengisian		
					Kuantiti (Liter)	Harga Seunit	Jumlah (RM)
1.	KAN 10/ 70838100749001706	21.03.09	09:47:16	Azdil Enterprise	40.566	1.8	73.00
		21.03.09	09:47:36	Azdil Enterprise	40.744	1.8	73.34
		03.06.09	18:35:58	Azdil Enterprise	55.556	1.8	100.00
		03.06.09	18:40:01	Azdil Enterprise	55.556	1.8	100.00
2.	KAE 3003/ 70838100749001714	04.03.09	18:21:48	Azdil Enterprise	55.556	1.8	100.00
		04.03.09	18:23:27	Azdil Enterprise	55.556	1.8	100.00
		23.05.09	21:19:51	Azdil Enterprise	41.361	1.8	74.45
		23.05.09	21:21:03	Azdil Enterprise	55.556	1.8	100.00
3.	KAG 6565/7083 8100749001730	22.03.09	12:40:10	Azdil Enterprise	40.672	1.8	73.21
		22.03.09	13:29:47	Azdil Enterprise	58.712	1.7	99.81
4.	KCC 3993/ 70838173180024255	04.03.09	16:13:22	Maza Mesra Enterprise	38.906	1.8	70.03
		04.03.09	16:41:17	Maza Mesra Enterprise	48.9	1.8	88.02
5.	KBM 2000/ 70838173229083437	30.03.09	08:27:56	Azdil Enterprise	50.000	1.8	90.00
		30.03.09	08:38:17	Syed Zaini Enterprise	23.772	1.8	42.79
6.	KBM 4224/ 70838173168785935	13.06.09	10:29:49	Maza Mesra Enterprise	30.833	1.8	55.50
		13.06.09	10:44:08	Azdil Enterprise	52.382	1.7	89.05

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat SUK

Pihak SUK memaklumkan bahawa pengisian bahan api dalam tempoh yang singkat disebabkan satu kad digunakan pada dua kenderaan berbeza dan langkah mewujudkan satu kad minyak bagi setiap kenderaan telah dibuat.

Pada pendapat Audit, penggunaan Kad Inden Minyak adalah tidak memuaskan kerana berlaku pengisian bahan api dalam tempoh masa yang singkat.

2.4.2.2 Bekalan Minyak Diesel Bagi Kenderaan JKR Melebihi Harga Pasaran

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2005 mengenai bekalan dan pengiriman bahan bakar diesel bersubsidi secara pukal kepada semua agensi kerajaan boleh dibuat secara rundingan terus di kalangan syarikat pengedar yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Pada tahun 2006 hingga 2009, JKR telah membelanjakan sejumlah RM2.89 juta bagi bekalan minyak diesel untuk kerja penyenggaraan jalan daripada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati harga seliter minyak yang dikenakan oleh pembekal tidak mengikut harga Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Sehubungan dengan itu juga kos pembelian minyak meningkat. Sejumlah RM0.58 juta boleh diijamatkan jika JKR membuat pembelian mengikut harga Kerajaan. Kedudukan mengenai pembelian minyak diesel adalah seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Pembelian Minyak Diesel Oleh JKR Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

JKR	Kuantiti (Liter)	Harga Belian (RM) (a)	Harga Pasaran (RM) (b)	Perbezaan Harga (RM) (a)-(b)
Stor Negeri	420,600	866,144	709,990	156,154
Kota Setar/Padang Terap	207,830	422,652	354,765	67,887
Pendang/Yan	160,163	342,896	276,641	66,255
Kuala Muda/Sik	333,080	743,896	571,007	172,889
Kulim/Bandar Baharu	96,000	200,776	144,400	56,376
Baling	124,450	247,749	199,679	48,070
Kubang Pasu	32,910	64,629	56,781	7,848
Jumlah		2,888,742	2,313,263	575,479

Sumber: Rekod JKR Daerah

Pada pendapat Audit, pembelian minyak diesel oleh JKR adalah tidak memuaskan kerana Jabatan membuat pembelian minyak diesel melebihi harga pasaran.

2.4.3 Pembayaran Dua Kali Di Pejabat SUK

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1980 adalah berkaitan tafsiran mengenai *Improper Payment* yang boleh membawa kepada hukuman Surcaj mengikut Seksyen 18(b) Akta Prosedur Kewangan 1957. Salah satu daripada tafsiran tersebut adalah apa-apa bayaran yang disahkan mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali. Semakan Audit mendapati dua invois telah dibayar dua kali oleh Pejabat SUK masing-masing bagi penyenggaraan kenderaan yang sama berjumlah RM551 dan bayaran bil minyak bulan Mac 2009 berjumlah RM29,719. Pembayaran dua kali tersebut adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Pembayaran Dua Kali

Bil.	No. Baucar/ Tarikh	No. Pesanan Tempatan/Tarikh	No. Invois/ Tarikh	Tarikh Servis	Jumlah (RM)	Pembekal	Catatan
1.	V0006683/ 8.11.2009	L090070002431/ 08.10.2009	9003847881/ 25.11.2009	21.07.09	551	Edaran Automobil Nasional Berhad	Senggara Kenderaan KBW 5000
	V0007312/ 30.11.2009	L090070002243/ 14.09.2009			551		
2.	V0001247/ 8.04.2009	-	20090300749 / 31.03.2009	Mac 2009	29,719	Smartpay Collect Service	Bayaran Bil Minyak Bulan Mac 2009
	V0001397/ 14.04.2009	-			29,719		

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat SUK

Pihak SUK memaklumkan bahawa tindakan pembetulan telah diambil dengan segera.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran adalah tidak memuaskan kerana berlaku pembayaran dua kali. Pihak SUK hendaklah menuntut kembali pembayaran yang dibuat dan mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai cuai.

2.4.4 Perolehan dan Penerimaan Kenderaan Pejabat SUK

2.4.4.1 Rekod Pusat Kenderaan Tidak Dikemaskini

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, antara prosedur penerimaan kenderaan baru adalah Rekod Pusat Kenderaan hendaklah diselenggara di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan bagi mengawal kenderaan di bawah seliaannya. Pengurusan Rekod Kenderaan dikendalikan oleh Unit Pengurusan Aset SUK manakala perolehan kenderaan dibuat oleh Bahagian Kewangan SUK. Semakan Audit mendapati sebanyak 11 buah kenderaan bernilai RM1.17 juta yang telah dibeli antara tahun 2006 hingga 2009 masih belum direkod dalam Rekod Pusat Kenderaan. Ini menyebabkan jumlah sebenar kenderaan yang dimiliki oleh Pejabat SUK tidak dapat disahkan kerana tidak ada koordinasi antara Bahagian Kewangan SUK dengan Unit Pengurusan Aset SUK. Keadaan ini menyebabkan Pejabat SUK gagal mengesan pergerakan kenderaan di bawah seliaannya. Kenderaan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13
Pembelian Kenderaan Pejabat SUK Tidak Dikemaskini Dalam Rekod Pusat Kenderaan SUK

No. Baucar/ Tarikh	Amaun (RM)	No. Pendaftaran Kenderaan	Perihal	Pembekal
V0848641/ 2.11.2006	150,647.70	KBX 900 KBW 700	2 buah Proton Perdana 2.0 V6 (A)	Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON)
V0849782/ 11.12.2006	124,610.35	KBX 700	Proton Perdana 2.0 V6 (A) <i>Executive</i>	Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON)
V0849783/ 11.12.2006	124,610.35	KBE 33	Proton Perdana 2.0 V6 (A) <i>Executive</i>	Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON)
V2100307/ 21.12.2006	75,323.50	TM	Proton Perdana 2.0 V6 (A)	Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON)
V2104450/ 24.05.2007	124,610.35	KCB 33	Proton Perdana 2.0 V6 (A) <i>Executive</i>	Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON)
V2107142/ 19.09.2007	88,435.27	KCC 2992	Nissan Urvan (Diesel) 3.0cc	Edaran Tan Chong Motor Sdn. Bhd.
V2107234/ 24.09.2007	99,374.46	TM	Nissan Serena (Petrol) 2.0cc	Edaran Tan Chong Motor Sdn. Bhd.

No. Baucar/ Tarikh	Amaun (RM)	No. Pendaftaran Kenderaan	Perihal	Pembekal
V2110696/ 3.01.2008	97,886.53	TM	Ford Everest TDCI 3.0 Diesel 4x4 (A)	Divapluz Sdn. Bhd.
V2111059/ 9.01.2008	91,305.00	TM	Nissan X-Trail	Edaran Tan Chong Motor Sdn. Bhd.
V0009126/ 7.01.2010	124,610.35	KCQ 9900	Proton Perdana 2.0 V6 (A) <i>Executive</i>	Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON)
V0009127/ 7.01.2010	75,323.50	KCQ 616	Proton Perdana 2.0 V6	Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON)
Jumlah	1,176,737.36			

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat SUK

Nota: TM = Tiada Maklumat

Berdasarkan maklum balas, tindakan telah diambil untuk mengemas kini Rekod Pusat Kenderaan oleh Unit Pengurusan Aset SUK.

2.4.4.2 Rekod Kenderaan Di JPJ Tiada Dalam Senarai Rekod Pusat Kenderaan SUK

Mengikut Seksyen 10(5) Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987 menetapkan setiap kenderaan baru hendaklah didaftarkan. SUK hendaklah menyelenggarakan dan mengemas kini Rekod Pusat Kenderaan bagi tujuan kawalan kenderaan di bawah seliaannya. Sekiranya berlaku pelupusan terhadap sesuatu kenderaan, pihak JPJ juga hendaklah dimaklumkan mengenai pembatalan hak milik kenderaan tersebut. Berdasarkan rekod JPJ, pihak Audit mendapati sebanyak 204 kenderaan yang didaftar atas nama SUK tiada dalam Rekod Pusat Kenderaannya. Siasatan hendaklah dibuat bagi mengesahkan status kenderaan tersebut sama ada ia masih wujud dan sedang digunakan atau telah dilupuskan. Senarai kenderaan tersebut adalah seperti di **Jadual 2.14**.

Jadual 2.14
Senarai Kenderaan Didaftarkan Nama SUK Di JPJ Tiada Dalam Rekod Pusat Kenderaan SUK

Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan
1.	KA 400	35.	KAH 400	69.	KAR 4082	103.	KAY 626	137.	KBK 9705	171.	KBV 5060
2.	KA 7542	36.	KAH 4500	70.	KAR 6700	104.	KAY 7733	138.	KBK 3400	172.	KBV 5900
3.	KA 7546	37.	KAJ 2020	71.	KAS 3500	105.	KBA 5172	139.	KBK 3500	173.	KBV 5910
4.	KAA 800	38.	KAJ 4664	72.	KAS 4186	106.	KBA 5175	140.	KBK 45	174.	KBV 5911
5.	KAB 2002	39.	KAJ 4774	73.	KAS 4664	107.	KBA 7249	141.	KBK 5900	175.	KBW 400
6.	KAC 400	40.	KAJ 4884	74.	KAS 4994	108.	KBD 1	142.	KBK 6100	176.	KBX 400
7.	KAD 4040	41.	KAJ 9898	75.	KAS 5069	109.	KBD 7500	143.	KBK 633	177.	KBY 2266
8.	KAD 515	42.	KAK 5700	76.	KAS 5267	110.	KBD 9787	144.	KBK 6590	178.	KBY 2639
9.	KAD 516	43.	KAK 5900	77.	KAS 5629	111.	KBE 2020	145.	KBK 6592	179.	KBY 2730
10.	KAE 4500	44.	KAK 6200	78.	KAS 5765	112.	KBE 4000	146.	KBK 9356	180.	KCA 200
11.	KAE 7425	45.	KAK 8700	79.	KAS 626	113.	KBF 2002	147.	KBL 1000	181.	KCA 7000
12.	KAE 9787	46.	KAL 3290	80.	KAS 6315	114.	KBF 2787	148.	KBL 2020	182.	KCB 6535
13.	KAF 1738	47.	KAL 4747	81.	KAS 6522	115.	KBF 6800	149.	KBL 2119	183.	KCC 3993
14.	KAF 1739	48.	KAL 4748	82.	KAS 6834	116.	KBF 7800	150.	KBL 23	184.	KCE 5050
15.	KAF 2000	49.	KAL 5262	83.	KAS 6912	117.	KBF 7900	151.	KBL 299	185.	KCE 7700
16.	KAF 2001	50.	KAL 5445	84.	KAS 7280	118.	KBF 901	152.	KBL 3000	186.	KCE 8000

Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan	Bil.	No. Kenderaan
17.	KAF 2002	51.	KAL 6006	85.	KAS 7443	119.	KBF 902	153.	KBL 5959	187.	KCF 29
18.	KAF 2003	52.	KAL 7409	86.	KAS 7641	120.	KBF 903	154.	KBL 8090	188.	KCF 9200
19.	KAF 2004	53.	KAL 8989	87.	KAS 8401	121.	KBF 904	155.	KBN 2563	189.	KCF 9300
20.	KAF 2005	54.	KAM 2266	88.	KAT 2002	122.	KBF 905	156.	KBP 8070	190.	KCF 9400
21.	KAF 2006	55.	KAM 3200	89.	KAT 3000	123.	KBF 907	157.	KBP 8090	191.	KCF 9600
22.	KAF 2007	56.	KAM 3500	90.	KAU 3500	124.	KBF 909	158.	KBP 9500	192.	KCK 5771
23.	KAF 2008	57.	KAM 9956	91.	KAU 3600	125.	KBF 910	159.	KBP 9600	193.	KCK 900
24.	KAF 2020	58.	KAN 1661	92.	KAV 9300	126.	KBF 911	160.	KBQ 3535	194.	KCM 7700
25.	KAF 3000	59.	KAN 40	93.	KAW 2600	127.	KBF 9800	161.	KBQ 6000	195.	KCN 4000
26.	KAF 4112	60.	KAN 5500	94.	KAW 2938	128.	KBG 1787	162.	KBR 2007	196.	KCN 8800
27.	KAF 4113	61.	KAN 6239	95.	KAW 3787	129.	KBG 2020	163.	KBT 2006	197.	KK 7474
28.	KAF 787	62.	KAN 7000	96.	KAW 4334	130.	KBG 2787	164.	KBT 2761	198.	KM 120
29.	KAF 8800	63.	KAP 2200	97.	KAW 4787	131.	KBG 4222	165.	KBT 6272	199.	KM 122
30.	KAF 93	64.	KAP 3800	98.	KAW 5787	132.	KBG 6116	166.	KBU 1400	200.	KQ 4425
31.	KAG 980	65.	KAP 5005	99.	KAW 6787	133.	KBG 8336	167.	KBU 1500	201.	KR 4000
32.	KAH 2700	66.	KAP 626	100.	KAW 9300	134.	KBG 8900	168.	KBU 2975	202.	KV 55A
33.	KAH 2800	67.	KAP 74	101.	KAY 6117	135.	KBJ 4224	169.	KBU 2976	203.	KV 6556B
34.	KAH 3003	68.	KAQ 100	102.	KAY 6118	136.	KBJ 7232	170.	KBU 5559	204.	KV 7770B

Sumber: Rekod JPJ

Pihak SUK memaklumkan telah mendapatkan senarai berkaitan daripada pihak JPJ dan sedang menyemak pemilik sebenar kenderaan.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Rekod Pusat Kenderaan SUK tidak memuaskan kerana rekod berkenaan tidak dikemas kini.

2.4.4.3 Penempatan Kenderaan Baru Oleh SUK

Pejabat SUK hendaklah merancang perolehan kenderaan baru bagi memastikan pengagihannya dilakukan sebaik sahaja kenderaan tersebut diterima. Semakan Audit mendapati sebuah kenderaan Proton Perdana 2.0 V6 *Executive* bernombor KCQ 9900 yang dibeli pada 31 Disember 2009 masih belum diagihkan sehingga April 2010. Kenderaan berkenaan masih tersimpan di perkarangan tempat letak kereta Pejabat SUK. Kelewatan agihan kenderaan berkenaan menyebabkan kenderaan tersebut berada dalam keadaan tanpa penjagaan. Kenderaan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 2.1**.

Foto 2.1
Proton Perdana V6 Executive
Yang Belum Diagihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkarangan Letak Kereta Pejabat SUK
Tarikh: 16 Februari 2010

Berdasarkan maklum balas, kenderaan bernombor KCQ 9900 belum dibuat serahan kerana pemiliknya belum ditentukan dan kini digunakan secara gunasama.

Pada pendapat Audit, perolehan dan penerimaan kenderaan pejabat SUK tidak memuaskan kerana sebuah kenderaan masih belum diagihkan.

2.4.5 Kenderaan Jabatan

2.4.5.1 Pelantikan Pegawai Pengangkutan/Pegawai Yang Menjaga Kenderaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai untuk menjaga kenderaan. Bagi Jabatan yang memiliki lebih daripada 20 buah kenderaan hendaklah melantik Pegawai Pengangkutan. Semakan Audit mendapati Pejabat SUK tidak melantik Pegawai Pengangkutan walaupun mempunyai lebih daripada 20 buah kenderaan di bawah seliaannya. Manakala di Pejabat Perbendaharaan tiada pegawai yang dikhaskan untuk menjaga kenderaan.

Berdasarkan maklum balas, Pegawai Pengangkutan SUK telah dilantik mulai 1 April 2010. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan, seorang pegawai menjaga kenderaan telah dilantik mulai Jun 2010.

Pada pendapat Audit, pengurusan kenderaan Jabatan di Pejabat SUK dan Perbendaharaan adalah tidak memuaskan kerana tiada pelantikan Pegawai Pengangkutan/Pegawai Yang Menjaga Kenderaan dibuat.

2.4.6 Penyenggaraan Buku Log

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, menetapkan Buku Log perlu diselenggara dengan lengkap, teratur dan kemas kini. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengangkutan atau Pegawai Yang Menjaga Kenderaan untuk memastikan Buku Log disediakan bagi semua kenderaan di bawah jagaannya. Buku Log ini hendaklah merekodkan butir-butir dan maksud perjalanan, penggunaan bahan api atau minyak pelincir dan butir-butir mengenai kenderaan serta jumlah jarak perjalanan yang kemaskini. Semakan Audit terhadap Buku Log di Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR mendapati penyelenggaraan adalah seperti di **Jadual 2.15**.

Jadual 2.15
Pematuhan Terhadap Penyelenggaraan Buku Log

Pejabat	No. Pendaftaran Kenderaan	Peraturan Penyelenggaraan Buku Log						
		a	b	c	d	e	f	g
SUK	KCC 3993	✓	x	✓	✓	x	x	x
	KCC 2992	✓	x	✓	✓	x	x	x
	KCM 6600	✓	x	✓	✓	x	x	x
Perbendaharaan	KBX 8812	✓	x	x	✓	x	✓	x
	KCF 700	x	x	x	✓	x	✓	x
	KBW 700	x	x	x	x	x	x	x
JKR	KCK 8359	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x
	KCD 8359	✓	✓	x	x	✓	✓	✓
	KCK 3172	✓	✓	x	x	✓	✓	✓

Sumber: Buku Log Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR

Nota : / - mematuhi X - tidak mematuhi

- a) Butir-butir mengenai kenderaan dan alat-alat kelengkapan pada muka surat pertama Buku Log dicatat.
- b) Butir-butir mengenai jadual penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian dicatat dengan lengkap.
- c) Nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa penggunaan kenderaan dicatat.
- d) Nama dan pegawai yang mengguna kenderaan dicatat.
- e) Pegawai Pengangkutan atau Pegawai yang diberi kuasa membuat pemeriksaan terhadap Buku Log setiap minggu.
- f) Salinan asal Buku Log disimpan di pejabat dan disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik.
- g) Ringkasan penggunaan bahan api bulanan disediakan.

Berdasarkan maklum balas SUK, penyelenggaraan Buku Log dipantau dari semasa ke semasa. Pihak SUK tidak akan membayar elaun lebih masa sekiranya pemandu gagal mengemaskini Buku Log masing-masing. Manakala Pejabat Perbendaharaan memaklumkan pemuatan terhadap penyelenggaraan Buku Log telah dibuat.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan Buku Log adalah tidak memuaskan kerana tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

2.4.7 Pelupusan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, pelupusan hendaklah dilakukan bagi mengeluarkan aset daripada milikan dan kawalan sesebuah Jabatan mengikut prosedur/kaedah yang ditetapkan. Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menyatakan nilai perolehan asal bagi satu aset melebihi RM50,000 atau jumlah keseluruhannya melebihi RM500,000 hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati:

2.4.7.1 Pelupusan Kenderaan Di Pejabat SUK

- a) Bahagian Kewangan SUK adalah bertanggungjawab untuk membuat perolehan dan pelupusan kenderaan. Mulai Januari 2010, pengurusan pelupusan diuruskan oleh Unit Pengurusan Aset SUK. Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Kertas MMK No. 6(F)09/2008 bertarikh 9 Januari 2008 telah bersetuju melupuskan sebanyak sembilan buah kenderaan seperti di **Jadual 2.16**.

Jadual 2.16
Pelupusan Kenderaan Pejabat SUK

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran	Tahun Perolehan
1.	Mercedes Benz 300SE	KY 12	1990
2.	Volvo 240 GLM	KAB 7000	1991
3.	Volvo GLA	KX 8000	1990
4.	Mercedes Benz 230E(A)	KAD 3003	1992
5.	Volvo 940 GL(A)	KAG 8000	1994
6.	Volvo 940 GL(A)	KAG 9000	1994
7.	Mercedes Benz E220(A)	KAG 6000	1994
8.	Mercedes Benz 300SE	KAE 1000	1993
9.	Toyota Hiace (Van)	KAA 500	1990

Sumber: Fail Pelupusan Kenderaan

Semakan Audit mendapati kenderaan bernombor KAG 8000 telah dilupuskan pada 21 Disember 2009 melalui resit bernombor E CAS 353530 dengan harga RM6,900, KAG 6000 rosak akibat kemalangan, KY 12 masih digunakan dan dua buah kenderaan jenis Volvo 240 GL *Injection* bernombor KAB 7000 serta KX 8000 masih belum dilupuskan dan diletakkan di tepi Bangunan Pejabat SUK tanpa penjagaan. Manakala empat buah kenderaan lagi tidak dapat disahkan sama ada telah dilupuskan atau tidak kerana tiada dokumen berkaitan pelupusan kenderaan berkenaan. Keadaan kenderaan bernombor KAB 7000 dan KX 8000 adalah seperti di **Foto 2.2**.

Foto 2.2
Kenderaan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkarangan Pejabat SUK
Tarikh: 22 Februari 2010

Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK, ketiadaan pembeli bagi kenderaan bernombor KY 12 pada masa tender terbuka menyebabkan ianya diserahkan kepada Pejabat YAB Menteri Besar. Manakala kenderaan bernombor KAB 7000 dan KX 8000 di dalam proses tender semula. Bagi kenderaan bernombor KAD 3003, KAG 8000 dan KAG 9000 pula, kelulusan telah diperolehi daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi melupuskannya kepada Ahli Majlis Mesyuarat.

b) Perakuan Pelupusan Aset Alih Kerajaan Telah Dikeluarkan Tetapi Tindakan Pelupusan Belum Diambil Oleh Pejabat SUK

JKR Mekanikal telah mengeluarkan Perakuan Pelupusan Aset Alih Kerajaan (PEP) terhadap Proton Perdana 2.0 V6 *Executive* bernombor KBN 333 pada 2 Julai 2008. Bagaimanapun, tindakan pelupusan masih belum diambil oleh Pejabat SUK.

Pejabat SUK memberi penjelasan bahawa kenderaan tersebut telah dihantar ke JKR Mekanikal untuk dibuat PEP oleh pemiliknya tanpa melalui Pejabat SUK dan tindakan diambil untuk pelupusan memandangkan kenderaan tersebut mengalami kerosakan besar.

c) Kenderaan Yang Terlibat Dalam Kemalangan

Lawatan Audit seterusnya mendapati sebuah kenderaan Mercedes Benz bernombor KAG 6000 milik Pejabat SUK yang mengalami kerosakan teruk akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2005 masih tersimpan di perkarangan JKR Mekanikal Negeri. Sehingga Februari 2010, tiada sebarang tindakan diambil. Keadaan kenderaan tersebut adalah seperti di **Foto 2.3**.

Foto 2.3
Kenderaan Pejabat SUK
Yang Mengalami Kemalangan



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkarangan JKR Mekanikal
Tarikh: 21 Februari 2010*

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan di Pejabat SUK adalah tidak memuaskan kerana tindakan pelupusan belum diambil terhadap kenderaan yang tidak ekonomi dibaiki, rosak dan kenderaan yang telah mendapat perakuan pelupusan serta terlibat dengan kemalangan.

2.4.7.2 Pelupusan Kenderaan Di JKR

JKR Mekanikal adalah bertanggungjawab melaksanakan pelupusan kenderaan JKR seluruh Negeri Kedah mengikut kaedah yang disyorkan setelah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2006, sebanyak 47 buah kenderaan telah dicadang oleh JKR Mekanikal untuk dilupuskan kerana tidak ekonomi untuk diperbaiki melalui surat bil.(23) dlm.JKR(K)MEK.1544.98/2 bertarikh 8 Februari 2006. Lawatan Audit ke JKR Mekanikal mendapati empat buah kenderaan telah rosak dan tindakan pelupusan masih belum diambil. Kenderaan yang dimaksudkan seperti di **Foto 2.4** hingga **Foto 2.7**.

Foto 2.4
Kenderaan Rosak Yang Masih
Belum Diambil Tindakan Pelupusan
KG 4708



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkarangan JKR Mekanikal
Tarikh: 21 Februari 2010

Foto 2.5
Kenderaan Rosak Yang Masih
Belum Diambil Tindakan Pelupusan
KR 791



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkarangan JKR Mekanikal
Tarikh: 21 Februari 2010

Foto 2.6
Kenderaan Rosak Yang Masih
Belum Diambil Tindakan Pelupusan
KL 7563



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkarangan JKR Mekanikal
Tarikh: 21 Februari 2010

Foto 2.7
Kenderaan Rosak Yang Masih
Belum Diambil Tindakan Pelupusan
KS 7202



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkarangan JKR Mekanikal
Tarikh: 21 Februari 2010

Semakan Audit seterusnya terhadap rekod pelupusan JKR Mekanikal mendapati 19 buah kenderaan lagi yang telah dicadangkan untuk dilupuskan oleh JKR Daerah masing-masing pada tahun 2005 masih belum diambil tindakan pelupusan. Kenderaan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 2.17**.

Jadual 2.17
Kenderaan Yang Disyorkan Untuk Pelupusan

JKR	Bil.	Jenis Kenderaan	Tahun Dibeli	No. Pendaftaran Kenderaan
Air Kedah Tengah	1.	<i>Land Rover 90</i>	1986	KU 1660
	2.	<i>Land Rover 90</i>	1985	KS 6250
	3.	<i>Backhoe Loader (John Deere)</i>	1986	KU 5920
Daerah Baling	4.	<i>Land Cruiser</i>	1978	KK 941
	5.	<i>Land Crusher</i>	1983	KP 70
	6.	<i>Tata Lorry Tipper</i>	1989	KX 5947
	7.	<i>Case 580 G</i>	1985	KS 7102
Ibu Pejabat Bekalan Air	8.	<i>Fiat Tractor 640 (Bush Cutter)</i>	1982	KQ 3600
	9.	<i>Toyota Land Cruiser HJ45 RP-K</i>	1978	KK 951
	10.	<i>Bedford Luv</i>	1978	KJ 9240
	11.	<i>Case 380C</i>	-	KK 8464
	12.	<i>Ford D1010</i>	1979	KK 8391
	13.	<i>Land Rover 90</i>	1986	KU 1660
	14.	<i>Land Rover 110</i>	1985	KS 6250
	15.	<i>Backhoe Loader (John Deere)</i>	1978	KU 5920
Daerah Kulim/ Bandar Baharu	16.	<i>Proton Saga 1.5S</i>	1989	KX 3234
	17.	<i>Toyota Lori Rigid Kargo Am</i>	1978	KK 737
Daerah Langkawi	18.	<i>Kimco JH60B R/Tyred Wheel Loader</i>	1975	KG 224
	19.	<i>UMW Case 580G Backhoe Loader</i>	1985	KS 7103

Sumber:JKR Mekanikal

Berdasarkan maklum balas daripada JKR Mekanikal, kenderaan yang disyorkan untuk pelupusan bagi JKR Air Kedah Tengah dan Ibu Pejabat Bekalan Air telah berada di bawah seliaan Syarikat Air Darulaman. Kenderaan di JKR Daerah Langkawi pula telah selesai dibuat pelupusan manakala kenderaan di JKR Daerah Baling dan Kulim/Bandar Baharu, masih di dalam proses mendapatkan geran dan Kad Harta Modal.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan di JKR adalah tidak memuaskan kerana kenderaan-kenderaan yang telah dicadangkan untuk pelupusan masih belum diambil tindakan pelupusan.

2.5 RUMUSAN DAN SYOR

Secara keseluruhannya, pengurusan kenderaan di Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR adalah tidak memuaskan. Jabatan perlu mewujudkan satu sistem pengawasan dan pemantauan berpandukan kepada pekeliling dan peraturan yang ditetapkan supaya mengelakkan kecuai pegawai semasa menjalankan tugas pengurusan dan penyenggaraan kenderaan Jabatan. Perhatian sewajarnya perlu diberikan terhadap

beberapa kelemahan antaranya seperti pengurusan penyenggaraan kenderaan, pembelian bahan api dan pelupusan serta kawalan terhadap penggunaan kenderaan. Bagi memastikan pengurusan kenderaan diuruskan dengan cekap dan berhemat adalah disyorkan langkah-langkah seperti berikut:

- a)** Pejabat SUK perlu membuat perancangan yang teliti terhadap perolehan kenderaan, memastikan Rekod Pusat Kenderaan sentiasa dikemas kini dan mengawal perbelanjaan penyenggaraan kenderaan supaya tidak berlaku pembaziran.
- b)** Pejabat Perbendaharaan perlu memastikan pegawai menjaga kenderaan dilantik bagi menyelia urusan penyenggaraan kenderaan agar lebih teratur dan sempurna.
- c)** JKR perlu mengambil kira dasar perbelanjaan berhemat Kerajaan Negeri supaya setiap peruntukan yang dibelanjakan memberi pulangan yang munasabah dengan mengkaji semula pembelian minyak diesel yang tidak mengikut harga Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan.
- d)** Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR perlu memastikan dokumen seperti Buku Log dan Daftar Pergerakan Kad Inden di rekod dengan lengkap dan kemas kini. Manakala rekod berkaitan penyenggaraan kenderaan perlu diselenggara bagi memudahkan kawalan terhadap perbelanjaan serta pemantauan kondisi kenderaan.
- e)** Pejabat SUK, Perbendaharaan dan JKR perlu memastikan tindakan pelupusan diambil terhadap kenderaan yang rosak dan tidak ekonomi dibaiki serta yang telah mendapat PEP.

3. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah (Jabatan) merupakan Jabatan yang bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau kerja penyenggaraan jalan negeri bagi memastikan jalan yang digunakan berada dalam keadaan baik dan selamat. Berdasarkan kepada Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (*Malaysian Road Record Information System (MARRIS)*) sehingga akhir tahun 2009, panjang rangkaian jalan raya negeri di bawah penyenggaraan Jabatan ialah 4,528 kilometer. Kerja penyenggaraan jalan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala.

3.1.2 Penyenggaraan biasa meliputi kerja menampal dan memperbaiki kerosakan jalan, mengecat garisan jalan, menyenggara papan tanda amaran, peringatan serta tunjuk arah dan membersihkan rizab jalan/memotong rumput. Ia juga melibatkan kerja secara segera seperti kerosakan jalan akibat tanah runtuh dan banjir. Kerja ini dilaksanakan atas aduan orang awam atau arahan oleh Jabatan. Manakala penyenggaraan berkala pula melibatkan kerja yang dirancang seperti memperelok permukaan jalan, membaikpulih jalan, memperbaiki bahu jalan, menurap bahu jalan, membaiki pembetung dan jambatan serta membaiki benteng dan cerun. Kerja penyenggaraan jalan ini dilaksanakan oleh Jabatan dan Kontraktor yang dilantik.

3.1.3 Kerajaan Negeri menerima pemberian tahunan penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian ini diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri yang ditubuhkan pada tahun 1994 di bawah Seksyen 10(1)(b) Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61). Pada tahun 2007 hingga 2009, Kerajaan Negeri Kedah telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM367.19 juta. Kerajaan Negeri pula memperuntukkan sejumlah RM223 juta di bawah Program Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM141 juta atau 63.2% diperuntukkan bagi tahun 2007 hingga 2009 dan perbelanjaan berjumlah RM136.61 juta atau 96.9% seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan
Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
2007	42.00	41.94	99.9
2008	45.00	44.36	98.6
2009	54.00	50.31	93.2
Jumlah	141.00	136.61	96.9

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop kajian meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kerja penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di Daerah Kuala Muda/Sik dan Daerah Pendang/Yan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa rekod dan menganalisis data bagi tahun 2007 hingga 2009. Di samping itu, perbincangan dengan pegawai yang terlibat serta lawatan dan ujian *coring* di lokasi jalan yang dipilih juga dijalankan.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2009 hingga Februari 2010 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan negeri adalah tidak memuaskan. Terdapat kelemahan dalam pengurusan penyenggaraan jalan raya antaranya projek yang diluluskan tidak dilaksanakan berjumlah RM13.01 juta sebaliknya diganti dengan projek lain dan projek kecemasan, memecah kecil pembelian papan tanda, perbelanjaan salah dikenakan berjumlah RM70,399, kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi, kelewatan menyiapkan kerja penyenggaraan antara 11 hari hingga 365 hari dan perubahan kerja penyenggaraan berjumlah RM0.82 juta tidak mendapat kelulusan Pegawai Penguasa serta kos perolehan minyak diesel meningkat berjumlah RM0.19 juta akibat tidak mengikut harga pasaran Kerajaan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

3.4.1 Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan

Kerja penyenggaraan jalan terdiri daripada penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala.

3.4.1.1 Penyenggaraan Biasa

a) Menampal Dan Membaiki Kerosakan Jalan

Mengikut piagam pelanggan Jabatan, kerja menampal dan membaiki kerosakan jalan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 48 jam daripada aduan orang ramai, wakil rakyat dan Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan serta melalui rondaan oleh kakitangan JKR. Lawatan Audit bersama pegawai JKR ke 16 lokasi menunjukkan jalan yang telah disenggarakan berada dalam keadaan baik. Bagaimanapun terdapat beberapa kerosakan jalan yang perlu diberi perhatian dan penyenggaraan segera seperti di **Foto 3.1** dan **Foto 3.2**.

Foto 3.1
Jalan Yang Perlu Pembaikan Segera



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jeniang/Kalai
Tarikh: 14 Disember 2009

Foto 3.2
Jalan Yang Perlu Pembaikan Segera



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jeniang/Kalai
Tarikh: 14 Disember 2009

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan segera terhadap teguran Audit dengan menampal dan membaiki kerosakan jalan seperti di **Foto 3.3** dan **Foto 3.4**.

Foto 3.3
Keadaan Jalan Selepas Pembaikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jeniang/Kalai
Tarikh: 02 Januari 2010

Foto 3.4
Keadaan Jalan Selepas Pembaikan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jeniang/Kalai
Tarikh: 02 Januari 2010

b) Mengecat Garisan Jalan

Jabatan perlu memastikan kerja mengecat garisan jalan dilakukan mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya sekali setahun. Kerja ini meliputi kerja membuat garisan cat putih setebal 1.0 mm dan selebar 150 mm di bahagian tengah, kiri dan kanan jalan. Kerja mengecat garisan jalan dilaksanakan oleh Jabatan atau Kontraktor. Lawatan Audit ke 11 tapak projek mendapati kerja telah dijalankan dengan sempurna kecuali di Jalan Yan/Singkir (Hadapan Balai Polis Yan) kerana garisan cat putih di tepi kiri dan kanan tidak dibuat. Keadaan ini boleh membahayakan pengguna terutamanya pada waktu malam atau hujan. Perbandingan jalan yang dimaksudkan seperti di **Foto 3.5** dan **Foto 3.6**.

Foto 3.5

Jalan Yang Mempunyai Cat Garisan Tepi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Selambau/Jeniang
Tarikh: 16 Januari 2010

Jadual 3.6

Jalan Yang Tidak Mempunyai Cat Garisan Tepi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Yan/Singkir (Hadapan Balai Polis Yan)
Tarikh: 24 Januari 2010

Maklum balas dari Jabatan menjelaskan kerja mengecat garisan jalan di Jalan Yan/Singkir akan dilaksanakan selepas TNB mengalihkan tiang-tiang elektrik di tepi jalan.

c) Menyenggara Papan Tanda Amaran, Peringatan Dan Tunjuk Arah

Penyenggaraan ini melibatkan kerja membersihkan, membaiki, mengecat semula dan mengganti papan tanda amaran, peringatan dan papan tunjuk arah yang rosak. Kerja ini dilaksanakan oleh Kontraktor atau Jabatan mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya dua kali setahun. Lawatan Audit bersama pegawai JKR di Jalan Bukit Selambau/Simpang 4 Jeniang dan Jalan Gajah Putih/Kg. Betong mendapati papan tanda sedia ada tidak dapat dilihat dengan jelas oleh pengguna jalan raya kerana terlindung oleh dahan pokok. Keadaan ini menyukarkan pengguna jalan raya untuk melihat arah jalan. Papan tanda yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 3.7** dan **Foto 3.8**.

Foto 3.7

Papan Tanda Terlindung Oleh Dahan Pokok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Simpang 4, Jalan Bukit Selambau/Jeniang
Tarikh: 21 Disember 2009

Foto 3.8

Papan Tanda Terlindung Oleh Dahan Pokok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gajah Putih/Kg. Betong
Tarikh: 14 Disember 2009


Pihak Jabatan telah mengambil tindakan segera terhadap teguran Audit sebagaimana **Foto 3.9** dan **Foto 3.10**.

Foto 3.9
Papan Tanda Yang Terlindung Dengan Dahan Pokok Telah Dibersihkan



Sumber: JKR Kuala Muda/Sik
Lokasi: Simpang 4, Jalan Bukit Selambau/Jeniang
Tarikh: 25 Mei 2010

Foto 3.10
Papan Tanda Yang Terlindung Dengan Dahan Pokok Telah Dibersihkan




Sumber: JKR Kuala Muda/Sik
Lokasi: Jalan Gajah Putih/Kg. Betong
Tarikh: 25 Mei 2010

d) **Membersih Rizab Jalan/Memotong Rumput**

Kerja membersihkan rizab jalan/memotong rumput dilaksanakan sama ada oleh Kontraktor atau Jabatan. Antara syarat dalam sebut harga, kawasan kerja memotong rumput dan membersihkan semak samun adalah selebar tiga meter sebelah kanan dan kiri jalan jika tiada parit tepi jalan. Kerja berkenaan perlu dibuat sebanyak enam, sembilan atau 12 pusingan setahun. Bagi tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 35 sebut harga berjumlah RM3.59 juta dikeluarkan oleh JKR Daerah Kuala Muda/Sik. Manakala bagi JKR Daerah Pendang/Yan sebanyak 17 sebut harga dikeluarkan berjumlah RM1.08 juta. Semakan Audit terhadap sebut harga yang dikeluarkan pada tahun 2009 mendapati ianya dibuat mengikut peraturan dan jadual yang ditetapkan. Lawatan Audit bersama pegawai JKR ke tapak kerja di Jalan Lencongan Barat, Sg. Petani dan Jalan Semeling By Pass mendapati kerja membersihkan rizab jalan/memotong rumput telah dilaksanakan dengan baik seperti di **Foto 3.11** dan **Foto 3.12**.

Foto 3.11
Bahu Jalan Yang Sedang Dibersihkan



Sumber: JKR Daerah Kuala Muda
Lokasi: Jalan Lencongan Barat, Sg. Petani
Tarikh: 03 Oktober 2009

Foto 3.12
Bahu Jalan Yang Sedang Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Semeling By Pass
Tarikh: 21 Disember 2009

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan biasa telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, JKR hendaklah memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan bagi meningkatkan prestasi penyenggaraan.

3.4.1.2 Penyenggaraan Berkala

Penyenggaraan berkala melibatkan kerja penyenggaraan yang dirancang. Semakan Audit mendapati:

a) Membaikpulih Dan Memperelok Permukaan Jalan

Jabatan telah menetapkan kerja membaikpulih dan memperelok permukaan jalan hendaklah dilaksanakan mengikut jadual atau pusingan sekurang-kurangnya lima tahun sekali. Pada tahun 2009 sejumlah RM4.53 juta telah diperuntukkan kepada JKR Daerah Kuala Muda/Sik bagi melaksanakan 14 projek. Manakala JKR Daerah Pendang/Yan, sejumlah RM2.2 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 16 projek. Adalah didapati projek yang dilaksanakan tidak mengikut jadual atau pusingan lima tahun sekali sebaliknya mengikut keperluan semasa dan aduan awam. Lawatan Audit ke 10 lokasi yang dipilih mendapati lapan projek telah dilaksanakan dengan sempurna manakala dua projek tidak dilaksanakan dengan sempurna. Kedudukan pelaksanaan projek seperti di **Jadual 3.2** dan **Jadual 3.3**.

Jadual 3.2
Membaikpulih Dan Memperelok Permukaan Jalan Bagi Tahun 2009

Pejabat	Lokasi	Pemerhatian Semasa Lawatan Audit
JKR Daerah Kuala Muda/Sik (S/K/12/08)	Jalan Lencong Barat	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.
	Jalan Sg. Lalang/Bukit Selambau	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.
	Jalan Bukit Selambau/Kalai	Kerja siap dilaksanakan. Bagaimanapun terdapat bahu jalan yang bertebing tinggi.
	Jalan Kg. Kalai/Gajah Putih	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.
	Jalan Pekan Kalai	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 3.3
Membaikpulih Dan Memperelok Permukaan Jalan Bagi Tahun 2009

Pejabat	Lokasi	Pemerhatian Semasa Lawatan Audit
JKR Daerah Pendang /Yan (S/K/15/08)	Jalan Pendang/Jenun	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.
	Jalan Pdg. Pusing/Pdg. Lembu	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.
	Jalan Pendang/Sg. Tiang	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.
	Jalan Singkir/Yan	Kerja siap dilaksanakan. Bagaimanapun tiang elektrik di laluan berturap belum dialihkan dan bertebing tinggi. Ini membahayakan pengguna jalan raya.
	Jalan Guar Chempedak/Yan	Kerja siap dilaksanakan dengan sempurna.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Kedudukan keadaan jalan yang dilawati adalah seperti di **Foto 3.13** hingga **Foto 3.18**.

Foto 3.13
Bahu Jalan Bertebing Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Selambau/Kalai, Sik
Tarikh: 02 Januari 2010

Foto 3.14
Bahu Jalan Bertebing Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Selambau/Kalai, Sik
Tarikh: 02 Januari 2010

Foto 3.15
Bahu Jalan Bertebing Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Singkir/Yan
Tarikh: 24 Januari 2010

Foto 3.16
Bahu Jalan Bertebing Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Singkir/Yan
Tarikh: 24 Januari 2010

Foto 3.17

Tiang Elektrik Di Bahu Jalan Tidak Dialihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Singkir/Yan (Hadapan Balai Polis Yan)

Tarikh: 24 Januari 2010

Foto 3.18

Tiang Elektrik Dalam Proses Pengalihan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Singkir/Yan (Hadapan Balai Polis Yan)

Tarikh: 26 Mei 2010

Ujian *coring* dijalankan bagi menentukan jalan yang dibina mengikut ketebalan dan menepati spesifikasi yang ditetapkan. Ujian ini dibuat di Jalan Bukit Selambau/Kalai, Sik dan Jalan Singkir/Yan mendapati ianya mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati bahu jalan di kedua-dua jalan tersebut bertebing tinggi. Ini boleh membahayakan kepada pengguna jalan raya.

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan segera terhadap teguran Audit dengan menambun dan merata tanah merah di bahu jalan sebagaimana **Foto 3.19** dan **Foto 3.20**.

Foto 3.19

Kerja Menambun Tanah Merah Di Bahu Jalan
Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR

Lokasi: Jalan Singkir/Yan

Tarikh: 26 Mei 2010

Foto 3.20

Kerja Menambun Tanah Merah Di Bahu Jalan
Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR

Lokasi: Jalan Bukit Selambau/Kalai, Sik

Tarikh: 05 April 2010

Pada pendapat Audit, kerja membaikpulih dan memperelok permukaan jalan adalah memuaskan. Bagaimanapun tiang elektrik di bahu jalan masih belum dialihkan.

b) Melebar, Membaiki Dan Menurap Bahu Jalan

Kerja melebar dan membaiki bahu jalan melibatkan kerja pembersihan jalan yang hendak dibaiki, membekal, merata dan memampatkan *base material* sehingga mencapai tahap ketebalan 300 mm seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi. Manakala kerja menurap bahu jalan melibatkan kerja membekal, meletakkan lapisan serta memampatkan *Asphaltic Concrete Binder Course* bersaiz 28 mm dengan ketebalan 70 mm termasuk satu lapisan *prime coat of bituminous material*. Lawatan Audit bersama pegawai JKR dan ujian *coring* dibuat di tiga lokasi mendapati kerja penyenggaraan di Jalan Jeneri/Kg. Betong dan Jalan Padang Pusing/Padang Lembu dilaksanakan dengan memuaskan kecuali di Jalan Pendang/Jenun/Bongor yang mendapat kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan iaitu ketebalan jalan hanya 55 mm seperti di Foto 3.21 dan Foto 3.22.

Foto 3.21
Jalan Mendap Semula Selepas Kerja
Penyenggaraan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pendang/Jenun/Bongor
Tarikh: 25 Januari 2010

Foto 3.22
Keputusan Ujian Coring bagi Jalan Pendang/
Jenun/Bongor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25 Januari 2010

Pihak Jabatan telah mengarahkan Kontraktor membaiki semula kerana projek ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan akan lebih memberi perhatian serta menitikberatkan dalam aspek kerja penyenggaraan jalan pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, kerja melebar, membaiki dan menurap bahu jalan yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana Jabatan tidak memantau semasa kerja yang dijalankan oleh Kontraktor.

c) Membaiki Pembetung Dan Jambatan

Kerja membaiki pembetung dan jambatan dibuat apabila berlaku kerosakan dan keretakan, membersihkan sampah sarap yang menyekat pengaliran air di bawah jambatan dan di dalam pembetung, mengecat semula jambatan dan menahan hakisan yang


berlaku pada tapak jambatan akibat kesan *scouring*. Pada tahun 2009, dua projek dilaksanakan iaitu di jambatan Jalan Sg. Selambau/Bukit Lembu dan pembetung di Jalan Kampung Kura, Sik. Lawatan Audit bersama dengan pegawai JKR ke lokasi berkenaan mendapati kedua-dua projek berkenaan telah siap dilaksanakan. Bagaimanapun, projek pembetung di Jalan Kampung Kura, Sik berjumlah RM226,382 oleh Sakura Klasik Enterprise tidak memuaskan. **Sejumlah RM9,000 daripada kos projek tersebut telah dibayar bagi kerja membekal dan memasang *Beam Galvanised Guardrail* di Sg. Semiar dan Sg. Dua yang sepatutnya dilaksanakan di Jalan Kampung Kura, Sik. Selain itu, kerja menanam rumput di cerun *embankment* berjumlah RM1,500 dan membekal serta memasang papan tanda (*Bridge Panel* dan *AWAS*) bernilai RM1,500 tidak dilaksanakan tetapi bayaran telah dibuat. Ini menyebabkan tebing berhampiran pembetung runtuh dan permukaan jalan pecah serta mendap. Keadaan pembetung tersebut adalah seperti di **Foto 3.23** dan **Foto 3.24**.**

Foto 3.23
Tebing Runtuh, Mendap Dan Rumput Tidak Ditanam Di Cerun *Embankment*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pembetungan Kekotak, Kg. Kura, Sik
Tarikh: 20 Disember 2009

Foto 3.24
Permukaan Jalan Pecah Dan Mendap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pembetungan Kekotak, Kg. Kura, Sik
Tarikh: 20 Disember 2009

*Maklum balas Jabatan terhadap pemerhatian Audit menjelaskan kerja penanaman rumput, pemasangan papan tanda dan pembaikan permukaan jalan pecah dan mendap telah dilaksanakan selepas teguran Audit. Kerja menanam rumput, pemasangan papan tanda dan permukaan jalan yang telah dibaiki adalah seperti di **Foto 3.25** dan **Foto 3.26**.*

Foto 3.25
Penanaman Rumput Di Cerun
Dan Pemasangan Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pembetungan Kekotak, Kg. Kura, Sik
 Tarikh: 06 Februari 2010

Foto 3.26
Permukaan Jalan
Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pembetungan Kekotak, Kg. Kura, Sik
 Tarikh: 26 Mei 2010

Pada pendapat Audit, kerja membaiki pembetung dan jambatan adalah memuaskan kerana tebing runtuh dan permukaan jalan pecah serta mendap telah dilaksanakan oleh Kontraktor. Bagaimanapun, sejumlah RM9,000 telah dikenakan bagi kerja membekal dan memasang *Beam Galvanised Guardrail* di Sg. Semiar dan Sg. Dua.

d) Membaiki Benteng Dan Cerun

Kerja membaiki benteng dan cerun melibatkan kerja mengukuhkan benteng dan cerun dengan memasang *gabion* di kiri, di kanan atau di kedua-duanya sekali bagi menghalang keruntuhan atau mendapan tanah di mana ia boleh menyebabkan kerosakan terhadap jalan raya. Lawatan Audit pada 24 Januari 2010 bersama pegawai JKR ke lokasi projek bagi membaikpulih dan menstabilkan cerun ke puncak Jalan Gunung Jerai mendapati kerja berkenaan telah dilaksanakan dengan baik seperti di Foto 3.27 dan Foto 3.28.

Foto 3.27
Membaikpulih Dan Menstabilkan Cerun
Ke Puncak Gunung Jerai



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
 Tarikh: 24 Januari 2010

Foto 3.28
Membaikpulih Dan Menstabilkan Cerun
Ke Puncak Gunung Jerai



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
 Tarikh: 24 Januari 2010

Bagaimanapun, bahan dan sisa kerja ditinggalkan oleh Kontraktor di bahu jalan tidak dibersihkan seperti di **Foto 3.29** dan **Foto 3.30**. Keadaan seperti ini boleh membahayakan pengguna dan mencemarkan pemandangan kawasan pelancongan di Gunung Jerai.

Foto 3.29
Bahan/Sisa Kerja Penyenggaraan Jalan
Ditinggal di Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
Tarikh: 24 Januari 2010

Foto 3.30
Bahan/Sisa Kerja Penyenggaraan Jalan
Ditinggal di Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
Tarikh: 24 Januari 2010


Selain itu, terdapat jalan yang bercerun tinggi di Jalan Gunung Jerai tidak mempunyai *Guardrail* seperti di **Foto 3.31** dan **Foto 3.32**. Keadaan ini boleh membahayakan pengguna jalan raya.

Foto 3.31
Jalan Bercerun Tinggi
Yang Tiada *Guardrail*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
Tarikh: 24 Januari 2010


Foto 3.32
Jalan Bercerun Tinggi
Yang Tiada *Guardrail*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
Tarikh: 24 Januari 2010

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan segera terhadap teguran Audit sebagaimana Foto 3.33 dan Foto 3.34.

Foto 3.33
Bahan/sisa Kerja Penyenggaraan Jalan Telah Dibersihkan



Sumber: JKR
 Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
 Tarikh: 23 Mei 2010

Foto 3.34
Jalan Bercerun Tinggi Telah Dipasang Guardrail



Sumber: JKR
 Lokasi: Jalan Gunung Jerai, Yan
 Tarikh: 23 Mei 2010

Pada pendapat Audit, kerja memperbaiki benteng dan cerun telah dilaksanakan dengan baik.

3.4.2 Sasaran Kerja Penyenggaraan Jalan

Setiap tahun Jabatan menyediakan cadangan sasaran kerja bagi penyenggaraan biasa dan berkala untuk kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Bagi penyenggaraan biasa, peruntukan disediakan secara *lump sum*. Manakala peruntukan penyenggaraan berkala disediakan secara terperinci mengikut enam komponen projek berdasarkan kepada rancangan yang diterima daripada JKR Daerah. Pada tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 143 projek berjumlah RM21.61 juta telah dicadangkan bagi Pejabat JKR Daerah Kuala Muda/Sik dan 118 projek berjumlah RM16.64 juta bagi JKR Daerah Pendang/Yan. Manakala sebanyak 106 projek diluluskan untuk JKR Daerah Kuala Muda/Sik berjumlah RM15.42 juta dan 94 projek berjumlah RM10.45 juta bagi JKR Daerah Pendang/Yan. Semakan Audit mendapati projek penyenggaraan jalan yang diluluskan tidak dapat dicapai kerana terdapat projek yang diluluskan tetapi tidak dilaksanakan, projek yang tidak dirancang tetapi dilaksanakan dan projek dilaksanakan secara kecemasan seperti berikut:

3.4.2.1 Projek Yang Diluluskan Tidak Dilaksanakan

Semakan Audit mendapati sebanyak 76 projek bersamaan 72% berjumlah RM9.94 juta daripada projek yang diluluskan bagi tahun 2007 hingga 2009 tidak dilaksanakan oleh JKR Daerah Kuala Muda/Sik. Manakala sebanyak 42 projek bersamaan 45% berjumlah RM3.07 juta daripada yang diluluskan bagi tahun 2007 hingga 2009 tidak dilaksanakan oleh JKR Daerah Pendang/Yan. Projek yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Projek Yang Diluluskan Tidak Dilaksanakan Pada Tahun 2007 Hingga 2009

JKR Daerah	2007		2008		2009		Jumlah Keseluruhan	
	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)
Kuala Muda/Sik	21	1.44	39	4.57	16	3.93	76	9.94
Pendang/Yan	10	0.86	24	1.23	8	0.98	42	3.07

Sumber: Laporan Perbelanjaan Tahun 2007 Hingga 2009

3.4.2.2 Pelaksanaan Projek Yang Tidak Dirancang

Pada tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 37 projek di daerah Kuala Muda/Sik berjumlah RM8.19 juta dan sembilan projek di daerah Pendang/Yan berjumlah RM1.21 juta telah dilaksanakan tidak mengikut projek yang telah diluluskan dalam tahun berkenaan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada penggantian projek tersebut telah mendapat kelulusan. Projek yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Pelaksanaan Projek Yang Tidak Dirancang Pada Tahun 2007 Hingga 2009

JKR Daerah	2007		2008		2009		Jumlah Keseluruhan	
	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)
Kuala Muda/Sik	9	1.37	15	3.32	13	3.50	37	8.19
Pendang/Yan	4	0.44	4	0.58	1	0.25	9	1.21

Sumber: Laporan Perbelanjaan Tahun 2007 Hingga 2009

3.4.2.3 Pelaksanaan Projek Secara Kecemasan

Bagi tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 24 projek berjumlah RM0.36 juta telah dilaksanakan secara kecemasan di daerah Kuala Muda/Sik. Manakala di daerah Pendang/Yan sebanyak 43 projek berjumlah RM0.59 juta telah dilaksanakan secara kecemasan seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Pelaksanaan Projek Secara Kecemasan Pada Tahun 2007 Hingga 2009

JKR Daerah	2007		2008		2009		Jumlah Keseluruhan	
	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM juta)
Kuala Muda/Sik	18	0.26	2	0.03	4	0.07	24	0.36
Pendang/Yan	15	0.21	19	0.23	9	0.15	43	0.59

Sumber: Rekod JKR

Maklum balas dari Jabatan menjelaskan projek yang diluluskan, diganti dengan projek yang tidak dirancang dan kecemasan kerana peruntukan yang diterima oleh Jabatan terhad. Jabatan terpaksa menyemak dan memilih semula projek mengikut keutamaan dan keperluan semasa.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek adalah memuaskan walaupun terdapat projek yang diluluskan tidak dapat dilaksanakan dan diganti dengan projek yang tidak dirancang dan kecemasan.

3.4.2.4 Memecahkecilkan Pembelian Papan Tanda

Mengikut **Arahan Perbendaharaan 171.1**, perolehan bekalan bernilai melebihi RM50,000 hingga RM200,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Bagaimanapun had nilai perolehan ini telah dinaikkan kepada RM500,000 berkuatkuasa 24 Februari 2009 melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009. Semakan Audit mendapati perolehan papan tanda bagi tahun 2007 hingga 2009 di JKR Daerah Pendang/Yan telah dibuat dengan teratur. Bagaimanapun perolehan papan tanda bagi tahun 2007 berjumlah RM235,116 dan bagi tahun 2008 berjumlah RM393,574 telah dipecahkecilkan di JKR Daerah Kuala Muda/Sik tanpa memanggil tender. Bagi tahun 2009, sebanyak tiga pembelian papan tanda yang berjumlah RM204,319 telah dipecahkecilkan tanpa memanggil sebut harga. Butiran lengkap mengenainya adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Memecahkecil Pembelian Papan Tanda Di Daerah Kuala Muda/Sik
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	No. Baucar/ Tarikh	Jumlah (RM)	Pembekal	Kaedah Perolehan
1.	V0383215/17.04.07	11,240	Best Sign Trading	Pembelian Terus
2.	V0383378/05.06.07	19,500	Ewamas Ria Trading	Sebut Harga
3.	V0383373/05.06.07	13,000	Dayacipta Enterprise	Sebut Harga
4.	V0383379/06.06.07	9,700	Sutera Utara Sdn.Bhd.	Pembelian Terus
5.	V0383546/17.07.07	98,137	Dayacipta Enterprise	Sebut Harga
6.	V0383543/17.07.07	34,529	Abu Bina Sdn. Bhd.	Pembelian Terus
7.	V0383814/03.09.07	19,130	Kejuruteraan & Pembinaan Cekap Selia	Pembelian Terus
8.	V0384057/13.11.07	18,000	Sutera Utara Sdn.Bhd.	Pembelian Terus
9.	V0384058/13.11.07	11,880	Risadi Enterprise	Pembelian Terus
Jumlah		235,116		
1.	V0000129/10.04.08	190,189	MDI Keluarga Enterprise	Sebut Harga
2.	V0000283/28.05.08	16,940	Abu Bina Sdn. Bhd	Pembelian Terus
3.	V0001034/08.01.09	186,445	Gamelan Enterprise	Sebut Harga
Jumlah		393,574		
1.	V0000475/26.07.09	16,428	Dayacipta Enterprise	Pembelian Terus
2.	V0000710/01.10.09	7,791	Dayacipta Enterprise	Pembelian Terus
3.	V0000741/15.10.09	180,100	Ambang Budaya Enterprise	Sebut Harga
Jumlah		204,319		

Sumber: JKR Daerah Kuala Muda

Berdasarkan maklum balas JKR, pembelian yang dibuat adalah pada maksud dan tempat berasingan. Dengan ini, segala pembelian papan tanda dibuat berdasarkan kepada jenis keperluan semasa dan bukan sengaja dipecahkecilkan.

Pada pendapat Audit, Jabatan tidak mematuhi peraturan kewangan kerana telah memecahkecil pembelian papan tanda dan tiada perancangan pembelian tahunan.

3.4.3 Perbelanjaan Yang Salah Dikenakan

Peraturan kewangan menetapkan perbelanjaan hendaklah dikenakan ke kod perbelanjaan yang sepatutnya. Semakan Audit mendapati sebanyak 25 baucar berjumlah RM58,104 bagi JKR Daerah Kuala Muda/Sik dan sebanyak 39 baucar berjumlah RM12,295 bagi JKR Daerah Pendang/Yan yang sepatutnya dikenakan ke kod perbelanjaan mengurus tetapi dikenakan di bawah kod penyenggaraan jalan negeri. Antara perbelanjaan yang dibuat adalah seperti penyenggaraan mesin fotostat, penyenggaraan alat kelengkapan telefon pejabat, menyediakan makan dan minum, bayaran bekalan alatulis, penyenggaraan dan prosesan komputer, pemasangan UTP kabel untuk eSPKB dan tambah nilai *Touch n Go*.

Pihak JKR memaklumkan bahawa peruntukan mengurus yang terhad menyebabkan Jabatan menggunakan peruntukan penyenggaraan jalan negeri. Jabatan telah membuat permohonan kelulusan perbelanjaan daripada Pegawai Kewangan Negeri pada 7 Julai 2010.

Pada pendapat Audit, tatacara perakaunan adalah tidak memuaskan kerana ia sepatutnya dikenakan di bawah peruntukan mengurus Jabatan.

3.4.4 Kaedah Pelaksanaan Perolehan

Pelaksanaan projek yang dirancang perlu mengikut peraturan yang ditetapkan bagi memastikan projek yang dilaksana dapat disiapkan dengan teratur. Semakan Audit mendapati pengurusan kontrak bagi penyenggaraan jalan negeri telah dibuat dengan teratur kecuali perkara seperti berikut:

a) Kelewatan Menyiapkan Kerja Penyenggaraan Jalan

Jabatan akan mengeluarkan surat Arahan Kerja kepada Kontraktor sebelum sesuatu kerja hendak dilaksanakan. Surat Arahan tersebut mengandungi perihal kerja, kuantiti anggaran, kadar serta harga. Kontraktor dikehendaki menjalankan kerja dalam masa antara tujuh hingga 30 hari dari tarikh surat Arahan Kerja dikeluarkan. Semakan Audit terhadap kerja yang telah dilaksanakan melalui kontrak S/K/12/2008 bagi Daerah Kuala Muda/Sik mendapati sebanyak 19 kerja yang dilaksanakan lewat disiapkan berbanding tarikh Arahan Kerja iaitu antara 28 hingga 365 hari. Manakala kontrak S/K/15/2008 bagi Daerah Pendang/Yan mendapati sebanyak 26 kerja yang dilaksanakan lewat disiapkan berbanding tarikh Arahan Kerja iaitu antara 11 hingga 141 hari.

b) Projek Siap Lewat Dinilai Oleh JKR

Semua tuntutan yang dibenarkan hendaklah diukur dan dinilai oleh JKR apabila menerima invois dari Kontraktor selepas siap kerja. Mengikut piagam pelanggan, JKR hendaklah menilai dalam tempoh tujuh hari atau segera selepas menerima invois/perakuan daripada Kontraktor. Semakan Audit mendapati kelewatan pihak JKR Daerah Kuala Muda/Sik dan JKR Daerah Pendang/Yan membuat penilaian berbanding dengan tarikh siap kerja masing-masing di antara enam hingga 141 hari dan enam hingga 38 hari.

c) Ketidakpatuhan Arahan Kerja

Mengikut syarat kontrak Fasa 24, Pegawai Penguasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan kepada sesuatu perubahan dan memberi pengesahan secara bertulis dengan syarat hendaklah diukur dan dinilai. Semakan Audit mendapati tiada sebarang kebenaran telah diberi terhadap perubahan kerja di tapak. Sebagai contoh, kerja seperti di Arahan Kerja tidak dilaksanakan dan kerja yang dilaksanakan tiada dalam Arahan Kerja seperti di **Jadual 3.8** dan **Jadual 3.9**.

Jadual 3.8
Kerja Seperti Di Arahan Kerja Tidak Dilaksanakan
Bagi JKR Daerah Kuala Muda/Sik

Arahan Kerja	BQ Item (Jadual Kadar)	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1/2008	4.6.2	6,000	3	20,700
1/2008	3.1.1	2,000	6	11,500
2/2008	3.1.1	2,000	6	11,500
2/2008	5.1.1	120	208	24,960
4/2008	4.6.2	3,000	3	10,350
4/2008	4.6.3	720	14	10,080
5/2008	4.6.2	3,000	3	10,350
7/2008	4.6.2	3,000	3	10,350
7/2008	3.1.1	2,000	6	11,500
8/2008	4.6.2	3,000	3	10,350
8/2008	4.6.3	720	14	10,080
8/2008	3.1.1	2,000	6	11,500
10/2008	6.1.1	25	200	5,000
16/2009	5.2.1	600	18	10,710
16/2009	3.1.1	1,000	6	5,750
17/2009	4.5.1	6,700	23	156,780
17/2009	5.2.1	500	18	8,925
17/2009	5.6.1	13	319	4,150
22/2009	5.6.1	13	319	4,150
23/2009	5.6.1	13	319	4,150

Sumber: Arahan Kerja JKR

Jadual 3.9
Antara Kerja Yang Dilaksanakan Tiada Dalam Arahan Kerja
Bagi JKR Daerah Kuala Muda/Sik

Arahan Kerja	BQ Item (Jadual Kadar)	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1/2008	4.5.1	7,127	23	166,766
7/2008	4.4.1	1,162	199	230,849
13/2008	4.4.1	812	199	161,299

Sumber: Arahan Kerja JKR

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan jalan telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, tiada kebenaran telah diberi terhadap perubahan kerja yang dilaksanakan.

d) Perubahan Kerja Tidak Mendapat Kelulusan

Jabatan perlu mengawal perubahan skop dan spesifikasi kerja semasa pelaksanaan projek bagi mengelakkan kos tambahan. Sebarang perubahan kerja perlu mendapat kelulusan dari Pegawai Penguasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja sebelum kerja dijalankan. Semakan Audit sehingga Disember 2009 mendapati sebanyak 19 perubahan kerja bagi Bina Dan Kuari Sdn. Bhd. berjumlah RM800,625. Manakala 40 perubahan kerja bagi Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM17,665. Perubahan kerja tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa sebelum kerja dijalankan.

Pihak JKR memaklumkan bagi proses penambahbaikan, segala item di dalam Arahan Kerja perlu mendapat pengesahan daripada wakil Pegawai Penguasa iaitu Jurutera Daerah.

Pada pendapat Audit, perubahan kerja yang dilaksanakan adalah memuaskan. Bagaimanapun, perubahan kerja tersebut tidak mendapat kelulusan sebelum kerja dilaksanakan.

3.4.5 Prestasi Kewangan

3.4.5.1 Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran penyenggaraan jalan negeri. Pada tahun 2007, 2008 dan 2009 Kerajaan Negeri telah menerima pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM106.07 juta, RM126.29 juta dan RM134.83 juta. Semakan Audit mendapati baki akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri berakhir pada 31 Disember 2009 berjumlah RM547.14 juta. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

Tahun	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Baki Pada 1 Januari	316,553,350	380,687,006	462,621,024
Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan	<u>106,073,626</u>	<u>126,288,016</u>	<u>134,828,673</u>
	428,626,976	506,977,022	597,449,697
Perbelanjaan oleh Jabatan	<u>(41,939,970)</u>	<u>(44,355,998)</u>	<u>(50,308,769)</u>
Baki Pada 31 Disember	<u>380,687,006</u>	<u>462,621,024</u>	<u>547,140,928</u>

Sumber: Maklumat Perbendaharaan Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, terdapat baki RM547.14 juta dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan tidak dibelanjakan. Oleh itu tidak timbul isu peruntukan terhad untuk menyenggara jalan dengan meluas lagi.

3.4.5.2 Pembayaran Lewat Dibuat Kepada Kontraktor

Mengikut syarat kontrak, Pegawai Penguasa hendaklah membuat penilaian dan memperakukan kerja yang dilaksanakan serta menetapkan bayaran kemajuan yang perlu dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh penilaian. Manakala Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006 menghendaki pembayaran kepada Kontraktor dibuat dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bil diterima. Semakan Audit mendapati pembayaran kepada Kontraktor lewat dibuat di antara 10 hingga 170 hari. Antara bil-bil yang lewat dibayar adalah seperti di **Jadual 3.11**. Kelewatan pembayaran dikira adalah selepas 30 hari dari tarikh penilaian dibuat.

Jadual 3.11
Antara Bil-Bil Yang Lewat Dibayar Bagi Kerja Penyenggaraan Jalan Negeri

No. Baucar	Jumlah (RM)	Tarikh Penilaian	Tarikh Lulus Bayaran	Kelewatan (Hari)
JKR Daerah Kuala Muda/Sik				
V0001082	631,137	05.11.2008	15.12.2008	10
V0001183	320,507	05.11.2008	24.12.2008	19
JKR Daerah Pendang/Yan				
V0000544	106,157.44	12.09.2008	28.12.2008	77
V0000545	108,632.49	15.09.2008	28.12.2008	74
V0000546	96,392.23	22.09.2008	28.12.2008	67
V0000550	146,136.24	23.06.2008	28.12.2008	158
V0000552	99,945.00	11.06.2008	28.12.2008	170
V0000553	149,290.38	11.09.2008	28.12.2008	78
V0000555	129,697.76	14.11.2008	28.12.2008	14
V0000295	101,199.87	05.07.2009	02.09.2009	28
V0000298	66,233.21	05.07.2009	02.09.2009	28
V0000299	105,492.90	05.07.2009	02.09.2009	28
V0000300	69,809.33	05.07.2009	02.09.2009	28
V0000301	240,386.98	05.07.2009	02.09.2009	28
V0000324	134,059.50	05.08.2009	15.09.2009	11
V0000483	149,294.28	25.09.2009	06.12.2009	42
V0000484	199,680.93	25.09.2009	06.12.2009	42

Sumber: Baucar Bayaran Kemajuan JKR

Pihak Jabatan akur dan akan memastikan kelewatan bayaran tidak akan berulang.

Pada pendapat Audit, bayaran kemajuan adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan pembayaran.

3.4.6 Rekod Penyenggaraan Jalan Tidak Disediakan

Rekod penyenggaraan jalan perlu diselenggara di Jabatan bagi tujuan perancangan dan pemantauan terhadap semua jalan negeri seperti maklumat mengenai nama jalan, panjang jalan, jalan yang memerlukan tindakan penyenggaraan dan tempoh jalan yang telah dan jalan yang akan diselenggara. Semakan Audit mendapati rekod berkenaan tidak disediakan. Jabatan memaklumkan rekod mengenai jalan negeri telah didaftar dalam *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS). Bagaimanapun MARRIS hanya mendaftar nama jalan dan panjang jalan sahaja. Oleh itu, kos penyenggaraan bagi satu-satu jalan tersebut

tidak dikawal. Dengan demikian, Jabatan tidak dapat mengenalpasti jalan yang telah atau belum disenggara dan memantau serta membuat perancangan penyenggaraan tahunan.

Pihak JKR telah mengarahkan setiap daerah mengadakan rekod-rekod penyenggaraan bagi setiap jalan utama negeri secara berperingkat bermula tahun 2010 memandangkan faktor kekurangan kakitangan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu menyediakan satu rekod mengenai jalan negeri di bagi tujuan perancangan dan pemantauan penyenggaraan.

3.4.7 Kenderaan Dan Jentera Yang Melebihi Usia 20 Tahun

Keadaan kenderaan dan jentera yang baik dan berkualiti dapat membantu memantapkan kerja penyenggaraan jalan. JKR Daerah Kuala Muda/Sik dan JKR Daerah Pendang/Yan mempunyai 38 buah kenderaan dan jentera. Semakan Audit mendapati JKR Daerah Kuala Muda/Sik mempunyai 15 buah kenderaan dan jentera yang berusia melebihi 20 tahun. Manakala JKR Daerah Pendang/Yan mempunyai 12 buah kenderaan dan jentera. Bagaimanapun, sebanyak enam buah kenderaan dan jentera di JKR Daerah Kuala Muda/Sik tidak boleh digunakan. Keadaan ini menggambarkan sebahagian besar daripada kenderaan dan jentera yang digunakan oleh JKR untuk melaksanakan kerja penyenggaraan jalan negeri adalah kenderaan lama dan kos penyenggaraan yang tinggi. Maklumat kenderaan dan jentera adalah seperti di **Jadual 3.12**.

Jadual 3.12
Kenderaan Dan Jentera Berusia Melebihi 20 Tahun

Bil.	Jenis/Model	JKR Daerah Kuala Muda/Sik			JKR Daerah Pendang/Yan		
		Bil.	Usia >20 Tahun	Bil. Tidak Boleh Guna	Bil.	Usia >20 Tahun	Bil. Tidak Boleh Guna
1.	Hino/Tata Tipper	3	2	1	2	1	-
2.	Hino F/Bottom	2	2	-	-	-	-
3.	Land Rover	3	3	3	-	-	-
4.	Land Cruiser	2	2	-	3	3	-
5.	Lori Canter	-	-	-	1	-	-
6.	Ford Everest	-	-	-	1	-	-
7.	Motor Grader	1	1	-	1	1	-
8.	Vibrating Roller	3	1	-	4	2	-
9.	John Deear (Backhoe)	1	1	1	1	1	-
10.	Traler	-	-	-	2	-	-
11.	Traktor Pertanian	2	1	1	2	2	-
12.	Trooper	2	2	-	1	1	-
13.	Kren	-	-	-	1	1	-
Jumlah		19	15	6	19	12	-

Sumber: Maklumat JKR Negeri Kedah

Pihak JKR memaklumkan kenderaan tersebut terpaksa digunapakai kerana tiada penggantian akibat peruntukan pembelian aset yang terhad. Kenderaan yang dilupuskan akan menjejaskan aktiviti penyenggaraan yang dijalankan oleh Jabatan.

Pada pendapat Audit, bilangan kenderaan yang berusia melebihi 20 tahun adalah tinggi. Keadaan ini boleh menjejaskan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan.

3.4.8 Perolehan Minyak Diesel Tinggi Akibat Tidak Mengikut Harga Kerajaan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2005 mengenai bekalan dan pengiriman bahan bakar diesel bersubsidi secara pukal kepada semua agensi kerajaan boleh dibuat secara rundingan terus di kalangan syarikat pengedar yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM602,904 telah dibayar oleh JKR Daerah Kuala Muda/Sik dan sejumlah RM260,247 oleh JKR Daerah Pendang/Yan kepada pembekal. Harga seliter minyak yang dikenakan kepada Jabatan tidak mengikut harga Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNPP). Sehubungan itu, kos pembelian minyak oleh JKR Daerah Kuala Muda/Sik meningkat sejumlah RM143,929 dan sejumlah RM50,008 oleh JKR Daerah Pendang/Yan. Pembelian minyak melebihi harga ditetapkan adalah seperti di **Jadual 3.13** dan **Jadual 3.14**.

Jadual 3.13
Pembelian Minyak Melebihi Harga Ditetapkan Untuk Stor JKR Daerah Kuala Muda/Sik
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

No. Pesanan	Kuantiti (Liter)	Harga Seliter (RM)	Jumlah (RM)	Harga Pasaran Seliter (RM)	Jumlah (RM)	Perbezaan Harga (RM)
L070100380562/05.04.07	6,000	1.6473	9,884	1.581	9,486	398
L070100380563/05.04.07	6,000	1.7505	10,503	1.581	9,486	1,017
L070100380632/11.06.07	6,000	1.9216	11,530	1.581	9,486	2,044
L070100380663/17.07.07	8,190	1.91	15,643	1.581	12,948	2,695
L070100380690/14.08.07	8,190	2.04	16,708	1.581	12,948	3,759
L070100380793/11.11.07	5,460	2.33	12,722	1.581	8,632	4,090
L070100380810/18.11.07	5,460	2.33	12,722	1.581	8,632	4,090
L070100380809/18.11.07	5,460	2.30	12,558	1.581	8,632	3,926
L070100380821/05.12.07	5,460	2.32	12,667	1.581	8,632	4,035
L070100380822/11.12.07	6,000	1.8011	10,807	1.581	9,486	1,321
L070100380823/11.12.07	6,000	1.8011	10,807	1.581	9,486	1,321
L070100380826/11.12.07	6,000	1.7407	10,444	1.581	9,486	958
L070100380827/11.12.07	6,000	1.9326	11,956	1.581	9,486	2,474
L070100380829/13.12.07	5,460	2.40	13,104	1.581	8,632	4,472
L080100000026/21.04.08	5,460	2.46	13,432	1.581	8,632	4,799
L080100000027/21.04.08	5,460	2.46	13,432	1.581	8,632	4,799
L080100000028/21.04.08	5,460	2.46	13,432	1.581	8,632	4,799
L080100000030/21.04.08	5,460	2.58	14,087	1.581	8,632	5,455
L080100000029/21.04.08	5,460	2.55	13,923	1.581	8,632	5,291
L080100000033/21.04.08	5,460	2.68	14,633	1.581	8,632	6,001
L080100000048/15.05.08	5,460	2.78	15,179	1.581	8,632	6,547
L080100000068/19.06.08	5,460	3.30	18,018	1.581	8,632	9,386
L080100000091/01.07.08	5,460	3.50	19,110	2.581	14,092	5,018
L080100000120/16.07.08	5,460	3.80	20,748	2.581	14,092	6,656
L080100000121/04.08.08	5,460	3.58	19,656	2.581	14,092	5,564
L080100000140/08.09.08	5,460	3.58	19,547	2.5	13,650	5,897
L080100000154/10.09.08	5,460	3.05	16,653	2.5	13,650	3,003
L080100000165/07.10.08	5,460	2.90	15,834	2.4	13,104	2,730
L080100000184/30.10.08	5,460	2.20	12,012	2.05	11,193	819
L080100000203/19.11.08	5,460	3.59	19,630	1.9	10,374	9,256
L080100000234/15.12.08	5,460	2.00	10,920	1.8	9,828	1,092
L090100000022/19.04.09	5,460	1.98	10,811	1.7	9,282	1,529

No. Pesanan	Kuantiti (Liter)	Harga Seliter (RM)	Jumlah (RM)	Harga Pasaran Seliter (RM)	Jumlah (RM)	Perbezaan Harga (RM)
L090100000023/19.04.09	5,460	1.70	9,282	1.7	9,282	0
L090100000024/19.04.09	5,460	1.95	10,647	1.7	9,282	1,365
L090100000025/19.04.09	5,460	1.79	9,773	1.7	9,282	491
L090100000027/19.04.09	5,460	1.90	10,374	1.7	9,282	1,092
L090100000124/05.07.09	5,460	1.97	10,756	1.7	9,282	1,474
L090100000176/07.09.09	5,460	2.23	12,176	1.7	9,282	2,894
L090100000130/13.07.09	5,460	1.99	10,865	1.7	9,282	1,583
L090100000085/08.06.09	5,460	2.10	11,466	1.7	9,282	2,184
L090100000094/08.06.09	5,080	1.72	8,738	1.7	8,636	102
L090100000153/11.08.09	5,460	1.85	10,101	1.7	9,282	819
L090100000206/11.10.09	5,460	1.87	10,210	1.7	9,282	928
L090100000252/25.11.09	5,460	2.14	11,684	1.7	9,282	2,402
L090100000263/15.12.09	5,990	1.98	11,860	1.7	10,183	1,677
L090100000287/20.12.09	5,990	1.98	11,860	1.7	10,183	1,677
Jumlah			602,904		458,975	143,929

Sumber: Baucar Bayaran JKR

Jadual 3.14
Pembelian Minyak Melebihi Harga Ditetapkan Untuk Stor JKR Daerah Pendang/Yan
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

No. Pesanan	Kuantiti (Liter)	Harga Seliter (RM)	Jumlah (RM)	Harga Pasaran Seliter (RM)	Jumlah (RM)	Perbezaan Harga (RM)
L20070430422/11.04.07	6,000	1.7505	10,503	1.581	9,486	1,017
L20070430421/11.04.07	6,000	1.7407	10,444	1.581	9,486	958
L20070430438/30.04.07	6,000	1.8011	10,807	1.581	9,486	1,321
L20070430470/19.06.07	6,000	1.9326	11,596	1.581	9,486	2,110
L20070430483/06.08.07	6,000	2.0412	12,247	1.581	9,486	2,761
L70150430493/19.09.07	6,000	2.0047	12,028	1.581	9,486	2,542
L70150430538/14.11.07	6,000	2.2040	13,224	1.581	9,486	3,738
L08015000068/29.05.08	6,000	2.3980	14,388	1.581	9,486	4,902
L08015000067/29.05.08	6,000	2.4311	14,587	1.581	9,486	5,101
L08015000066/29.05.08	6,000	2.9255	17,553	1.581	9,486	8,067
L08015000081/09.07.08	6,000	3.5875	21,525	2.581	15,486	6,039
L08015000121/13.08.08	6,000	3.45	20,700	2.581	15,486	5,214
L08015000136/25.09.08	6,000	2.91	17,460	2.5	15,000	2,460
L08015000169/19.11.08	5,645	2.03	11,459	1.9	10,726	733
L090150000008/29.04.09	5,460	1.71	9,336	1.7	9,282	54
L090150000007/29.04.09	6,000	1.5440	9,264	1.7	10,200	(936)
L090150000046/24.05.09	6,000	1.6761	10,057	1.7	10,200	(143)
L090150000072/28.07.09	5,598	1.79	10,020	1.7	9,517	503
L090150000085/15.09.09	6,000	1.9851	11,911	1.7	10,200	1,711
L090150000132/09.11.09	5,460	2.04	11,138	1.7	9,282	1,856
Jumlah			260,247		210,239	50,008

Sumber: Baucar Bayaran JKR

Berdasarkan maklum balas, pembekalan minyak adalah untuk simpanan bagi kegunaan loji-loji yang bekerja di tapak bina dan lori-lori Jabatan. Cara ini adalah lebih terkawal bagi mengelakkan penyalahgunaan minyak di kalangan kakitangan terlibat.

Pada pendapat Audit, pembelian minyak diesel oleh JKR adalah tidak memuaskan kerana Jabatan membuat pembelian minyak diesel tidak mengikut harga Kerajaan.

3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, kerja penyenggaraan jalan negeri yang dirancang dan telah dilaksana adalah tidak memuaskan. Beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan dalam pengurusan penyenggaraan jalan raya di samping memastikan pengguna jalan raya sentiasa selesa dan selamat semasa menggunakan jalan raya. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan beberapa perkara seperti berikut:

- a)** Penyenggaraan jalan hendaklah dilaksanakan mengikut perancangan awal, keperluan semasa, kepentingan pengguna jalan raya dan keadaan kerosakan jalan.
- b)** Jabatan perlu mempertingkatkan lagi perancangan penyenggaraan jalan negeri berdasarkan kepada panjang jalan yang sebenar. Perancangan awal adalah penting bagi mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan jalan mengikut komponen program yang dirancang dan mengelakkan peruntukan yang diluluskan digunakan terhadap komponen penyenggaraan yang tidak dirancang.
- c)** Jabatan hendaklah memastikan segala prosedur berkaitan dengan undang-undang dan peraturan kewangan dipatuhi seperti mengelakkan pecah kecil perolehan Jabatan dan kelewatan pembayaran kepada Kontraktor serta semua perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan penyenggaraan jalan hendaklah dikenakan kepada peruntukan mengurus. Seterusnya, Jabatan hendaklah mengkaji semula dasar pembelian minyak diesel bagi seluruh Negeri Kedah.
- d)** Jabatan juga hendaklah membuat pengawasan terhadap kerja yang dilakukan oleh pihak Kontraktor bagi memastikan tiada pelanggaran syarat kontrak seperti tempoh masa kerja dan spesifikasi bagi memastikan kualiti kerja penyenggaraan jalan berada pada tahap yang baik.
- e)** Rekod maklumat penyenggaraan jalan negeri hendaklah disediakan bagi tujuan perancangan dan pemantauan.

4. PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI BUAH-BUAHAN

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Jabatan Pertanian Negeri Kedah (JPNK) ditubuhkan untuk memberi khidmat perundingan dan nasihat yang profesional dalam bidang pertanian bagi mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif dan melahirkan tenaga kerja yang terlatih serta mahir. Bagi mencapai matlamat tersebut, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) JPNK telah melaksanakan 10 program berjumlah RM118.50 juta. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan pendapatan petani selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Salah satu daripada program ini adalah Program Pembangunan Industri Buah-buahan (Program) berjumlah RM38.98 juta. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri meluluskan bajet sejumlah RM30 juta bagi program ini.

4.1.2 Objektif Program adalah untuk memastikan buah-buahan yang dikeluarkan bermutu tinggi, mencukupi serta memenuhi permintaan buah-buahan segar dalam negeri dan untuk industri pemprosesan buah-buahan. Peserta Program hendaklah memenuhi syarat umur, berminat dan memiliki tanah untuk diusahakan. Bagi mempertingkatkan pengeluaran dan mutu hasil, konsep pembangunan industri buah-buahan dilaksanakan ke arah peningkatan penggunaan teknologi terkini dan Amalan Pertanian Baik (APB). Program ini dilaksanakan di semua Pejabat Pertanian Daerah (PPD) dan ia dibahagikan kepada lima aktiviti utama iaitu:

- a)** Pemulihan Kawasan Buah-buahan Sedia Ada
- b)** Pembangunan Kawasan Baru terdiri daripada Projek Dusun Nukleus dan Projek Ladang Komersial
- c)** Taman Kekal Pengeluaran Makanan (Buah-buahan)
- d)** Pembangunan Usahawan Buah-buahan
- e)** Penyenggaraan Dan Pengendalian

4.1.3 Berdasarkan Laporan Perangkaan JPJK bagi tahun 2008, Program ini merangkumi kawasan tanah seluas 20 ribu hektar dengan nilai pengeluaran berjumlah RM0.14 juta. Buah-buahan yang diberi keutamaan untuk dieksport segar antaranya ialah mangga, tembikai, durian, betik, pisang dan belimbing. Manakala buah-buahan yang diberi keutamaan untuk industri pemprosesan ialah nanas. Bagi tahun 2007 hingga 2009, peruntukan sebenar daripada Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM12 juta dan perbelanjaan sebenar berjumlah RM10 juta.

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Pembangunan Industri Buah-buahan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi Program Pembangunan Industri Buah-buahan bagi tahun 2007 hingga 2009 di JPNK, PPD Kuala Muda dan PPD Baling. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen dan rekod yang diselenggara. Dokumen yang disemak termasuklah kertas perancangan, fail projek, laporan kemajuan, laporan penilaian, minit mesyuarat dan rekod yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek pertanian di Daerah Kuala Muda dan Baling telah dilaksanakan. Di samping itu, temu bual telah dilakukan dengan pegawai pertanian, pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Negeri Kedah dan peserta terlibat.

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2009 hingga Januari 2010 mendapati pelaksanaan Program adalah memuaskan kerana telah membantu meningkatkan hasil pengeluaran buah-buahan dan pendapatan petani di Negeri Kedah. Bagaimanapun, terdapat kelemahan pengurusan program iaitu dari segi pemilihan peserta dan kawasan projek, surat akuanji peserta tidak disediakan, projek tidak diusahakan mengikut amalan pertanian terbaik, projek lewat dilaksanakan dan lambakan baja di stor JPNK. Penemuan Audit mengenai perkara berbangkit adalah seperti berikut:

4.4.1 Prestasi Program

Bagi tahun 2007 hingga 2009, sejumlah 945 projek di bawah Program Pembangunan Industri Buah-buahan telah dilaksanakan di seluruh Negeri Kedah. Jumlah projek, keluasan tanah dan bilangan peserta yang diluluskan di Negeri Kedah bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Buah-buahan
Di Negeri Kedah Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Pemulihan Kawasan Buah-buahan			Dusun Nukleus/Ladang Komersial			Pembangunan Usahawan Buah-buahan		
	Jumlah Projek	Keluasan Tanah (Ha)	Bil. Peserta	Jumlah Projek	Keluasan Tanah (Ha)	Bil. Peserta	Jumlah Projek	Keluasan Tanah (Ha)	Bil. Peserta
2007	166	1,256	1,765	156	860	1,057	44	166	147
2008	129	1,306	1,587	114	576	572	13	17	19
2009	163	1,121	1,585	140	878	763	20	62	22
Jumlah	458	3,683	4,937	410	2,314	2,392	77	245	188

Sumber: Rekod JPNK

Daripada sejumlah 945 projek ini, sebanyak 226 projek atau 24%, adalah dilaksanakan di daerah Kuala Muda dan Baling. Kedudukan pelaksanaan projek yang diluluskan di Daerah Kuala Muda dan Baling adalah seperti **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Projek Yang Diluluskan Di Daerah Kuala Muda Dan Baling
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Daerah	Tahun	Pemulihan Kawasan Buah-buahan			Dusun Nukleus/ Ladang Komersial			Pembangunan Usahawan Buah-buahan		
		Jumlah Projek	Keluasan Tanah (Ha)	Bil. Peserta	Jumlah Projek	Keluasan Tanah (Ha)	Bil. Peserta	Jumlah Projek	Keluasan Tanah (Ha)	Bil. Peserta
Kuala Muda	2007	19	100	139	20	76	78	8	19	23
	2008	14	70	83	21	117	89	2	3	4
	2009	8	46	45	15	65	60	2	4	2
Jumlah		41	216	267	56	258	227	12	26	29
Baling	2007	23	262	503	21	275	419	0	0	0
	2008	16	246	369	13	111	156	1	2	1
	2009	26	263	478	14	107	199	3	9	3
Jumlah		65	771	1,350	48	493	774	4	11	4
Jumlah Besar		106	987	1,617	104	751	1,001	16	37	33

Sumber: Rekod JPNK

Analisis Audit mendapati daripada 410 projek Dusun Nukleus/Ladang Komersial yang dilaksanakan di Negeri Kedah sebanyak 104 projek atau 25.3%, diluluskan untuk daerah Kuala Muda dan Baling. Daripada 2,392 peserta projek ini, sejumlah 1,001 peserta atau 41.8%, adalah merupakan peserta daripada daerah Kuala Muda dan Baling. Semakan Audit terhadap prestasi program mendapati:

4.4.1.1 Projek Dusun Nukleus - Faktor Kegagalan Projek

PPD bertanggungjawab mengenal pasti peserta projek yang layak diberi bantuan dan keperluan bagi sesuatu kawasan. Syarat pemilihan peserta projek yang ditetapkan oleh JPNK adalah peserta hendaklah berumur melebihi 18 tahun, mempunyai minat dan kesungguhan untuk menjayakan projek dan memiliki tanah sendiri atau tanah yang disewa atau dipajak daripada pemilik tanah. Keluasan tanah hendaklah melebihi dua hektar dan peserta hendaklah memberi komitmen sepenuh masa terhadap projek.

Semakan Audit terhadap Laporan Pemantauan Kemajuan Fizikal Dan Kewangan Pembangunan Projek Di Daerah bagi PPD Kuala Muda dan Baling mendapati sebanyak 104 projek dusun nukleus/ladang komersial telah diluluskan bagi tempoh 2007 hingga 2009. Bagaimanapun, sebanyak 31 projek gagal di peringkat awal tanaman sebelum hasil diperolehi. Kerugian berjumlah RM424,872 berlaku melibatkan kos pembersihan kawasan dan input pertanian. Projek Dusun Nukleus/Ladang Komersial yang gagal adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Projek Dusun Nukleus/Ladang Komersial Yang Gagal

Daerah	Faktor	2007		2008		2009		Jumlah Besar	
		Bil. Projek	Jumlah (RM)	Bil. Projek	Jumlah (RM)	Bil. Projek	Jumlah (RM)	Bil. Projek	Jumlah (RM)
Kuala Muda	Peserta	2	29,170	3	40,162	-	-	5	69,332
	Tanah	2	16,117	2	44,921	-	-	4	61,038
	Musuh Tanaman	1	5,980	-	-	1	19,800	2	25,780
Jumlah		5	51,267	5	85,083	1	19,800	11	156,150
Baling	Peserta	7	111,698	7	52,253	1	33,624	15	197,575
	Tanah	1	9,795	1	9,997	-	-	2	19,792
	Musuh Tanaman	2	49,859	1	1,496	-	-	3	51,355
Jumlah		10	171,352	9	63,746	1	33,624	20	268,722
Jumlah Besar		15	222,619	14	148,829	2	53,424	31	424,872

Sumber: Rekod JPNK

Kelemahan yang dikesan oleh pihak Audit adalah seperti berikut:

a) Projek Gagal Kerana Faktor Peserta

Komitmen peserta memainkan peranan yang penting dalam menjayakan projek pertanian. Daripada 31 projek gagal, sebanyak 20 projek atau 65.0% bernilai RM266,407 telah gagal disebabkan peserta yang lanjut usia, tiada berpengalaman, tahap pengetahuan peserta yang rendah, perpecahan dari kelompok, peserta menjalankan pekerjaan lain yang lebih menguntungkan dan kurang minat menjalankan projek tanaman. Lawatan Audit bersama Pegawai PPD Kuala Muda ke Projek Tanaman Pisang di Kampung Tempoyak, Kuala Muda mendapati projek tersebut tidak diusahakan oleh peserta seperti di **Foto 4.1** dan **Foto 4.2**.

Foto 4.1
Projek Tanaman Pisang Yang Tidak
Diusahakan Oleh Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tempoyak, Kuala Muda
Tarikh: 17 Disember 2009

Foto 4.2
Projek Tanaman Pisang Yang Tidak
Diusahakan Oleh Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tempoyak, Kuala Muda
Tarikh: 31 Disember 2009

Mengikut maklum balas JPNK, di masa akan datang Jabatan akan mengetatkan pemilihan peserta projek Dusun Nukleus supaya projek yang bakal diusahakan akan berjaya dan memberi pendapatan kepada mereka. Di antara perkara yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Setiap peserta (Pemohon) perlu mengisi Borang Permohonan Projek (BPP) yang akan mendapatkan maklumat mengenai pemohon, pemilikan tanah dan projek yang akan dilaksanakan.
- ii) Lawatan ke tapak projek oleh Pembantu Pertanian Kawasan mesti diadakan untuk mengenal pasti kawasan projek dan melengkapkan Borang Maklumat Kawasan Projek (BMPK) Bil.1/2010.
- iii) Temu bual peserta dengan Pegawai Pertanian Daerah diadakan bagi mendapatkan tahap komitmen peserta. Permohonan ditolak jika peserta tidak komited.
- iv) Peserta dimaklumkan mengenai keperluan menandatangani Surat Akujanji Melaksanakan Projek (SAMP) Bil.1/2010.

b) Projek Gagal Kerana Faktor Kawasan Tanah

Mengikut kriteria pemilihan peserta, keutamaan diberi kepada pemohon yang memiliki tanah sendiri, tanah yang disewa atau tanah yang diusahakan dengan kebenaran pemilik tanah. Kawasan yang hendak dibangunkan hendaklah sesuai dengan tanaman yang disyorkan dan tidak terdedah kepada kejadian banjir. Tanah yang sesuai dapat menjimatkan masa dan kos penyenggaraan projek selain dapat mengurangkan penggunaan input seperti baja dan racun. Semakan Audit mendapati JPNK tidak menjalankan kajian kesesuaian tanah terhadap projek yang diluluskan. Daripada 31 projek yang gagal, sebanyak enam projek iaitu 20% yang bernilai RM80,830 telah gagal disebabkan oleh faktor tanah tidak sesuai seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Projek Gagal Kerana Faktor Kawasan Tanah
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Daerah	Projek	Jumlah Kerugian (RM)
2007	Kuala Muda	Pisang, Kg.Sg.Rotan, Mk.Gurun	10,117
	Kuala Muda	Nanas, Kg.Sungai Sedaka	6,000
	Baling	Mangga, Kg.Batu 7, Binjul, Mk.Tawar	9,795
Jumlah			25,912
2008	Kuala Muda	Nanas, Kg.Batu 5 Mk. Merbok, Semeling	21,321
	Kuala Muda	Nanas, Kg.Bujang, Jln. Merbok, Semeling	23,600
	Baling	Kelapa MATAG, Kg.Tanjung Merbau	9,997
Jumlah			54,918
Jumlah Besar			80,830

Sumber: Rekod PPD Baling dan PPD Kuala Muda

Lawatan Audit bersama Pegawai PPD Kuala Muda mendapati Projek Tanaman Pisang di Kampung Tempoyak yang diusahakan pada tahun 2007 tidak dapat diteruskan oleh peserta kerana tempoh sewaan tanah telah tamat. Kawasan tersebut telah disewakan kepada peserta lain bagi projek tanaman nanas tahun 2009. Lawatan Audit ke kawasan projek tanaman nanas bagi tahun 2009 di Kampung Batu 5, Bujang, Kuala Muda mendapati kerja pembersihan kawasan tersebut tidak dapat dilakukan sepenuhnya kerana kawasan tersebut berpayau dan ditakungi air. Kawasan projek yang menghadapi masalah tanah adalah seperti di **Foto 4.3** dan **Foto 4.4**.

Foto 4.3
Tanaman Pisang Tidak Dapat Diteruskan
Kerana Masalah Penyewaan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tempoyak, Kuala Muda
Tarikh: 17 Disember 2009

Foto 4.4
Kawasan Tanaman Nanas
Yang Berpayau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Batu 5, Bujang, Kuala Muda
Tarikh: 16 Disember 2009

Menurut maklum balas, pihak JPNK akan meminta Cawangan Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Tanah membuat kajian kesesuaian tanah dengan menyediakan Laporan Kesesuaian Tanah (LKT) Bil.1/2010. Pihak JPNK juga akan meminta Pusat Kejuruteraan Pertanian menyediakan spesifikasi pembangunan infrastruktur, menentukan kawasan boleh tanam (KBT) dan membuat 'layout' ladang bagi mengelakkan banjir dan air bertakung.

c) Projek Gagal Kerana Serangan Penyakit Dan Musuh Tanaman

Salah satu masalah yang dihadapi peserta program pertanian adalah serangan penyakit dan musuh tanaman. Masalah ini menyebabkan pokok tidak mengeluarkan hasil yang banyak dan kualiti buah adalah rendah seperti saiz, kematangan, warna dan ketahanan. JPNK telah mengalami kerugian berjumlah RM77,135 disebabkan lima projek musnah diserang penyakit dan musuh tanaman. Semakan Audit terhadap Laporan Projek mendapati projek tanaman nanas di Bukit Meriam, Kuala Muda yang diluluskan pada tahun 2007 gagal kerana tanaman telah dimusnahkan oleh kera dan babi. Projek secara berkelompok ini telah mengalami kerugian sejumlah RM5,980. Manakala projek kelapa pandan di Kampung Ulu Bakai, Mukim Bakai, Baling yang melibatkan kos perbelanjaan sejumlah RM29,759 tidak berhasil akibat serangan anai-anai. Selain itu projek tanaman betik di Kampung Simpang 3, Merbok juga gagal kerana diserang penyakit. Maklumat projek gagal disebabkan musuh tanaman adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Projek Gagal Kerana Musuh Tanaman Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Daerah	Projek	Jumlah Kerugian (RM)
2007	Kuala Muda	Nanas Bukit Meriam	5,980
	Baling	Kelapa Pandan, Kg. Ulu Bakai, Mk.Bakai	29,759
	Baling	Kelapa Matag, Kg. Besah, Teloi Kanan	20,100
Jumlah			55,839
2008	Baling	Betik, Kg. Mengkuang Hujung, Mk.Kupang	1,496
Jumlah			1,496
2009	Kuala Muda	Betik, Kg. Simpang 3, Bujang, Merbok	19,800
Jumlah			19,800
Jumlah Besar			77,135

Sumber: Rekod PPD Baling dan PPD Kuala Muda

Menurut maklum balas JPNK, pada masa hadapan setiap peserta perlu mengisi Borang Permohonan Projek (BPP) Bil.1/2010 yang akan memberi maklumat mengenai pemohon, pemilikan tanah dan projek yang akan dilaksanakan. Daripada borang ini, maklumat mengenai kemampuan peserta untuk mengeluarkan kos sendiri untuk mengawal serangan binatang, perosak dan penyakit akan diketahui. Surat Akujanji Melaksanakan Projek (SAMP) Bil.1/2010 juga menunjukkan komitmen peserta untuk menjaga kebun dalam masa akan datang.

Pada pendapat Audit, pengurusan projek dusun nukleus adalah tidak memuaskan kerana sebanyak 31 daripada 104 projek gagal diusahakan. Pengurusan pemilihan peserta tidak memuaskan kerana surat akujanji dengan peserta tidak disediakan. Selain itu, kajian kesesuaian tanah terhadap projek yang diluluskan tidak dibuat serta masalah serangan penyakit dan musuh tanaman.

4.4.1.2 Projek Berkelompok Tidak Mencapai Sasaran Pendapatan

JPNK mensasarkan pendapatan bersih bagi setiap peserta projek berkelompok adalah berjumlah RM1,000 sebulan. Mengikut senarai projek berkelompok yang dikeluarkan oleh JPNK, sejumlah 104 projek telah diluluskan di Daerah Kuala Muda dan Baling dan diusahakan oleh 1,001 peserta. Semakan Audit mendapati hanya seorang peserta masing-masing dari Daerah Baling dan Kuala Muda yang mencapai pendapatan melebihi RM1,000 bersih sebulan bagi tahun 2008 dan 2009.

Menurut maklum balas, JPNK menyedari hakikat bahawa pemilikan tanah yang kecil oleh petani-petani di dalam kelompok atau projek individu untuk tanaman buah-buahan tidak dapat menjamin pendapatan yang tinggi jika pengeluaran agak sederhana. Justeru itu, pendekatan pemilihan buah-buahan yang cepat mengeluarkan hasil dan tidak bermusim dicadangkan. Buah-buahan seperti betik, pisang dan nanas menjadi keutamaan. Buah-buahan tradisional seperti durian, cempedak, rambutan, manggis, langsung dan dokong kurang mendapat sambutan orang ramai dan harga jualannya sekarang telah menurun. Bagaimanapun, Jabatan Pertanian akui bahawa pengeluaran buah mangga tidak menggalakkan dan program pemulihan pokok-pokok mangga menjadi tumpuan utama

Jabatan bermula tahun 2010. Jabatan Pertanian Seluruh Malaysia akan melaksanakan program 'pollarding' rambutan bagi menggantikan klon yang mendapat harga yang baik iaitu Anak Sekolah dan Deli. Tanaman buah-buahan lain akan dipulih dengan membuat pangkasan, pembersihan ladang dan program membaja.

Pada pendapat Audit, projek berkelompok tidak memuaskan kerana hanya dua peserta yang memperolehi pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Selain itu, faktor luaran seperti serangan penyakit juga menyumbang kepada matlamat JPNK tidak tercapai.

4.4.1.3 Bilangan Peserta Dalam Kelompok Projek Dusun Nukleus Terlalu Ramai

JPNK menetapkan setiap kelompok dianggotai oleh sekurang-kurangnya dua orang peserta. Bagaimanapun JPNK tidak menetapkan bilangan maksimum dalam sesuatu kelompok. Semakan Audit terhadap Projek Tanaman Dokong, Kampung Sera Ulu, Mukim Pulau di Daerah Baling mendapati bilangan peserta kelompok yang terlalu ramai sehingga mencapai 95 orang. Oleh sebab terlalu ramai peserta, pelaksanaan projek sukar dikawal selia oleh Pembantu Pertanian. Di samping itu, terdapat peserta program yang tidak meneruskan projek kerana hilang minat setelah tidak mendapat perhatian khusus dari pegawai.

Menurut maklum balas JPNK, bagi projek Dusun Nukleus bilangan keahlian yang lebih praktikal adalah 20 ahli ke bawah. Bagi projek tanaman dokong di Kg. Sera Ulu, Baling, petani yang melaksanakan projek dibahagikan mengikut fasa dan jika berlainan kawasan akan dipecahkan kepada kelompok mengikut kampung atau lokasi.

Pada pendapat Audit, pengurusan projek dusun nukleus adalah tidak memuaskan. Ketidaksungguhan ahli berkelompok menjejaskan strategi JPNK untuk mengoptimumkan penggunaan sumber bagi meningkatkan pengeluaran ladang dan seterusnya meningkatkan pendapatan.

4.4.1.4 Projek Pembangunan Usahawan Buah-Buahan Mencapai Sasaran

JPNK menganggarkan setiap tahun 50 projek usahawan buah-buahan akan dibangunkan dalam RMKe-9. Semakan Audit mendapati sebanyak 77 projek telah diluluskan dalam tahun 2007 hingga 2009 dan setiap projek diusahakan oleh seorang peserta. Mengikut perancangan sejumlah 150 peserta disasarkan oleh JPNK. Kejayaan 77 projek ini bagaimanapun hanya merupakan 51% daripada sasaran JPNK. Sebanyak 12 projek diluluskan bagi Daerah Kuala Muda dan 11 daripada projek tersebut berjaya mengeluarkan hasil. Satu projek lagi didapati kurang berhasil kerana kawasan tanahnya diserang anai-anai menyebabkan pokok tidak subur. Bagi Daerah Baling, sebanyak empat projek diluluskan dan didapati pencapaian bagi kesemua projek adalah memuaskan. Data pendapatan peserta setiap projek Usahawan Buah-buahan bagi tahun 2007 hingga 2008 tidak dapat diperolehi. Pencapaian pendapatan peserta di Daerah Kuala Muda bagi tahun 2009 ialah di antara RM1,000 hingga RM38,000 sebulan. Manakala pencapaian peserta di Daerah Baling adalah antara RM1,000 hingga RM3,312 sebulan. Pencapaian pendapatan peserta adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Pendapatan Peserta Projek Pembangunan
Usahawan Buah-Buahan Bagi Tahun 2009

Julat Pendapatan (RM)	Daerah Kuala Muda	Daerah Baling
1,000 - 10,000	4	2
10,001 - 20,000	1	-
20,001 - 40,000	1	-
Jumlah	6	2

Sumber: Rekod JPNK

Projek Pembangunan Usahawan Buah-buahan yang berjaya adalah seperti di **Foto 4.5** dan **Foto 4.6**.

Foto 4.5
Kawasan Projek Tanaman Nanas
Usahawan Yang Berjaya



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah
Lokasi: Kg. Bendang Dalam, Mukim Merbok
Tarikh: 13 April 2008

Foto 4.6
Kawasan Projek Tanaman Betik
Yang Berjaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Hilir, Kuala Muda
Tarikh: 31 Disember 2009

Pada pendapat Audit, pencapaian Projek Pembangunan Usahawan Buah-buahan adalah baik. JPNK hendaklah memastikan pemantauan berterusan dilakukan bagi mempertingkatkan pendapatan setiap peserta Program.

4.4.2 Projek Tidak Diusahakan Mengikut Amalan Pertanian Baik

Amalan Pertanian Baik (APB) didefinisikan sebagai amalan dalam sistem pengeluaran pertanian yang mengambil kira keselamatan alam sekitar, keselamatan pekerja serta kebajikan mereka berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan sesuai untuk dimakan. Amalan ini membolehkan ladang diurus dengan lebih sistematik dan cekap berasaskan prinsip serta piawaian minimum.

Lawatan Audit ke 20 projek di Daerah Kuala Muda dan Baling mendapati 16 projek atau 80% tidak mematuhi APB kerana tidak mengikut garis panduan dan kehendak APB seperti projek tidak disenggara dengan baik, terbiar dan semak. Keadaan ini berlaku akibat kurangnya komitmen peserta untuk mengurus projek dengan baik, kekurangan tenaga pekerja dan kenaikan harga input. Peserta juga didapati tidak mampu menampung kos tambahan untuk pembajaan dan racun. Mengikut dasar JPNK, subsidi diberi sebanyak dua pertiga daripada

jumlah kos input. Kekurangan pemantauan secara fizikal oleh JPNK dan keengganan peserta mengamalkan APB juga menjadi faktor kawasan projek tidak disenggara dengan baik. Perbandingan antara projek yang tidak disenggara dengan baik atau terbiar dan projek yang berjaya adalah seperti di **Foto 4.7** hingga **Foto 4.10**.

Foto 4.7

Kawasan Projek Tanaman Pisang Yang Tidak Diusahakan Dengan Baik Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Padang Dan, Baling
Tarikh: 14 Disember 2009

Foto 4.8

Kawasan Projek Tanaman Pisang Yang Mengamalkan APB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Surau, Mk.Siong, Baling
Tarikh: 15 Disember 2009

Foto 4.9

Kawasan Projek Berkelompok Tanaman Nanas Yang Tidak Diusahakan Dengan Baik Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Batu Hampar, Kuala Muda
Tarikh: 31 Disember 2009

Foto 4.10

Kawasan Projek Usahawan Tanaman Nanas Yang Diusahakan Mengikut APB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Batu Hampar, Kuala Muda
Tarikh: 17 Disember 2009

Menurut maklum balas JPNK, masalah kebun yang tidak mengamalkan APB, terbiar dan dipenuhi dengan semak adalah cabaran besar kepada Program Pengembangan Jabatan Pertanian. Melalui kaedah Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP), lawatan dan latihan yang lebih kerap akan dilaksanakan oleh Pembantu Pertanian Kawasan dengan matlamat akhirnya ialah untuk menghasilkan kebun ke arah APB di mana hasil pengeluaran tinggi dan memberi pendapatan yang sewajarnya kepada petani. Jabatan Pertanian telah

mewujudkan kumpulan pemantauan SPTP ke daerah bagi memastikan projek pertanian mencapai tahap APB.

Pada pendapat Audit, konsep Amalan Pertanian Baik masih belum dilaksanakan sepenuhnya di Daerah Kuala Muda dan Baling.

4.4.3 Surat Akujanji Projek Dusun Nukleus/Ladang Komersial Tidak Disediakan

Proses pemilihan peserta ditentukan oleh Pegawai Pertanian Daerah dan diluluskan oleh Pengarah Pertanian Negeri. Mengikut syarat JPNK peserta hendaklah memberi komitmen sepenuh masa terhadap projek yang diusahakan. Semakan Audit terhadap lapan projek di Daerah Kuala Muda dan Daerah Baling mendapati daripada 228 peserta projek sejumlah 85 peserta telah berhenti daripada menyertai program tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan peserta tidak komited terhadap projek yang diusahakan dengan membiarkan kawasan dipenuhi belukar dan tiada tindakan perundangan yang boleh diambil terhadap peserta yang menarik diri. Bilangan peserta yang berhenti menyertai program adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Bilangan Peserta Yang Berhenti Menyertai Program

Bilangan Peserta Yang Berhenti Menyertai Program					
Bil.	Daerah	Projek Kelompok	Bilangan Peserta		
			Asal	Aktif	Berhenti
1.	Baling	Kelapa MATAG, Kg.Rambong	70	23	47
2.		Rambutan, Kg. Charok Sik Fasa II Mukim Pulai	13	7	6
3.		Dokong, Kg. Sera Ulu Mukim Pulai	95	87	8
4.	Kuala Muda	Pisang, Kg. Tempoyak, Mukim Merbok	10	6	4
5.		Pisang, Kg. Tempoyak, Mukim Merbok	10	4	6
6.		Nanas, Tanjong Dawai	10	4	6
7.		Kelapa Pandan, Sungai Emas, Kota Kuala Muda	4	2	2
8.		Mangga, Kg.Sungai Anak Ikan, Bukit Selambau	16	10	6
Jumlah			228	143	85

Sumber: Rekod PPD Baling dan PPD Kuala Muda

Menurut maklum balas JPNK, pada masa hadapan JPNK akan memastikan pemilihan peserta yang komited dan surat akujanji ditandatangani oleh peserta (usahawan dan ketua kelompok) yang terpilih menyertai projek Jabatan. Antaranya akan dinyatakan syarat perlu meneruskan projek sehingga berjaya mencapai matlamat dan hasil yang dirancang serta berterusan sekurang-kurangnya 5 tahun. Sekiranya peserta ingkar dengan syarat yang telah ditetapkan oleh JPNK dalam surat akujanji tersebut, peserta tidak akan diberi sebarang insentif daripada pihak JPNK lagi.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyediakan surat akujanji menyebabkan peserta tidak komited dan tindakan tidak dapat diambil.

4.4.4 Projek Lewat Dilaksanakan

Mengikut jadual pelaksanaan bagi Projek Tanaman Nanas di Kampung Batu 5, Bujang, anak benih perlu dibekalkan pada Mac 2009. Bagaimana semakan Audit mendapati anak benih

telah lewat dibekalkan iaitu pada September 2009. Ini menunjukkan kelewatan pembekalan anak benih selama 6 bulan. Sehingga lawatan Audit pada Disember 2009 ke projek berkenaan mendapati anak benih belum ditanam lagi seperti di **Foto 4.11** dan **Foto 4.12**.

Foto 4.11
Projek Tanaman Nanas
Yang Lewat Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Batu 5, Bujang, Kuala Muda
Tarikh: 16 Disember 2009

Foto 4.12
Projek Tanaman Nanas
Yang Lewat Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Batu Hampar, Kuala Muda
Tarikh: 31 Disember 2009

Kelewatan tanaman nanas ini adalah disebabkan bekalan anak benih masih belum diterima oleh peserta. Jabatan pula lewat mengeluarkan pesanan tempatan mengakibatkan kerja yang diluluskan pada tahun 2009 tidak dapat dilaksanakan mengikut waktu yang ditetapkan seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Jadual Pelaksanaan Projek Tanaman Nanas Di Kg. Batu 5, Bujang

Aktiviti	Pelaksanaan													
	2008		2009											
	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Kenalpasti peserta/kawasan														
Penerangan kepada peserta														
Mengemukakan cadangan projek 2009 ke Teluk Chengai														
Terima waran peruntukan 2009														
Panggilan sebut harga														
Mendapat kelulusan sebut harga														
Mengeluarkan arahan kerja/bekalan														
Perolehan bekalan/ kerja/ perkhidmatan														
Memantau Pelaksanaan Di Projek														
Menerima tuntutan bayaran daripada Kontraktor/ pembekal														
Memproses bayaran														

Sumber: Rekod dan Dokumen JPNK dan PPD Kuala Muda.

Nota: ■ Perancangan ■ Pelaksanaan

Menurut maklum balas JPNK, kelewatan mengeluarkan Pesanan Kerajaan disebabkan sebahagian Pembantu Pertanian Kawasan menunggu di saat akhir untuk menghantar permohonan mereka menyebabkan menjadi 'bottle-neck' di Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat Teluk Chengai. Semua pengurusan pengeluaran Pesanan Kerajaan dipusatkan di Ibu Pejabat, Teluk Chengai dan tidak dikeluarkan di daerah. Bermula tahun 2010, pihak JPNK telah memperbaiki proses kerja mengeluarkan Pesanan Kerajaan (L/O) dalam tempoh dua minggu daripada tarikh permohonan 'requisition'. Mesyuarat MPPJ yang diadakan dua bulan sekali akan memantau perkembangan ini.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan tidak memuaskan kerana kelewatan JPNK memproses sebut harga mengakibatkan kerja yang diluluskan tidak dilaksanakan mengikut jadual.

4.4.5 Pengurusan Bekalan Baja

Baja adalah sebahagian daripada kemudahan asas yang perlu disediakan oleh JPNK kepada peserta Program Pembangunan Industri Buah-buahan. Semakan Audit terhadap pengurusan bekalan baja mendapati perkara berikut:

a) Perolehan Baja

Perolehan lima jenis baja di JPNK bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Pembelian Baja Oleh JPNK Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Baja	2007			2008			2009		
		Tarikh Bekalan	Jumlah (Beg)	Amaun (RM)	Tarikh Bekalan	Jumlah (Beg)	Amaun (RM)	Tarikh Bekalan	Jumlah (Beg)	Amaun (RM)
1.	NPK Hijau Premium @ 20 Kg	31/12/07	15,706	446,050	12/06/08	250	7,100	18/10/09	2,287	82,789
		-	-	-	17/08/08	7,364	209,138	15/11/09	193	6,987
		-	-	-	10/12/08	3,517	99,883	-	-	-
		-	-	-	30/12/08	4,636	131,662	-	-	-
	Jumlah		15,706	446,050		15,767	447,783		2,480	89,776
2.	NPK Biru Premium @ 20 Kg	31/12/07	19,921	577,709	12/06/08	238	6,902	03/11/09	11,557	471,526
		-	-	-	17/08/08	13,504	391,616	-	-	-
	Jumlah		19,921	577,709		13,742	398,518		11,557	471,526
3.	Boron Biru @ 20 Kg	-	-	-	-	-	-	01/12/09	2,463	99,998
		Jumlah		-	-		-	-		2,463
4.	Bio Organik @ 25 Kg	31/12/07	3,899	107,223	12/06/08	1,000	27,500	03/08/09	908	24,970
		-	-	-	27/11/08	3,000	82,500	-	-	-
		-	-	-	30/12/08	100	2,750	-	-	-
	Jumlah		3,899	107,223		4,100	112,750		908	24,970
5.	Organik Fertilizer @ 25 Kg	31/12/07	1,994	54,835	30/12/08	100	2,750	03/08/09	400	11,000
		Jumlah		1,994	54,835		100	2,750		400
Jumlah Besar			41,520	1,185,817		33,709	961,801		17,808	697,270

Sumber: Rekod Stok Bekalan Baja JPNK

Semakan Audit terhadap rekod stok bekalan baja mendapati pada tahun 2007, JPNK hanya menerima bekalan baja pada 31 Disember 2007. Manakala pada tahun 2008, JPNK menerima bekalan baja antara 12 Jun 2008 hingga 30 Disember 2008. Pada tahun 2009, pembekal hanya membekalkan baja kepada JPNK pada tarikh antara 3 Ogos 2009 hingga 1 Disember 2009.

Menurut maklum balas JPNK, baja yang tersenarai di Jadual di atas adalah diperolehi melalui proses Tender Kerajaan Negeri Kedah. Daripada maklumat tiga tahun, 2007 hingga 2009, paling awal baja dapat dibekalkan kepada petani ialah bulan Jun. Oleh itu baja diperolehi di akhir tahun adalah sesuatu yang tidak dirancang tetapi kerap kali terjadi. Ruang stor yang ada di peringkat negeri dan daerah adalah terhad. Pembelian dibuat berperingkat mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

b) Pengurusan Kawalan Stok Baja di Stor JPNK

Dalam pengurusan kawalan stok, JPNK mengamalkan sistem Masuk Dahulu Keluar Dahulu (FIFO). Oleh demikian, baja yang dibeli pada tahun 2009 tidak akan digunakan sehingga stok baja yang dibeli pada tahun sebelumnya habis digunakan. Peserta projek yang menerima bekalan baja ini berkemungkinan berhadapan masalah baja menjadi keras. **Foto 4.13** dan **Foto 4.14** adalah bekalan baja JPNK bagi tahun 2009.

Foto 4.13
Stok Baja NPK Hijau Tahun 2009



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 30 Disember 2009

Foto 4.14
Stok Baja NPK Biru Tahun 2009



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 30 Disember 2009

Menurut maklum balas JPNK, usaha akan diambil untuk menghabiskan baja yang dibeli dalam tahun yang sama. Sekiranya tidak dapat dihabiskan baja akan disimpan di dalam stor dengan baik. Baja yang disimpan dengan baik dapat digunakan lagi di tahun berikutnya tanpa menjejaskan kualiti.

c) Lambakan Baja Di Stor JPNK

JPNK perlu merancang perolehan input pertanian seperti baja mengikut keperluan projek pertanian yang dirancang sama ada projek pertanian baru mahupun projek pemulihan selaras dengan peruntukan yang telah diluluskan. Semakan Audit terhadap rekod stok bekalan baja pada 30 Disember 2009 mendapati sebanyak 12,009 beg stok baja bernilai RM0.29 juta yang dibeli sebelum tahun 2009, masih tersimpan di stor JPNK. Mengikut perkiraan Audit, butiran terperinci bekalan stok baja yang dibeli sebelum tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Baki Stok Bekalan Baja Tahun 2009

Bil.	Jenis Baja	Stok Sebelum Tahun 2009 (Beg)	Jumlah (RM)	Stok Tahun 2009 (Beg)	Jumlah (RM)	Stok Pada 30/12/09 (Beg)	Jumlah (RM)
1.	NPK Hijau Premium @ 20 Kg	2,957	83,979	2,480	89,776	5,437	173,755
2.	NPK Biru Premium @ 20 Kg	Tiada	Tiada	11,557	471,526	11,507	469,486
3.	Boron Biru @ 20 Kg	3,853	71,911	2,463	99,998	6,316	171,909
4.	Bio Organik @ 25 Kg	2,133	58,658	908	24,970	3,041	83,628
5.	Organik Fertilizer @ 25 Kg	3,066	84,315	400	11,000	3,466	95,315
Jumlah		12,009	298,863	17,808	697,270	29,767	994, 093

Sumber: Rekod Stok Bekalan Baja JPNK

Lawatan Audit ke Stor JPNK pada 30 Disember 2009 mendapati stok baja sebelum tahun 2009 masih tersimpan di stor tersebut seperti di **Foto 4.15** hingga **Foto 4.18**.

Foto 4.15
Stok Baja NPK Hijau Tahun 2007/2008



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 30 Disember 2009

Foto 4.16
Stok Baja NPK Biru Tahun 2007/2008



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 30 Disember 2009

Foto 4.17
Stok Baja Organik
Tahun 1998/1999



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 30 Disember 2009

Foto 4.18
Beg Bungkusan Baja NPK Biru Tahun
2007/2008 Yang Rosak Dan Terkoyak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 30 Disember 2009

Lawatan susulan Audit ke stor JPNK telah dibuat pada 28 Jun 2010. Semakan Audit terhadap rekod stok bekalan baja mendapati sebanyak 84 beg baja NPK Biru dan 84 beg baja NPK Hijau sedang dikeluarkan dari stor untuk dihantar ke PPD Kubang Pasu seperti di **Foto 4.19** dan **Foto 4.20**.

Foto 4.19
Stok Baja Sedang Dipindahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 28 Jun 2010

Foto 4.20
Stok Baja Telah Dipindahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK, Telok Chengai
Tarikh: 28 Jun 2010

Menurut maklum balas JPNK, pihak JPNK mengakui terdapat kelemahan dalam pengurusan stor. Oleh itu, JPNK akan mengetatkan tatacara pengurusan stor supaya ianya lebih baik daripada sekarang. Baja dalam simpanan stor yang tidak dapat dihabiskan dalam tahun semasa akan diedarkan ke daerah untuk projek pemulihan dalam tempoh setahun dari tarikh belian kerana baja tersebut masih boleh digunapakai dan berkeadaan baik. Menurut JPNK lagi, baja yang disimpan dengan baik akan kekal mutunya bagi beberapa tahun. Mulai Januari hingga Julai 2010 sebanyak 13,959 beg baja telah diedar ke Projek Buah-buahan di daerah-daerah.

Pada pendapat Audit, pengurusan bekalan baja adalah tidak memuaskan. Pengurusan stor yang lemah, tidak teratur dan tidak cekap boleh menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian yang besar akibat pembaziran modal yang terikat dalam bentuk stok, keusangan, kesusutan dan kecurian barang-barang yang disimpan.

4.4.6 Pemasaran

Pemasaran merupakan elemen penting dalam menjayakan objektif Program Pembangunan Industri Buah-buahan. Salah satu faktor utama untuk mengembangkan projek pertanian ialah pemasaran hasil ladang yang sistematik supaya hasil pertanian dapat dipasarkan segera.

a) Kemudahan Gerai Jualan Terus

JPNK melaksanakan aktiviti khidmat sokongan kepada petani dengan menyediakan kemudahan pengangkutan, gerai jualan terus dan pusat pengumpulan bagi peserta memasarkan hasil pertanian masing-masing. JPNK merancang untuk mendirikan tiga unit gerai jualan terus bernilai RM15,000 seunit pada tahun 2007 hingga 2009. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap laporan perbelanjaan JPNK mendapati rancangan ini tidak dilaksanakan kerana tiada peruntukan disediakan bagi pembinaan gerai tersebut.

b) Pusat Pengumpulan Dan Pembungkusan Ladang

Dalam RMKe-9, JPNK merancang menubuhkan sembilan unit Pusat Pengumpulan Dan Pembungkusan Ladang bernilai RM20,000 setiap unit di lapan daerah di Negeri Kedah. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2009 mendapati JPNK telah menubuhkan dua unit Pusat Pengumpulan Dan Pembungkusan Ladang di Daerah Pendang pada tahun 2009. Manakala bagi tahun 2007 dan 2008, pihak Audit tidak dapat mengesahkan penubuhan pusat tersebut kerana tiada bukti yang berkaitan ditemui. Pembinaan pusat pengumpulan dan pembungkusan ladang mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Pusat Pengumpulan Dan Pembungkusan Ladang Mengikut Daerah
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Daerah	2007		2008		2009	
	Sasar	Capai	Sasar	Capai	Sasar	Capai
Langkawi	1	-	-	-	-	-
Kubang Pasu	-	-	1	-	-	-
Padang Terap	-	-	-	-	1	-
Kota Setar	1	-	-	-	-	-
Pendang	-	-	1	-	-	2
Yan	-	-	-	-	1	-
Sik	1	-	-	-	1	-
Baling	-	-	1	-	-	-
Jumlah	3	0	3	0	3	2

Sumber: Rekod JPNK

Dari segi pemasaran, JPNK ada menjalankan aktiviti promosi berkaitan buah-buahan. Hasil pertanian dipasarkan sendiri oleh peserta di tempat jualan terus seperti Pasar Tani, Pasar Malam dan gerai tepi jalan.

Menurut maklum balas JPNK, perancangan JPNK adalah berdasarkan skop dan pakej yang sesuai dalam membangunkan ladang kelompok buah-buahan. Pada tahun 2007 dan 2008 tiada permohonan dari daerah untuk pembinaan Pusat Pengumpulan Ladang kerana keadaan di ladang kelompok tidak sesuai. Pada tahun 2009, tiada permohonan dari daerah Yan dan Kuala Muda. Bagaimanapun, pembinaan Pusat Pengumpulan Ladang di daerah Pendang di buat mengikut permohonan dari daerah tersebut. Sebelum memulakan sesuatu projek tanaman, petani atau pengusaha dikehendaki berurusan dahulu mengenai ruang pemasaran. Di bawah 'HIP – High Impact Project' Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, FAMA telah diberi tanggungjawab melaksanakan ladang kontrak dengan petani bimbingan Jabatan Pertanian, PPK dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Pada kebiasaannya, petani adalah disyor menguruskan sendiri pemasaran buah-buahan dengan pemborong atau ladang kontrak dengan FAMA. Penglibatan Jabatan Pertanian dalam pemasaran hanya membantu petani dalam aktiviti mempromosi jualan terus dari semasa ke semasa mengikut program yang telah dirancang oleh Jabatan. Di samping itu, Jabatan juga berfungsi sebagai agen penemu-sua di antara petani dengan pembeli/pemborong hasil pertanian.

Pada pendapat Audit, pengurusan pemasaran adalah tidak memuaskan kerana JPNK tidak menyediakan perkhidmatan pemasaran untuk membantu peserta memasarkan hasil tanaman mereka.

4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Program Pembangunan Industri Buah-buahan yang dilaksanakan oleh JPNK ini adalah memuaskan kerana sasaran pendapatan dan pengeluaran yang ditetapkan oleh JPNK terutama bagi Program Usahawan Buah-buahan telah tercapai. Bagaimanapun, pengurusan dalam melaksanakan Projek Dusun Nukleus/Ladang masih kurang memuaskan. Berdasarkan kepada penemuan Audit, usaha penambahbaikan seperti berikut adalah disyorkan:

- a)** JPNK perlu mengkaji semula had maksima peserta kelompok.
- b)** JPNK perlu melaksanakan kajian kemungkinan terhadap kawasan projek bagi memastikan kesesuaian tanah dan tanaman yang akan diusahakan.
- c)** JPNK hendaklah menggiatkan lagi promosi jualan buah-buahan di samping menjalin kerjasama dengan agensi pemasaran seperti FAMA.
- d)** JPNK perlu membuat verifikasi stok untuk mengkaji keperluan baja tahunan agar masalah lambakan baja dapat diatasi.
- e)** JPNK hendaklah memastikan laporan kemajuan projek di daerah-daerah disediakan secara berkala agar pemantauan dapat dijalankan secara berterusan.

5. PENGURUSAN PROGRAM PENINGKATAN POPULASI PEMBIAK

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah (Jabatan) bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Kedah. Fungsi utama Jabatan adalah untuk mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik, menentukan bahan-bahan haiwan adalah selamat dan bersih untuk kegunaan manusia serta menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri makanan haiwan. Jabatan telah memperkenalkan Rancangan Kemajuan Ternakan bagi membangunkan industri ternakan di Negeri Kedah meliputi enam program yang dilaksanakan oleh Jabatan termasuk Program Peningkatan Populasi Pembiak (Program PPP).

5.1.2 Peruntukan sejumlah RM4.99 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui RMKe-9 bagi membiayai Program PPP bagi tahun 2007 hingga 2009. Matlamat Program PPP adalah meningkatkan sumber pendapatan seisi keluarga penternak melalui penambahan bilangan bibit ternakan dan pengeluaran makanan daging dari ternakan tempatan serta pemodenan sistem pemeliharaan ternakan secara *Good Animal Husbandry Practice* (GAHP).

5.1.3 Pelaksanaan program ini dibuat oleh Unit Ruminan di Jabatan dan melibatkan semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah. Program PPP dilaksanakan di seluruh negeri Kedah. Kumpulan sasaran program ini merupakan golongan penternak kecil-kecilan tradisional sedia ada yang berpotensi meningkat ke tahap semi komersial atau komersial.

5.1.4 Skim TRUST diperkenalkan pada April 2001 dan mula diaplikasikan pada tahun 2007 merupakan kaedah bagi melaksanakan Program PPP. Skim TRUST adalah sistem pawah yang diubah suai di mana bilangan ternakan yang diberikan adalah lebih banyak iaitu lima hingga 10 ekor kepada setiap peserta berbanding sistem pawah sebelumnya. Haiwan ruminan seperti kerbau, lembu, kambing dan bebiri diserahkan kepada peserta. Peserta dikehendaki menyerahkan anak betina pertama yang memenuhi syarat tertentu kepada Jabatan dan selepas itu, induk serta anak seterusnya menjadi milik penternak. Selain menyerahkan anak betina pertama, peserta juga boleh membuat bayaran balik kepada Jabatan mengikut nilai harga semasa ke atas anak betina tersebut.

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program PPP telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan adalah ditumpukan terhadap pelaksanaan Program PPP bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dan tiga Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) iaitu Kuala Muda, Padang Terap dan Pendang. Semakan Audit dibuat terhadap fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain berkaitan dengan Program PPP yang diselenggara oleh Jabatan. Selain itu, lawatan ke lokasi penternak dan temu bual melibatkan pegawai serta penternak juga dijalankan. Selanjutnya, soal selidik diedarkan kepada penternak untuk mendapatkan maklum balas.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2009 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Program PPP adalah tidak memuaskan. Ini kerana terdapat banyak kelemahan dari aspek pengurusan Skim TRUST, peserta program, ternakan, rekod dan maklumat serta pemantauan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

5.4.1 Prestasi Pencapaian Skim TRUST

Skim TRUST merupakan skim pinjaman tanpa faedah yang diberikan kepada penternak kecil-kecilan secara tradisional yang berpotensi meningkat ke tahap semi-komersial atau komersial. Pinjaman yang diberikan berbentuk binatang ternakan seperti kerbau, lembu, kambing dan bebiri. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, seramai 382 peserta terlibat di dalam Skim TRUST dengan 2,735 ekor ternakan seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Bilangan Peserta Skim TRUST Dan Jumlah Ternakan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Jenis Ternakan	Tahun						Jumlah	
	2007		2008		2009			
	Peserta (orang)	Ternakan (ekor)	Peserta (orang)	Ternakan (ekor)	Peserta (orang)	Ternakan (ekor)	Peserta (orang)	Ternakan (ekor)
Kerbau	-	-	4	34	-	-	4	34
Lembu	65	363	61	378	79	462	205	1,203
Kambing	77	850	44	328	52	320	173	1,498
Jumlah	142	1,213	109	740	131	782	382	2,735

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Bilangan penternak yang terlibat dalam Skim TRUST di PPVD Daerah Kuala Muda, Padang Terap dan Pendang adalah seramai 148 orang yang melibatkan 936 ekor ternakan seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Jumlah Peserta TRUST Mengikut Daerah Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Daerah	Jenis Ternakan	Tahun/Jumlah						Jumlah	
		2007		2008		2009			
		Peserta (orang)	Ternakan (ekor)	Peserta (orang)	Ternakan (ekor)	Peserta (orang)	Ternakan (ekor)	Peserta (orang)	Ternakan (ekor)
Kuala Muda	Lembu	10	63	4	27	10	50	24	140
	Kambing	17	160	6	32	2	15	25	207
Padang Terap	Lembu	17	41	12	63	8	44	37	148
	Kambing	10	101	5	32	1	11	16	144
Pendang	Lembu	8	32	6	52	15	84	29	168
	Kambing	5	51	4	37	8	41	17	129
Jumlah	Lembu	35	136	22	142	33	178	90	456
	Kambing	32	312	15	101	11	67	58	480

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Semakan Audit terhadap prestasi pencapaian Skim TRUST mendapati perkara seperti berikut:

a) Pendapatan Isi Rumah Peserta Tidak Mencapai RM2,000 Sebulan

Antara objektif Skim TRUST ialah meningkatkan pendapatan seisi keluarga penternak melebihi RM2,000 sebulan. Hasil soal selidik pihak Audit dengan 44 peserta Skim TRUST di tiga daerah yang dilawati mendapati tiada peserta yang berjaya memperolehi purata pendapatan tambahan melebihi RM2,000 sebulan daripada aktiviti ternakan yang dijalankan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Julat Pendapatan 44 Peserta Skim TRUST

Julat Pendapatan	Daerah/Bilangan Peserta (orang)				Peratus (%)
	Kuala Muda	Padang Terap	Pendang	Jumlah	
Belum mendapat hasil	16	14	9	39	88.6
Kurang RM500	-	2	-	2	4.5
RM501 – RM1,000	-	2	-	2	4.5
RM1,001 – RM2,000	-	-	1	1	2.4
Lebih RM2,000	-	-	-	0	0
Jumlah	16	18	10	44	100

Sumber: Jabatan Audit Negara

Menurut maklum balas Jabatan, tambahan pendapatan melebihi RM2,000 sebulan bukan hanya dilihat dalam bentuk wang tunai tetapi turut mengambil kira pertambahan bibit yang akan mendatangkan hasil kepada penternak apabila dijual kelak.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Skim TRUST adalah kurang berkesan kerana tiada peserta yang memperolehi purata tambahan pendapatan melebihi RM2,000 sebulan.

b) Pertambahan Bilangan Bibit Ternakan

Objektif kedua Skim TRUST adalah menambah bilangan bibit ternakan di Negeri Kedah. Jabatan telah menjalankan bancian terhadap bibit ternakan di seluruh Negeri Kedah dan maklumat bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Bancian Bibit Ternakan Di Seluruh Negeri Kedah Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Jenis Ternakan	Tahun/Jumlah Bibit (ekor)			Tahun/Peningkatan			
				2008		2009	
	2007	2008	2009	Jumlah (ekor)	Peratus (%)	Jumlah (ekor)	Peratus (%)
Kerbau	4,919	4,906	4,932	(13)	(0.26)	26	0.53
Lembu	45,201	41,821	42,831	(3,380)	(7.48)	1,010	2.42
Kambing	22,018	26,615	27,150	4,597	20.88	535	2.01
Bebiri	10,182	10,168	10,201	(14)	(0.14)	33	0.32
Jumlah	82,320	83,510	85,114	1,190	1.45	1,604	1.92

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Jadual di atas menunjukkan jumlah bibit di Negeri Kedah telah meningkat pada tahun 2008 dan 2009. Peningkatan pada tahun 2008 berlaku bagi bibit kambing sebanyak 4,597 ekor daripada 22,018 ekor kepada 26,615 ekor iaitu 20.88%. Manakala bibit ternakan yang lain menurun pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Pada tahun 2009 pula, peningkatan berlaku bagi semua bibit ternakan iaitu sebanyak 26 ekor bagi bibit kerbau atau 0.53%, 1,010 ekor bagi bibit lembu atau 2.42%, 535 ekor bagi bibit kambing atau 2.01% dan 33 ekor bagi bebiri atau 0.32%. Bagaimanapun, peratus peningkatan adalah kecil.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Skim TRUST adalah kurang berkesan kerana peratus peningkatan bibit ternakan adalah kecil.

c) Jumlah Pengeluaran Daging Ternakan Tempatan

Objektif Skim TRUST seterusnya ialah menambah pengeluaran makanan daging dari ternakan tempatan. Dalam RMKe-9, Jabatan telah meletakkan objektif strategik untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu/kerbau kepada 5.91 ribu tan metrik dan daging kambing/bebiri meningkat kepada 249 tan metrik menjelang tahun 2010. Jabatan telah menjalankan bancian terhadap pengeluaran daging ternakan tempatan di seluruh Negeri Kedah dan maklumat bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Bancian Pengeluaran Daging Ternakan Tempatan Di Seluruh Negeri Kedah

Jenis Ternakan	Tahun/Jumlah Pengeluaran Daging (Tan Metrik)			Tahun/Peningkatan			
				2008		2009	
	2007	2008	2009	Jumlah (TM)	Peratus (%)	Jumlah (TM)	Peratus (%)
Kerbau	0.273	0.273	0.274	-	-	0.001	0.37
Lembu	2.511	2.323	2.380	(0.188)	(7.49)	0.057	2.45
Kambing	0.100	0.121	0.123	0.021	21.00	0.002	1.65
Bebiri	0.046	0.046	0.046	-	-	-	-
Jumlah	2.930	2.763	2.823	(0.167)	(5.70)	0.060	2.17

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Nota: TM = Tan Metrik

Jadual di atas menunjukkan jumlah pengeluaran daging ternakan tempatan menurun pada tahun 2008 sebanyak 0.167 tan metrik iaitu 5.7% daripada 2.93 tan metrik kepada 2.763 tan metrik. Manakala pada tahun 2009 jumlah pengeluaran daging ternakan tempatan meningkat sebanyak 0.06 tan metrik iaitu 2.17% kepada 2.823 tan metrik. Peningkatan yang berlaku pada tahun 2008 adalah bagi pengeluaran daging kambing sahaja iaitu sebanyak 0.021 tan metrik atau 21%. Pada tahun 2009 pula, peningkatan pengeluaran daging berlaku bagi semua jenis ternakan kecuali bebiri yang tidak berubah. Bagaimanapun, jumlah pengeluaran daging bagi setiap ternakan adalah rendah jika dibandingkan dengan objektif yang ditetapkan di dalam rancangan strategik Jabatan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Skim TRUST adalah tidak efektif kerana pengeluaran daging ternakan tempatan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

d) Penternakan Tahap GAHP Tidak Tercapai

Objektif terakhir Skim TRUST ialah memodenkan sistem pemeliharaan ternakan dengan menggunakan pendekatan *Good Animal Husbandry Practice* (GAHP). GAHP merupakan dokumen piawaian (MS 2027:2006) yang menetapkan keperluan minimum dalam aktiviti penternakan binatang. Ianya berkaitan dengan penambahbaikan berterusan terhadap amalan penternakan dan mampu mengekalkan pengeluaran makanan yang berkualiti dan selamat daripada binatang ternakan serta produk sampingan binatang yang lain dengan memastikan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan penternak dan ternakan tanpa menyebabkan degradasi terhadap alam sekitar.

GAHP juga menggariskan piawaian untuk rekabentuk ladang, prasarana, kemudahan dan peralatan/perkakas pengurusan. Mengikut GAHP, ladang harus memiliki rekabentuk, prasarana, kemudahan, peralatan dan perkakasan yang tepat untuk operasi yang berkesan. Bangunan dan kemudahan ladang mesti tepat direkabentuk dan dibina untuk tujuan yang dikehendaki dan boleh disenggara dengan baik. Bangunan bertujuan menyimpan haiwan mesti dibina berorientasi meminimumkan kesan-kesan merugikan prestasi haiwan dan menghapuskan bahaya yang mungkin kepada sekitarnya.

Rekabentuk pembinaan harus memastikan keberkesanannya dan cat yang digunakan tidak boleh berbahaya kepada haiwan. Kawasan ladang mesti dipagar sepenuhnya dan disenggara dengan sempurna. Pagar mesti diperbuat daripada bahan yang tidak membahayakan haiwan. Bangunan mesti direkabentuk dan dibina dengan menggunakan bahan yang:

- i) memberi kesejahteraan atau tidak boleh menyebabkan kecederaan kepada haiwan;
- ii) memberi keselesaan dan pengudaraan yang tepat;
- iii) boleh dicuci dan disinfeksi dengan mudah;
- iv) membuat pengurusan stok yang berkesan;
- v) membuat operasi ladang yang berkesan; dan
- vi) menambah bio-keselamatan.

Selain itu, haiwan mesti diberikan saiz/ruang lantai yang mencukupi sesuai dengan umur dan berat bagi memastikan keselesaan haiwan. Haiwan mesti diberikan ruangan tepat untuk makan dan minum dengan selesa. Lantai dan laluan yang digunakan haiwan mesti tidak licin, selamat, stabil dan cukup dicahaya untuk mengelakkan kecederaan kepada haiwan. Gerbang dan pintu mesti membenarkan laluan yang tidak mencederakan haiwan. Bangunan haiwan mesti ada cahaya yang mencukupi untuk memastikan haiwan dapat diperiksa sepenuhnya jika diperlukan. Pemasangan elektrik dan pendawaian mesti dilindungi dan tidak boleh dicapai oleh haiwan. Rumah dan kurungan mesti direkabentuk dan ditubuhkan supaya haiwan tidak terlepas. Pengudaraan yang baik diperlukan untuk mempertahankan persekitaran yang selesa termasuk suhu dan kelembapan. Sistem perparitan yang berkesan mesti diadakan dalam rekabentuk bangunan.

Lawatan Audit ke 46 lokasi ternakan peserta mendapati, tidak ada seorang peserta pun yang mengamalkan kaedah pemeliharaan ternakan yang mencapai tahap GAHP. Semua peserta yang ditemu bual juga menyatakan bahawa mereka tidak pernah diberi pendedahan mengenai GAHP malah tidak mengetahui apakah itu GAHP. **Foto 5.1** hingga **Foto 5.6** menunjukkan keadaan beberapa kandang ternakan yang dilawati yang tidak mencapai spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam GAHP.

Foto 5.1
Kandang Ternakan Lembu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sungai Getah, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 2 November 2009

Foto 5.2
Kandang Ternakan Kambing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Perak B, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 3 November 2009

Foto 5.3
Kandang Ternakan Lembu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kubang Kenyeng, Daerah Padang Terap
Tarikh: 28 Oktober 2009

Foto 5.4
Kandang Ternakan Kambing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tanjung Putus, Daerah Padang Terap
Tarikh: 27 Oktober 2009

Foto 5.5
Kandang Ternakan Lembu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Banggol, Daerah Pendang
Tarikh: 21 Oktober 2009

Foto 5.6
Kandang Ternakan Kambing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Senara, Daerah Pendang
Tarikh: 22 Oktober 2009

Menurut maklum balas Jabatan, peserta yang rata-rata adalah penternak tradisional tidak mengetahui istilah GAHP walaupun telah diterapkan oleh Jabatan melalui kursus asas penternakan dan lawatan ke ladang. Peserta telah diberi panduan dan tunjuk ajar tentang amalan GAHP oleh Jabatan walaupun tidak secara sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Skim TRUST adalah tidak berjaya kerana objektif memodenkan sistem penternakan ke tahap GAHP tidak tercapai.

5.4.2 Pengurusan Peserta Program

a) Pemilihan Peserta

Bagi menjayakan Skim TRUST, Jabatan telah menetapkan syarat penyertaan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun.
- ii) Keutamaan kepada yang berpendapatan kurang RM1,000 sebulan.
- iii) Berdaftar sebagai penternak dengan Jabatan.
- iv) Mempunyai/memiliki kawasan dan status tanah yang sah.
- v) Sihat tubuh badan dan bermastautin di kawasan projek.
- vi) Berpengalaman melebihi dua tahun dalam bidang penternakan yang dimohon.
- vii) Bersedia menghadiri kursus kelolaan Jabatan.
- viii) Mempunyai ternakan minimum mengikut komoditi.
- ix) Menyediakan infrastruktur dan kemudahan ladang sendiri.
- x) Mempunyai rekod penternakan Skim TRUST atau seumpamanya yang baik.
- xi) Lulus tapisan Jawatankuasa TRUST Peringkat Negeri.
- xii) Menandatangani perjanjian selepas berjaya dipilih.

Semua PPVD akan mengeluarkan notis makluman berkenaan permohonan ternakan dan Borang Permohonan dikeluarkan pada awal tahun. Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada setiap 31 Mac tahun berkenaan. Selepas semakan dibuat terhadap semua Borang Permohonan, pegawai di PPVD berkenaan akan membuat pemeriksaan balas terhadap pemohon dengan melawat ke lokasi ternakan pemohon menggunakan Borang Soal Siasat Permohonan. Senarai pendek pemohon dikeluarkan oleh PPVD dan dikemukakan kepada Jawatankuasa TRUST Peringkat Negeri untuk dibuat pemilihan terakhir. Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan, surat Perjanjian Pinjaman Ternakan disediakan dan ditandatangani antara peserta dengan Jabatan. Seterusnya peserta akan menerima ternakan. Jumlah peserta bagi setiap daerah yang dilawati dan jumlah Borang Permohonan yang diserahkan untuk pengauditan adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Jumlah Peserta Dan Borang Permohonan Yang Diserahkan Untuk Pengauditan

Daerah	Jenis Ternakan	2007		2008		2009		Jumlah	
		Peserta	Borang Diserah	Peserta	Borang Diserah	Peserta	Borang Diserah	Peserta	Borang Diserah
Kuala Muda	Lembu	10	8	4	4	10	4	24	16
	Kambing	17	7	6	6	2	2	25	15
Padang Terap	Lembu	17	10	12	0	8	8	37	18
	Kambing	10	9	5	0	1	0	16	9
Pendang	Lembu	8	5	6	6	15	12	29	23
	Kambing	5	5	4	0	8	1	17	6
Jumlah	Lembu	35	23	22	10	33	24	90	57
	Kambing	32	21	15	6	11	3	58	30
Jumlah Keseluruhan		67	44	37	16	44	27	148	87

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Pemeriksaan Audit terhadap 87 Borang Permohonan peserta yang berjaya di PPVD Kuala Muda, Padang Terap dan Pendang bagi tahun 2007 hingga 2009 mendapati, semua syarat telah dipatuhi kecuali seorang pemohon di daerah Padang Terap yang berumur 64 tahun semasa memohon dan permohonan beliau telah diluluskan pada tahun 2007. Bagi proses pemilihan seterusnya, Borang Soal Siasat Permohonan juga telah diisi oleh pegawai yang bertanggungjawab di PPVD berkenaan. Bagaimanapun, kelulusan permohonan dibuat di PPVD sahaja sedangkan syarat menyatakan bahawa permohonan mesti melepasi tapisan Jawatankuasa TRUST Peringkat Negeri. Kelulusan permohonan adalah tidak mengikut kriteria yang ditetapkan kerana Jawatankuasa TRUST Peringkat Negeri tidak ditubuhkan.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta tidak dibuat mengikut syarat yang ditetapkan kerana Jawatankuasa TRUST Peringkat Negeri tidak ditubuhkan.

b) Perjanjian Dengan Peserta

Setelah menerima ternakan yang diagihkan, semua peserta dikehendaki menandatangani Perjanjian Pinjaman Ternakan. Perjanjian tersebut menyatakan maklumat peserta, maklumat binatang ternakan, cara bayaran balik dan syarat yang perlu dipatuhi oleh peserta. Antara syarat yang ditetapkan kepada peserta adalah:

- i) Melaksanakan penternakan dengan teliti dan baik mengikut cara pelaksanaan yang terbaik.
- ii) Mematuhi dan melaksanakan segala arahan, nasihat dan perhatian yang dibuat oleh Jabatan dari semasa ke semasa.
- iii) Mengemukakan kepada Jabatan maklumat yang dikehendaki berkenaan penternakan tersebut.
- iv) Membenarkan wakil Jabatan memeriksa rekod dan ternakan pada setiap masa.
- v) Melaporkan kepada Jabatan dengan segera jika berlaku penyakit atau kematian terhadap seekor atau sebahagian ternakan.

Semakan terhadap perjanjian peserta bagi tahun 2007 hingga 2009 di tiga PPVD yang dilawati mendapati sebanyak 12 daripada 90 Borang Perjanjian bagi ternakan lembu dan 23 daripada 58 Borang Perjanjian bagi ternakan kambing tidak dikemukakan untuk pengauditan. Maklumat Borang Perjanjian yang dikemukakan adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Perjanjian Peserta Bagi Ternakan Kerbau, Lembu Dan Kambing
Mengikut Daerah Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Daerah	Ternakan Kerbau		Ternakan Lembu			Ternakan Kambing		
	Bil. Perjanjian Sebenar	Bil. Perjanjian Yang Ada	Bil. Peserta Sebenar	Bil. Perjanjian Yang Ada	Bil. Tiada Perjanjian	Bil. Peserta Sebenar	Bil. Perjanjian Yang Ada	Bil. Tiada Perjanjian
Kuala Muda	-	-	24	19	5	25	8	17
Padang Terap	1	1	37	31	6	16	15	1
Pendang	-	-	29	28	1	17	12	5
Jumlah	1	1	90	78	12	58	35	23

Sumber: PPVD Kuala Muda, Padang Terap Dan Pendang

Pada pendapat Audit, pengurusan Borang Perjanjian adalah tidak memuaskan kerana terdapat 35 peserta yang tidak menandatangani perjanjian.

c) Pembayaran Balik

Peserta dikehendaki membayar balik ternakan yang diterima di bawah Skim TRUST seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian Pinjaman Ternakan. Syarat pembayaran balik yang telah ditetapkan di dalam perjanjian tersebut adalah peserta bersetuju untuk membayar balik semua pinjaman dalam bentuk ternakan induk pembiak matang berumur di antara satu setengah hingga dua tahun bagi lembu dan kerbau atau sembilan bulan hingga satu tahun bagi kambing dan bebiri. Selain itu, peserta juga boleh membayar balik dengan wang tunai mengikut nilai harga semasa ternakan

tersebut termasuk 4% bayaran perkhidmatan. Tempoh bayaran balik adalah selama tujuh tahun bagi lembu dan kerbau, manakala lima tahun bagi kambing dan bebiri. Peserta akan mula membuat bayaran balik seawal setahun selepas menerima ternakan.

Semakan Audit mendapati Jabatan dan PPVD tidak mengemas kini daftar bayaran balik oleh peserta. Dengan demikian pihak Audit tidak dapat mengesahkan status bayaran balik oleh peserta. Perkara ini berlaku kerana tiada penyeliaan oleh pihak pengurusan atasan.

Pada pendapat Audit, pengurusan peserta Program PPP adalah tidak memuaskan kerana Jabatan tidak menyelenggara rekod pembayaran balik pinjaman dengan kemas kini.

5.4.3 Pengurusan Ternakan Program

a) Perolehan Dan Pemilihan Ternakan

Jabatan telah menetapkan syarat tertentu bagi ternakan yang hendak diperolehi seperti jumlah, jantina, baka, umur, berat, ciri fizikal dan tahap kesihatan. Ternakan mesti bebas daripada parasit dan penyakit merbahaya seperti kuku dan mulut (FMD), *rinderpest*, *bluetongue*, *meliodiosis*, *brucellosis*, *tuberculosis* dan *caseous lymphadenitis*. Ternakan juga hendaklah diberikan suntikan pelalian dan ubat cacing jenis *broad spectrum* dalam masa tujuh hari sebelum dibekalkan. Selain itu, setiap ternakan juga hendaklah ditanda kenal pada telinga menggunakan tag plastik bernombor selepas dibuat pemilihan oleh sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Veterinar atau wakilnya daripada Jabatan. Semua pelalian dan rawatan terhadap keperluan kesihatan ternakan hendaklah mendapat pengesahan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar terdekat. Binatang ternakan yang terlibat di dalam Skim TRUST bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah kerbau, lembu dan kambing baka kacukan sahaja. Jabatan telah menyediakan binatang ternakan tersebut berasaskan permintaan peserta dan peruntukan kewangan yang diterima. Ternakan tersebut diperolehi daripada pembekal yang berjaya sama ada melalui sebut harga atau tender terbuka. Selain itu, pembelian terus juga dibuat jika nilai perolehan adalah kecil.

Semakan Audit mendapati, kaedah perolehan yang dilaksanakan adalah teratur dan mengikut peraturan yang dikehendaki. Selain itu, semua syarat pemilihan juga telah dipatuhi. Keputusan ujian saringan penyakit merbahaya juga telah diperolehi sama ada sebelum atau selepas pemilihan dibuat. Binatang yang disahkan berpenyakit hasil daripada ujian saringan yang dibuat, telah dikeluarkan daripada senarai atau dibatalkan pemilihannya. Pemberian vaksin pelalian dan ubat cacing yang dilakukan oleh pembekal juga telah disahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Maklumat berkaitan ternakan yang telah dipilih untuk diagihkan kepada peserta Skim TRUST bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Jumlah Ternakan Skim TRUST

Jenis Ternakan	Tahun/Jumlah (ekor)			Jumlah (ekor)
	2007	2008	2009	
Kerbau Jantan	-	4	-	4
Kerbau Betina	-	30	-	30
Lembu Jantan	40	18	22	80
Lembu Betina	323	360	440	1,123
Kambing Jantan	129	23	20	172
Kambing Betina	721	305	300	1,326
Jumlah	1,213	740	782	2,735

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, perolehan dan pemilihan ternakan dalam tahun 2007 hingga 2009 telah diuruskan dengan teratur.

b) Pengagihan Ternakan

Binatang ternakan akan diagihkan kepada peserta yang telah berjaya dipilih setelah proses pemilihan ternakan selesai dibuat. Penghantaran akan dilakukan oleh pembekal ke PPVD terlibat dan seterusnya diagihkan kepada penternak. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyelenggara rekod mengenai pengagihan bagi tahun 2007 dan 2008. Manakala pengagihan ternakan bagi tahun 2009 dilaksanakan antara bulan Jun hingga Ogos 2009 kepada 79 peserta untuk 462 ekor lembu dan 52 peserta untuk 320 ekor kambing seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Agihan Ternakan Skim TRUST Negeri Tahun 2009

Bil.	Daerah	Lembu			Kambing		
		Jantan (ekor)	Betina (ekor)	Bil. Peserta (orang)	Jantan (ekor)	Betina (ekor)	Bil. Peserta (orang)
1.	Baling	-	65	10	1	50	10
2.	Bandar Bharu	1	80	17	-	15	3
3.	Kota Setar	1	35	11	-	30	5
4.	Kuala Muda	-	30	6	-	15	2
5.	Kubang Pasu	2	20	2	4	25	5
6.	Kulim	-	30	6	3	15	3
7.	Langkawi	-	-	-	3	35	5
8.	Padang Terap	4	40	4	1	10	1
9.	Pendang	10	75	14	1	40	8
10.	Pokok Sena	4	40	4	4	20	4
11.	Sik	-	25	5	3	30	3
12.	Yan	-	-	-	-	15	3
Jumlah		22	440	79	20	300	52

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Semakan Audit seterusnya mendapati, pengagihan untuk tahun 2009 yang dilakukan di PPVD yang dilawati adalah teratur mengikut arahan dan keputusan daripada Jabatan seperti bilangan peserta yang berjaya dan jumlah ternakan yang diberi. Peserta yang berjaya telah dimaklumkan terlebih dahulu berkenaan tarikh dan lokasi agihan ternakan yang berkenaan. Lokasi pengagihan kebiasaannya ditetapkan berdekatan dengan PPVD yang terlibat. Temu bual dengan 44 peserta mendapati bahawa pembekal telah menghantar ternakan ke lokasi yang ditetapkan untuk diagihkan.

Pemeriksaan terhadap 120 fail peserta di tiga PPVD mendapati, kesemua peserta telah menandatangani Borang Akuan Penerimaan Ternakan. Pemeriksaan Audit secara fizikal terhadap ternakan semasa lawatan ke lokasi ternakan peserta mendapati semua ternakan telah ditanda kenal *tagging* di telinga, jumlah yang ada dalam jagaan peserta dan nombor tag pengenalan adalah bersamaan dengan rekod Jabatan. Contoh adalah seperti di **Foto 5.7** dan **5.8**.

Foto 5.7
Lembu Yang Ditanda Kenal Di Telinga
Dengan Tag Pengenalan Bernombor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Banggol, Daerah Pendang
Tarikh: 21 Oktober 2009

Foto 5.8
Kambing Yang Ditanda Kenal Di Telinga
Dengan Tag Pengenalan Bernombor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Felcra Kubang Kenyeng, Daerah Padang Terap
Tarikh: 28 Oktober 2009

Pada pendapat Audit, pengagihan ternakan telah dilaksanakan secara baik dan teratur.

c) Kadar Kematian Ternakan Yang Tinggi

Pemeriksaan Audit semasa lawatan ke 46 lokasi penternak mendapati ternakan yang diagihkan, kelahiran dan kematian bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Ternakan Yang Diagihkan, Kelahiran Dan Kematian Di Lokasi Lawatan

Daerah	Ternakan					Peratus Kematian (%)
	Jenis	Yang Diagihkan (ekor)	Kelahiran Yang Hidup (ekor)	Kematian Induk & Baka (ekor)	Baki Hidup (ekor)	
Kuala Muda	Lembu	54	22	2	74	3.7
	Kambing	94	18	53	59	56.4
Padang Terap	Lembu	57	14	10	61	17.5
	Kambing	114	17	81	50	71.1
Pendang	Lembu	44	3	2	45	4.5
	Kambing	37	30	7	60	18.9
Jumlah	Lembu	155	39	14	180	9.0
	Kambing	245	65	141	169	57.6

Sumber: Analisis Borang Soal Selidik Dan Temu Bual Dengan Peserta Semasa Lawatan

Daripada jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa kadar kematian induk dan baka adalah tinggi bagi ternakan kambing iaitu 57.6% berbanding lembu iaitu 9.0% sahaja. Daerah Padang Terap pula mencatatkan kadar kematian yang paling tinggi diikuti Kuala Muda dan Pendang. Temu bual dengan peserta dan pegawai di PPVD yang dilawati mendapati, kematian ternakan biasanya berlaku pada peringkat permulaan selepas ternakan tersebut diagihkan kepada penternak kerana tekanan diakibatkan oleh perubahan persekitaran seperti lokasi, kandang, cuaca dan makanan.

Menurut maklum balas Jabatan, kadar kematian yang tinggi bagi ternakan kambing adalah berpunca daripada perubahan cuaca kerana kebanyakan kambing yang diagihkan adalah diimport dari Australia. Jabatan akan mengambil tindakan pencegahan dengan mensyaratkan kambing yang dihantar dari Australia perlulah divaksin terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada Jabatan kelak.

Pada pendapat Audit, kadar kematian ternakan kambing yang tinggi adalah tidak memuaskan kerana Jabatan boleh mencegah perkara ini daripada berlaku.

5.4.4 Prestasi Kewangan

Pemeriksaan Audit terhadap peruntukan dan perbelanjaan Program PPP bagi tahun 2007 hingga 2009 mendapati maklumat seperti di **Jadual 5.11**.

Jadual 5.11
Peruntukan Dan Perbelanjaan
Program Peningkatan Populasi Pembiak

Tahun	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
2007	1,714,700	1,709,308	5,392	99.7
2008	1,478,500	945,889	532,611	64.0
2009	1,798,000	1,333,792	464,208	74.2
Jumlah	4,991,200	3,988,989	1,002,211	79.9

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Daripada jadual di atas, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2007 adalah baik. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2008 dan 2009 adalah tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasaran perbelanjaan.

Menurut maklum balas Jabatan, pembelian ternakan bagi tahun 2008 dan 2009 banyak ditolak kerana ternakan tidak melepasi syarat-syarat tender bekalan.

5.4.5 Pengurusan Rekod Dan Maklumat

Jabatan telah menyelenggara fail individu bagi setiap peserta Skim TRUST untuk menyimpan semua maklumat yang berkaitan seperti Borang Permohonan, Borang Soal Siasat, Borang Akuan Terimaan Ternakan dan Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan. Jumlah peserta bagi setiap daerah yang dilawati dan jumlah fail pemohon yang diserahkan untuk pengauditan adalah seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Jumlah Peserta Dan Fail Individu Yang Diserahkan Untuk Pengauditan

Daerah	Jenis Ternakan	2007		2008		2009		Jumlah	
		Peserta	Fail Diserah	Peserta	Fail Diserah	Peserta	Fail Diserah	Peserta	Fail Diserah
Kuala Muda	Lembu	10	8	4	4	10	4	24	16
	Kambing	17	10	6	6	2	2	25	18
Padang Terap	Lembu	17	11	12	11	8	8	37	30
	Kambing	10	10	5	5	1	0	16	15
Pendang	Lembu	8	7	6	6	15	15	29	28
	Kambing	5	5	4	0	8	8	17	13
Jumlah	Lembu	35	26	22	21	33	27	90	74
	Kambing	32	25	15	11	11	10	58	46
Jumlah Keseluruhan		67	51	37	32	44	37	148	120

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Borang Permohonan

Semakan Audit mendapati, 87 daripada 120 Borang Permohonan terdapat di dalam fail peserta, manakala 33 Borang Permohonan tidak terdapat dalam fail berkenaan seperti di **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13
Jumlah Borang Permohonan Yang Terdapat Di Dalam Fail Individu

Daerah	Jenis Ternakan	2007		2008		2009		Jumlah	
		Fail Diserah	Borang Permohonan	Fail Diserah	Borang Permohonan	Fail Diserah	Borang Permohonan	Fail Diserah	Borang Permohonan
Kuala Muda	Lembu	8	8	4	4	4	4	16	16
	Kambing	10	7	6	6	2	2	18	15
Padang Terap	Lembu	11	10	11	0	8	8	30	18
	Kambing	10	9	5	0	0	-	15	9
Pendang	Lembu	7	5	6	6	15	12	28	23
	Kambing	5	5	0	-	8	1	13	6
Jumlah	Lembu	26	23	21	10	27	24	74	57
	Kambing	25	21	11	6	10	3	46	30
Jumlah Keseluruhan		51	44	32	16	37	27	120	87

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

b) Borang Soal Siasat

Semakan Audit mendapati, 84 daripada 120 Borang Soal Siasat terdapat di dalam fail peserta, manakala 36 Borang Soal Siasat tidak terdapat dalam fail berkenaan seperti di **Jadual 5.14**.

Jadual 5.14
Jumlah Borang Soal Siasat Yang Terdapat Di Dalam Fail Individu

Daerah	Jenis Ternakan	2007		2008		2009		Jumlah	
		Fail Diserah	Borang Soal Siasat	Fail Diserah	Borang Soal Siasat	Fail Diserah	Borang Soal Siasat	Fail Diserah	Borang Soal Siasat
Kuala Muda	Lembu	8	8	4	4	4	4	16	16
	Kambing	10	7	6	6	2	2	18	15
Padang Terap	Lembu	11	10	11	0	8	8	30	18
	Kambing	10	9	5	0	0	-	15	9
Pendang	Lembu	7	5	6	6	15	11	28	22
	Kambing	5	3	0	-	8	1	13	4
Jumlah	Lembu	26	23	21	10	27	23	74	56
	Kambing	25	19	11	6	10	3	46	28
Jumlah Keseluruhan		51	42	32	16	37	26	120	84

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

c) Borang Akuan Terimaan Ternakan

Semakan Audit mendapati kesemua 120 Borang Akuan Terimaan Ternakan terdapat di dalam fail peserta seperti di **Jadual 5.15**.

Jadual 5.15
Jumlah Borang Akuan Terimaan Ternakan Yang Terdapat Di Dalam Fail Individu

Daerah	Jenis Ternakan	2007		2008		2009		Jumlah	
		Fail Diserah	Borang Akuan Terimaan Ternakan	Fail Diserah	Borang Akuan Terimaan Ternakan	Fail Diserah	Borang Akuan Terimaan Ternakan	Fail Diserah	Borang Akuan Terimaan Ternakan
Kuala Muda	Lembu	8	8	4	4	4	4	16	16
	Kambing	10	10	6	6	2	2	18	18
Padang Terap	Lembu	11	11	11	11	8	8	30	30
	Kambing	10	10	5	5	0	-	15	15
Pendang	Lembu	7	7	6	6	15	15	28	28
	Kambing	5	5	0	-	8	8	13	13
Jumlah	Lembu	26	26	21	21	27	27	74	74
	Kambing	25	25	11	11	10	10	46	46
Jumlah Keseluruhan		51	51	32	32	37	37	120	120

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

d) Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan

Semakan Audit mendapati, 100 daripada 120 Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan terdapat di dalam fail peserta, manakala 20 Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan tidak terdapat dalam fail berkenaan seperti di **Jadual 5.16**.

Jadual 5.16
Jumlah Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan Yang Terdapat Di Dalam Fail Individu

Daerah	Jenis Ternakan	2007		2008		2009		Jumlah	
		Fail Diserah	Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan	Fail Diserah	Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan	Fail Diserah	Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan	Fail Diserah	Borang Perjanjian Pinjaman Ternakan
Kuala Muda	Lembu	8	8	4	4	4	4	16	16
	Kambing	10	0	6	6	2	2	18	8
Padang Terap	Lembu	11	11	11	10	8	5	30	26
	Kambing	10	9	5	5	0	-	15	14
Pendang	Lembu	7	7	6	6	15	15	28	28
	Kambing	5	0	0	-	8	8	13	8
Jumlah	Lembu	26	26	21	20	27	24	74	70
	Kambing	25	9	11	11	10	10	46	30
Jumlah Keseluruhan		51	35	32	31	37	34	120	100

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

e) Daftar Binatang Ternakan

Setelah pembekal menyerahkan binatang ternakan kepada peserta yang berjaya, Jabatan dan PPVD akan merekod bilangan ternakan yang diterima dan diagihkan ke dalam Daftar Stok Bekalan Pejabat iaitu Buku Kew. 314. Semakan Audit mendapati, maklumat yang direkod adalah tidak teratur dan kemas kini serta sukar untuk dikesan.

f) Rekod Agihan, Kelahiran Dan Kematian

Rekod agihan ada diselenggara di tiga PPVD yang dilawati. Bagaimanapun, rekod kelahiran dan kematian tidak diselenggara dengan lengkap sama ada di tiga PPVD yang dilawati atau di peringkat Jabatan.

g) Daftar Peserta

Daftar peserta ada disediakan secara manual di tiga PPVD tetapi tidak kemas kini. Semua maklumat peserta hanya disimpan di PPVD sahaja dan Jabatan tidak mempunyai maklumat yang terkini mengenai kedudukan peserta bagi tahun 2007 hingga 2009.

h) Laporan Kemajuan Bulanan

Semakan Audit mendapati, tidak ada Laporan Kemajuan Bulanan disediakan oleh PPVD bagi menunjukkan kemajuan atau kedudukan terkini Skim TRUST.

i) Laporan Prestasi

Laporan Prestasi Skim TRUST ada dikeluarkan oleh PPVD sekiranya ada permintaan daripada Jabatan. Maklumat yang dilaporkan ialah kedudukan jumlah binatang ternakan, kematian dan kelahiran, bilangan perjanjian serta perjanjian yang telah selesai juga dinyatakan. Semakan Audit mendapati laporan tersebut tidak disatukan oleh Jabatan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kedudukan terkini mengenai bilangan binatang ternakan yang masih hidup, mati, hilang atau kecurian dan bilangan anak ternakan yang dilahirkan. Bilangan perjanjian yang telah selesai, bilangan peserta dan ternakan terlibat juga tidak dapat disahkan.

j) Bancian Ternakan/Pengeluaran Daging

Setiap tahun, Jabatan telah membuat bancian berkenaan binatang ternakan dan jumlah pengeluaran daging ternakan tempatan di seluruh Negeri Kedah bagi mendapat maklumat kedudukan semasa. Semakan Audit mendapati, Jabatan ada menyelenggara maklumat bancian ternakan bagi tahun 2007 hingga 2009.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod dan maklumat Skim TRUST adalah tidak memuaskan kerana Jabatan tidak menyelenggara rekod dengan baik, teratur dan kemas kini.

5.4.6 Pemantauan

Pemantauan merupakan aspek penting dalam menjayakan pelaksanaan sesuatu program. Antara kaedah atau mekanisme pemantauan yang boleh dipraktikkan adalah seperti mesyuarat, laporan dan lawatan. Semakan Audit mendapati tiada sebarang garis panduan diwujudkan bagi melaksanakan Skim TRUST. Rancangan atau jadual lawatan ke lokasi peserta tidak disediakan di peringkat Jabatan serta PPVD dan lawatan hanya dibuat jika terdapat aduan daripada peserta. Semasa lawatan Audit bersama pegawai PPVD, terdapat

dua peserta di daerah Padang Terap dan tiga peserta di daerah Kuala Muda tidak dapat ditemui. Keadaan kandang penternak yang terbiar adalah seperti di **Foto 5.9** dan **Foto 5.10**.

Foto 5.9
Kandang Kambing Yang Ditinggalkan
Penternak Melebihi Dua Tahun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kubu, Daerah Padang Terap
Tarikh: 27 Oktober 2009

Foto 5.10
Kandang Kambing Terbiar
Selepas Semua Ternakan Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM. 39, Jln. Pedu, Daerah Padang Terap
Tarikh: 29 Oktober 2009

Semakan Audit seterusnya mendapati, rekod dan daftar yang diselenggara oleh Jabatan dan PPVD adalah tidak seragam dan kemas kini. Laporan Kemajuan Bulanan tidak disediakan dan tidak ada mesyuarat diadakan bagi membincangkan kemajuan Skim TRUST. Jawatankuasa TRUST Peringkat Negeri yang sepatutnya berperanan dalam pelaksanaan Skim TRUST juga tidak ditubuhkan.

Selain itu, pihak Audit juga mendapati kadar kematian ternakan kambing jenis kacukan adalah tinggi. Sebagai Jabatan yang bertanggungjawab mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik, Jabatan telah gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut. Punca kematian ternakan tidak dapat dikenalpasti. Pemeriksaan Audit di PPVD yang dilawati mendapati, *post-mortem* ada dibuat terhadap ternakan yang mati tetapi mengambil masa yang lama dan akhirnya tidak ada penyelesaian atau keputusan yang diberikan serta masalah kematian ternakan kambing berulang dari tahun ke tahun.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan Skim TRUST adalah tidak memuaskan kerana tidak ada mekanisme pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan.

5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program PPP adalah tidak memuaskan dan tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana ketidakcekan pihak yang mengurus dan memantau di peringkat Jabatan dan PPVD. Akibatnya, pendapatan peserta tidak meningkat dan bilangan ternakan juga tidak bertambah. Sehubungan dengan itu, adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Mewujudkan Jawatankuasa TRUST Peringkat Negeri seperti yang ditetapkan di dalam syarat Skim TRUST.
- b)** Memastikan perjanjian pinjaman ditandatangani oleh pihak yang terlibat.
- c)** Menguruskan proses pembayaran balik ternakan dengan lebih teratur dan berkesan.
- d)** Memastikan pengurusan rekod dan maklumat diselenggara dengan teratur dan lengkap.
- e)** Menyediakan jadual pemantauan terhadap penternak.

6. PENGURUSAN SISTEM KUTIPAN HASIL TANAH BERKOMPUTER

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 Pejabat Tanah Kuala Muda (Pejabat Tanah) adalah bertanggungjawab mengurus semua urusan yang berkaitan dengan pentadbiran tanah di Daerah Kuala Muda. Aktiviti di Pejabat Tanah ini merangkumi urusan pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Hasil Pejabat Tanah terdiri daripada cukai tanah berulang, cukai tanah tahun pertama, tunggakan cukai tanah, premium, lesen dan permit. Selain itu bayaran notis, denda lewat, denda rampasan tanah, carian rasmi dan lain-lain juga dikutip mengikut Aturan-Aturan Tanah Kedah (pindaan) 2009. Pengurusan kutipan hasil cukai tanah adalah diuruskan oleh Unit Hasil Tanah. Hasil cukai tanah yang dikutip oleh Pejabat Tanah Kuala Muda pada tahun 2007 hingga 2009 adalah berjumlah RM109.32 juta.

6.1.2 Daerah Kuala Muda adalah seluas 92,268 hektar dan mempunyai 16 mukim. Sehingga akhir Mei 2010, bilangan hak milik yang didaftarkan adalah sebanyak 186,653 yang terdiri daripada 73,107 hak milik Pejabat Tanah dan 113,546 hak milik Pendaftar. Pejabat Tanah menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi semua urusan mendaftarkan hak milik tanah. Manakala pengurusan kutipan hasil tanah pula dibuat melalui Sistem Pengurusan Hasil Tanah (SPHT). Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri telah menggantikan SPHT kepada Sistem Pengurusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) *Online*. Objektif SUKHAT adalah untuk membina semula dan mengganti aplikasi yang dibina bagi memberi kemudahan kepada pelanggan serta mempertingkatkan lagi hasil Kerajaan Negeri dan mengurangkan tunggakan hasil semasa. SUKHAT dibangunkan dengan menyediakan sembilan menu iaitu Bayaran, Akaun, Laporan Kerani Akaun, Kemaskini, Pertanyaan Dan Semakan, Meja Bantuan, Penyelenggaraan, Laporan Pegawai Dan Tukar Kata Laluan. Antara kemudahan yang diadakan adalah pembayaran cukai tanah berulang seperti pembayaran menerusi kad kredit, internet, pertanyaan melalui sistem pesanan ringkas (*sms*), kutipan luar, perhubungan dengan SPTB dan perhubungan dengan SPEKS. Sistem ini diguna pakai di 12 Pejabat Tanah Daerah di Negeri Kedah. Manakala Pejabat Tanah Dan Galian Negeri (PTG) pula memantau sistem ini bagi seluruh Negeri Kedah.

6.1.3 Kerajaan Negeri telah melantik sebuah syarikat untuk melaksanakan projek SUKHAT-*Online* di semua Pejabat Tanah Negeri Kedah. Kos bagi projek ini adalah bernilai RM2.16 juta bagi tempoh 2007 hingga 2010. Kerja yang perlu dilaksanakan adalah membekal, menghantar, memasang, mengintegrasikan, menguji, mentauliah dan menyenggara perkakasan (dalam tempoh jaminan), peralatan, perisian komputer dan sistem aplikasi tersebut.

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sistem kutipan hasil tanah berkomputer telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan hasil cukai tanah di Pejabat Tanah Kuala Muda bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Semakan Audit dijalankan terhadap fail, rekod kewangan, laporan dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kutipan hasil cukai tanah di Pejabat Tanah serta pengesahan hak milik Pendaftar di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG). Pengauditan dijalankan terhadap pelaksanaan pengurusan SUKHAT yang merangkumi kawalan keselamatan sistem, kawalan aplikasi dan kawalan persekitaran. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklum balas kepuasan pelanggan dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam penggunaan SUKHAT. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan terlibat dibuat bagi tujuan pengesahan maklumat serta membuat lawatan ke lokasi tanah.

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2009 hingga Mac 2010 mendapati secara umumnya pengurusan kutipan hasil cukai tanah melalui penggunaan SUKHAT *Online* adalah memuaskan. Sistem ini dapat membantu memudahkan urusan pentadbiran hasil dengan menyediakan kemudahan bayaran secara '*online*' dan meningkatkan hasil kerja. Bagaimanapun terdapat kelemahan integriti data iaitu dari segi kesahihan dan ketepatan data SUKHAT, perbezaan data antara SUKHAT dan SPTB, data hak milik tidak lengkap dan kemas kini, tunggakan cukai tanah sejumlah RM29.83 juta belum dikutip sehingga akhir tahun 2009 dan sejumlah RM0.53 juta terkurang dinyatakan. Selain itu, terdapat kelewatan memproses Notis 6A dan pengurusan surat peringatan tidak teratur, serta tindakan belum diambil terhadap pemilik tanah yang mempunyai tunggakan. Kawalan keselamatan dan kawalan kata laluan untuk SUKHAT adalah tidak memuaskan. Penemuan Audit mengenai perkara berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

6.4.1 Pengurusan Integrasi Data SUKHAT Dengan SPTB

Tujuan Sistem Integrasi Data adalah untuk mengekstrak data dari SPTB dan mewujudkan persamaan maklumat dan bilangan hak milik yang didaftarkan di SUKHAT. SUKHAT boleh menjana laporan-laporan perbezaan data antara SPTB dan SUKHAT dalam bentuk senarai dan statistik iaitu Laporan Senarai Hak Milik SUKHAT Yang Tiada Di SPTB. Sebanyak 1,467 hak milik SUKHAT tiada di SPTB.

Mengikut maklum balas PTKM, kerja pembersihan data sedang dilaksanakan oleh jabatan. Sebelum ini ianya tidak dapat diteruskan kerana proses pembersihan data ini merupakan kerja yang agak rumit dan memerlukan ketelitian. Kesibukan dan tumpuan kepada proses kutipan hasil yang berlaku pada setiap awal tahun menyebabkan kerja pembersihan data terpaksa ditangguhkan. Selain itu terdapat juga hak milik yang wujud dalam kedua-dua sistem iaitu SUKHAT dan SPTB. Bagaimanapun ianya masih tersenarai di dalam hak milik SUKHAT dan tiada di SPTB. Disebabkan dua sistem yang berlainan ini tidak dapat berhubung antara satu sama lain menyebabkan berlakunya pertindihan data dan proses pembersihan data perlu dilakukan secara manual yang akan mengambil masa yang lama. Selain itu, untuk menyelesaikan masalah ini suatu peruntukan diperlukan untuk menambah pegawai khas yang mempunyai kepakaran dan kebolehan untuk menyelia sistem tersebut, di mana kos peruntukan adalah tinggi.

6.4.1.1 Ketepatan Dan Kesahihan Data Dalam SUKHAT Diragui

Sebanyak 60 daripada 1,467 hak milik telah disemak dan didapati cukai tanah bagi 42 hak milik berjumlah RM95,434 yang tiada di SPTB telah dibayar oleh pemilik melalui SUKHAT. Bayaran cukai tanah yang telah dibuat adalah bagi tahun 2004 hingga 2009. Selain itu analisis selanjutnya terhadap 100 hak milik mendapati perkara berikut:

a) Hak Milik Pejabat Tanah

- i) Dua hak milik 020503020000698 dan 020501GM00000671 telah dibuat pengambilan pada tahun 1992 dan 1996. Hak milik ini telah dibatalkan dalam SPTB. Bagaimanapun SUKHAT menunjukkan hak milik 020503020000698 mempunyai tunggakan cukai sejak tahun 1992 hingga 2009 berjumlah RM1,163. Manakala hak milik 020501GM00000671 pula mempunyai tunggakan sejak 1994 hingga 2009 berjumlah RM5,270. Kedua-dua hak milik ini sepatutnya dibatalkan dalam SUKHAT.

Maklum balas PTKM, semakan semula telah dilakukan terhadap hak milik 020502020000698 dan 020501GM00000671 dan mendapati hak milik tersebut telah dibatalkan. Hak milik tersebut telah dibatalkan dalam sistem SUKHAT dan pengemaskinian hak milik sambungan telah dilakukan.

- ii) Sebanyak 24 hak milik SPTB yang telah didaftarkan pada tahun 2009 tetapi tidak dikemaskinkan dalam SUKHAT. Hak milik lama masih aktif dalam SUKHAT dan sepatutnya dibatalkan hak milik lama dan diganti dengan hak milik baru. Butiran adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Hak Milik SPTB Yang Belum Didaftarkan Ke SUKHAT

Bil.	Nombor Hak Milik	Tarikh Daftar SPTB
1.	020506HSM00000235	5/11/2009
2.	020516HSM00000440	5/11/2009
3.	020541GM00002086	10/11/2009
4.	020516GM00001831	10/11/2009
5.	020516HSM00000445	10/11/2009
6.	020516HSM00000446	10/11/2009
7.	020511HSM00001864	10/11/2009
8.	020516HSM00000441	15/11/2009
9.	020516HSM00000442	15/11/2009
10.	020516HSM00000443	15/11/2009
11.	020516HSM00000444	15/11/2009
12.	020501HSM00000782	15/11/2009
13.	020501HSM00000781	15/11/2009
14.	020503HSM00002153	15/11/2009
15.	020550HSM00000270	17/11/2009
16.	020541HSM00002645	17/11/2009
17.	020541HSM00002646	17/11/2009
18.	020541HSM00002647	17/11/2009
19.	020514HSM00001751	17/11/2009
20.	020514HSM00001750	17/11/2009
21.	020516HSM00000447	17/11/2009
22.	020541HSM00002648	22/11/2009
23.	020516HSM00000448	22/11/2009
24.	020503HSM00002161	22/11/2009

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Muda

Mengikut maklum balas PTKM, kesemua hak milik tersebut telah dikemaskini ke dalam SUKHAT.

- iii) Mengikut Laporan Senarai Hak Milik SUKHAT Yang Tiada Di SPTB, dua hak milik iaitu 0205030200000296 dan 0205070700000198 tiada dalam SPTB. Bagaimanapun semakan Audit mendapati hak milik tersebut wujud di SPTB.

Pihak PTKM telah mengambil tindakan bagi kedua-dua hak milik tersebut.

- iv) Mengikut SUKHAT akaun hak milik 020502070000181 masih aktif. Mengikut SPTB pula hak milik tersebut adalah hak milik sambungan 020502PM00000002 dan berstatus pajakan selama 60 tahun kepada TNB untuk tujuan Tapak Pencawang Elektrik. Sepatutnya SUKHAT mengemaskinkan data hak milik sambungan dan membatalkan hak milik lama. Selain itu terdapat perbezaan nombor lot dan keluasan tanah pada hak milik tersebut antara SUKHAT dan SPTB.

Pihak PTKM memaklumkan setelah semakan semula dilakukan ke atas geran tunggul hak milik tersebut, hak milik itu telah disambung kepada hak milik baru iaitu 020502PM00000002 bukan kepada hak milik 020507000018. Pengemaskinian telah dilakukan kepada hakmilik baru tersebut.

- v) Hak milik 020516GM0000264 seluas 0.8723 hektar telah dibuat pengambilan tanah mengikut no. Pers. 289/2008 pada 8 Mei 2008 seluas 0.0223 hektar. Bagaimanapun data ini tidak dikemaskinikan dalam SPTB.

Pihak PTKM memaklumkan pengemaskinian semula telah dilakukan bagi hakmilik tersebut.

- vi) Pemindahan data bagi 43 helaian Geran Mukim di Buku 3 (Gurun) belum dibuat ke SPTB.

Pihak PTKM memaklumkan data-data tersebut adalah data yang dibawa daripada sistem SPHT yang lama. Tiada integrasi di antara sistem SPHT yang lama dengan SPTB.

b) Hak Milik Pendaftar

- i) Dua hak milik 0205030500001777 dan 0205030500001877 yang aktif dalam SUKHAT tetapi tidak wujud dalam SPTB dan berstatus batal. Kadar cukai tanah tahunan dikenakan adalah sejumlah RM200 bagi setiap hak milik. Bayaran cukai dibuat sehingga tahun 2010. Hak milik ini adalah atas nama "Majlis Tempatan Jeniang".

PTKM memaklumkan pihaknya telah berhubung dengan Bahagian Pendaftaran Hak Milik PTG untuk menukar ganti hak milik manual tersebut ke dalam hak milik komputer di SPTB.

- ii) Dua hak milik 0205010900065050 dan 0205010900065051 masih aktif dalam SUKHAT tetapi tidak wujud dalam SPTB. Kadar cukai tahunan yang dikutip masing-masing berjumlah RM1,437 dan RM679. Kedua-dua hak milik ini didaftarkan atas pemilik yang sama.

Mengikut maklum balas PTKM, pihaknya telah berhubung dengan Bahagian Pendaftaran Hak Milik PTG untuk menukar ganti hak milik manual tersebut ke dalam hak milik komputer di SPTB.

- iii) Hak milik 120546HSD1163/92 telah diserahkan balik kepada Pejabat Tanah dan telah dibatalkan di SPTB tetapi masih aktif dalam akaun SUKHAT. Hak milik ini menunjukkan tunggakan sejumlah RM20,734 untuk tahun 1993 hingga 2009.

PTKM memaklumkan hak milik tersebut telah dibatalkan di SUKHAT.

6.4.1.2 Perbezaan Data Antara SUKHAT Dan SPTB

Data pada SUKHAT seperti keluasan hak milik, syarat nyata hak milik dan kadar cukai tahunan hendaklah berpadanan dengan data pada SPTB bagi memastikan kadar cukai yang dikutip adalah tepat. Oleh yang demikian, pihak Audit telah membuat perbandingan data antara SUKHAT dengan SPTB dan mendapati perkara berikut:

a) Data Keluasan Dan Syarat Nyata Hak Milik Pada SUKHAT Dan SPTB Adalah Berbeza

Berdasarkan Laporan Senarai Cukai SUKHAT Berbeza Cukai SPTB, sebanyak 60 hak milik telah disemak. Didapati sebanyak empat hak milik mempunyai perbezaan data keluasan dan syarat nyata hak milik, sembilan perbezaan keluasan hak milik dan 11 perbezaan syarat nyata. Perbezaan pada data berkenaan menyumbang kepada berlakunya perbezaan kadar kutipan cukai tahunan pada kedua-dua sistem tersebut. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Perbezaan Keluasan Dan Syarat Nyata Antara SUKHAT Dengan SPTB

Bil.	No. Hak Milik	Keluasan Tanah (ha)			Kod Syarat Nyata	
		SUKHAT	SPTB	Perbezaan	SUKHAT	SPTB
1.	020503HSM001/1985	1.3552	1.4847	0.1295	Kampung	Dusun
2.	020508GM00001644	0.5002	0.5432	0.0430	Padi Warta	Ragi
3.	020508GM00001651	1.3846	1.4276	0.0430	Padi Warta	Ragi
4.	020508GM00001659	1.0385	1.1154	0.0769	Padi Warta	Ragi
5.	020511GM00000049	0.0007	0.2909	0.2902	-	-
6.	020511GM00000056	0.4780	0.6000	0.1220	-	-
7.	020511GM00000057	1.0239	1.3469	0.3230	-	-
8.	020516GM00000442	1.0640	1.5130	0.4490	-	-
9.	020516GM00000452	1.1662	1.4088	0.2426	-	-
10.	020508GM00001661	0.1557	0.4035	0.2478	-	-
11.	020508GM00001662	0.4304	0.4481	0.0577	-	-
12.	020508GM00001663	0.2362	0.2792	0.0430	-	-
13.	020508GM00001664	0.7829	0.8259	0.0430	-	-
14.	020515GM00002963	-	-	-	Padi Biasa	Ragi
15.	020511GM00000074	-	-	-	Kampung	Rebia
16.	020511GM00000060	-	-	-	Industri Sederhana	Kilang
17.	020501PM000000001	-	-	-	Padi Biasa	Ragi
18.	020509PM000000001	-	-	-	Padi Biasa	Ragi

Sumber: Senarai Cukai SUKHAT Berbeza Cukai SPTB Daerah, PTKM

Mengikut maklum balas PTKM, keluasan dalam sistem SUKHAT mengambil kira keluasan sebenar setelah ditolak keluasan akibat pengambilan tanah. Perbezaan keluasan ini adalah bagi kes hak milik yang belum dibuat sambungan akibat pengambilan sebahagian tanah. Kod syarat nyata dalam SPTB tidak konsisten dengan keterangan syarat.

b) Kadar Cukai Tahunan SUKHAT Melebihi Kadar SPTB

Kadar cukai tahunan hak milik pada SUKHAT hendaklah sama dengan yang didaftarkan pada SPTB. Namun begitu, daripada Laporan Senarai Cukai SUKHAT Berbeza Cukai SPTB, pihak Audit mendapati 13 hak milik yang disemak menunjukkan kadar cukai tahunan pada SUKHAT telah melebihi kadar cukai tahunan di SPTB seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Kadar Cukai Tanah SUKHAT Lebih Tinggi Berbanding Dengan SPTB

Bil.	Nombor Hak Milik	Keluasan Tanah	Syarat Nyata	Cukai Tanah (RM)		Jumlah Perbezaan (RM)
				SUKHAT	SPTB	
1.	020503GM00001009	0.4837 ha	Dusun	22	16	6
2.	020503GM00001008	0.7013 ha	Dusun	23	22	1
3.	020503GM00001006	0.7583 ha	Getah	35	30	5
4.	020503GM00001030	0.4205 ha	Getah	19	17	2
5.	020504GM00000048	6.3903 ha	Padi Warta	160	128	32
6.	020502HSM002/1991	2.1614 ha	Padi Warta	33	29	4
7.	020502HSM001/1992	1.0674 ha	Nipah	35	33	2
8.	020502HSM001/1987	0.7360 ha	Dusun	24	23	1
9.	020503GM000000967	0.4396 ha	Getah	15	14	1
10.	020503HSM211/1989	92.9959 m ²	Terrace	45	40	5
11.	020503HSM240/1989	92.9959 m ²	Terrace	45	40	5
12.	020503HSM212/1989	92.9959 m ²	Terrace	45	40	5
13.	020503HSM255/1989	179.0242 m ²	Terrace	45	40	5

Sumber: Senarai Cukai SUKHAT Berbeza Cukai SPTB Daerah, PTKM

Maklum balas daripada PTKM, hak milik tersebut terlepas pandang daripada semakan cukai tahun 2005. Pengemaskinian cukai telah dibuat dalam sistem SUKHAT berdasarkan kadar baru.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan SUKHAT adalah tidak memuaskan kerana tiada integrasi data antara SUKHAT dan SPTB.

6.4.1.3 Data Hak Milik Tidak Lengkap

Data hak milik hendaklah lengkap terutamanya bagi medan nama dan alamat pemilik agar Pejabat Tanah dapat menghubungi pemilik tersebut sekiranya sebarang tindakan perlu diambil terhadap mereka. Medan nama pemilik perlu diisi bagi mengenal pasti nama hak pemilik adalah bersamaan dengan nama di hak milik asal. Berdasarkan Laporan Senarai Tunggakan Hasil Pejabat Tanah Kuala Muda tahun 2009, sebanyak 8,947 daripada 12,597 hak milik tidak diisi medan alamat pemilik di SUKHAT. Oleh yang demikian, Pejabat Tanah tidak dapat mengutip tunggakan berjumlah RM11.79 juta. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Tiada Maklumat Di Medan Nama Dan Alamat Pemilik

Lima hak milik tidak mengandungi maklumat di medan nama dan alamat pemilik seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Hak Milik Yang Tiada Maklumat Nama Dan Alamat Pemilik

Bil.	Nombor Hak Milik	Keluasan Tanah	Tahun Tunggakan	Cukai Tanah (RM)	Jumlah Tunggakan Cukai (RM)
1.	020546GRN00084502	14,331 m ²	2007 - 2009	28,636	123,425
2.	0205672100000011	148.65 m ²	1968 - 2009	100	6,886
3.	0205672100000010	148.65 m ²	1968 - 2009	100	6,886
4.	0205670100008058	192 m ²	2005 - 2009	170	1,584
5.	0205670100007171	0.07 ha	1990 - 2009	2	499

Sumber: Data SUKHAT PTKM

Mengikut maklum balas, PTKM sedang mengambil tindakan pengemaskinian.

b) Tiada Maklumat Di Medan Nama Pemilik

Medan nama pemilik bagi 13 hak milik telah dicatatkan sebagai '(PEMBAYAR)', '/' dan '.' seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Hak Milik Yang Tidak Mempunyai Nama Pemilik

Bil.	Nombor Hak Milik	Nama Pemilik	Keluasan Tanah	Jumlah Tunggakan Cukai (RM)
1.	020507HSD13500/96	(PEMBAYAR)	2.888 ha	44
2.	020514GRN00030035	(PEMBAYAR)	185 m ²	200
3.	0205400900062980	(PEMBAYAR)	157.94 m ²	200
4.	020546GRN00098706	(PEMBAYAR)	143 m ²	200
5.	020503HSD00027447	(PEMBAYAR)	386 m ²	80
6.	020546HSD00034751	(PEMBAYAR)	102.193 m ²	45
7.	020546HSD00061569	(PEMBAYAR)	102 m ²	45
8.	020546HSD00093231	(PEMBAYAR)	160 m ²	45
9.	020546GRN00063094	(PEMBAYAR)	98 m ²	45
10.	020546HSD00047330	.	143 m ²	95
11.	020541HSD00055934	.	130 m ²	95
12.	020541HSD00057192	.	130 m ²	45
13.	020546HSD00092992	/	239 m ²	45

Sumber: Laporan Senarai Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Amaun Tunggakan PTKM

PTKM memaklumkan tindakan pengemaskinian nama telah diambil berdasarkan semakan nama dalam SPTB.

c) Tiada Maklumat Di Medan Alamat Pemilik

10 hak milik yang tidak mempunyai alamat pemilik seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Hak Milik Yang Tidak Mempunyai Alamat Pemilik

Bil.	Nombor Hak Milik	Keluasan Tanah	Tunggakan Cukai	
			Tahun	Jumlah (RM)
1.	0205670100006044	172.34 m ²	-	200
2.	0205010500002184	133.78 m ²	1986 - 2009	850
3.	0205140200001098	3 m ²	1997 - 2009	740
4.	0205030700017986	457.83 m ²	2000 - 2009	420
5.	0205110700000378	334.45 m ²	2005 - 2009	337
6.	0205400500080097	130 m ²	2009 - 2009	95
7.	0205110200000418	130 m ²	2009 - 2009	95
8.	0205030200000698	1.72 ha	1992 - 2009	1,163
9.	0205030700002180	1.29 ha	1995 - 2009	405
10.	0205030700001197	0.81 ha	2004 - 2009	85

Sumber: Laporan Senarai Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Amaun Tunggakan, PTKM

Maklum balas PTKM, pengemaskinian alamat akan dilakukan dengan Jabatan Pendaftaran Negara berdasarkan nombor kad pengenalan yang ada.

Pada pendapat Audit, data hak milik SUKHAT adalah tidak memuaskan kerana tidak lengkap. Ini mengakibatkan tunggakan sejumlah RM11.79 juta tidak dapat dikutip bagi 8,947 hak milik.

6.4.2 Prestasi Kutipan Cukai Tanah Berulang

Cukai tanah berulang adalah cukai tanah tahunan bagi tanah milik yang dibayar kepada Kerajaan Negeri mengikut Aturan Tanah Kedah 1966. Cukai ini perlu dibayar sebelum 1 Jun pada setiap tahun. Semakan Audit mendapati prestasi kutipan cukai tanah berulang pada tahun 2007 dan 2008 telah meningkat melebihi sasaran masing-masing sebanyak 112% dan 110.3% iaitu berjumlah RM33.89 juta dan RM33.40 juta berbanding dengan sasaran yang ditetapkan. Manakala bagi tahun 2009 pencapaian adalah menurun sebanyak 74.6% iaitu RM28.04 juta berbanding dengan sasaran berjumlah RM37.60 juta. Prestasi kutipan cukai tanah berulang pada tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Prestasi Kutipan Cukai Tanah Berulang Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Sasaran (RM Juta)	Pencapaian (RM Juta)	Pencapaian/Sasaran (%)
2007	30.28	33.89	112.0
2008	30.28	33.40	110.3
2009	37.60	28.04	74.6
Jumlah	98.16	95.33	97.1

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Muda

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai tanah berulang pada tahun 2009 adalah tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasaran.

6.4.3 Tunggakan Cukai Tanah

Sekiranya cukai tanah tidak dibayar selepas 31 Mei, cukai ini akan dikira sebagai tunggakan dan denda lewat akan dikenakan ke atas jumlah keseluruhan cukai yang perlu dibayar. Mengikut Seksyen 97 KTN, jika cukai tanah beri milik yang kena dibayar adalah dalam tunggakan, Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan notis tuntutan borang 6A. Mengikut Seksyen 100 KTN pula, tindakan penyitaan oleh Pentadbir Tanah boleh diambil terhadap hak milik tersebut jika tunggakan tidak dijelaskan dan tindakan merampas boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Mengikut Laporan Akaun Belum Terima (ABT), tunggakan cukai tanah sehingga 31 Disember 2009 adalah berjumlah RM29.83 juta. Jumlah tunggakan di Pejabat Tanah Kuala Muda merupakan yang tertinggi di antara Pejabat Tanah di Negeri Kedah. Kedudukan tunggakan cukai tanah adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Tunggakan Cukai Tanah Sehingga Disember 2009

Tempoh Tunggakan	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
Bawah 1 tahun	7.86
1 hingga 2 tahun	2.45
2 hingga 3 tahun	1.77
Lebih daripada 3 tahun	17.75
Jumlah	29.83

Sumber: Penyata Tahunan Tunggakan Hasil 31 Disember 2009

PTKM memaklumkan tindakan sedang diambil bagi mengeluarkan Notis 6A bagi mengurangkan tunggakan cukai tanah. Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Negeri telah memutuskan supaya setiap Pejabat Tanah Daerah mengeluarkan sekurang-kurangnya lima Notis 6A setiap bulan untuk tujuan mengurangkan tunggakan cukai tanah.

6.4.3.1 Tunggakan Cukai Tanah Terkurang Nyata

Mengikut Laporan Senarai Hak Milik Yang Tidak Dijelaskan Baki Kurang Bayar Bagi Tahun 2009, cukai tanah bagi 326 hak milik berjumlah RM529,943 masih belum dijelaskan. Semakan Audit mendapati jumlah tersebut tidak diambil kira dalam Laporan Tunggakan Cukai Tanah Bagi Tahun 2009.

Mengikut maklum balas, PTKM dalam tindakan mengeluarkan Notis Pentadbiran sebagai peringatan membayar baki cukai tanah kepada yang terlibat.

6.4.3.2 Tunggakan Cukai Tanah Belum Dijelaskan

- a) Mengikut Laporan Hak Milik Yang Mempunyai Cukai Tanah Tertunggak Untuk Tempoh Melebihi 15 Tahun yang dikeluarkan pada 1 April 2010 ianya adalah sejumlah RM3.99 juta melibatkan 2,823 hak milik. Daripada bilangan tersebut sebanyak 78 hak milik mempunyai tunggakan melebihi 15 tahun ia itu antara RM5,019 hingga RM360,504.
- b) Mengikut Laporan Tunggakan Hasil Melebihi RM10,000 pula menunjukkan 20 daripada 147 hak milik mempunyai tunggakan cukai melebihi RM50,000. Semakan Audit terhadap 8 hak milik mendapati:

i) Hak Milik 020514GRN00053930

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah - RM360,504

Tapak hak milik bernombor 020514GRN00053930 (No. Lot 18911) berkeluasan 40,463 meter persegi adalah bagi tujuan bangunan. Semakan terhadap Laporan Hak Milik Yang Mempunyai Cukai Tertunggak menunjukkan hak milik ini mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah RM360,504 bagi tempoh 1994 hingga 2009. Notis Siasatan (Notis 2A) telah dikeluarkan pada tahun 2009 untuk menuntut amaun yang tertunggak. Hasil siasatan Pejabat Tanah, pemilik telah mengemukakan cabutan MMK pada 15 Januari 1992 bagi pengecualian cukai tanah untuk sebuah sekolah persendirian. Bagaimanapun perkara ini masih dalam siasatan Pejabat Tanah.

Mengikut maklum balas PTKM bagi hak milik ini, tanah tersebut telah didaftarkan dalam geran atas nama pemilik perseorangan namun tanah tersebut digunakan untuk membina sebuah sekolah persendirian. Pemilik perlu memindah milik tanah tersebut kepada sekolah persendirian berkenaan terlebih dahulu sebelum cabutan MMK pada 15 Januari 1992 boleh diguna pakai bagi tanah berkenaan. Urusan pindah milik tanah tersebut sedang dilakukan oleh pemilik tanah. Setelah urusan pindah milik berkenaan selesai maka barulah pindaan kadar cukai mengikut pindaan MMK boleh dilakukan ke dalam sistem SUKHAT.

ii) Hak Milik 020512140000171

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah - RM251,520

Hak milik bernombor 020512140000171 berkeluasan 174.47 hektar didaftarkan bagi tujuan pertanian (Getah). Semakan terhadap Laporan Hak Milik Yang Mempunyai Cukai Tertunggak menunjukkan hak milik tersebut mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah RM251,520 bagi tempoh tahun 1995 hingga 2009 iaitu melebihi 14 tahun. Tindakan Seksyen 97 dan Seksyen 100 KTN belum diambil terhadap pemilik tanah walaupun tiada bayaran dibuat.

Berdasarkan maklum balas PTKM, hak milik berkenaan masih dalam siasatan untuk diambil tindakan di bawah Seksyen 100 KTN.

iii) Hak Milik 020540HSD87034

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah – RM182,844

Hak milik bernombor 020540HSD87034 (No. PT 5014) berkeluasan 217,320 meter persegi didaftarkan bagi tujuan bangunan. Tunggakan keseluruhan bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah berjumlah RM182,844. Notis Pemberitahu telah dikemukakan kepada pemilik pada 11 November 2009. Bagaimanapun tindakan mengikut Seksyen 100 KTN belum diambil terhadap pemilik tanah.

Berdasarkan maklum balas PTKM, hak milik berkenaan masih dalam siasatan untuk diambil tindakan di bawah Seksyen 100 KTN.

iv) Hak Milik 020511GRN47014

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah - RM114,551

Hak milik bernombor 020511GRN47014 (No.Lot 2) berkeluasan 208,638 meter persegi didaftarkan bagi tujuan bangunan. Tunggakan keseluruhan hak milik ini bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah berjumlah RM114,551. Notis Siasatan (Notis 2A) telah dikeluarkan kepada pemilik pada tahun 2009 untuk menuntut amaun yang tertunggak dan tiada bayaran dibuat. Lawatan Audit mendapati kawasan tersebut merupakan tapak Stesen Kereta Api Bedong dan sedang dibangunkan untuk projek landasan kereta api berkembar seperti di **Foto 6.1** dan **Foto 6.2**.

Berdasarkan maklum balas PTKM bagi hak milik berkenaan Notis 2A telah dikeluarkan dan pemilik berjanji untuk menjelaskan cukai berkenaan. Namun proses Notis 6A akan dikeluarkan kerana pemilik masih gagal menjelaskan bayaran tersebut.

Foto 6.1
Tapak Stesen KTMB Bedong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Stesen Kereta Api Bedong
Tarikh: 31 Mac 2010

Foto 6.2
Tapak Projek Landasan Kereta Api Berkembar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Stesen Kereta Api Bedong
Tarikh: 31 Mac 2010

v) Hak Milik 020502HSD795/97

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah - RM143,648

Hak milik bernombor 020502HSD795/97 (No. Lot 170) berkeluasan 29.696 hektar didaftarkan bagi tujuan Perusahaan Perindustrian. Tunggakan keseluruhan hak milik ini bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah berjumlah RM143,648. Notis Pemberitahu telah dikemukakan kepada pemilik pada 2 November 2009. Bagaimanapun tindakan mengikut Seksyen 100 KTN belum diambil terhadap pemilik tanah.

Pihak PTKM telah berusaha untuk mengeluarkan Notis 2A, namun alamat pemilik gagal dikesan. Semakan alamat melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah dilakukan, namun alamat masih gagal dikesan. Usaha untuk mengesan alamat akan terus dilakukan bagi proses pengeluaran Notis.


vi) Hak Milik 020503GRN59093

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah - RM103,044

Hak milik bernombor 020503GRN59093 (No. Lot 6444) berkeluasan 3,751 meter persegi didaftarkan bagi tujuan bangunan perniagaan. Semakan Audit terhadap Laporan Hak Milik Yang Mempunyai Cukai Tertunggak mendapati bagi tempoh 2000 hingga 2009 tunggakan cukai tanah hak milik ini adalah berjumlah RM103,044. Notis Siasatan (Notis 2A) telah dikeluarkan kepada pemilik pada tahun 2009 dan sehingga kini tiada bayaran dibuat. Tindakan mengikut Seksyen 100 KTN belum diambil terhadap pemilik tanah. Lawatan Audit ke tapak mendapati kawasan tersebut masih belum dibangunkan dan dipenuhi dengan belukar dan semak samun seperti di **Foto 6.3** dan **Foto 6.4**.

Foto 6.3


**Tapak Bangunan Perniagaan
Yang Belum Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 6444, Jalan Semeling, Bedong
Tarikh: 31 Mac 2010

Foto 6.4

**Tapak Bangunan Perniagaan
Yang Belum Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 6444, Jalan Semeling, Bedong
Tarikh: 31 Mac 2010

Berdasarkan maklum balas PTKM, tindakan mengeluarkan Notis 2A telah dilakukan, namun pemilik masih gagal melakukan pembayaran. Pihak PTKM akan mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 100 KTN.

vii) Hak Milik 020549HSD88261

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah - RM105,647

Hak milik bernombor 020549HSD88261 berkeluasan 56,251 meter persegi didaftarkan bagi tujuan Perusahaan Perindustrian (Ternak Udang). Semakan Audit terhadap Laporan Hak Milik Yang Mempunyai Cukai Tertunggak menunjukkan hak milik tersebut mempunyai tunggakan cukai tanah dari tahun 1985 hingga 2009 berjumlah RM105,647. Tindakan mengikut Seksyen 97 dan Seksyen 100 KTN belum diambil terhadap pemilik tanah.

Pihak PTKM telah berusaha untuk mengeluarkan Notis 2A, namun alamat pemilik gagal dikesan. Semakan alamat melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah dilakukan, namun alamat masih gagal dikesan. Usaha untuk mengesan alamat akan terus dilakukan bagi proses pengeluaran Notis.

viii) Hak Milik 020546GRN00008675

Jumlah Tunggakan Cukai Tanah - RM102,140

Hak milik bernombor 020546GRN00008675 (No. Lot 8225) berkeluasan 87,139 hektar didaftarkan bagi tujuan pertanian (Getah). Mengikut nombor perserahan F24236/2098 Jil.16 Fol.46 bth. 15 Januari 1996 hak milik ini terlibat dengan pengambilan sebahagian tanah seluas 4.34673 hektar. Semakan Audit terhadap Laporan Hak Milik Yang Mempunyai Cukai Tertunggak menunjukkan hak milik tersebut mempunyai tunggakan cukai tanah dari tahun 1994 hingga 2009 berjumlah RM102,140. Tindakan mengikut Seksyen 97 dan Seksyen 100 KTN belum diambil terhadap pemilik tanah.

Bagi hak milik ini PTKM telah berusaha untuk mengeluarkan Notis 2A, namun kad pengenalan pemilik dan alamat gagal dikesan walaupun melalui geran tunggul. Usaha untuk mengesan nombor kad pengenalan dan alamat akan terus dilakukan bagi proses pengeluaran Notis.

c) Tanah Anugerah Yang Belum Dijelaskan Premium Dan Cukai Tanah

Seramai 11 orang awam telah dianugerahkan tanah oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap fail siasatan mendapati pemilik tersebut belum menjelaskan tunggakan cukai tanah melibatkan tahun 1993 hingga 2009 berjumlah RM83,714. Pejabat Tanah telah mengemukakan surat peringatan kepada pegawai tersebut pada September 2009. Jumlah cukai tanah yang masih belum dijelaskan adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Tanah Anugerah Yang Mempunyai Tunggakan
Premium Dan Cukai Tanah

Bil	No. Hakmilik	Tahun Tunggakan	Tunggakan Cukai (RM)
1.	020546HSD01163/92	1993-2009	20,575
2.	020546HSD02116/92	1992-2009	19,934
3.	020546HSD05150/95	1998-2009	15,756
4.	020546HSD01987/92	1998-2009	7,182
5.	020546HSD00018015	2003-2009	5,648
6.	020546HSD00018013	2007-2009	2,230
7.	020546HSD00018016	2004-2009	4,476
8.	020546HSD00018011	2003-2009	4,488
9.	020546HSD00027740	2008-2009	1,843
10.	020546HSM00023862	2009-2009	853
11.	020546HSM00023859	2009-2009	729
Jumlah			83,714

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Muda

Mengikut maklum balas PTKM, tindakan menghantar notis peringatan telah dilakukan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kedah pada tahun 2009 kepada pemilik. Tindakan pembayaran belum dilakukan. Pihak PTG sedang berusaha melakukan pemotongan gaji secara ansuran bulan terhadap tanah tersebut.

Pada pendapat Audit, kutipan tunggakan premium dan cukai tanah adalah tidak memuaskan kerana kelewatan membuat siasatan dan tiada tindakan susulan. Tindakan menghantar Notis 6A mengikut Seksyen 97 dan tindakan merampas tanah mengikut Seksyen 100 KTN juga tidak diambil.

6.4.4 Pengurusan Bayaran Tunggakan Cukai Tanah Secara Ansuran

Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bil.1 Tahun 2006 mengenai Tatacara Penyelesaian Tunggakan Cukai memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah untuk meluluskan pembayaran tunggakan hasil secara ansuran. Ansuran tersebut hendaklah dijelaskan bersekali dengan cukai bagi tahun semasa tiap-tiap bulan sehingga ke bulan Disember tahun berkenaan atau selama tempoh yang tidak melebihi 12 bulan. Pemilik tanah boleh memohon kelulusan daripada Pentadbir Tanah untuk membuat bayaran tunggakan secara ansuran. Satu Daftar Tunggakan hendaklah diselenggara bagi merekodkan permohonan yang diluluskan dan mengawal pungutan tunggakannya. Kutipan yang diterima dimasukkan ke akaun deposit. Perintah Pemindahan Hasil dari akaun deposit ke hasil dibuat apabila bayaran ansuran tersebut diselesaikan dengan sepenuhnya. Pada tahun 2008, kutipan ansuran tunggakan cukai tanah secara manual telah dihentikan di mana kutipan ansuran yang diterima terus diperakaunkan ke menu SUKHAT. Semakan Audit mendapati:

6.4.4.1 Modul Ansuran SUKHAT Tidak Digunakan

Modul Ansuran SUKHAT disediakan meliputi penyelenggaraan akaun ansuran, pengiraan ansuran mengikut tahun, mengemas kini maklumat ansuran dan menjana Laporan Ansuran. Semakan Audit mendapati menu ini tidak digunakan oleh Pejabat Tanah walaupun terdapat bayaran tunggakan cukai tanah yang dibuat secara ansuran pada tahun 2008 hingga 2009. Kutipan tersebut diperakaunkan terus ke Hasil. Sebanyak tiga pemilik terlibat dengan ansuran tunggakan cukai tanah.

PTKM akan menggunakan modul tersebut untuk kes pembayaran ansuran yang akan datang.

6.4.4.2 Bayaran Dan Jadual Ansuran Tidak Ditetapkan

Satu pemilik telah diluluskan untuk membuat bayaran secara ansuran bagi hasil tanah tahun 2007 dan 2008 berjumlah RM 1.70 juta bagi 439 lot kosong Fasa 4 dan 1,221 lot kosong Fasa 5 di Bandar Puteri Jaya. Kelulusan ini telah diberi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah bertarikh 12 Ogos 2009. Semakan Audit mendapati tiada jumlah ansuran dan jadual pembayaran ditetapkan oleh Pejabat Tanah. Selain itu, kedudukan bayaran ansuran bagi dua lagi syarikat tidak dapat disahkan kerana fail tidak dikemukakan.

PTKM akan mengeluarkan jadual tetap bayaran ansuran jika ada syarikat lain yang memohon untuk membuat bayaran secara ansuran.

6.4.4.3 Tiada Permohonan Untuk Bayaran Ansuran

Mengikut Laporan Senarai Hak Milik Yang Tidak Jelaskan Baki Kurang Bayaran mendapati tunggakan cukai tanah bagi 326 hak milik masih berbaki sejumlah RM529,943. Pemilik tidak menyelesaikan bayaran tunggakan cukai tanah sekali gus. Semakan Audit mendapati tiada permohonan untuk menjelaskan baki tersebut secara ansuran dibuat oleh pemilik yang terlibat.

PTKM akan berhubung dengan semua pembayar untuk menjelaskan baki bayaran.

6.4.4.4 Akaun Deposit Tunggakan Cukai Tanah Secara Ansuran

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, akaun deposit hendaklah dibuka mengikut jenis deposit yang diterima. Deposit Tunggakan Cukai Tanah diselenggara bagi memperakaunkan kutipan cukai tanah yang dikutip secara ansuran. Lejar Individu disedia bagi merekodkan semua terimaan bayaran ansuran tunggakan cukai tanah. Akaun berkenaan akan ditutup selepas bayaran selesai. Senarai Baki Deposit Perseorangan pada akhir tahun hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Bendahari Negeri dan Jabatan Audit Negara. Semakan Audit mendapati:

- a) Mengikut Laporan Urusniaga Akaun Amanah (L400) pada Disember 2009, baki deposit tunggakan cukai tanah adalah berjumlah RM1.11 juta. Jumlah tersebut adalah kutipan ansuran cukai tanah yang masih belum dikreditkan ke akaun hasil Pejabat Tanah.
- b) Senarai Baki Deposit Perseorangan pada setiap akhir tahun tidak disediakan.

Mengikut maklum balas PTKM, tindakan untuk menyediakan baucar jurnal telah di ambil tetapi tidak dapat disempurnakan dengan segera oleh kerana masalah teknikal di dalam SPEKS. Pihak PTKM akan menyelaraskan deposit tersebut dengan secepat mungkin. Senarai baki Deposit Perseorangan pada akhir tahun tidak dapat disediakan kerana tiada maklumat.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran tunggakan cukai tanah secara ansuran adalah tidak memuaskan kerana Modul Ansuran SUKHAT tidak digunakan dan deposit tunggakan cukai tanah belum dikreditkan ke akaun Hasil.

6.4.5 Pengurusan Surat Peringatan Dan Notis

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 14 Tahun 1977 menghendaki rekod pengeluaran dan penyerahan notis diselenggarakan. Penghantar Notis bertanggungjawab menyelenggarakan Rekod Pengeluaran Notis dengan kemas kini. Mengikut Seksyen 97 KTN jika cukai tanah bagi tanah beri milik kena dibayar mempunyai tunggakan, Pentadbir Tanah boleh menyebabkan suatu notis tuntutan dalam Borang 6A supaya disampaikan kepada pemilik tanah. Jika amaun yang dituntut tidak dijelaskan

dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan, Pentadbir Tanah menurut kuasa yang diberi di bawah Seksyen 100 KTN akan mengisytiharkan dengan perintah bahawa tanah itu dilucut hak kepada PBN. Semakan Audit mendapati:

6.4.5.1 Laporan Bulanan Tidak Disediakan

Semakan Audit mendapati fail telah diselenggarakan bagi menyimpan surat peringatan dan notis yang dikeluarkan. Bagaimanapun laporan bulanan tidak disediakan untuk menunjukkan jumlah cukai tanah yang dikutip selepas Notis Pemberitahuan dan Notis Pra Prosiding dikeluarkan. Laporan bulanan mengenai bilangan surat peringatan pertama dan kedua yang telah dikeluarkan dan jumlah hasil yang dikutip tidak disediakan bagi tujuan kawalan dan pemantauan. Maklumat bayaran yang telah dijelaskan hanya dicatat di Kertas Minit fail yang berkaitan. Bilangan surat peringatan yang dikeluarkan dalam tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10
Bilangan Surat Peringatan Yang Dikeluarkan

Tahun	Notis Pemberitahu		Notis Pra Prosiding	
	Bilangan	Jumlah (RM)	Bilangan	Jumlah (RM)
2007	0	0	584	6,832,848
2008	0	0	79	318,897
2009	140	8,331,503	113	234,671
Jumlah	140	8,331,503	776	7,386,416

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Muda

PTKM akan membuat laporan bulanan sepertimana dikehendaki bagi tujuan pemantauan dan kawalan.

6.4.5.2 Notis Pemberitahuan Dan Notis Pra Prosiding

- a) Fail Notis Pemberitahu bagi tahun 2009 yang diserahkan untuk pengauditan menunjukkan sebanyak 44 daripada 140 notis yang telah dikeluarkan bagi tunggakan berjumlah RM616,608 telah berjaya dikutip. Manakala 96 notis berjumlah RM7.71 juta belum dikutip.
- b) Fail Notis Pra Prosiding bagi tahun 2007 hingga 2009 pula mendapati sebanyak 776 notis berjumlah RM7.39 juta telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 367 notis berjumlah RM6.17 juta telah dijelaskan. Manakala baki sebanyak 409 notis berjumlah RM1.22 juta belum dijelaskan. Bagaimanapun, tidak ada tindakan susulan diambil terhadap pemilik tanah berkenaan walaupun bayaran tidak diterima dalam tempoh ditetapkan.

Berdasarkan maklum balas PTKM, pihak Jabatan akan mengambil tindakan ke atas hak milik yang belum selesai dibuat pembayaran.

6.4.5.3 Notis Tuntutan Hasil Terhutang - Notis 6A

Mengikut rekod yang dikemukakan, bilangan hak milik yang telah dikeluarkan Notis 6A adalah seperti di **Jadual 6.11**. Bagaimanapun Notis 6A tidak dikeluarkan pada tahun 2008 walaupun terdapat hak milik yang mempunyai tunggakan yang tinggi.

Jadual 6.11
Hak Milik Yang Dikeluarkan Notis 6A

Tahun	Hak Milik Pendaftar		Hak Milik Pejabat Tanah		Jumlah Keseluruhan	
	Bilangan	(RM)	Bilangan	(RM)	Bil. Hak Milik	Amaun (RM)
2007	8	34,318	42	193,267	50	227,586
2008	0	0	0	0	0	0
2009	23	146,750	15	81,922	38	228,672
Jumlah	31	181,068	57	275,189	88	456,258

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Muda

a) Tiada Endorsan Notis 6A Pada Dokumen Hak Milik Daftaran Komputer

Mengikut Seksyen 97(2) KTN, bagi tanah yang telah diserahkan Notis 6A, Dokumen Hak Milik Daftaran Komputer (DHDK) hendaklah diendors sebagai akuan penerimaan notis. Semakan Audit terhadap lapan hak milik Pejabat Pendaftar yang dikeluarkan Notis 6A pada tahun 2007 mendapati kesemua hak milik berkenaan tidak ada bukti endorsan. Manakala semua Notis 6A yang dikeluarkan pada tahun 2009 telah diendors pada hak milik berkenaan.

PTKM memaklumkan bagi lapan hak milik berkenaan Jabatan akan mengeluarkan semula notis berkenaan kerana Notis tersebut telah tamat tempoh.

b) Notis 6A Tidak Dikeluarkan

Semakan terhadap Senarai Tunggakan Hak Milik Tanah Yang Melebihi RM10,000 dan Fail Notis 6A mendapati sebanyak 42 hak milik berjumlah RM1.02 juta yang mempunyai tunggakan melebihi RM10,000 bagi tahun 1985 hingga 2009 tidak dikeluarkan Notis 6A. Contoh 12 pemilik yang tidak dikeluarkan Notis 6A adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Hak Milik Yang Tidak Dikeluarkan Notis 6A

Bil.	Nombor Hak Milik	Tahun Tunggakan	Jumlah (RM)
1.	020546HSD08594/95, 020546HSD08597/95, 020546HSD08567/95, 020546HSD08569/95, 020546HSD08594/95, 020546HSD08599/95-08604/95, 020546HSD08608/95, 020546HSD08609/95	2006 - 2009	326,662
2.	020549HSD00088261	1985 - 2009	105,647
3.	020546GRN00008675	1994 - 2009	102,140
4.	020546HSD05437/92	2006 - 2009	65,340
5.	020546HSD00087752, 020546HSD00087910, 020546HSD00087915, 020546HSD00087946	2007 - 2009	50,748
6.	020546PM00000795	2006 - 2009	40,571

Bil.	Nombor Hak Milik	Tahun Tunggakan	Jumlah (RM)
7.	020546GRN00087071	1998 - 2009	26,022
8.	020546GRN00032209	1992 - 2009	23,873
9.	020541HSD00100343	2006 - 2009	20,935
10.	020546HSD02116/92	1992 - 2009	19,944
11.	020546PM00000748	1995 - 2009	10,103
12.	020507GM00001981	1985 - 2009	10,036
Jumlah			802,021

Sumber: Senarai Tunggakan Hak Milik Tanah Yang Melebihi RM10,000, PTKM

Mengikut PTKM proses pengeluaran Notis 6A akan dilakukan terhadap hak milik berkenaan kecuali bagi hak milik sebuah syarikat yang telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk melakukan bayaran secara ansuran.

c) Pengeluaran Notis Tidak Lengkap

Semakan Audit mendapati bilangan hak milik yang dikeluarkan Notis 6A pada tahun 2007 dan 2009 sebanyak 88 hak milik berjumlah RM456,258. Daripada 50 notis 6A yang dikeluarkan pada tahun 2007 hanya 20 pemilik sahaja yang menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM104,677 sementara 30 hak milik berjumlah RM122,909 belum dijelaskan. Manakala pada tahun 2009 sebanyak 38 hak milik berjumlah RM228,672 telah dikeluarkan Notis 6A hanya kepada Perbadanan. Bagaimanapun didapati notis tersebut hanya dikemukakan kepada pemilik pada 11 Februari 2010. Sehingga bulan Mei 2010 sebanyak 23 hak milik berjumlah RM150,741 telah diselesaikan. Manakala 15 notis berjumlah RM77,932 belum dijelaskan dan empat daripadanya telah dikenal pasti untuk diambil tindakan melucut hak (Notis 8A). Maklumat hak milik Perbadanan yang telah dikeluarkan Notis 6A dan belum dijelaskan bayaran cukai adalah seperti di **Jadual 6.13**.

Jadual 6.13
Senarai Hak Milik Perbadanan Yang Dikeluarkan Notis 6A Tahun 2009
Dan Belum Dibuat Bayaran

Bil.	No. Hak Milik	Amaun (RM)	Tarikh Disampaikan Kepada Pemilik	Status
1.	HSD 7953/95	2,075.40	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
2.	HSM 4450	5,558.70	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
3.	HSM 4454	5,558.70	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
4.	HSM 5552	5,763.70	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
5.	HSM 5553	5,763.70	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
6.	HSM 5554	5,763.70	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
7.	HSM 10906	4,830.10	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
8.	HSM 10907	5,313.30	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
9.	HSM 8581	3,827.00	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
10.	HSM 19020	7,531.80	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
11.	GRN 85710	2,994.90	11.02.2010	Ada bukti penyampaian
12.	HSM 23416	5,737.80	12.01.2010	Tindakan Notis 8A
13.	HSM 1344	5,737.80	12.01.2010	Tindakan Notis 8A
14.	HSM 1353	5,737.80	12.01.2010	Tindakan Notis 8A
15.	HSM 1354	5,737.80	12.01.2010	Tindakan Notis 8A

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Muda

Berdasarkan maklum balas PTKM, Notis 6A telah dikeluarkan pada tahun 2007 dan semakan semula telah dilakukan. PTKM akan meneruskan dengan tindakan di bawah Seksyen 100 KTN. Bagi hak milik Perbadanan, setelah semakan terkini dilakukan kesemua hak milik telah dijelaskan cukai oleh mereka kecuali empat hak milik yang terakhir. Tindakan melucutkan hak (Notis 8A) akan dilakukan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran surat peringatan dan notis adalah tidak memuaskan kerana tidak wujud mekanisme untuk memantau notis yang dikeluarkan.

6.4.6 Kawalan Keselamatan

Panduan Keselamatan SUKHAT telah menetapkan bentuk kawalan keselamatan bagi menjamin keselamatan kepada aset *ICT*. Semakan Audit terhadap kawalan ini mendapati perkara seperti berikut:

6.4.6.1 Kawalan Fizikal

Kawalan fizikal bertujuan untuk melindungi dan mencegah daripada berlakunya bencana yang berpotensi terhadap tempat/kawasan terhad yang menempatkan kakitangan dan perkakasan *ICT* di bawah projek SUKHAT. Pemeriksaan Audit telah dibuat terhadap kawalan fizikal di bilik server pada 30 Disember 2009 dan lawatan susulan pada 19 Mei 2010 mendapati:

a) Kawalan Kebakaran

Kawalan ini diwujudkan untuk mencegah daripada berlakunya kebakaran. Bilik tersebut hendaklah dilengkapi dengan alat pemadam api yang perlu diuji secara berjadual bagi memastikan ianya berfungsi. Suis kepada semua alat komputer perlu ditutup apabila tidak digunakan dan bahan mudah terbakar seperti kertas dan kotak tidak boleh disimpan di dalamnya. Pemeriksaan Audit mendapati:

- i) Alat pemadam api khas telah dipasang di bilik server Pejabat Tanah. Mengikut catatan pada alat pemadam api tersebut, ianya diperolehi pada tahun 1997 seperti di **Foto 6.5**. Alat pemadam api yang digunakan adalah daripada jenis debu dan serbuk. Bagaimanapun, tiada bukti pemeriksaan alat pemadam api ini telah dijalankan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

Foto 6.5
Alat Pemadam Api Di Bilik Server



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Server PTKM
Tarikh: 30 Disember 2009

PTKM telah mengambil tindakan menghantar surat kepada pihak Bomba untuk memeriksa alat pemadam api pada 28 Jun 2010.

- ii) Terdapat perkakasan komputer yang hendak dilupuskan dan bahan-bahan mudah terbakar seperti kotak disimpan dalam bilik server. Bagaimanapun bilik server telah dibersihkan dan dikemaskan selepas teguran Audit. Keadaan di bilik server sebelum dan selepas pemerhatian Audit adalah seperti di **Foto 6.6** dan **Foto 6.7**.

Foto 6.6
Peralatan Komputer Yang Hendak Dilupuskan Disimpan Di Bilik Server



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Server PTKM
Tarikh: 30 Disember 2009

Foto 6.7
Meja Bilik Server Telah Dikemaskan



Sumber: PTKM
Lokasi: Bilik Server PTKM
Tarikh: 7 Julai 2010

- iii) Lawatan Audit pada 19 Mei 2010 mendapati saluran bagi satu pendingin hawa yang dipasang di bilik server tersebut telah mengalami kebocoran. Pemeriksaan Audit mendapati air yang menitis daripada pendingin hawa tersebut telah membasahi lantai bilik dan membasahi sistem pendawaian elektrik yang terdapat di kawasan

tersebut. Ini boleh mengakibatkan berlakunya kejadian litar pintas pada peralatan server yang terdapat di dalam bilik tersebut.

PTKM telah mengambil tindakan penyenggaraan dan alat penghawa dingin telah berfungsi dengan baik. Keadaan sebelum dan selepas pemerhatian Audit adalah seperti di **Foto 6.8** dan **Foto 6.9**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Server PTKM
Tarikh: 19 Mei 2010



Sumber: PTKM
Lokasi: Bilik Server PTKM
Tarikh: 7 Julai 2010

b) Kawalan Persekitaran

Kawalan persekitaran adalah bertujuan untuk melindungi sistem daripada masalah gangguan arus elektrik, mengawal suhu dan kelembapan serta memberi latihan keselamatan. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan ini mendapati bilik server tidak dipasang alat jangka suhu bagi mengawal suhu dan memastikan suhu bilik tersebut berada di antara 22° hingga 25° celcius.

Berdasarkan maklum balas PTKM, bilik server telah dipasang dengan 3 unit alat penghawa dingin dan berfungsi secara bergilir menggunakan "timer".

6.4.6.2 Kawalan Sistem/Aplikasi

a) Kawalan Kata Laluan

Kata laluan perlu dikawal bagi memastikan kerahsiaannya seperti tidak diberikan secara lisan kepada sesiapa, tidak boleh ditulis, ditampal atau dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan perlu ditukar dari semasa ke semasa. Mengikut Dasar Keselamatan ICT yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, kata laluan hendaklah ditukar selepas 90 hari atau selepas tempoh masa yang bersesuaian. Semakan Audit mendapati sistem SUKHAT tidak diprogramkan untuk menyekat penggunaan kata laluan yang digunakan melebihi 90 hari.

Maklum balas PTKM, tindakan telah diambil oleh pihak PTG untuk mengadakan fungsi luput ID Pengguna secara automatik dalam tempoh 30 hari.

Pada pendapat Audit kawalan keselamatan persekitaran bilik server serta kawalan kata laluan untuk SUKHAT adalah tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan.

6.4.7 Impak Pelaksanaan SUKHAT

Bagi menilai pencapaian dan impak pelaksanaan SUKHAT, soal selidik telah diedarkan untuk mendapat maklum balas pelanggan dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam penggunaan SUKHAT di Pejabat Tanah. Maklum balas digunakan untuk menilai sejauh mana SUKHAT dapat membantu dalam proses kerja dan input untuk menambah baik perkhidmatan pelanggan. Analisis terhadap maklum balas daripada 61 responden adalah seperti di **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14
Analisis Responden Pelaksanaan SUKHAT

Bil.	Responden	Bilangan Responden	Memuaskan	(%)	Tidak Memuaskan	(%)
1.	Pengguna	11	11	100	0	0
2.	Pelanggan	50	48	96	2	4
Jumlah		61	59		2	

Sumber: Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

6.4.7.1 Maklum Balas Pengguna

Secara keseluruhannya 11 pengguna sistem SUKHAT *Online* yang terdiri daripada kakitangan Pejabat Tanah yang berurusan secara langsung dengan pelanggan berpuas hati dengan pelaksanaan sistem ini antaranya memudahkan kerja mereka dan penjimatan sumber. Namun begitu terdapat juga masalah pemprosesan data yang mengambil masa terutamanya bagi semakan yang melibatkan hak milik di luar daerah.

6.4.7.2 Maklum Balas Pelanggan

Pihak pelanggan terdiri daripada orang awam secara amnya berpuas hati dengan pelaksanaan SUKHAT. Pelaksanaan sistem ini ternyata mempercepatkan urusan pembayaran cukai tanah di kaunter kutipan hasil. Sebanyak 48 daripada 50 ataupun 96% responden berpuas hati terhadap kelancaran sistem ini.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan SUKHAT memudahkan kerja pengguna dan mempercepatkan urusan pembayaran cukai tanah.

6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kutipan hasil cukai tanah melalui penggunaan SUKHAT *Online* adalah memuaskan. Sistem ini dapat meningkatkan produktiviti kerja kakitangan serta menyediakan kemudahan bayaran secara *online* iaitu orang ramai boleh membuat bayaran di mana-mana Pejabat Tanah Negeri Kedah dan perbankan *internet*. Bagaimanapun masih terdapat kelemahan terutamanya dari segi kesahihan dan ketepatan data. Maklumat pemilik tanah yang tidak lengkap dan rekod cukai tanah yang tidak kemas kini menimbulkan kesukaran untuk mengesan pemilik yang bermasalah. Tindakan yang diambil untuk mengurangkan tunggakan cukai tanah tidak memberi kesan yang begitu ketara. Adalah disyorkan bahawa langkah berikut diambil segera untuk menambah baik pengurusan sistem kutipan hasil tanah.

- a) Pembersihan data dilakukan secara kerap dan berterusan untuk memastikan data dalam sistem adalah betul dan tepat. Arahan perlu dikeluarkan oleh PTG supaya pembersihan data dibuat mengikut tempoh ditetapkan.
- b) Memantau laporan hasil tahunan dan bulanan yang disediakan bagi mengetahui kedudukan tunggakan cukai tanah, jumlah kutipan semasa dan sebagainya serta menilai prestasi Unit Hasil.
- c) Mengutamakan tindakan kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah yang tinggi seperti tapak industri dan komersil. Penolong Pegawai Tanah membuat siasatan dan lawatan ke tapak yang mempunyai tunggakan cukai tanah yang tinggi. Tindakan diambil terhadap pemilik tanah yang mampu tetapi enggan menjelaskan cukai tanah. Pengeluaran Notis 6A perlu dibuat dan Notis 8A dikeluarkan sekiranya mereka masih ingkar menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan.
- d) Satu *task force* ditubuhkan untuk mengemaskinikan maklumat pemilik tanah dan Daftar Hasil Tahunan.
- e) Mewujudkan koordinasi antara Unit Hasil dengan Unit Pendaftaran dan lain-lain unit yang berkaitan bagi memastikan persamaan data hak milik antara SUKHAT dan SPTB.
- f) Mengambil tindakan mengkreditkan Deposit Tunggakan Cukai Tanah berjumlah RM1.11 juta ke akaun hasil selepas siasatan dijalankan.

**PEJABAT TANAH DAERAH KUALA MUDA, SIK DAN KULIM,
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

7. PENGURUSAN AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGAMBILAN PASIR SERTA KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) bertanggungjawab mengurus dan menjaga sumber tanah Negeri Kedah. Antara sumber tanah utama di Negeri Kedah adalah bahan batuan yang terdiri daripada pasir, batu dan tanah merah. Pasir merupakan salah satu bahan utama dalam industri pembinaan dan jalan raya. Dua kategori pasir yang boleh digunakan untuk tujuan pembinaan adalah pasir sungai dan darat. Sumber bekalan pasir yang paling banyak dan mudah diperolehi adalah dari dasar sungai dan kawasan sekitar tebingnya. Kaedah pengambilan pasir di Negeri Kedah adalah dengan menggunakan pam dan pontun serta menggunakan jengkaut.

7.1.2 Pengurusan aktiviti perlombongan pasir yang baik boleh mengurangkan mendapan pasir di dasar sungai, mengelakkan kejadian banjir dan menjana ekonomi Kerajaan Negeri Kedah melalui bayaran TOL oleh pengusaha. Bagaimanapun, kegiatan pengambilan pasir sungai secara tidak terkawal boleh menimbulkan beberapa masalah seperti hakisan tebing sungai, pencemaran kualiti air sungai, mendapan di bahagian saluran pengambilan air (*water intakes*), gangguan kepada kehidupan akuatik dan kemusnahan flora dan fauna.

7.1.3 Perlombongan dan pengambilan pasir dijalankan sama ada di atas tanah bermilik atau tanah kerajaan. Kerajaan Negeri Kedah mensyaratkan setiap pemohon untuk mengusahakan kuari pasir mestilah mendapatkan kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) terlebih dahulu. Permohonan dibuat di Pejabat Tanah Daerah (PTD) berkenaan yang akan menyediakan laporan awal mengenai tapak yang dimohon dan diserahkan kepada PTG. Bagi permohonan melibatkan kawasan melebihi 50 hektar, laporan penilaian kesan ke atas alam sekitar perlu disediakan. Selepas ulasan dan sokongan daripada jabatan teknikal diperolehi, satu kertas kerja diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi Negeri Kedah yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Besar. Setelah mendapat kelulusan, PTG akan menyediakan satu lagi kertas kerja untuk kelulusan MMK.

7.1.4 Sebelum beroperasi, beberapa syarat dikenakan kepada pengusaha termasuk membayar wang pertaruhan dan royalti kepada PTD. Wang pertaruhan juga perlu dibayar kepada jabatan teknikal yang terlibat. Semasa beroperasi, tugas pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan oleh PTD dan Unit Penguatkuasaan di PTG. Jabatan teknikal iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) juga akan terus membuat pemantauan dan akan melapor kepada PTD jika berlaku pelanggaran syarat agar

tindakan dapat diambil. Semua syarat dan peraturan yang dikenakan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan awam seperti kemudahan infrastruktur dan alam sekitar.

7.1.5 Hasil Kerajaan Negeri Kedah yang diperolehi daripada royalti pengeluaran bahan batuan bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah berjumlah RM47.63 juta. Sumbangan hasil daripada aktiviti pengambilan pasir iaitu royalti, denda dan wang pertaruhan yang dirampas bagi tempoh yang sama berjumlah RM8.68 juta iaitu 18.2%.

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir memberi kesan terhadap alam sekitar.

7.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir darat dan sungai bagi tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan ini dijalankan di PTD Kuala Muda, Sik dan Kulim serta Jabatan Pengairan Dan Saliran. Selain itu, semakan juga turut dilakukan di PTG dan JKR di daerah yang sama. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen berhubung dengan pengurusan aktiviti perlombongan pasir di pejabat yang terlibat. Lawatan ke lokasi kuari pasir melibatkan 11 pengusaha di daerah Kuala Muda, 16 di daerah Sik dan 15 di daerah Kulim. Temu bual dengan pengusaha pasir serta penduduk di kawasan berhampiran juga telah diadakan. Sebanyak 120 borang soal selidik diedarkan kepada penduduk berdekatan kuari pasir untuk mendapatkan maklum balas. Ujian terhadap kualiti air sungai juga dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan JPS.

7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2009 hingga Januari 2010 mendapati, pada keseluruhannya pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir adalah tidak memuaskan kerana pengusaha telah melanggar syarat yang ditetapkan serta pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah. Akibat dari itu telah menyebabkan perubahan kepada alam sekitar seperti kekeruhan air sungai, keruntuhan tebing sungai, kemerosotan kualiti udara dan kerosakan kepada jalan raya. Maklumat lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

7.4.1 Impak Kepada Kualiti Air

Nilai kualiti air diukur berdasarkan kepada dua piawaian iaitu *Interim National Water Quality Standards for Malaysia* (INWQS) dan Indeks Kualiti Air Negara (IKAN). Piawaian INWQS ialah untuk menentukan kualiti air, manakala IKAN untuk menentukan kelas air mentah di Malaysia. Sebanyak enam daripada 72 parameter yang ditetapkan di dalam INWQS iaitu *Biochemical Oxygen Demand* (BOD), *Chemical Oxygen Demand* (COD), *Dissolved Oxygen*

(DO), Ammonia-Nitrogen (NH₃N), Potential of Hydrogen (pH) dan Total Suspended Solid (TSS) digunakan untuk menentukan IKAN. Klasifikasi kelas INWQS dan IKAN adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Klasifikasi Kelas Piawaian INWQS Dan IKAN

Kelas INWQS	Kelas IKAN	Klasifikasi
Kelas I	Kelas I	Pemuliharaan alam, sumber air asli yang tidak memerlukan sebarang rawatan untuk tujuan bekalan air.
Kelas IIA	Kelas II	Berstatus bersih, mengikut INWQS sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan konvensional diperlukan untuk tujuan tersebut.
Kelas IIB & III	Kelas III	Berstatus bersih, mengikut INWQS sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut.
Kelas IV	Kelas IV	Untuk tujuan pengairan sahaja.
Kelas V	Kelas V	Tidak sesuai untuk bekalan air dan pengairan.

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Berdasarkan Laporan JAS pada tahun 2008, kualiti air di Sungai Muda berada pada kelas II kecuali Sungai Jerung di daerah Kuala Muda yang berada pada kelas III.

7.4.1.1 Kolam Enapan Tidak Disediakan

JPS menetapkan syarat kepada pengusaha pasir sungai dan darat yang beroperasi berdekatan sungai supaya menyediakan kolam enapan dan tidak melepaskan air cucian pasir secara terus ke dalam sungai. Ini bertujuan mengurangkan kekeruhan air. Lawatan Audit bersama pegawai PTD dan JPS ke tapak kuari pasir mendapati 12 pengusaha tidak menyediakan kolam enapan mengikut syarat seperti yang ditetapkan. Ia melibatkan dua pengusaha kuari pasir sungai dan empat pengusaha kuari pasir darat di daerah Kuala Muda, seorang pengusaha kuari pasir sungai dan tiga pengusaha kuari pasir darat di daerah Sik dan dua pengusaha kuari pasir darat di daerah Kulim. Air cucian pasir yang dilepaskan secara terus ke dalam sungai dan kekeruhannya jelas dapat dilihat adalah seperti di **Foto 7.1, Foto 7.2 dan Foto 7.3**.

Foto 7.1
Air Cucian Pasir Dilepaskan Secara Terus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kuala Sungkup, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 10 Januari 2010

Foto 7.2
Air Cucian Pasir Dilepaskan
Secara Terus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Lubok Kerong, Daerah Sik
Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 7.3
Air Cucian Pasir Dilepaskan
Secara Terus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tanjung Belit, Daerah Kulim
Tarikh: 28 Januari 2010

Menurut maklum balas PTD Kulim, operasi kuari berkenaan telah dihentikan kerana terlibat dengan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda. Pihak PTD Kuala Muda pula telah mengarahkan henti operasi dan merampas deposit sejumlah RM10,000 daripada pengusaha terlibat.

7.4.1.2 Kedudukan Kolam Enapan Tidak Mengikut Syarat

Mengikut Garis Panduan Untuk Memproses Permohonan Dan Menetapkan Syarat-Syarat Pengambilan Pasir Sungai oleh JPS, pengusaha kuari pasir dikehendaki membina kolam enapan pada jarak tidak kurang 10 meter daripada tebing sungai. Lawatan Audit bersama JPS ke Kg. Kuala Sungkup daerah Kuala Muda pada 21 Januari 2010 mendapati pengusaha kuari tidak mematuhi syarat yang ditetapkan kerana telah membina satu kolam enapan pada jarak 4.2 meter sahaja dari tebing sungai. Kolam enapan yang dibina oleh pengusaha adalah seperti di **Foto 7.4**.

Foto 7.4
Kolam Enapan Dibina Oleh Pengusaha



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kuala Sungkup, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 21 Januari 2010

Menurut maklum balas PTD Kuala Muda, arahan henti operasi dan tindakan merampas wang deposit berjumlah RM10,000 telah dikeluarkan terhadap pengusaha ini pada 19 Mei 2010.

7.4.1.3 Ujian Kualiti Air

Pihak Audit telah mendapatkan khidmat pakar bagi menjalankan ujian ke atas kualiti air. Ujian *in-situ* telah dijalankan oleh JPS manakala JAS telah mengambil sampel air sungai untuk di hantar ke makmal. Lawatan Audit bersama JPS dan JAS di tujuh tapak kuari pada 21 Januari 2010 mendapati keputusan ujian kualiti air adalah bersih seperti di **Foto 7.5**. Parameter yang diukur adalah *Dissolved Oxygen*, *Phosphate*, *Nitrate*, *Coliform*, *pH* dan kekeruhan.

Foto 7.5
Keputusan Ujian *In-Situ* Yang Dibuat
Untuk Menentukan Kualiti Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sg. Perahu, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 21 Januari 2010

Seterusnya, ujian makmal dijalankan di Jabatan Kimia Malaysia terhadap sampel air sungai yang diambil oleh JAS pada 4 dan 23 Februari 2010 di bahagian *upstream* dan *downstream* kawasan kuari pasir yang dilawati. Ujian yang dibuat melibatkan pengusaha di daerah Kuala Muda dan Sik sahaja. Keputusan ujian kualiti air melepasi kelas IIA iaitu berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air yang hanya memerlukan rawatan konvensional sahaja. JAS dan JPS berpendapat bahawa kualiti air sungai adalah tidak tercemar kecuali keruh sahaja. Bacaan bagi parameter BOD, COD serta minyak dan gris didapati tidak berubah pada lokasi *upstream* dan *downstream* tapak kuari. Bacaannya juga sama di setiap lokasi dan berada di bawah paras piawaian yang ditetapkan. Hasil daripada ujian minyak dan gris, JAS merumuskan bahawa tumpahan minyak yang berlaku daripada aktiviti kuari pasir adalah minimum dan tidak mencemar kualiti air sungai. Manakala bacaan bagi parameter oksigen terlarut dan pH berada pada paras julat piawaian yang dibenarkan. Bacaan yang diperolehi daripada ujian tersebut adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Keputusan Ujian Kualiti Air Sungai Di Tapak Kuari Pasir

Bil.	Parameter	Standard INWQS Kelas IIA	Pengusaha/Tarikh Sampel							
			Daerah Kuala Muda						Daerah Sik	
			Pengusaha I 4 Feb. 2010		Pengusaha II 4 Feb. 2010		Pengusaha III 23 Feb. 2010		Pengusaha IV 4 Feb. 2010	
			<i>us</i>	<i>ds</i>	<i>us</i>	<i>ds</i>	<i>us</i>	<i>ds</i>	<i>us</i>	<i>ds</i>
1.	BOD	3mg/l	< 2	< 2	< 2	< 2	< 2	< 2	< 2	< 2
2.	COD	25mg/l	< 6	< 6	< 6	< 6	< 6	< 7	< 6	< 6
3.	DO	5 – 7mg/l	6.93	6.60	6.87	6.93	7.04	7.00	6.81	6.87
4.	pH	6.5 – 9.5	7.04	7.32	7.41	7.04	6.95	6.94	7.90	7.41
5.	TSS	50mg/l	49	44	21	49	114	74	29	21
6.	Minyak & Gris	10mg/l	< 2.2	< 2.2	< 2.2	< 2.2	3.6	4.1	< 2.2	< 2.2

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah

Nota: *us* –upstream, *ds* –downstream

Pada pendapat Audit, kualiti air di kawasan kuari pasir adalah pada tahap memuaskan walaupun keruh akibat kegagalan pengusaha pasir mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

7.4.2 Impak Kepada Kestabilan Tanah Dan Hakisan Tebing

Sebarang aktiviti di sungai serta persekitarannya hendaklah mengikut Garis Panduan JPS dan syarat-syarat lain yang ditetapkan supaya impak terhadap persekitaran sungai tidak berlaku atau dapat dikurangkan.

7.4.2.1 Pengambilan Pasir Darat Di Kawasan Yang Tidak Dibenarkan

Bagi pengusaha pasir darat, pasir hanya boleh dikeluarkan daripada kawasan yang dibenarkan sahaja. *Buffer zone* selebar minimum 10 meter ditetapkan di sepanjang sempadan kawasan yang dibenarkan. Sekiranya kawasan kuari itu berdekatan dengan sungai, syarat yang ditetapkan oleh JPS perlu dipatuhi bagi mengawal profil sungai daripada diceroboh dan dicemar. Semakan Audit terhadap 29 fail pengusaha kuari pasir darat di PTD Kuala Muda, Kulim dan Sik mendapati semua pengusaha telah mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh PTD, JPS dan JKR. Bagaimanapun, lawatan Audit bersama JPS mendapati pelanggaran syarat telah berlaku dan menyebabkan tebing sungai telah diceroboh oleh 13 pengusaha pasir darat. Antara kesalahan lain yang dilakukan oleh pengusaha termasuklah melepaskan air cucian pasir secara terus ke sungai dan terdapat pengusaha yang membina struktur mencuci pasir yang merintang sungai.

Pemeriksaan terperinci dan lawatan terhadap enam pengusaha didapati seperti berikut:

a) Tebing Runtuh Dan Aktiviti Pengambilan Pasir Terus Beroperasi

Semakan Audit terhadap fail pengusaha di PTD Kuala Muda mendapati seorang pengusaha di Kg. Sg. Perahu telah melanggar syarat melibatkan keruntuhan tebing sungai seperti mana laporan JPS. PTD Kuala Muda telah menjalankan siasatan pada 1 Julai 2009 dan mengeluarkan arahan henti operasi dan membina semula tebing yang runtuh pada 30 Julai 2009. Pengusaha mengemukakan rayuan dan kuari tersebut telah dibenar beroperasi semula pada 25 Ogos 2009.

Lawatan Audit ke tapak kuari pengusaha berkenaan bersama PTD dan JPS pada 7 Januari 2010 mendapati aktiviti kuari pasir beroperasi. Bagaimanapun, adalah didapati pengusaha tidak membina semula tebing yang runtuh malahan aktiviti pengambilan pasir telah melangkaui *buffer zone* yang sepatutnya dikekalkan seperti syarat ditetapkan. Keadaan kolam kuari yang telah bercantum dengan sungai adalah seperti di **Foto 7.6**.

Foto 7.6
Kolam Kuari Telah Bercantum Dengan Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sg. Perahu, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 7 Januari 2010

Seterusnya didapati dua lagi pengusaha pasir darat di daerah Kuala Muda dan Kulim telah menjalankan aktiviti pengambilan pasir di luar kawasan yang tidak dibenarkan. Kesan daripada pelanggaran syarat tersebut, tebing sungai telah runtuh dan mengakibatkan aliran air sungai masuk ke kolam kuari. Daripada **Foto 7.7** di bawah, garisan berwarna merah menunjukkan aras asal ketinggian tebing sungai sebelum ianya runtuh. Manakala **Foto 7.8** pula menunjukkan aliran air sungai masuk ke kolam kuari. Bagaimanapun sehingga ke tarikh pengauditan, tiada tindakan diambil terhadap pengusaha terlibat.

Foto 7.7
Tebing Sungai Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. 59 Relung, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 10 Januari 2010

Foto 7.8
Tebing Sungai Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tanjung Belit, Daerah Kulim
Tarikh: 28 Januari 2010

b) Tebing Runtuh Dan Aktiviti Kuari Pasir Dihentikan

Tiga pengusaha di daerah Sik juga melakukan kesalahan mengambil pasir di kawasan yang tidak dibenarkan termasuk menyedut pasir di tebing sungai. Pihak Audit mendapati PTD Sik telah merampas wang pertaruhan dan arahan henti operasi telah dikeluarkan pada 8 Disember 2009 bagi dua pengusaha. Lawatan Audit ke dua tapak kuari tersebut mendapati operasi kuari telah dihentikan dan kerja penambakan semula tebing sungai sedang dilakukan di tapak kuari pertama seperti di **Foto 7.9**. Manakala pembinaan semula tebing yang runtuh masih belum dilaksanakan di tapak kuari kedua seperti di **Foto 7.10**.

Foto 7.9
Tebing Sungai Sedang Dibina Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Padang Limau Nipis, Daerah Sik
Tarikh: 19 Januari 2010

Foto 7.10
Operasi Dihentikan Sehingga Tebing Dibina Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Lubuk Kerong, Daerah Sik
Tarikh: 19 Januari 2010

Selain itu, PTD Sik telah bertindak merampas wang pertaruhan pengusaha kuari ketiga dan arahan henti operasi serta memperbaiki tebing sungai telah dikeluarkan pada 23 November 2009. Lawatan Audit ke tapak kuari tersebut bersama pegawai PTD Sik pada 19 Januari 2010 mendapati pengusaha telah menghentikan operasi dan semua peralatan telah dibawa keluar dan kerja-kerja penambakan semula tebing sungai oleh pengusaha telah dilaksanakan. Semasa lawatan Audit bersama JPS pada 19 Januari 2010, pihak JPS memaklumkan tebing yang dibina semula adalah tidak sama seperti struktur asal dan mudah terhakis apabila berlaku arus deras ketika hujan lebat dan banjir. Keadaan tebing sungai selepas diperbaiki adalah seperti di **Foto 7.11**.

Foto 7.11
Tebing Sungai Selepas Diperbaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sungai Pau, Daerah Sik
Tarikh: 19 Januari 2010

7.4.2.2 Pengambilan Pasir Sungai Di Kawasan Yang Tidak Dibenarkan

Sumber pasir yang banyak boleh diperolehi daripada dasar sungai. Kaedah mengeluarkan pasir adalah dengan menggunakan pam dan pontun serta jengkaut. Antara syarat yang ditetapkan oleh JPS bagi pengambilan pasir sungai adalah pasir hanya boleh diambil di sepertiga bahagian tengah sungai sahaja. Lawatan Audit bersama PTD dan JAS mendapati dua pengusaha di daerah Kuala Muda tidak mematuhi syarat ini di mana pam dan pontun sedang beroperasi pada kedudukan yang tidak dibenarkan iaitu berdekatan dengan tebing sungai. Pemeriksaan Audit di PTD Kuala Muda mendapati tiada sebarang tindakan dibuat atau arahan dikeluarkan kepada pengusaha tersebut. Kedudukan pam dan pontun adalah seperti di **Foto 7.12** dan **Foto 7.13**.

Foto 7.12
Pam Beroperasi
Berdekatan Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kuala Sungkup, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 10 Januari 2010

Foto 7.13
Pam Beroperasi
Berdekatan Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kuala Cepir, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 19 Januari 2010

Menurut maklum balas PTD Kuala Muda, PTD Sik dan PTD Kulim, semua pengusaha terlibat telah diarahkan supaya menghentikan operasi dan deposit telah dirampas. Tebing sungai yang runtuh juga diarahkan untuk diperbaiki.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengambilan pasir sungai adalah tidak memuaskan kerana pengusaha tidak mematuhi syarat yang ditetapkan. Pengambilan pasir yang dilakukan secara berterusan di kawasan yang tidak dibenarkan boleh memberi kesan kepada kestabilan dan hakisan tanah.

7.4.3 Impak Kepada Kualiti Udara Dan Bunyi

Pengusaha kuari pasir perlu memastikan tiada pencemaran udara berlaku serta jalan yang menjadi laluan lori pasir tidak berdebu. Selain itu, penggunaan kenderaan dan jentera hendaklah dikawal agar tidak mengganggu ketenteraman penduduk berhampiran seperti bunyi bising dan asap kenderaan.

7.4.3.1 Kualiti Udara Persekitaran Kuari Pasir Terjejas dan Gangguan Bunyi Kenderaan

Laporan penilaian kesan ke atas alam sekitar tidak perlu disediakan oleh pengusaha projek untuk kelulusan JAS kerana tidak melibatkan kawasan kuari pasir melebihi 50 hektar di Negeri Kedah. Oleh itu, kualiti udara ditentukan melalui soal selidik dengan penduduk setempat. Hasil soal selidik terhadap 120 penduduk di tiga daerah sekitar kawasan kuari pasir mendapati sebanyak 94.2% responden berpendapat pencemaran udara berlaku akibat asap lori dan jentera yang digunakan semasa operasi kuari pasir. Sebanyak 95% responden pula berpendapat gangguan daripada habuk dan debu yang dihasilkan semasa lori melalui jalan yang tidak disiram.

Selain itu, berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan juga, 82 responden iaitu 68.3% menyatakan aktiviti pengambilan pasir ini mengakibatkan pencemaran bunyi yang dihasilkan oleh jentera dan lori yang keluar masuk ke kuari pasir.

Maklum balas responden mengenai pencemaran udara, habuk dan debu serta bunyi adalah seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Maklum Balas Responden
Mengenai Pencemaran Udara, Habuk Dan Debu Serta Bunyi

Jenis Gangguan/ Pencemaran	Jumlah Responden (orang)		Peratus Responden (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Udara	113	7	94.2	5.8
Habuk & Debu	114	6	95.0	5.0
Bunyi	82	38	68.3	31.7

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Menurut maklum balas JAS, semasa lawatan ke tapak kuari adalah didapati masalah habuk tidak ketara. Ianya berpunca daripada jalan yang tidak berturap dan berdebu. Kawalan habuk boleh dilakukan dengan kaedah penyemburan air di tempat berdebu.

Pada pendapat Audit, kualiti udara dan pencemaran bunyi di persekitaran kuari pasir adalah tidak memuaskan berdasarkan maklum balas penduduk setempat.

7.4.4 Impak Kepada Infrastruktur Dan Utiliti

Aktiviti pengambilan pasir juga boleh memberi kesan kepada keadaan infrastruktur dan utiliti. Keadaan jalan yang baik serta tidak terjejas dapat menjamin keselesaan dan keselamatan penduduk setempat. Sekiranya berlaku kerosakan, jalan tersebut hendaklah diperbaiki.

7.4.4.1 Kerosakan Jalan Akibat Laluan Lori Pasir

Selain daripada PTD dan JPS, JKR juga antara jabatan teknikal lain yang terlibat dalam menyokong kelulusan permit pengambilan pasir. Jalan yang digunakan bagi lori yang membawa muatan pasir perlu mendapat kelulusan daripada JKR. Jika berlaku kerosakan terhadap jalan yang digunakan, pengusaha hendaklah membaiki dan menanggung kos kerosakan tersebut atau wang pertaruhan akan dirampas. Manakala Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menetapkan muatan maksimum pasir yang dibawa hendaklah separas dengan badan lori.

Semakan Audit mendapati semua pengusaha telah mendapat kelulusan JKR sebelum permit diluluskan. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati dua jalan utama yang digunakan oleh lori muatan pasir telah rosak iaitu Jalan Kg. Kuala Sin di daerah Kuala Muda dan Jalan Kg. Terap Batu di daerah Kulim.

- a) **Jalan Kg. Kuala Sin, Kuala Muda** - Hasil pemerhatian Audit di Jalan Kg. Kuala Sin mendapati permukaan jalan telah rosak, mendap dan berlekuk di sepanjang tiga kilometer. Kerosakan jalan adalah seperti di **Foto 7.14** dan **Foto 7.15**.

Foto 7.14
Permukaan Jalan Yang Berlekuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jln. Kg. Kuala Sin, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 24 Januari 2010

Foto 7.15
Permukaan Jalan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jln. Kg. Kuala Sin, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 24 Januari 2010

Menurut maklum balas JKR Kuala Muda, pada 19 Mei 2010, arahan memberhentikan sementara operasi telah dikeluarkan kepada dua pengusaha sehingga kerja pembaikan jalan berkenaan dilaksanakan. Wang deposit berjumlah RM10,000 juga telah dirampas.

- b) **Jalan Kg. Terap Batu, Kulim** - Berdasarkan laporan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 20 Jun 2008, penduduk sekitar menyuarakan kebimbangan terhadap keselamatan mereka dan jalan rosak akibat lori pasir. Hasil laporan akhbar tersebut, tindakan telah di ambil oleh JKR dengan melantik kontraktor untuk membaiki jalan yang rosak sepanjang 1.5 kilometer dengan kos RM250,000. Selain itu, JKR telah memberi jaminan akan menjalankan pemantauan dan penyenggaraan yang berterusan di kawasan tersebut. Keratan akhbar mengenai jalan rosak tersebut adalah seperti di **Foto 7.16**.

Foto 7.16
Jalan Rosak



Sumber: Keratan Akhbar Utusan Malaysia
Tarikh: 20 Jun 2008

Lawatan Audit bersama PTD Kulim dan JPS Kulim pada 26 hingga 28 Januari 2010 mendapati kerosakan jalan masih berlaku walaupun JKR telah memberi jaminan akan menjalankan pemantauan dan penyenggaraan yang berterusan di kawasan tersebut. Temu bual dengan penduduk setempat menyatakan kebimbangan mereka terhadap kekerapan lori pasir yang melalui jalan tersebut. Penduduk setempat terpaksa menggunakan jalan rosak tersebut yang merupakan jalan utama untuk kegiatan seharian mereka. Pihak Audit juga mendapati berlaku kerosakan di permukaan jalan. Kerosakan jalan dan lori yang membawa muatan berlebihan adalah seperti di **Foto 7.17**, **Foto 7.18**, **Foto 7.19** dan **Foto 7.20**.

Foto 7.17
Permukaan Jalan Berlopak Dan Pembentukan
'Batas Ubi'



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jln. Kg. Terap Batu, Daerah Kulim
 Tarikh: 27 Januari 2010

Foto 7.18
Lori Lebih Muatan Menyebabkan Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jln. Kg. Terap Batu, Daerah Kulim
 Tarikh: 27 Januari 2010

Foto 7.19
Muatan Melebihi Had Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kg. Kuala Sungkup, Daerah Kuala Muda
 Tarikh: 10 Januari 2010

Foto 7.20
Muatan Melebihi Had Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pantai Ali, Daerah Kulim
 Tarikh: 26 Januari 2010

Menurut maklum balas JKR Kulim, arahan telah diberikan kepada pengusaha untuk memperbaiki kerosakan di Jalan Kg. Terap Batu dan selepas tempoh satu minggu diberikan, pengusaha masih gagal mematuhi arahan tersebut. Pihak JKR telah melantik satu kontraktor untuk membaiki kerosakan jalan tersebut pada 1 Mei 2010. Kos pembaikan ditanggung melalui wang deposit pengusaha kuari yang terlibat. **Foto 7.21** menunjukkan keadaan semasa Jalan Kg. Terap Batu yang telah diperbaiki.

Foto 7.21
Kerosakan Jalan Yang Telah Diperbaiki



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jln. Kg. Terap Batu, Daerah Kulim
Tarikh: 12 Mei 2010*

Hasil soal selidik terhadap 120 penduduk di tiga daerah sekitar kawasan kuari pasir mendapati 87 responden iaitu 72.5% menyatakan aktiviti pengambilan pasir ini menimbulkan masalah dari aspek gangguan keselamatan jalan raya. Manakala 33 responden atau 27.5% menyatakan aktiviti pengambilan pasir tidak menimbulkan masalah gangguan keselamatan jalan raya.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengambilan pasir adalah tidak memuaskan kerana lori yang membawa muatan pasir berlebihan telah menyebabkan kerosakan jalan.

7.4.5 Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Jabatan terlibat hendaklah bertanggungjawab terhadap aktiviti pengambilan pasir dan pemuliharaan alam sekitar dengan melakukan pemantauan sewajarnya. PTG, PTD, JPS dan JKR ada melakukan pemantauan dari semasa ke semasa bertujuan mengawal pengusaha pasir supaya tidak melanggar syarat yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit seterusnya terhadap aspek penguatkuasaan dan pemantauan di peringkat PTG, PTD, JPS dan JKR mendapati:

7.4.5.1 Peringkat PTG

Unit Penguatkuasaan PTG berfungsi untuk menguatkuasakan peraturan yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan dasar serta keputusan Pihak Berkuasa Negeri. Antara tugas berkaitan aktiviti pengambilan pasir yang dilaksanakan oleh unit ini adalah:

- a) Membuat sekatan jalan raya ke atas lori yang membawa muatan pasir, memeriksa dokumen kebenaran pengeluaran pasir dan kuantiti yang dibawa bagi memastikan bertepatan dengan jumlah pembayaran seperti mana yang telah ditetapkan.

- b) Mengambil tindakan ke atas pemandu lori serta pengusaha kuari pasir yang melanggar syarat pengeluaran pasir yang ditetapkan sama ada didenda, wang pertaruhan dirampas atau didakwa di mahkamah.
- c) Mengumpul data terakhir berkenaan kuari yang beroperasi supaya mudah dikawal.
- d) Memeriksa persekitaran kuari pasir yang beroperasi supaya tidak melanggar sempadan kebenaran, tidak berlaku keruntuhan tanah/tebing sungai dan pencemaran kepada kawasan sekitar serta peraturan lain dipatuhi.
- e) Memeriksa serta memberi perhatian terhadap bantahan masyarakat berkenaan aktiviti kuari dan melapor perkembangan kepada pihak atasan.

Semakan Audit mendapati, rancangan pemantauan terhadap pengusaha kuari pasir ada disediakan tetapi tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana memberi tumpuan terhadap aduan secara *ad-hoc*. Pemantauan yang dijalankan lebih tertumpu kepada pengusaha pasir yang sebelum itu telah mendapat banyak aduan daripada penduduk setempat, sedangkan bagi pengusaha yang menjalankan aktiviti pengeluaran pasir jauh dari penempatan kurang dibuat pemantauan.

7.4.5.2 Peringkat PTD

Semakan Audit mendapati tiada unit khusus di PTD untuk melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari pasir. Namun, Bahagian Teknikal di PTD bertanggungjawab memantau dan menjalankan penguatkuasaan di daerah. Bahagian ini juga terlibat secara langsung dalam membuat siasatan dan laporan berkaitan semua aktiviti tanah. Pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan dan aduan yang diterima.

Menurut maklum balas PTD Kulim, pejabat ini sentiasa merujuk kepada semua jabatan teknikal untuk sebarang komen atau laporan. PTD Kulim juga telah mengemukakan permohonan surat untuk mendapatkan seorang Pembantu Undang-undang (L29) untuk mengetuai Unit Penguatkuasaan pada 30 Disember 2008 tetapi sehingga kini perjawatan tersebut masih belum diisi.

7.4.5.3 Peringkat JPS

JPS Kuala Muda, Sik dan Kulim menjalankan pemantauan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan terhadap pengusaha pasir yang diluluskan. Pemantauan hanya dijalankan apabila terdapat aduan awam mengenai aktiviti kuari pasir yang menyalahi peraturan dan syarat yang ditetapkan. Setiap ketidakpatuhan terhadap syarat yang ditetapkan akan dilaporkan dan dimaklumkan kepada PTD untuk tindakan selanjutnya. Pihak Audit mendapati, PTD Sik dan PTD Kulim telah mengambil tindakan segera berdasarkan setiap laporan yang dikemukakan oleh JPS.

7.4.5.4 Peringkat JKR

Pemantauan di peringkat JKR bergantung kepada maklumat daripada aduan awam mengenai kerosakan jalan yang berlaku. Jika jalan tersebut berkaitan dengan laluan lori

pasir, JKR akan memaklumkan kepada PTD terlibat supaya tindakan dapat diambil. Semakan Audit mendapati, PTD terlibat telah mengambil tindakan terhadap aduan JKR yang melibatkan pengusaha kuari pasir. Pengusaha yang terlibat telah diarah menghentikan sementara operasi kuari pasir sehingga jalan yang mengalami kerosakan diperbaiki.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan adalah tidak memuaskan kerana masih terdapat kelemahan dalam koordinasi di antara PTG, PTD, JPS dan JKR.

7.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir serta kesannya terhadap alam sekitar adalah tidak memuaskan. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan yang berkenaan mengambil tindakan positif seperti berikut:

- a)** PTD hendaklah melakukan pemantauan bagi memastikan pengusaha pasir tidak melanggar syarat yang boleh mengakibatkan keruntuhan pada tebing sungai dan lain-lain.
- b)** Mewujudkan pasukan penguatkuasaan yang dianggotai oleh wakil daripada PTG, PTD, JPJ, JPS, JKR dan JAS serta menyediakan jadual rancangan penguatkuasaan.
- c)** JPS hendaklah memastikan pengusaha kuari mematuhi semua syarat yang ditetapkan supaya kualiti air berada pada tahap bersih dan selamat.
- d)** PTG dan PTD hendaklah memastikan kuantiti pasir yang dikeluarkan daripada kuari tidak melebihi had yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam permit pengusaha kuari.
- e)** PTG dan PTD hendaklah membuat pemeriksaan terhadap lori supaya pasir yang dikeluarkan tidak melebihi kuantiti dan paras yang dibenarkan.

8. PENGURUSAN PROJEK MENAIKTARAF PUSAT PERANGINAN GUNUNG JERAI

8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Pusat Peranginan Tanah Tinggi Gunung Jerai milik Kerajaan Negeri Kedah telah dibina pada tahun 1985 di atas tapak bangunan utamanya yang telah sedia ada sejak sebelum merdeka. Ianya terletak di kawasan Hutan Simpan Gunung Jerai seluas 8,560 hektar. Gunung Jerai mempunyai ketinggian 1,217 meter yang merupakan puncak tertinggi di Negeri Kedah dan terletak di dalam Daerah Yan.

8.1.2 Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (Perbadanan) membangunkan Projek Pusat Peranginan Gunung Jerai yang bernilai RM19.57 juta di atas sebidang tanah milik Perbadanan seluas 10.5 hektar. Projek ini mula dilaksanakan pada tahun 2007 dan siap pada penghujung Ogos 2009. Projek ini bertujuan untuk dijadikan salah satu destinasi pelancongan di Negeri Kedah.

8.1.3 Projek ini melibatkan pembinaan 24 unit chalet baru, menaiktaraf 75 buah bilik sedia ada yang terdiri daripada bilik VIP, tandas awam, dewan serbaguna, bangunan utama, pembinaan tandas awam baru, pondok keselamatan dan rumah pekerja. Perbadanan telah melantik Syarikat Kedah Sato Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat kepada Bina Darulaman Berhad bagi menjalankan kerja pembinaan ini. Selain itu, Perbadanan telah melantik *The Regency International Hotels* iaitu sebuah agensi swasta bagi menjalankan operasi perhotelan di Pusat Peranginan Gunung Jerai. Pusat Peranginan ini diberi nama *The Regency Jerai Hill Resort* seperti di **Foto 8.1**. Perbadanan telah melantik PKNK Hotel Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh Perbadanan bagi mengawal dan memantau operasi Pusat Peranginan Gunung Jerai.

Foto 8.1
Pusat Peranginan Gunung Jerai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: The Regency Jerai Hill Resort
Tarikh: 1 Jun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: The Regency Jerai Hill Resort
Tarikh: 1 Jun 2010

8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai telah diuruskan dengan cekap, ekonomi dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

8.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi tempoh projek menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai (Pusat Peranginan) bagi tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pembangunan Teknikal, Bahagian Pengurusan Harta Dan Penilaian, Bahagian Galakan Industri Dan Pemasaran serta Bahagian Kewangan Perbadanan. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dan memeriksa rekod, laporan, minit mesyuarat, dokumen kontrak, perjanjian, penyata kewangan tahunan dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Pengauditan juga dijalankan dengan menganalisis data, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Perbadanan. Selain itu, pemeriksaan secara fizikal juga dilaksanakan.

8.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2009 mendapati pengurusan menaiktaraf Pusat Peranginan Gunung Jerai adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan iaitu projek gagal disiapkan dalam tempoh kontrak, kelewatan permohonan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa, Pusat Peranginan beroperasi tanpa Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion And Compliance*), pengurusan Arahan Perubahan Kerja tidak memuaskan, kerja pembinaan tanpa kebenaran merancang dan pelan bangunan, kualiti kerja dan bekalan perabot tidak memuaskan, tiada perjanjian pengurusan Pusat Peranginan, pemilihan anak syarikat Perbadanan sebagai kontraktor projek dan operasi perhotelan tanpa perlindungan insurans kebakaran bagi premis. Hasil pengauditan mendapati kelemahan seperti berikut:

8.4.1 Projek Gagal Disiapkan Dalam Tempoh Kontrak

Mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh sembilan bulan bermula pada 15 Julai 2007 dan sepatutnya siap pada 15 April 2008. Pusat Peranginan ini diserahkan untuk diurus oleh *The Regency International Hotels* pada 1 September 2009. Berdasarkan Minit Mesyuarat Tapak Projek Bil. 5 pada 30 April 2008 mendapati prestasi kerja di tapak adalah 78% siap iaitu lewat 22% dari Jadual Kontrak. Ini menunjukkan bahawa telah berlaku kelewatan menyiapkan projek selama 16 bulan daripada tarikh sepatutnya siap.

Antara faktor kelewatan menyiapkan projek dalam tempoh kontrak adalah seperti berikut:

- a) Berlaku tanah runtuh pada 7 September 2008 yang melibatkan jalan masuk ke Pusat Peranginan. Jalan tersebut ditutup selama 6 bulan atas arahan Jabatan Kerja Raya untuk kerja-kerja pembaikan jalan.

- b) Pegawai Penguasa Projek telah meluluskan sebanyak empat Arahan Lanjutan Masa (*Extension of Time*) yang melibatkan tempoh masa selama satu tahun empat bulan iaitu di antara 16 April 2008 hingga 31 Ogos 2009. Antara sebab lanjutan masa diperlukan adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Kedudukan Lanjutan Masa Yang Diluluskan Oleh Pegawai Penguasa

Lanjutan Masa	Tarikh Lanjutan Masa	Tempoh (Hari)	Klausa Kontrak	Sebab
1	16.04.2008 – 12.08.2008	119	43 (e)	Perubahan Kerja
2	12.08.2008 – 31.12.2008	141	43(e)	Perubahan Kerja
3	31.12.2008 – 25.06.2009	175	43(a)	Perubahan Kerja
4	25.06.2009 – 31.08.2009	67	43 (e)	Perubahan kerja

Sumber: Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Semakan Audit mendapati alasan yang diberi oleh Perbadanan adalah tidak wajar kerana perkara berikut:

- i) Berlaku tanah runtuh pada jalan masuk ke Gunung Jerai pada 7 September 2008 tidak dapat diterima kerana tarikh sepatutnya siap adalah pada 15 April 2008 iaitu sebelum kejadian tanah runtuh.
- ii) Lanjutan masa yang diluluskan atas alasan perubahan kerja tidak wajar diterima kerana mengikut Klausa 43 syarat kontrak, perubahan kerja hendaklah dibuat dalam tempoh kontrak.

Semakan Audit mendapati kelewatan 22% dari Jadual Kontrak adalah kerana kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh sepatutnya. Oleh itu, baki kerja ini telah disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan. Kesan daripada kelewatan menyiapkan projek ini menyebabkan Pusat Peranginan tidak dapat beroperasi dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu juga, ianya menjadi satu kerugian kepada Perbadanan dan *The Regency International Hotels* untuk mendapat pulangan dalam masa terdekat.

Menurut maklum balas Perbadanan, setelah tapak diserahkan kepada pihak Kontraktor dan kerja menaiktaraf dimulakan, didapati banyak kerja pembaikan perlu dilaksanakan. Pihak Perbadanan telah meluluskan empat Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa kepada pihak Kontraktor.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek menaiktaraf pusat peranginan tidak memuaskan kerana gagal disiapkan dalam tempoh kontrak.

8.4.2 Kelewatan Memohon Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Mengikut Klausa 43 syarat kontrak, Kontraktor hendaklah memohon lanjutan masa secara bertulis dengan menyatakan sebab kelewatan menyiapkan kerja kepada Pegawai Penguasa (PP) sebelum tempoh kontrak tamat. Sekiranya PP berpuas hati dengan alasan yang diberi dan selaras dengan syarat kontrak, kelulusan melalui Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan

Masa (EOT) hendaklah dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Kontraktor lewat memohon EOT di antara 9 hingga 27 hari seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Kelewatan Permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Lanjutan Masa	Tarikh Permohonan Lanjutan Masa	Tarikh Lanjutan	Tempoh (Hari)	Kelewatan Permohonan (Hari)
1	24.04.2008	16.04.2008 – 12.08.2008	119	9
2	08.09.2008	12.08.2008 – 31.12.2008	141	27
3	30.12.2008	31.12.2008 – 25.06.2009	175	-
4	05.07.2009	25.06.2009 – 31.08.2009	67	10
Jumlah			502	

Sumber: Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Menurut maklum balas Perbadanan, sebelum tamat tempoh kontrak yang dibenarkan, pihak Kontraktor telah diingatkan supaya memohon lanjutan masa. Peringatan ini telah diberikan kepada Kontraktor di dalam mesyuarat tapak yang diadakan. Pihak Perbadanan berpendapat bahawa sewajarnya pihak Kontraktor bertanggungjawab di dalam semua permohonan tersebut.

Pada pendapat Audit, permohonan EOT oleh Kontraktor adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan yang tidak selaras dengan kehendak Klausula 43 syarat kontrak.

8.4.3 Pusat Peranginan Beroperasi Tanpa Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan

Mengikut Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Pindaan 2007) – Akta A 1286, setiap premis persendirian dan komersial yang dibina dalam kawasan pentadbiran Kerajaan Tempatan hendaklah mendapat kelulusan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate of Completion And Compliance (CCC)*) bagi membolehkan premis tersebut diduduki dengan selamat. Setiap projek pembangunan perlu mendapat CCC yang dikeluarkan sama ada oleh Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau Pelukis Pelan Bangunan selaku Orang Utama Yang Mengemukakan iaitu *Principal Submitting Person (PSP)*. Mengikut Akta A 1286, PSP adalah merupakan orang yang berkelayakan bagi mengemukakan pelan bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Keselamatan Pusat Peranginan adalah tidak terjamin tanpa CCC dan Perbadanan boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kemalangan kepada pelanggan dan pekerjaanya.

Semakan Audit mendapati Projek Pusat Peranginan ini telah diserahkan kepada *The Regency International Hotel* untuk operasi perhotelan bermula pada 1 September 2009. Bagaimanapun, CCC masih belum dikeluarkan oleh Arkitek Profesional iaitu PSP sehingga kini. Kegagalan ini adalah berpunca daripada Jabatan Bekalan Air (JBA) Kedah masih belum mengemukakan surat sokongan teknikal bagi membolehkan sijil CCC tersebut diluluskan oleh Juruperunding Projek.

Menurut maklum balas Perbadanan, Perakuan Siap Dan Pematuhan telah dikeluarkan oleh Arkitek yang dilantik berkuatkuasa pada 6 Julai 2010.

Pada pendapat Audit, operasi Pusat Peranginan Gunung Jerai tidak mengikut peraturan kerana CCC tidak diperolehi dan keselamatan pelanggan dan pekerja tidak terjamin.

8.4.4 Pengurusan Arahan Perubahan Kerja

Perbadanan hendaklah merancang program pembangunan selari dengan kemampuan kewangan dan sumber di bawah kawalannya agar pembaziran dapat dielakkan. Kos Perubahan Kerja hendaklah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 202.2 yang menghendaki Arahan Perubahan Kerja yang dibenarkan adalah sebanyak 20% daripada kos projek jika harga kontrak tidak melebihi RM20 juta atau jika harga asal kontrak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja yang dicadangkan tidak melebihi RM4 juta. Dalam hal lain, kelulusan hendaklah diperolehi dari Pegawai Kewangan Negeri.

Semakan Audit mendapati kos sebenar projek ini telah meningkat sejumlah RM6.68 juta atau 51.8% daripada anggaran asal iaitu daripada RM12.89 juta kepada RM19.57 juta. Bagaimanapun kelulusan Pegawai Kewangan Negeri bagi Arahan Perubahan Kerja tersebut tidak diperolehi. Peningkatan kos ini adalah disebabkan oleh dua faktor seperti berikut:

- a) Keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bil. 235 bertarikh 22 Jun 2008 telah meluluskan tambahan kos berjumlah RM5.10 juta atau 39.6% dari kos asal.
- b) Lembaga Pengarah Perbadanan sekali lagi membuat keputusan melalui Mesyuarat Bil. 240 bertarikh 22 April 2010 meluluskan tambahan kos berjumlah RM1.58 juta atau 12.2% daripada kos asal.

Tambahan kos ini telah disokong dengan tiga Arahan Perubahan Kerja (APK) yang berjumlah RM6.40 juta. APK No. 1 dan No. 2 telah diluluskan pada 16 Oktober 2008, manakala APK No. 3 telah diluluskan pada 23 Julai 2009. Bagaimanapun, masih terdapat baki RM0.28 juta yang tidak dapat disahkan kerana APK No. 4 tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit. Antara tiga Arahan Perubahan Kerja yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Perubahan Kerja Yang Diluluskan Oleh Ahli Lembaga Pengarah

Bil.	Perkara	Perubahan Kerja Mengikut:			Jumlah (RM)
		APK No. 1 (RM)	APK No. 2 (RM)	APK No. 3 (RM)	
1.	Main Building	126,803	465,086	133,000	724,889
2.	New Reception	-	29,468	56,195	85,663
3.	Staff Quarters	-	42,058	48,425	90,483
4.	Superior Room	-	261,424	557,921	819,345
5.	Toilet Campsite	-	9,714	7,413	17,127
6.	Maid Station	-	7,181	-	7,181
7.	Anggerik, Melor, Chempaka, Mawar Dan Melati	450,407	18,840	12,831	482,078
8.	Guard House	-	2,425	3,311	5,736

Bil.	Perkara	Perubahan Kerja Mengikut:			Jumlah (RM)
		APK No. 1 (RM)	APK No. 2 (RM)	APK No. 3 (RM)	
9.	Genset Room	-	4,988	1,440	6,428
10.	VIP Chalet	-	34,510	12,438	46,948
11.	Angsana Setor Kebun	-	1,924	3,600	5,524
12.	Angsana Dan Dedap	-	166,744	218,418	385,162
13.	Pakma Dan Bakawali	-	160,033	33,681	193,714
14.	Public Toilet	-	12,448	57,175	69,623
15.	Teratai	-	32,742	11,420	44,162
16.	Kenanga	-	67,413	50,620	118,033
17.	Dewan	-	10,556	-	10,556
18.	Support Water Tank	15,037	-	-	15,037
19.	External Works	-	-	250,942	250,942
20.	Interior Design Works			2,338,000	2,338,000
21.	Entertainment Deck	-	-	70,459	70,459
22.	Entertainment Deck - Interior Design Works	-	-	276,082	276,082
23.	Repair Concrete At Pakma And Bakawali	-	-	118,905	118,905
24.	Landscaping	-	-	214,143	214,143
Jumlah Keseluruhan		592,247	1,327,554	4,476,419	6,396,220

Sumber: Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

Peningkatan kos ini menunjukkan Perbadanan tidak merancang dengan teliti menyebabkan terpaksa mengeluarkan kos tambahan yang besar sejumlah RM6.68 juta atau 51.8% bagi menampung pembiayaan projek.

Menurut maklum balas Perbadanan, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan mempunyai hak autonomi di dalam membuat sebarang keputusan yang melibatkan Perbadanan. Pihak Perbadanan berpendapat, peruntukan yang digunakan untuk projek ini adalah peruntukan dalaman, maka kelulusan bagi Arahan Perubahan Kerja yang melebihi 20% hanya dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan sahaja.

Pada pendapat Audit, pengurusan Arahan Perubahan Kerja tidak memuaskan kerana pertambahan kos projek sejumlah RM6.68 juta tidak mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan RM0.28 juta tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit.

8.4.5 Kerja Pembinaan Tanpa Kebenaran Merancang Dan Pelan Bangunan

Mengikut Subseksyen 19(1), Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) memperuntukkan bahawa tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan kemajuan itu telah diberikan kepadanya. Manakala Seksyen 13, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 menyatakan bahawa PBT boleh secara bertulis memberi kebenaran khas untuk memulakan kerja-kerja bangunan dengan syarat bahawa permulaan tersebut tidak akan melanggar peruntukan Akta atau Undang-undang Kecil ini. Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan akan diluluskan setelah mendapat maklum balas dan pandangan daripada Jabatan Teknikal.

Semakan Audit mendapati bahawa Projek tersebut telah dibina tanpa kebenaran Majlis Daerah Yan kerana permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan hanya diluluskan pada 15 September 2009, manakala Projek Pusat Peranginan ini telah siap diserahkan kepada *The Regency International Hotel* pada 1 September 2009. Selain itu pihak Audit mendapati Perbadanan tidak mendapat kebenaran khas secara bertulis daripada PBT untuk memulakan kerja pembinaan.

Menurut maklum balas Perbadanan, pada tahun 2006, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan telah mengarahkan Perbadanan untuk menyegerakan kerja menaiktaraf Pusat Peranginan. Perbadanan telah membuat rayuan kepada Majlis Daerah Yan untuk memulakan kerja memanggil tender dan proses permohonan kebenaran merancang akan dibuat seiringan dengan pelaksanaan projek.

Pada pendapat Audit, prosedur pembinaan adalah tidak memuaskan kerana kegagalan mendapat Kebenaran Merancang daripada PBT sebelum kerja pembinaan dimulakan.

8.4.6 Pemilihan Anak Syarikat Perbadanan Sebagai Kontraktor Projek

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 26 Tahun 1986 menegah syarikat subsidiari menyertai atau mengambil bahagian dalam sebarang proses perolehan yang diurus oleh Agensi Induk. Bagaimanapun, syarikat subsidiari masih boleh mengambil bahagian di dalam perolehan Kerajaan lain yang tidak mempunyai kaitan kepentingan.

Semakan Audit mendapati pada peringkat awal, Perbadanan telah menawarkan kontrak secara tender terbuka bagi projek tersebut. Sehingga tarikh tender ditutup pada 17 April 2007, sebanyak 10 tender telah diterima. Bagaimanapun, keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Bil. 233 yang bersidang pada 2 Ogos 2007 telah memutuskan untuk melantik Kedah Sato Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Syarikat ini merupakan anak syarikat Bina Darulaman Berhad dan juga merupakan subsidiari kepada Perbadanan. Keputusan ini adalah berdasarkan syor yang dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tender Ke-23 (Bil. 1 Tahun 2007) yang bermesyuarat pada 22 Mei 2007 di mana telah memutuskan dua perkara berikut, iaitu bersetuju:

- a) Tidak menawarkan kepada mana-mana penender.
- b) Perkara ini dikemukakan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan untuk mendapatkan kelulusan supaya Projek ini ditawarkan kepada mana-mana anak syarikat PKNK secara rundingan terus.

Oleh demikian, Perbadanan tidak mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 26 Tahun 1986. Amalan seperti ini boleh menimbulkan pertelingkahan kepentingan.

Menurut maklum balas Perbadanan, di dalam semua hal Perbadanan sebagai sebuah agensi badan berkanun sentiasa mematuhi arahan, Surat Pekeliling dan Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, sekiranya pelantikan anak syarikat lebih menguntungkan maka pihak Perbadanan akan memohon pengecualian dari pematuhan kepada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan.

Pada pendapat Audit, pemilihan anak syarikat sebagai Kontraktor Projek adalah tidak mematuhi kehendak peraturan.

8.4.7 Kualiti Kerja Tidak Memuaskan

Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi dan memenuhi kehendak kontrak. Perbadanan juga perlu mengawal selia pelaksanaan projek bagi menjamin kualiti, mengelakkan pembaziran wang, sumber dan tenaga semua pihak yang terlibat.

Mesyuarat tapak diadakan setiap bulan manakala mesyuarat teknikal pula dijalankan setiap dua minggu. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat termasuklah kerja tidak mengikut spesifikasi dan lukisan pembinaan yang dijalankan oleh Kontraktor. Lawatan Audit bersama Jurutera Perbadanan dan Jurutera Projek mendapati kerja landskap oleh kontraktor tidak mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan.


Lawatan Audit pada 1 Jun 2010 mendapati kerja pembaikan telah dibuat di tempat yang telah dikenalpasti. Keadaan kualiti kerja awal dan pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan adalah sepertimana yang ditunjukkan di **Foto 8.2** hingga **Foto 8.15**.

Foto 8.2
Airwell Yang Dipenuhi Fungus Di Bilik
Eksekutif (Chalet Baru)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik 126, Bilik Executive
Tarikh: 6 Ogos 2009

Foto 8.3
Airwell Yang Telah Dibersihkan Daripada
Fungus




Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
Lokasi: Bilik No. 126, Bilik Executive
Tarikh: 3 Jun 2010

Foto 8.4
Siling Bocor Di Bilik Eksekutif
(Chalet Baru)




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bilik No. 117, Bilik Executive
 Tarikh: 15 Disember 2009

Foto 8.5
Siling Bocor Di Bilik Eksekutif
Telah Diperbaiki




Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
 Lokasi: Bilik No. 117, Bilik Executive
 Tarikh: 3 Jun 2010

Foto 8.6
Bleeding Dari Bahan Platform Tangga



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tangga Di Sekitar Chalet Baru
 Tarikh: 15 Disember 2009

Foto 8.7
Kerja Pembaikan Pada Bahan Platform
Tangga Telah Dibuat




Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
 Lokasi: Tangga Di Sekitar Chalet Baru
 Tarikh: 3 Jun 2010

Foto 8.8
Bleeding Dari Bahan Platform Tangga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tangga Di Sekitar Chalet Baru
Tarikh: 15 Disember 2009

Foto 8.9
Kerja Pembaikan Pada Bahan Platform Tangga Telah Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tangga Di Sekitar Chalet Baru
Tarikh: 1 Jun 2010

Foto 8.10
Sisa Besi Dibiarkan Terpacak Di Tangga Bilik Eksekutif Yang Boleh Membahayakan Pelanggan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lantai Ke Bilik Executive
Tarikh: 6 Ogos 2009

Foto 8.11
Sisa Besi Telah Dibuang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lantai Ke Bilik Executive
Tarikh: 1 Jun 2010

Foto 8.12
Penanaman Rumput Yang Tidak Sempurna
Dan Paip Air Yang Terdedah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Di Sekitar Belakang Chalet Baru
Tarikh: 15 Disember 2009

Foto 8.13
Penanaman Rumput Yang Telah Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Di Sekitar Belakang Chalet Baru
Tarikh: 1 Jun 2010

Foto 8.14
Penanaman Rumput Yang Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruangan Hadapan Ke Chalet Baru
Tarikh: 15 Disember 2009

Foto 8.15
Penanaman Rumput Yang Telah Sempurna



Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
Lokasi: Ruangan Hadapan Ke Chalet Baru
Tarikh: 3 Jun 2010

Menurut maklum balas Perbadanan, Projek ini mensyaratkan tempoh tanggungan kecacatan (Defect Liability Period) selama 24 bulan mulai 1 Ogos 2009 hingga 31 Ogos 2011. Di dalam tempoh ini, segala kecacatan yang timbul akan dibaiki oleh pihak Kontraktor. Sekiranya berlaku keingkaran di pihak kontraktor, Perbadanan akan melakukan pembaikan tersebut dan kos akan ditolak dari Bon Perlaksanaan pihak Kontraktor yang berjumlah RM0.91 juta.

Pada pendapat Audit, mutu kerja pembinaan pada peringkat awal adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun, kerja kemas akhir dalam tempoh tanggungan kecacatan telah dilakukan dengan sempurna.

8.4.8 Kualiti Perabot Dan Kelengkapan

Perabot dan kelengkapan yang dibekalkan hendaklah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Pihak pengurusan *The Regency Jerai Hill Resort* telah membuat aduan pada bulan September 2009 sebaik sahaja perabot dan kelengkapan berkenaan diterima dan mendapati kualiti tidak memuaskan dan tidak menepati spesifikasi kontrak. Butiran terperinci terhadap perabot dan kelengkapan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Aduan Kerosakan Perabot dan Kelengkapan Semasa Diterima

Bil.	Item	Kuantiti Rosak	Jenis Kerosakan
1.	<i>Pelmet</i>	9	Senget/berlubang/koyak
2.	<i>Night & Sheer Curtain</i>	23	Labuh/pendek
3.	<i>Upholstered Headband Panel</i>	16	Kerosakan linen-warna luntur
4.	<i>Writing Chair</i>	35	Kaki tidak sama rata/bergoyang/tiada kaki
5.	<i>Coffee Table</i>	55	Cermin tidak ikut saiz/tajam
6.	<i>Wardrobe</i>	46	Tidak kukuh/bergoyang Cermin tidak mengikut saiz/pecah
7.	<i>Dressing cum writing table</i>	66	Laci ketat/kaki bengkok, tidak sama rata Cermin tidak mengikut saiz. Bangku bergoyang
8.	<i>TV Cabinet</i>	45	Pintu senget dan tidak boleh ditutup Cermin tidak mengikut saiz/tajam/pecah
Jumlah		295	

Sumber: Senarai Aduan Kerosakan Perabot Dan Kelengkapan Oleh *The Regency*

Sehingga akhir Oktober 2009, pihak Audit mendapati sebanyak 295 jenis item yang rosak tersebut belum diganti oleh pembekal.

Pemeriksaan fizikal mendapati sebanyak 12 buah kerusi makan untuk kegunaan restoran telah rosak dan disimpan di koridor belakang restoran dan tindakan masih belum diambil. Selain itu, didapati kabinet bufet (*table top*) untuk menghidang makanan bermasak telah rosak. Mengikut pihak pengurusan, kabinet bufet tersebut pernah dibaiki tetapi kerosakan yang sama berulang seperti di **Foto 8.16** dan **Foto 8.18**.

Lawatan Audit pada 1 Jun 2010 juga mendapati kerusi yang telah rosak telah diganti dengan kerusi yang baru dan telah digunakan seperti di **Foto 8.17**. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati kabinet bufet telah diperbaiki semula sepertimana yang ditunjukkan di **Foto 8.19**.

Foto 8.16
12 buah Kerusi Telah Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Restoran, Bangunan Utama
Tarikh: 2 November 2009

Foto 8.17
Keseluruhan Kerusi Restoran Yang Telah Patah Dan Berkualiti Rendah Telah Diganti



Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
Lokasi: Restoran, Bangunan Utama
Tarikh: 3 Jun 2010

Foto 8.18
Kabinet Bufet Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Restoran, Bangunan Utama
Tarikh: 2 November 2009

Foto 8.19
Kabinet Bufet Yang Telah Diperbaiki



Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
Lokasi: Restoran, Bangunan Utama
Tarikh: 3 Jun 2010

Menurut maklum balas Perbadanan, seperti juga kecacatan yang timbul bagi kerja yang dilaksanakan oleh pihak Kontraktor, perabot dan kelengkapan turut akan dibaiki di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

Pada pendapat Audit, kualiti perabot dan peralatan adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut spesifikasi kontrak. Bagaimanapun pihak kontraktor telah menggantikan dengan perabot dan kelengkapan yang baru dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

8.4.9 Tiada Perjanjian Pengurusan Pusat Peranginan

Setiap perniagaan perlu mempunyai ikatan perjanjian dengan semua pihak yang berhubung di antara satu sama lain. Begitu juga bagi operasi Pusat Peranginan ini di mana sepatutnya

ada dua ikatan perjanjian di antara Perbadanan dengan PKNK Hotel Sdn. Bhd. dan PKNK Hotel Sdn. Bhd. dengan *The Regency International Hotels* bagi menjamin kepentingan masing-masing seperti kadar keuntungan dan tanggungan risiko.

Semakan Audit mendapati tiada perjanjian ditandatangani oleh ketiga-tiga pihak berkenaan walaupun Pusat Peranginan telah memulakan operasi pada 1 September 2009. Tanpa kontrak dan perjanjian formal, kemungkinan syarikat insurans tidak bersedia untuk menawarkan polisinya dan menanggung risiko operasi perniagaan hotel ini daripada sebarang kerugian apabila berlaku malapetaka yang tidak diingini seperti kebakaran, kemalangan dan bencana.

Semakan Audit terhadap laporan pengunjung ke *The Regency Jerai Hill Resort* bagi tempoh 1 September 2009 hingga 26 Oktober 2009 (56 hari) mendapati sambutan adalah menggalakkan di mana seramai 218 pengunjung individu dan berkumpulan telah menginap.

Menurut maklum balas Perbadanan, pada hakikatnya ikatan perjanjian adalah di antara Perbadanan dan pihak The Regency International Hotel. Bagaimanapun, untuk melindungi Perbadanan dari tuntutan perundangan, maka pihak Perbadanan telah melantik PKNK Hotel Sdn. Bhd. sebagai orang tengah. Perjanjian yang akan dibuat adalah di antara pihak PKNK Hotel Sdn. Bhd. dan The Regency International Hotel. Isu yang timbul sekarang ialah berhubung dengan aset PKNK Hotel Sdn. Bhd. di mana pihak Perbadanan sedang berusaha untuk mendapatkan suatu mekanisme yang sesuai untuk menguruskan hotel melalui PKNK Hotel Sdn. Bhd. Ini bagi memastikan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Pada pendapat Audit, kepentingan Perbadanan selaku pemilik Pusat Peranginan tidak terjamin berikutan ketiadaan perjanjian rasmi di antara pihak yang terlibat.

8.4.10 Tiada Perlindungan Insurans Kebakaran Bagi Premis

Mengikut Amalan Terbaik, adalah menjadi satu keperluan bagi setiap bangunan yang dibina dan dihuni, dilindungi dengan jaminan insurans bagi premis, pekerja dan pelanggan. Jaminan insurans dapat mengelakkan kerugian dan liabiliti kepada Perbadanan sekiranya berlaku kemalangan, kebakaran atau malapetaka yang tidak diduga dan di luar jangkaan seperti kebakaran, tanah runtuh atau bangunan runtuh.

Semakan Audit terhadap rekod di Perbadanan dan temu bual dengan Pengurus *The Regency Jerai Hill Resort* mendapati operasi pusat peranginan tersebut tidak dilindungi insurans. Kesannya, operasi pusat peranginan terdedah kepada risiko kerugian akibat kemalangan.

Menurut maklum balas Perbadanan, polisi insurans berjumlah RM27,354 yang berkaitan dengan kebakaran, wang, tanggungan awam, fidelity guarantee, tanggungan pekerja, personal all risk, cermin dan kecurian telah diperoleh yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2010.

Pada pendapat Audit, keselamatan pusat peranginan, pelanggan dan pengunjung adalah baik kerana perlindungan insurans telah diperolehi bagi menjamin sebarang risiko yang boleh berlaku.

8.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Projek Pusat Peranginan Gunung Jerai adalah memuaskan dan telah mencapai objektif projek seperti yang dirancang. Bagaimanapun, Perbadanan perlu mengambil tindakan yang proaktif bagi mengatasi masalah yang berbangkit seperti mematuhi segala peraturan dan undang-undang bagi menjamin kualiti projek, mengutamakan keselamatan dan kepuasan hati pelanggan. Bagi mencapai maksud ini adalah disarankan agar Perbadanan mengambil tindakan dengan memberi tumpuan kepada aspek seperti berikut:

- a)** Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) hendaklah diperolehi segera bagi memberi jaminan atau perlindungan jika berlaku perkara yang di luar jangkaan.
- b)** Perjanjian di antara Perbadanan dengan PKNK Hotel Sdn. Bhd. dan di antara PKNK Hotel Sdn. Bhd. dengan *The Regency International Hotels* hendaklah ditandatangani segera kerana pusat peranginan telah beroperasi.
- c)** Kawalan kualiti kerja projek binaan harus diutamakan demi keselamatan dan kepuasan hati pelanggan. Keselamatan dan kepuasan hati pelanggan hendaklah diutamakan.
- d)** Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri perlu diperolehi bagi Arahan Perubahan Kerja yang berjumlah RM6.68 juta.

9. PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (Majlis) telah ditubuhkan pada 4 Disember 2001 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang merangkumi kawasan seluas 47,848 hektar meliputi seluruh Pulau Langkawi. Selaras dengan Seksyen 72(1)(a), Majlis adalah bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal di kawasan pentadbirannya yang mempunyai lebih kurang 70,000 orang penduduk. Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Kesihatan Majlis adalah bertanggungjawab menguruskan sisa pepejal di Pulau Langkawi. Antara fungsi Bahagian ini adalah merancang dan menjalankan kerja mengutip sampah di kawasan perumahan dan pusat bandar, menguruskan tapak pelupusan serta menjalankan kerja pembersihan tempat awam seperti pantai awam dan pusat penjaja. Mulai 1 Februari 2010, pengurusan sisa pepejal di Pulau Langkawi telah diswastakan kepada Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd.. Berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani, Majlis perlu membayar sejumlah RM333,531 sebulan atau RM4 juta setahun untuk tempoh selama lima tahun.

9.1.2 Jenis sisa pepejal yang diuruskan oleh Majlis adalah terdiri daripada sisa buangan domestik dan perdagangan yang tidak bertoksik. Purata berat sisa pepejal yang diuruskan adalah sebanyak 80 tan sehari dan jumlah ini boleh meningkat kepada 120 tan pada hari cuti umum dan cuti persekolahan. Sebanyak 30 juta tan sampah telah dikendalikan oleh Majlis pada tahun 2007 dan jumlah ini berkurang kepada 27 juta tan pada tahun 2008. Bagi tahun 2009, jumlah kutipan sampah telah meningkat sebanyak empat juta tan kepada 31 juta tan. Sejumlah RM6.30 juta telah dibelanjakan oleh Majlis untuk menguruskan sisa pepejal dan tapak pelupusan pada tahun 2007 hingga 2009. Perbelanjaan ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Majlis sendiri.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek berkaitan alam sekitar.

9.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh Majlis bagi tahun 2007 hingga 2009. Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan membuat semakan terhadap fail dan daftar yang diselenggarakan serta dokumen berhubung dengan pengurusan sisa pepejal dan aktiviti pembersihan di Jabatan

Perkhidmatan Bandar Dan Kesihatan. Semakan juga turut dijalankan terhadap fail dan dokumen projek menaik taraf tapak pelupusan di Jabatan Kejuruteraan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke tapak pelupusan sampah milik Majlis yang terletak di KM 11, Jalan Ayer Hangat, Mukim Kuah turut dijalankan. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam dan lawatan turut di buat ke taman perumahan dan kawasan penempatan sekitar Jalan Batu Asah, Jalan Ayer Hangat, Jalan Kelibang, Jalan Penarak, Jalan Pantai Cenang, Pantai Imigresen dan Pantai Tanjung Rhu. Di samping itu, khidmat daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah digunakan untuk menjalankan pemeriksaan kualiti air anak Sungai Kilim yang mengalir berdekatan dengan tapak pelupusan. Data dan maklumat mengenai statistik penyakit turut diperolehi daripada Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi.

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2009 hingga Februari 2010, mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan pengurusan sisa pepejal Majlis adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang dibangkitkan perlu diberi perhatian terutamanya pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal yang lemah; di mana loji rawatan air larut resap yang dinaik taraf dengan kos berjumlah RM2.58 juta tidak berfungsi kerana tidak menepati *standard* yang ditetapkan oleh JAS; penimbunan tanah tidak dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan; kemudahan *washing bay* tidak disediakan dan kutipan *tipping fee* lewat diserahkan untuk dibankkan. Kelemahan lain dalam pelaksanaan kerja kutipan sampah dan pembersihan kawasan juga perlu diberi perhatian seperti tumpahan air larut resap di atas jalan raya ketika proses mengangkut sampah dijalankan dan sampah tidak dibersihkan dengan sempurna. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti perenggan berikut:

9.4.1 Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

Tapak pelupusan Majlis terletak di KM11, Jalan Ayer Hangat, Kuah berkeluasan 20 ekar, telah mula beroperasi pada tahun 1985. Tapak ini dijangka masih dapat digunakan selama 10 tahun akan datang. Pengurusan tapak pelupusan adalah di bawah seliaan Jabatan Kejuruteraan. Sejumlah RM3.88 juta telah dibelanjakan oleh Majlis bagi kerja menaik taraf tapak dalam tempoh 2007 hingga 2009, di mana sejumlah RM1.58 juta adalah dibiayai oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala baki berjumlah RM2.30 juta dibiayai oleh LADA. Kerja menaik taraf yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Kerja Menaik Taraf Di Tapak Pelupusan

Kerja Menaik Taraf	Kos (RM Juta)	Pembiayaan
Membina Loji Rawatan Air Larut Resap	1.58	KPKT
	1.00	LADA
Tanah Merah Untuk Kerja-kerja Menimbus Sampah	0.50	LADA
Lain-lain Kemudahan Di Tapak Pelupusan	0.80	LADA
Jumlah	3.88	


Sumber: Rekod Jabatan Kejuruteraan Majlis

Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan tapak pelupusan mendapati perkara berikut:

9.4.1.1 Loji Rawatan Air Larut Resap Tidak Berfungsi

Loji rawatan air larut resap perlu dibina bagi memastikan air larut resap tidak dilepaskan terus ke sungai tanpa dirawat terlebih dahulu. Cadangan pembinaan loji dan kaedah merawat air larut resap telah direkabentuk oleh pihak Universiti Sains Malaysia (USM). Kerja membina loji berkenaan telah dilaksanakan mulai tahun 2003 dan siap pada 2007 dengan kos berjumlah RM2.58 juta. Loji berkenaan **tidak berfungsi** untuk merawat air larut resap sejak tahun 2007. Lawatan Audit pada 4 November 2009 mendapati kolam takungan air telah dipenuhi oleh air larut resap dan juga air hujan, manakala rumah pam yang dibina juga telah ditakungi air. Keadaan loji rawatan semasa lawatan Audit dijalankan adalah seperti **Foto 9.1** dan **Foto 9.2**.

Foto 9.1
Keadaan Rumah Pam
Yang Ditakungi Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 4 November 2009

Foto 9.2
Kolam Rawatan Air
Yang Tidak Dapat Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 4 November 2009

Hasil temu bual dengan pegawai Majlis pada 25 Februari 2010, mendapati loji berkenaan tidak boleh digunakan kerana sistem yang dibangunkan bagi pengoperasian loji berkenaan tidak memenuhi standard A (pelepasan *affluent standard A*) seperti mana yang ditetapkan oleh JAS. Bayaran untuk kerja fizikal telah dibuat kepada kontraktor kecuali bayaran untuk *testing and commissioning* dan *lab testing* yang dianggarkan di antara RM300,000 hingga RM400,000 masih belum dibuat. Pihak Majlis dalam proses membincangkan kaedah penyelesaian masalah sistem dengan Juruperunding dan USM. Kos dijangka tidak akan meningkat kerana tiada binaan struktur baharu akan dibuat kecuali kerja membaikpulih sistem dalaman sahaja.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Majlis, pengujian sistem rawatan tanpa menggunakan 'filter material' telah berjaya tetapi ujian dengan 'filter material' memperlihatkan 'flow' yang tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan. Pihak USM dan perunding melakukan kajian semula terhadap rekabentuk dan pembinaan bagi memperoleh kaedah penyelesaian terbaik. Majlis juga memaklumkan bahawa kontraktor utama projek

telah menarik diri dan bersetuju kontrak yang telah ditandatangani ditamatkan. Majlis bersama perunding sedang dalam proses melantik kontraktor baru untuk menyiapkan kerja yang tertangguh.

Pada pendapat Audit, pembinaan loji rawatan air larut resap adalah satu pembaziran kerana loji tidak dapat digunakan walaupun pembinaannya telah siap.

9.4.1.2 Penimbunan Tanah Tidak Dibuat Mengikut Garis Panduan

Mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam *Technical Guideline On Sanitary Landfill (Design And Operation)* 1990 oleh KPKT, sampah di tapak pelupusan perlu ditimbus apabila ketinggian sampah mencapai empat kaki tinggi dengan satu kaki ketinggian tanah. Kaedah pelupusan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah secara penimbunan tanah (*land-filling*) bagi semua jenis sisa pepejal kecuali sisa bahan terajual.

Bagi memenuhi ketetapan KPKT, Majlis menganggarkan kerja menimbus sampah di tapak pelupusan perlu dibuat sekurang-kurangnya enam kali setahun dengan kos berjumlah RM200,000 setiap kali kerja penimbunan dilakukan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati anggaran peruntukan yang disediakan oleh Majlis tidak mencukupi. Sejumlah RM95,000 diperuntukkan pada tahun 2007 bagi penyenggaraan tempat bakar sampah termasuk pembelian tanah merah, RM10,000 bagi tahun 2008 dan RM50,000 bagi tahun 2009. Timbunan sampah di tapak pelupusan hanya ditimbus sekali pada tahun 2007 dan 2008 masing-masing berjumlah RM9,880 dan RM19,900. Manakala pada tahun 2009, sampah telah ditimbus tiga kali dengan kos berjumlah RM506,690 yang dibiayai oleh LADA. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Pelaksanaan Kerja Menimbus Sampah Pada Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Anggaran Kekerapan Menimbus Tanah Setahun	Pelaksanaan Sebenar Kerja Menimbus Sampah	Kos Pembelian Tanah Merah (RM)	Pembiayaan
2007	6	1	9,880	Majlis
2008	6	1	19,900	Majlis
2009	6	3	506,690	LADA
Jumlah	18	5	536,470	

Sumber: Rekod Jabatan Kejuruteraan Dan Jabatan Perbendaharaan Majlis

Lawatan Audit pada 4 November 2009 mendapati timbunan sampah tidak ditimbus sebagaimana yang disyaratkan. Kali terakhir sampah ditimbus adalah pada bulan September 2009. Pihak Majlis kini mengambil alternatif untuk memampatkan sampah terlebih dahulu sehingga peruntukan diperoleh untuk menimbus sampah berkenaan. Keadaan di tapak pelupusan adalah seperti di **Foto 9.3** dan **Foto 9.4**.

Foto 9.3
Sampah Di Tapak Pelupusan
Yang Belum Ditimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 4 November 2009

Foto 9.4
Sampah Di Tapak Pelupusan
Yang Belum Ditimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 4 November 2009

Akibat daripada ketidakpatuhan kepada garis panduan menyebabkan berlaku pencemaran bau kepada kawasan sekitar terutamanya ketika musim hujan kerana Majlis tidak menimbus sampah.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Majlis, sekiranya kerja menimbus sampah dilaksanakan mengikut garis panduan KPKT, Majlis terpaksa menyediakan peruntukan yang besar iaitu sejumlah RM78,000 sebulan atau RM936,000 setahun. Ianya tidak dapat dilaksanakan kerana kedudukan kewangan Majlis yang tidak mengizinkan. Majlis memaklumkan Jabatan Sisa Pepejal Negara (JSPN) telah memberi kelulusan untuk membantu menaiktaraf tapak pelupusan. Bagaimanapun, jumlah kos masih belum ditentukan.

Pada pendapat Audit, proses menimbus sampah yang dijalankan oleh Majlis adalah tidak memuaskan kerana garis panduan KPKT tidak dipatuhi.

9.4.1.3 Kemudahan *Washing Bay* Tidak Disediakan

Mengikut syarat No. 17 *Environmental Impact Assessment*, kemudahan *washing bay* perlu disediakan bagi membersihkan tayar lori sampah yang memasuki tapak pelupusan sebelum bergerak keluar ke jalan raya. Ianya bertujuan mengurangkan pencemaran apabila kenderaan berkenaan berada di jalan raya. Lawatan Audit ke tapak pelupusan mendapati kemudahan *washing bay* tidak disediakan.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, pihak Majlis telah mengadakan ruang untuk membersihkan tayar lori yang memasuki kawasan tapak pelupusan pada bulan Jun 2009 selepas mendapat teguran Audit. Majlis juga akan cuba melaksanakan seperti mana standard yang ditetapkan oleh KPKT.

Pada pendapat Audit, kemudahan yang disediakan di tapak pelupusan masih boleh dipertingkatkan untuk mengurangkan pencemaran.

9.4.1.4 Kutipan Hasil Tapak Pelupusan Lewat Diserah Ke Unit Hasil

Setiap lori sampah swasta yang memasuki tapak pelupusan untuk membuang sampah akan dikenakan bayaran (*tipping fee*). Bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan kepada jumlah trip kenderaan masuk ke tapak pelupusan. Kadar yang dikenakan adalah RM10 satu trip bagi kenderaan bertayar empat dan RM20 satu trip bagi kenderaan bertayar enam atau lebih. Purata kutipan harian adalah di antara RM100 hingga RM150. Resit dikeluarkan bagi mengesahkan penerimaan. Kutipan *tipping fee* pada tahun 2007 hingga 2009 adalah berjumlah RM143,330. Arahkan Perbendaharaan 78 menghendaki wang kutipan hasil perlu dibankkan dengan segera. Semakan Audit mendapati hasil kutipan berjumlah RM141,380 telah lewat diserahkan untuk diperakaunkan ke hasil Majlis antara lapan hingga 85 hari. Hasil kutipan *tipping fee* diserahkan terus ke kaunter Unit Hasil Majlis tanpa semakan dan pengesahan oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Bandar. Keadaan ini boleh menyebabkan berlaku penyelewengan. Jumlah kutipan dan tempoh kelewatan adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Kutipan Lewat Diserahkan Ke Unit Hasil

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)			Jumlah (RM)
	Kelewatan (Hari)			
	8-30	31-60	61-85	
2007	43,770	7,600	-	51,370
2008	5,700	26,270	12,160	44,130
2009	14,180	21,510	10,190	45,880
Jumlah	63,650	55,380	22,350	141,380

Sumber: Rekod Daftar Jualan Kupon Dan Resit Terimaan

Majlis memaklumkan bahawa arahan telah dikeluarkan kepada kakitangan yang terlibat untuk menyerahkan hasil kutipan ke kaunter hasil setiap hari selepas disemak oleh Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan hasil di tapak pelupusan adalah tidak memuaskan kerana hasil lewat diserahkan dan diperakaunkan ke hasil Majlis. Kelewatan ini mengakibatkan hasil semasa Majlis yang dilaporkan telah berkurang nyata.

9.4.2 Kualiti Air Anak Sungai Kilim

Anak Sungai Kilim merupakan sungai yang paling hampir dengan tapak pelupusan sampah milik Majlis. Lawatan Audit bersama pihak Majlis dan Jabatan Alam Sekitar, Cawangan Langkawi telah diadakan pada 24 Februari 2010 ke anak Sungai Kilim bagi mengambil sampel air untuk tujuan mengkaji tahap pencemaran air. Hasil analisis terhadap sampel air anak Sungai Kilim yang dijalankan oleh Jabatan Kimia, Cawangan Kedah, menunjukkan tahap kualiti air di anak sungai tersebut masih di dalam standard yang ditetapkan. Hasil ujian yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Keputusan Ujian Kualiti Air Anak Sungai Kilim

Bil.	Parameter	Unit	Keputusan	Standard
1.	pH @ 25 ⁰	pH	7.6	6.0 – 9.0
2.	Pepejal Terampai	mg/l	46	50
3.	Ammoniacal Nitrogen	mg/l	3.4	5
4.	Cadmium	mg/l	0.08	0.02
5.	Copper	mg/l	0.08	1
6.	Iron	mg/l	0.7	5
7.	Lead	mg/l	0.2	0.5
8.	Nickel	mg/l	0.32	1
9.	Zinc	mg/l	0.09	2
10.	COD (Keperluan Oksigen Kimia)	mg/l	42	400
11.	BOD (Keperluan Oksigen Biokimia)	mg/l	< 2	20
12.	O & G	mg/l	< 1	10

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Kelas kualiti air sungai mengikut Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) adalah dikira berdasarkan enam parameter utama iaitu pH, pepejal terampai, *ammoniacal nitrogen*, keperluan oksigen kimia, keperluan oksigen biokimia dan oksigen terlarut. Ujian terhadap oksigen terlarut perlu dibuat secara in-situ. Hasil daripada ujian yang dijalankan mendapati bacaan kualiti air sungai mengikut Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) adalah 93 dan berstatus Kelas I serta bersih.

Pada pendapat Audit tahap kualiti air di anak Sungai Kilim adalah baik walaupun loji rawatan air larut resap di tapak pelupusan tidak berfungsi.

9.4.3 Pelaksanaan Kerja Kutipan Sampah Dan Pembersihan Kawasan

Aktiviti kutipan sampah dan pembersihan kawasan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Perkhidmatan Bandar. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM2.42 juta bagi menjalankan aktiviti kutipan sampah dan pembersihan kawasan.

Lawatan Audit telah dijalankan pada 20 dan 21 Januari 2010 meliputi kawasan penempatan dan taman perumahan sekitar Jalan Batu Asah, Jalan Ayer Hangat, Jalan Kelibang, Jalan Penarak dan Jalan Pantai Cenang. Lawatan Audit juga turut dijalankan di tiga pantai awam iaitu Pantai Cenang, Pantai Imigresen dan Pantai Tanjung Rhu. Hasil daripada lawatan yang dijalankan mendapati kerja kutipan sampah dan pembersihan kawasan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah memuaskan kecuali perkara berikut:

9.4.3.1 Sampah Tidak Dikutip Dengan Sempurna

Majlis hendaklah memastikan sampah dikutip dengan sempurna dan kawasan sekitar adalah bersih. Lawatan Audit mendapati sampah di sekitar tong sampah tidak dikutip dan dibersihkan dengan sempurna. Keadaan ini menyebabkan kawasan berkenaan kotor dan tidak terurus. Bagaimanapun, lawatan balas Audit ke beberapa kawasan sekitar Jalan Air

Hangat mendapati keadaan persekitaran yang kotor telah diambil tindakan oleh pihak Syarikat E-Idaman seperti **Foto 9.5**, **Foto 9.6**, **Foto 9.7** dan **Foto 9.8**.

Foto 9.5
Sampah Di Sekitar Tong Sampah Tidak Dibersihkan Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Nilam
Tarikh: 20 Januari 2010

Foto 9.6
Sampah Di Sekitar Tong Sampah Yang Dibersihkan Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Nilam
Tarikh: 9 Jun 2010

Foto 9.7
Sampah Di Sekitar Tong Sampah Yang Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Berlian
Tarikh: 20 Januari 2010

Foto 9.8
Sampah Di Sekitar Tong Sampah Yang Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Berlian
Tarikh: 25 Februari 2010

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Majlis, notis pembetulan dikeluarkan sekiranya terdapat kawasan yang lewat dibersihkan. Pihak Syarikat mengambil tindakan segera bagi mengelak bayaran mereka dipotong.

Pada pendapat Audit, tindakan segera membersihkan kawasan kotor yang diambil selepas penswastan adalah memuaskan. Sekiranya proses ini dikekalkan, matlamat sebenar penswastan akan dapat dicapai.

9.4.3.2 Air Larut Resap Tumpah Di Atas Jalanraya Ketika Proses Memampat Dan Mengangkut Sampah

Pihak Majlis hendaklah memastikan tumpahan air larut resap tidak berlaku ketika proses memampat dan mengangkut sampah dilakukan. Ini adalah untuk memastikan jalanraya dan kawasan persekitaran tidak dicemari bau busuk. Hasil lawatan Audit mendapati berlaku tumpahan air larut resap ketika proses mengangkut dan memampat sampah dilakukan. Keadaan sedemikian berlaku kerana takungan air larut resap yang disediakan pada setiap lori adalah kecil dan tidak menutupi bahagian bawah sendi jentera seperti di **Foto 9.9** dan **Foto 9.10**.

Foto 9.9
Tumpahan Air Larut Resap
Di Atas Jalan Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Kemboja
Tarikh: 21 Januari 2010

Foto 9.10
Tumpahan Air Larut Resap
Di Atas Jalan Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Kemboja
Tarikh: 21 Januari 2010

Pada pendapat Audit, penyenggaraan lori kompaktor adalah tidak memuaskan kerana takungan air larut resap yang disediakan pada lori tidak dapat memerangkap air larut resap yang terhasil semasa proses memampat sampah dijalankan.

9.4.4 Langkah Mengurangkan Pencemaran Alam Sekitar

Antara langkah yang diambil oleh Majlis dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar adalah dengan melaksanakan program kitar semula sisa pepejal. Selain itu, penggunaan *incinerator* di tapak pelupusan sampah juga turut membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar.

9.4.4.1 Program Kitar Semula

Kitar semula merupakan proses memperolehi atau menjadikan sebahagian atau semua bahan daripada sampah untuk diguna semula. Semakan Audit mendapati Majlis menyewakan tapak berkeluasan 150' x 150' di tapak pelupusan sampah kepada Tanjung Sepadan Sdn. Bhd. sebagai pusat pengumpulan dan pemprosesan bahan kitar semula. Syarikat ini dibenarkan membuat kutipan sisa pepejal yang boleh dikitar semula daripada tapak pelupusan, pusat pengumpulan bahan kitar semula dan tong kitar semula milik Majlis serta premis lain yang diberi kebenaran oleh Majlis. Syarikat ini dikenakan bayaran

berjumlah RM300 sebulan sebagai bayaran sewa tapak dan RM300 sebulan sebagai agen kitar semula Majlis. Aktiviti kitar semula yang dijalankan oleh syarikat berkenaan di tapak pelupusan adalah seperti di **Foto 9.11**.

Foto 9.11
Aktiviti Kitar Semula Di Tapak Pelupusan Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 4 November 2009

Semakan Audit mendapati, Program Kitar Semula yang dijalankan tidak mendapat sambutan daripada orang awam dan Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula yang disediakan tidak diurus dan dimanfaatkan dengan baik oleh penduduk setempat. **Foto 9.12** dan **Foto 9.13** menunjukkan Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula tidak diurus dengan sempurna dan terbiar. Bagaimapun, lawatan balas Audit ke pusat pengumpulan berkenaan mendapati ianya telah dibersihkan untuk kegunaan penduduk seperti **Foto 9.14**.

Foto 9.12
Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Berlian
Tarikh: 25 Februari 2010

Foto 9.13
Keadaan Di Dalam Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Berlian
Tarikh: 25 Februari 2010

Foto 9.14
Keadaan Di Dalam Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Berlian
Tarikh: 9 Jun 2009

Majlis memaklumkan bahawa pusat pengumpulan berkenaan tidak mendapat sambutan kerana penduduk setempat lebih suka menjual bahan berkenaan kepada agen kitar semula swasta.

Pada pendapat Audit, program kitar semula yang dilaksanakan tidak berjaya kerana tidak mendapat sambutan daripada penduduk setempat.

9.4.4.2 Penggunaan Incinerator

Penggunaan *incinerator* adalah bertujuan mengurangkan pelupusan sisa pepejal secara *land-filling*. Berdasarkan temu bual dan semakan fail di Jabatan Kejuruteraan, Majlis telah menggunakan kemudahan *incinerator* untuk melupuskan sisa pepejal sejak tahun 1999. Kos pembinaan *incinerator* berkenaan yang berjumlah RM14 juta adalah dibiayai oleh KPKT. Bagaimanapun, penggunaannya dihentikan pada bulan Julai 2003 kerana Majlis tidak berkemampuan untuk menyediakan sejumlah RM800,000 setahun bagi menyelenggara *incinerator* tersebut kerana kos pengoperasian perlu dibiayai sendiri oleh Majlis.

Incinerator ini telah dilupuskan pada tahun 2009 dengan hasil pelupusan berjumlah RM33,000. Pada tahun 2009, sebuah *incinerator* baru dibina di tapak sedia ada dengan kos berjumlah RM68 juta. Kos pembinaan *incinerator* berkenaan adalah dibiayai dan diselia sepenuhnya oleh pihak KPKT. **Foto 9.15** menunjukkan *incinerator* yang telah dilupuskan, manakala **Foto 9.16** dan **Foto 9.17** adalah kerja pembinaan *incinerator* baru yang sedang dilaksanakan semasa lawatan Audit pada Oktober 2009.

Foto 9.15
Incinerator Asal Yang Telah Dilupuskan



Sumber: Majlis Perbandaran Langkawi
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 1 Mac 2009

Foto 9.16
Kerja Pembinaan Incinerator Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 15 Oktober 2009

Foto 9.17
Kerja Pembinaan Incinerator Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Jalan Ayer Hangat
Tarikh: 15 Oktober 2009

Pada pendapat Audit, pembinaan *incinerator* terdahulu bernilai RM14 juta tidak digunakan mulai bulan Ogos 2003 kerana penyenggaraan yang tinggi. Sebaliknya, sebuah *incinerator* baharu bernilai RM68 juta sedang dalam proses pembinaan di tapak asal.

9.4.5 Maklum Balas Orang Awam

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam di sekitar Pulau Langkawi. Ianya bertujuan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan pengurusan sisa pepejal yang diuruskan oleh Majlis serta menilai tahap pengetahuan orang awam berkaitan kepentingan menjaga alam sekitar. Berdasarkan 83 borang yang dikembalikan, pihak Audit mendapati perkara berikut:

9.4.5.1 Maklum Balas Berkaitan Pengurusan Sisa Pepejal

Analisis Audit terhadap maklum balas orang awam mengenai pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan mendapati 65% responden tidak mengetahui jadual pungutan di kawasan mereka. Namun begitu, 60% responden menyatakan sampah telah dikutip secara teratur dan mengikut jadual. Selanjutnya, di dapati 53% responden menyatakan bahawa keadaan lori kompaktor yang digunakan adalah sederhana dan berlaku sedikit tumpahan air larut resap di tempat mengangkut sampah. Analisis Audit berikutnya mendapati 58% responden menyatakan sisa pepejal yang jatuh semasa kerja mengangkut sampah tidak dipungut semula. Bagaimanapun, 60% maklum balas yang diterima menyatakan kawasan longgokan sampah telah disapu dan dibersihkan dengan sempurna. Butiran lanjut analisis adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5
Analisis Terhadap Pengurusan Sisa Pepejal

Kriteria	Ya		Tidak		Tidak Pasti/ Tidak Menjawab Soalan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Mengetahui Jadual Kutipan	29	35	54	65	-	-
Sampah Dikutip Secara Teratur Dan Mengikut Jadual	50	60	30	36	3	4
Sisa Yang Bertaburan Semasa Kerja Mengutip Sampah Tidak Dikutip Semula	48	58	34	41	1	1
Kawasan Longgokan Sampah Disapu Dan Dibersihkan	50	60	33	40	-	-
Keadaan Lori Kompaktor	Baik		Sederhana		Tidak Memuaskan	
	31	37	44	53	8	10

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.4.5.2 Maklum Balas Berkaitan Alam Sekitar

Sebanyak 51% daripada responden berpendapat pencemaran berlaku di kawasan mereka kerana kelemahan di dalam penyenggaraan sisa pepejal. Antara bentuk pencemaran yang berlaku adalah pencemaran bau, amalan pembuangan sampah yang tidak sistematik, banyak lalat di sekitar tong sampah, menjadi tempat pembiakan nyamuk dan saiz tong sampah yang disediakan adalah kecil serta tidak memenuhi keperluan penduduk. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap maklum balas masalah kesihatan di kalangan penduduk akibat daripada pencemaran mendapati sejumlah 86% responden menyatakan bahawa tidak berlaku masalah kesihatan sama ada pada diri mereka, keluarga ataupun jiran tetangga. Butiran lanjut maklum balas adalah seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Analisis Terhadap Alam Sekitar

Kriteria	Ya		Tidak		Tidak Pasti/ Tidak Menjawab Soalan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Mengalami Masalah Kesihatan Pada Diri/Jiran/Keluarga	11	13	71	86	1	1
Berlaku Pencemaran Akibat Daripada Kelemahan Pengurusan Sisa Pepejal	42	51	41	49	-	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

Analisis Audit selanjutnya mengenai alam sekitar mendapati 58% responden menyatakan bahawa program kitar semula tidak dijalankan di tempat mereka. Sebanyak 57% daripada maklum balas menyatakan bahawa tong kitar semula tidak disediakan di tempat mereka. Sebahagian besar daripada maklum balas yang diterima juga menyatakan mereka tidak mengasingkan sampah terlebih dahulu sebelum dibuang. Butiran lanjut maklum balas adalah seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Analisis Terhadap Program Kitar Semula

Kriteria	Ya		Tidak		Tidak Pasti/ Tidak Menjawab Soalan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Program Kitar Semula Diadakan Di Tempat Anda	30	36	48	58	5	6
Sampah Diasingkan Terlebih Dahulu Sebelum Dibuang	20	24	58	70	5	6
Tong Kitar Semula Disediakan Di Tempat Anda	31	37	47	57	5	6

Sumber: Jabatan Audit Negara

Secara umumnya, hampir semua responden menyedari bahawa pencemaran yang berlaku adalah disebabkan oleh pengurusan sisa pepejal yang lemah. Maklum balas juga menunjukkan bahawa responden menyedari tentang kewujudan kempen yang dianjurkan oleh Kerajaan dalam mengurangkan pencemaran dan berpendapat bahawa kempen tersebut patut diteruskan dari semasa ke semasa. Kempen ini juga dapat meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Bagaimanapun, hampir keseluruhan responden tidak menyertai kempen yang dianjurkan walaupun menyedari tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Pada pendapat Audit, kualiti pengurusan sisa pepejal dan program kitar semula yang dilaksanakan masih boleh dipertingkatkan. Penekanan tentang pentingnya program kitar semula perlu diperkemaskan lagi sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan jumlah buangan sisa pepejal dan pencemaran alam sekitar.

9.4.6 Kawalan Penyakit Berjangkit

Persekitaran yang kotor dan tidak terurus menjadi punca utama merebaknya pelbagai jenis penyakit berjangkit di kawasan penempatan penduduk. Selain itu, kurangnya kesedaran di

kalangan penduduk turut sama menyumbang kepada penyebaran penyakit berjangkit. Statistik penjenisan penyakit berjangkit bagi tahun 2007 hingga 2009 yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi menunjukkan kes cirit-birit dan keracunan makanan meningkat setiap tahun. Kes cirit-birit yang dicatatkan pada tahun 2007 adalah sebanyak 1,987 kes telah meningkat kepada 2,903 kes pada tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak 46%. Manakala bagi kes keracunan makanan, jumlah yang dilaporkan adalah meningkat dengan ketara sekali iaitu daripada hanya tiga kes pada tahun 2007 meningkat kepada 73 kes pada tahun 2009 iaitu meningkat sebanyak 2,333%. Butiran lanjut statistik penyakit berjangkit adalah seperti **Jadual 9.8**.

Jadual 9.8
Statistik Penyakit Berjangkit Di Langkawi
Pada Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Penyakit	2007	2008	2009
1.	Cirit-birit	1,987	2,362	2,903
2.	Penyakit Tangan, Kuku Dan Mulut	54	31	129
3.	Keracunan Makanan	3	17	73
4.	Denggi	17	7	3
5.	Desenteri	1	5	7
6.	Demam Kepialu	1	1	5
7.	Hepatitis A	0	0	4

Sumber: Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi

Maklum balas yang diterima daripada Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi mendapati sebab berlakunya penyakit berkenaan adalah disebabkan oleh saluran perparitan yang tersumbat, tempat pembuangan sampah yang tidak terurus dan bersistematik, kawasan penempatan yang sesak, tahap sanitasi yang rendah, amalan kebersihan diri yang kurang serta status pemakanan dan imuniti yang rendah. Persekitaran yang kotor selalunya menjadi tempat urungan lalat, lipas dan tikus yang merupakan punca utama penyebaran wabak penyakit. Seterusnya semakan Audit mendapati pada tahun 2007 hingga 2009, pihak KPKT telah memperuntukan sejumlah RM91,580 bagi aktiviti kawalan vektor serta kebersihan makanan dan keselamatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM91,120 daripada peruntukan atau 99% telah dibelanjakan oleh Majlis bagi melaksanakan aktiviti kawalan vektor di seluruh Pulau Langkawi. Butiran lanjut jumlah peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan Kawalan Vektor
Pada Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Belanja (%)
2007	37,580	37,580	100
2008	24,000	23,780	99
2009	30,000	29,760	99
Jumlah	91,580	91,120	99

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Kesihatan Majlis

Hasil temu bual dengan pegawai Majlis, jumlah peruntukan kepada Majlis bagi menjalankan aktiviti kawalan vektor adalah rendah. Jumlah berkenaan adalah tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti kawalan vektor di seluruh Pulau Langkawi yang mempunyai kepadatan penduduk seramai 70,000 orang dan statusnya sebagai tarikan pelancongan negara.

Pada pendapat Audit, tahap kebersihan di Pulau Langkawi adalah tidak memuaskan kerana berlaku peningkatan kes penyakit berjangkit pada setiap tahun. Selain itu, jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh KPKT juga tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti kawalan vektor di seluruh Pulau Langkawi.

9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh Majlis adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang dibangkitkan perlu diberi perhatian terutamanya kegagalan loji rawatan air larut resap yang dibina di tapak pelupusan tetapi tidak dapat digunakan. Pihak pengurusan Majlis hendaklah memastikan penswastaan pengurusan sisa pepejal akan dapat mengurangkan kelemahan-kelemahan pengurusan terdahulu dengan menyelia dan memantau secara berkesan prestasi kerja syarikat swasta tersebut. Bagi memperbaiki beberapa kelemahan yang telah dibangkitkan dan memastikan kelemahan tersebut tidak berulang lagi, adalah disyorkan supaya pihak Majlis memberi perhatian dan pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a)** Membuat penelitian yang terperinci dalam menangani masalah sistem dalaman loji rawatan yang tidak berfungsi dalam usaha untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti agar matlamat pembinaan loji untuk mengatasi pencemaran alam sekitar adalah tercapai. Selain itu, pelantikan kontraktor baru dalam meneruskan kerja membaiki kelemahan sistem perlu dipersetujui dan diperakui bersama oleh pihak USM dan Majlis.
- b)** Menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk kerja menimbus sampah dalam memastikan arahan dan garis panduan yang ditetapkan dipatuhi.
- c)** Memastikan kerja pembersihan dilakukan dengan cekap dan sempurna dalam mengawal peningkatan kes penyakit berjangkit. Majlis juga perlu menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi menjalankan aktiviti kawalan vektor selain daripada memohon peruntukan daripada KPKT.
- d)** Pemantauan yang cekap dan berterusan daripada Pegawai Penyelia terutamanya Ketua Bahagian Perkhidmatan Bandar perlu dilaksanakan terhadap pengurusan kutipan *tipping fee* di tapak pelupusan sampah.
- e)** Mekanisme pemantauan perlu dipertingkatkan oleh Jabatan Kejuruteraan terutamanya terhadap pengurusan tapak pelupusan.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

10. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat yang boleh diaudit ialah Syarikat yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan di mana lebih daripada separuh modal saham berbayarnya dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Ini juga selaras dengan Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Jil. 53 No. 26 bertarikh 17 Disember 2009, di bawah perintah P.U (A) 443 Perlembagaan Persekutuan yang dinamakan perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit syarikat Kerajaan. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit Kedah Resort Sdn. Bhd., Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd. dan KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

11. KEDAH RESORT SDN. BHD.

11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 Kedah Resort Sdn. Bhd. (KRSB) yang ditubuhkan pada 9 Februari 1982 di bawah Akta Syarikat 1965 merupakan sebuah perniagaan milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan modal berbayar berjumlah RM6.20 juta. Syarikat ditubuhkan bertujuan memberi perkhidmatan perhotelan. Pada peringkat permulaan, KRSB dipertanggungjawabkan untuk mengurus Sungai Petani INN (SP INN) dan Peranginan Gunung Jerai (PGJ) yang dimiliki oleh PKNK. Ekoran permintaan tinggi daripada pelanggan, pada tahun 2006 pengurusan KRSB dan PKNK telah merancang untuk menambah kapasiti hotel. Selaras dengan keputusan tersebut, KRSB bertanggungjawab sepenuhnya mengurus SP INN manakala pengurusan PGJ diserahkan kembali kepada PKNK. Lokasi yang strategik di tengah pusat bandar Sungai Petani menyebabkan SP INN berpotensi menjadi tumpuan utama pelancong, ahli perniagaan dan sektor korporat. Kini SP INN beroperasi dengan 116 bilik di samping mempunyai pelbagai kemudahan lain seperti *ballroom*, bilik mesyuarat, *royal suite* dan kolam renang.

11.1.2 Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, KRSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian

Kewangan dari semasa ke semasa. Selain itu sebagai syarikat yang terlibat dalam sektor perhotelan, KRSB juga perlu mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan KRSB telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di samping itu, pengauditan juga bertujuan untuk menilai sama ada prestasi kewangan adalah memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

11.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan merangkumi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Kaedah pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan rekod berkaitan dengan pengurusan syarikat KRSB bagi tahun 2006 hingga 2009. Analisis kewangan juga dilakukan terhadap Penyata Kewangan bagi tempoh tersebut. Di samping itu temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset juga dijalankan. Lawatan Audit ke SP INN pula dibuat bagi meninjau pelaksanaan aktiviti perhotelan.

11.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2009 mendapati prestasi kewangan KRSB tidak memuaskan. Selain menghadapi liabiliti pinjaman yang tinggi, KRSB hanya memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM0.07 juta pada tahun 2006 dan kemudiannya mengalami kerugian yang signifikan pada tahun 2007 dan 2008 yang masing-masing berjumlah RM0.33 juta dan RM0.96 juta. Pengurusan perniagaan perhotelan SP INN oleh KRSB juga kurang memuaskan kerana gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pengurusan projek menaik taraf kemudahan hotel, pengurusan perubahan kerja yang tidak teratur, peningkatan kos pembinaan hotel, masalah pengurusan keselamatan bangunan hotel, pengurusan kewangan yang tidak teratur dan kegagalan menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat KRSB adalah seperti berikut:

11.4.1 Prestasi Kewangan

Mengikut Penyata Kewangan, KRSB telah mencatatkan kerugian selama dua tahun berturut-turut pada tahun 2007 dan 2008, masing-masing berjumlah RM0.33 juta dan RM0.96 juta iaitu penurunan sebanyak 40% dan 103% berbanding keuntungan selepas cukai pada tahun 2006 sebanyak RM0.07 juta. Kerugian pada kedua-dua tahun tersebut adalah disebabkan penutupan sebahagian operasi hotel bagi kerja menaik taraf kemudahan hotel yang bermula pada April 2007 hingga Ogos 2008. Kesan daripada penutupan sebahagian operasi hotel

tersebut menyebabkan kerugian terkumpul KRSB telah meningkat kepada RM6.66 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2009 pula, KRSB sekali lagi mengalami kerugian berjumlah RM0.28 juta. Keadaan ini menyebabkan dana pemegang saham telah menjadi defisit berjumlah RM0.74 juta pada tahun 2009 walaupun terdapat suntikan tambahan modal berjumlah RM4.2 juta daripada PKNK pada tahun 2007.

Prestasi keuntungan KRSB bergantung kepada penjualan bilik hotel, catering dan penjualan cenderamata. Bagaimanapun, penutupan sebahagian bangunan lama SP INN menyebabkan hasil langsung KRSB telah menguncup sebanyak 65% iaitu daripada RM2.29 juta pada tahun 2006 kepada RM0.79 juta sahaja pada tahun 2008. Hasil KRSB kembali meningkat kepada RM3.51 juta pada tahun 2009 tetapi mengalami kerugian disebabkan terpaksa menampung kos pengambilan pekerja baru, utiliti dan faedah pinjaman bank.

Pinjaman KRSB terdiri daripada hutang kepada induknya iaitu PKNK yang berjumlah RM5.57 juta termasuk RM2 juta pinjaman yang baru diterima pada tahun 2008 sebagai modal pusingan KRSB. Manakala lebihannya iaitu RM3.50 juta adalah hutang yuran pengurusan dalam bentuk sewaan bangunan SP INN kepada PKNK daripada tahun 1995 hingga 2005 dan masih belum dibayar sehingga kini. Selain itu, KRSB mengambil pinjaman bank berjumlah RM10.9 juta daripada SME Bank bagi tujuan membiayai 90% kos merobohkan dan membina semula sebahagian bangunan hotel SP INN. Jumlah keseluruhan pinjaman KRSB telah meningkat sepanjang tiga tahun kepada RM17.77 juta pada tahun 2009 berbanding hanya RM3.54 juta pinjaman dicatatkan pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM14.23 juta atau 401.9%.

Liabiliti semasa KRSB terdiri daripada pemiutang perdagangan, pelbagai pemiutang, hutang kepada PKNK dan pinjaman jangka pendek. Kedudukan liabiliti semasa KRSB adalah lebih tinggi daripada aset semasanya sehingga menyebabkan liabiliti semasa bersih KRSB menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.26 juta atau 7.2% iaitu daripada RM3.59 juta pada tahun 2006 kepada RM3.85 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2009 pula, liabiliti semasa bersihnya sekali lagi mengalami peningkatan kepada RM5.59 juta iaitu peningkatan 45% berbanding tahun 2008. Ini menunjukkan KRSB tidak mampu menjana modal kerja sendiri dan operasi semasanya lebih bergantung kepada pinjaman. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan KRSB bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009

Butiran	Tahun			
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	2.29	0.91	0.79	3.51
Perbelanjaan Operasi	(0.40)	(0.09)	(0.11)	(0.61)
Untung Kasar	1.89	0.82	0.68	2.90
Lain-lain Pendapatan	0.002	0.04	0.02	0.04
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(1.81)	(1.18)	(1.37)	(2.50)
Untung/(Rugi) Operasi	0.08	(0.32)	(0.67)	0.44
Kos Kewangan	(0.01)	(0.01)	(0.29)	(0.72)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	0.07	(0.33)	(0.96)	(0.28)
Pelarasan Cukai	-	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	0.07	(0.33)	(0.96)	(0.28)

Sumber: Penyata Kewangan KRSB


Lembaran Imbangan KRSB bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.2** dan **Carta 11.1**.

Jadual 11.2
Lembaran Imbangan KRSB Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Perkara	Tahun			
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aset Bukan Semasa	0.25	4.06	14.17	17.04
Aset Semasa	0.71	0.37	0.98	1.11
Liabiliti Semasa	4.30	3.91	4.83	6.70
Liabiliti Semasa Bersih	(3.59)	(3.54)	(3.85)	(5.59)
Modal Syer	2.00	6.20	6.20	6.20
Kerugian Terkumpul	(5.37)	(5.70)	(6.66)	(6.94)
Liabiliti Bukan Semasa	0.04	0.02	10.79	12.19
Dana Pemegang Saham	(3.37)	0.50	(0.46)	(0.74)

Sumber: Penyata Kewangan KRSB

Carta 11.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan KSDC

Analisis nisbah kewangan berdasarkan Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2006 hingga 2009 menunjukkan prestasi kewangan KRSB seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Analisis Nisbah Kewangan
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan			
	2006	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	0.17:1	0.09:1	0.20:1	0.16:1
Margin Keuntungan	0.03:1	(0.35):1	(1.19):1	(0.08):1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	7.29%	(7.45)%	(6.33)%	(1.54)%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(2.08)%	(66.0)%	208.7%	37.8%

Sumber: Penyata Kewangan KRSB

- a) **Nisbah Semasa** - Berdasarkan perkiraan Audit, nisbah semasa KRSB pada akhir tahun 2006 hingga 2009 adalah di antara 0.09:1 hingga 0.20:1 dan ianya menunjukkan syarikat tidak berupaya membayar balik liabiliti semasanya kerana nilai liabiliti melebihi nilai aset. Keadaan ini adalah sangat kritikal kerana KRSB akan menghadapi masalah aliran tunai dan memerlukan bantuan kewangan daripada pihak PKNK atau institusi kewangan untuk melangsaikan hutang semasanya.
- b) **Margin Untung Bersih** - Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, KRSB hanya memperoleh keuntungan berjumlah 3 sen pada tahun 2006 tetapi kemudiannya mengalami kerugian sejumlah 35 sen, RM1.19 dan 8 sen pada tahun 2007, 2008 dan 2009. Ini disebabkan projek menaik taraf bangunan baru lewat disiapkan sehingga mengakibatkan KRSB kehilangan sebahagian pendapatannya pada tahun 2007 dan 2008 kerana hanya dapat beroperasi di bangunan lama SP INN. Implikasinya KRSB mengalami kerugian yang signifikan. Manakala kerugian pada tahun 2009 pula adalah disebabkan KRSB baru sahaja memulakan operasi di bangunan barunya dan ianya melibatkan tambahan kos seperti kos pekerja, utiliti dan pembayaran faedah pinjaman bank.
- c) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** - Berdasarkan perkiraan Audit, nisbah pulangan ke atas aset adalah tidak konsisten di mana ianya adalah defisit pada tahun 2007, 2008 dan 2009. Keadaan ini menunjukkan syarikat tidak produktif dan gagal menggunakan sepenuhnya aset yang dimiliki untuk memaksimumkan keuntungan.
- d) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Berdasarkan perkiraan Audit adalah didapati kadar pulangan ke atas ekuiti KRSB adalah sangat lemah. Keadaan ini menunjukkan syarikat gagal menjana keuntungan kepada PKNK sehingga menyebabkan ekuiti syarikat menjadi defisit berjumlah RM0.74 juta pada tahun 2009 walaupun terdapat tambahan modal berjumlah RM4.2 juta daripada PKNK pada tahun 2007.

Berdasarkan maklum balas KRSB, prestasi syarikat yang tidak memuaskan ini adalah disebabkan operasi syarikat telah dihentikan sejak April 2007 hingga Disember 2009 bagi tujuan pembinaan semula bangunan hotel. Semasa penutupan, pendapatan syarikat


bergantung kepada jualan bilik bangunan lama sebanyak 48 bilik. Keadaan ini telah menyumbang kepada kerugian yang agak besar pada tahun 2007 dan 2008. Oleh itu, sebarang analisa kewangan yang dibuat bagi tempoh berkenaan akan menunjukkan keputusan yang kurang memuaskan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan KRSB tidak memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2007 hingga 2009 serta mempunyai liabiliti pinjaman yang tinggi.

11.4.2 Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama perniagaan KRSB adalah menyediakan perkhidmatan perhotelan. Pada masa kini KRSB mempunyai kapasiti sebanyak 116 bilik yang terdiri daripada bilik *superior*, *suite* dan *royal suite*. Bilik yang ditawarkan KRSB adalah seperti di **Foto 11.1** hingga **Foto 11.4**.

Foto 11.1
Bilik Superior



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.2
Bilik Superior



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.3
Royal Suite



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.4
Royal Suite



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Hasil penemuan Audit di dalam pengurusan aktiviti KRSB adalah seperti berikut:

11.4.2.1 Jualan Bilik Dan Perkhidmatan Lain

Hasil jualan bilik dan perkhidmatan lain merupakan penyumbang utama kepada sumber pendapatan KRSB. Semakan Audit mendapati prestasi jualan bilik dan perkhidmatan lain menunjukkan peningkatan yang baik. Perkhidmatan lain adalah seperti katering, seminar dan penjualan cenderamata. Hasil jualan bilik dan perkhidmatan lain bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Hasil Jualan Dan Perkhidmatan Lain
Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	Hasil (RM Juta)
2006	2.29
2007	0.91
2008	0.79
2009	3.51
Jumlah	7.50

Sumber: Penyata Kewangan KRSB

Pada pendapat Audit, pengurusan hasil jualan dan perkhidmatan KRSB adalah baik kerana telah mengambil langkah proaktif dalam memulihkan operasinya. Sehingga Julai 2010 kadar penginapan purata SP INN adalah sekitar 42%.

11.4.2.2 Projek Menaik Taraf Kemudahan SP INN

Pada tahun 2007, KRSB telah mengambil keputusan untuk menaik taraf SP INN sebagai usaha memenuhi permintaan dan meningkatkan pendapatan. Berdasarkan minit mesyuarat khas Lembaga Pengarah KRSB pada 28 Februari 2007, pihak Lembaga Pengarah KRSB telah bersetuju untuk melantik Bina Darulaman Berhad (BDB) sebagai kontraktor bagi merobohkan sebahagian bangunan hotel (*old wing*) dan membina semula bangunan hotel (*new wing*). BDB kemudiannya melantik anak syarikat milik penuhnya iaitu Kedah Sato Sdn. Bhd. (KSSB) sebagai kontraktor utama bagi projek tersebut. Butiran mengenai kontrak tersebut adalah seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Butiran Kontrak Pembinaan Semula Bangunan SP INN

Nama Projek	Cadangan merobohkan sebahagian bangunan hotel sedia ada (SP INN) dan membina semula hotel enam tingkat di atas sebahagian lot 7, bandar Sungai Petani Daerah Kuala Muda, Kedah.
Cara Penawaran Kontrak	Rundingan terus
Kontraktor	Kedah Sato Sdn. Bhd.
Arkitek	Sobri <i>Architect</i>
Konsultan	Abadini Integras Engineers Sdn. Bhd. Sarjana Jurutera Perunding Sdn. Bhd. MCM Associates
Kos Asal Kontrak	RM10.3 juta
Kos Sebenar Kontrak	RM15.4 juta (Masih belum muktamad)
Tarikh Surat Tawaran	02 Mac 2007
Tarikh Setuju Terima	15 Ogos 2007
Tarikh Milik Tapak	1 April 2007
Tarikh Patut Siap	31 Mei 2008
Tarikh Siap	26 Mei 2009
Tempoh Kecacatan	Setahun
Bon Pelaksanaan	RM0.52 juta
Liquidated and ascertained damages (LAD) Sehari	RM2,100 sehari
Arahan Perubahan Kerja (VO)	RM 2 juta
Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT)	EOT 1: 31 Mei - 30 September 2008 EOT 2: 30 September - 6 Februari 2009 EOT 3: 6 Februari - 4 April 2009

Sumber: Dokumen Kontrak KRSB

a) Projek Pembinaan Lewat Siap

Berdasarkan surat setuju terima, KSSB diberi tempoh mulai 1 April 2007 hingga 31 Mei 2008 untuk menyiapkan projek. Semakan Audit mendapati KSSB gagal menyiapkan projek mengikut jadual yang ditetapkan. KSSB telah memohon Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) untuk menyiapkan projek berkenaan sebanyak tiga kali dan diluluskan oleh KRSB. Permohonan bagi kesemua EOT adalah disebabkan perubahan kerja seperti perubahan sistem penghawa dingin, reka bentuk struktur, penambahan bilik karaoke, kelewatan menyerahkan tapak projek, kelewatan kerja oleh sub kontraktor yang dilantik oleh KSSB iaitu *Nominated Sub-contractor (NSC)* dan penambahan tandas. Tempoh EOT yang dibenarkan oleh KRSB, bagaimanapun menyamai tempoh masa kontrak asal. Selain itu, kesemua EOT telah diluluskan oleh KRSB tanpa mempertimbangkan untuk mengenakan sebarang denda kelewatan atau *liquidated and ascertained damages (LAD)* kepada KSSB.

Sijil Perakuan Siap (CPC) bangunan pula hanya diserahkan secara rasmi kepada KRSB pada 26 Mei 2009 walaupun EOT terakhir diluluskan sehingga 4 April 2009 iaitu lewat hampir dua bulan. Selain itu kelewatan menyiapkan projek tersebut menyebabkan KRSB tidak dapat beroperasi mengikut perancangan asal.

KRSB memaklumkan kelewatan adalah disebabkan oleh kerja memecah batu yang dibuat luar jangka, sistem hawa dingin, reka bentuk struktur dan kerja hiasan dalaman. EOT diberikan kerana semua perubahan dan kelewatan adalah disebabkan oleh

kehendak KRSB sendiri dan sehubungan dengan itu LAD tidak dikenakan kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, kelemahan perancangan dalam projek menaiktaraf SP INN menyebabkan projek tersebut telah tertangguh hampir setahun dan kesannya KRSB mengalami kerugian.

b) Pengurusan Perubahan Kerja Dan Peningkatan Kos Pembinaan

Berdasarkan perjanjian di antara KRSB dan KSSB, jumlah kontrak asal bernilai RM10.3 juta dan sepatutnya siap pada 31 Mei 2008. Semakan Audit ke atas Tuntutan Bayaran Kemajuan Bil. 20 bertarikh 30 Jun 2009 mendapati jumlah kos projek telah meningkat kepada RM15.4 juta (berdasarkan tuntutan KSSB) iaitu peningkatan sejumlah RM5.1 juta atau melebihi 50% daripada harga asal. Penambahan kos ini terdiri daripada dua Arah Perubahan Kerja (VO) yang masing-masing berjumlah RM2 juta dan RM1.28 juta serta Pengiraan Perubahan Harga (VOP) berjumlah RM1.82 juta.

Dokumen kontrak pula menghendaki VO dilaksanakan ketika tempoh kontrak masih berjalan. Bagaimanapun, sehingga EOT terakhir tamat pada 4 April 2009, kesemua VO dan VOP berjumlah RM5.1 juta (berdasarkan tuntutan KSSB) masih belum diluluskan. Semakan Audit seterusnya ke atas butiran VO mendapati perubahan dan penambahan kerja melibatkan faktor seperti pengubahsuaian kerja bangunan serta kelengkapan dan perabot. Manakala VOP pula tidak boleh dikenakan kerana ianya tidak terdapat dalam klausa dokumen kontrak. Sehubungan dengan itu, hanya VO yang mewakili peningkatan sebanyak 31% daripada kos asal yang boleh dibincangkan dengan kontraktor.

KRSB memaklumkan perubahan dilakukan selepas mengambil kira kesesuaian peralatan dan reka bentuk untuk operasi perhotelan. Walau bagaimanapun, kos yang melibatkan perubahan kerja telah dikurangkan kepada RM2.20 juta (anggaran) dan VOP telah dikeluarkan kerana klausa ini tidak terdapat dalam dokumen kontrak. Bagaimanapun, keputusan akhir perbincangan mengenai VO antara KRSB dengan kontraktor masih belum muktamad.

Pada pendapat Audit, kelemahan perancangan menyebabkan kos pembinaan meningkat dan tambahan kos yang tinggi boleh menjejaskan aliran tunai KRSB.

c) Perancangan Projek Menaik Taraf SP INN Tidak Menyeluruh

Kementerian Pelancongan Malaysia telah menetapkan beberapa kriteria minimum yang perlu dipatuhi dalam pembinaan hotel. Antaranya ialah menyediakan tandas dan bilik penginapan khas bagi orang kurang upaya (OKU). Semakan Audit mendapati kriteria tersebut tidak dipatuhi. Selain itu, perancangan pembinaan bangunan SP INN juga tidak mengambil kira keperluan menyeluruh operasi KRSB seperti berikut:

- i) Saiz bilik pejabat bangunan baru terlalu sempit sehingga menyebabkan pengurusan KRSB mengubahsuai bilik karaoke menjadi pejabat.
- ii) Ruang stor yang tidak mencukupi untuk penyimpanan barang-barang dan peralatan sehingga menyebabkan KRSB terpaksa meletakkan barang-barang dan peralatannya di laluan bangunan. Penemuan Audit adalah seperti di **Foto 11.5** dan **Foto 11.6**.

Foto 11.5
Aset Diletakkan Di Koridor Bangunan Kerana
Ketiadaan Stor Yang Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.6
Peralatan Dapur Bernilai Diletakkan
Di Koridor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

KRSB memaklumkan projek menaik taraf hotel telah dibuat dengan menyeluruh tetapi terdapat beberapa perubahan yang perlu dilakukan bagi memaksimumkan pendapatan contohnya seperti menukar ruang pejabat kepada dewan persidangan. Oleh itu, ruang penyimpanan stor juga perlu dihadkan bagi membina dewan persidangan yang boleh memberi lebih pulangan kepada syarikat. Kedudukan peralatan juga diletak berselerakan bagi memudahkan jabatan Food & Beverage memindahkan ke dalam dewan jika diperlukan untuk majlis tertentu. Sementara itu, KRSB tidak dapat mengadakan tandas untuk OKU kerana ruang yang terhad. Pada kebiasaannya tandas OKU memerlukan ruang yang agak selesa dan memerlukan ruang yang lebih besar.

Pada pendapat Audit, perancangan projek menaik taraf SP INN tidak memuaskan kerana tidak mematuhi kriteria Kementerian Pelancongan Malaysia dan tidak mengambil kira keperluan menyeluruh operasi SP Inn.

11.4.2.3 Keselamatan Bangunan SP INN

- a) **Beroperasi Tanpa Sijil Kelayakan Menduduki (CFO)** - Mengikut Seksyen 28 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, seseorang tidak boleh menduduki atau membenarkan sesiapa menduduki mana-mana bahagian bangunan melainkan CFO telah dikeluarkan. Semakan Audit mendapati KRSB telah beroperasi mulai awal bulan Disember 2008 di bangunan tambahan walaupun CFO belum diperoleh sehingga kini.

KRSB memaklumkan pihaknya telah pun mendapat surat sokongan daripada semua jabatan dan mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa tempatan. Permohonan telah diproses untuk mendapatkan kelulusan CFO.

Pada pendapat Audit, tindakan KRSB menjalankan operasi tanpa CFO adalah menyalahi undang-undang dan membahayakan nyawa kakitangan dan pelanggan.

b) Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan - Seksyen 30 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menetapkan setiap majikan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan di tempat kerja jika terdapat seramai 40 orang pekerja atau lebih. Jawatankuasa ini berperanan di dalam hal-hal berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Semakan Audit mendapati pihak KRSB tidak menubuhkan Jawatankuasa tersebut walaupun mempunyai pekerja seramai 64 orang seperti mana yang dikehendaki undang-undang.

KRSB memaklumkan bahawa Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan telah diwujudkan sejak tahun 2004 lagi. Bagaimanapun, aktivitiya telah dihentikan semasa proses pembinaan semula bangunan hotel.

Pada pendapat Audit, kegagalan KRSB mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan boleh menyebabkan kebajikan pekerja terabai dan bahaya kepada risiko kemalangan.

c) Pelan Laluan Kecemasan (*Mimic Diagram*) - Kementerian Pelancongan Malaysia mewajibkan setiap bilik hotel menyediakan pelan laluan kecemasan. Pelan ini memainkan peranan penting dalam memberikan tunjuk arah terutamanya kepada pelanggan sekiranya berlaku kecemasan. Semakan Audit mendapati, KRSB tidak menyediakan pelan laluan kecemasan.

KRSB memaklumkan ianya akan dibekalkan oleh pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, KRSB tidak mematuhi syarat keselamatan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.


11.4.3 Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia Tahun 2000 yang dikemas kini pada tahun 2007, di mana kod ini telah menekankan beberapa prinsip dan amalan terbaik, termasuk penstrukturan, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah, komunikasi antara syarikat dengan pemegang saham, aspek pelaporan dalaman dan luaran serta aspek akauntabiliti syarikat. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menitik beratkan isu pengelakan rasuah, ketelusan, percanggahan kepentingan antara diri, saham syarikat dan masyarakat. Hasil penemuan Audit adalah seperti berikut:

11.4.3.1 Struktur Organisasi

Struktur Organisasi KRSB diketuai oleh Lembaga Pengarah. Pengurus Besar bertanggungjawab menyelia dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah terhadap perjalanan operasi tujuh bahagian utama iaitu Bahagian Bilik, Bahagian Penyenggaraan, Bahagian Kaunter Hadapan, Bahagian Akaun, Bahagian Jualan dan Pemasaran, Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Dapur dan Makan Minum. Pengurus Besar KRSB merupakan kakitangan PKNK yang dipinjamkan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan prestasi kewangannya. Struktur organisasi KRSB adalah seperti di **Carta 11.2**.

Carta 11.2
Struktur Organisasi Kedah Resort Sdn. Bhd.



Sumber: Kedah Resort Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi KRSB adalah baik kerana pengasingan dan pembahagian tugas dilakukan dengan sistematik.

11.4.3.2 Pelantikan Dan Peranan Lembaga Pengarah

Seksyen 16(3A) dan 123(4) Akta Syarikat 1965 menetapkan keahlian Lembaga Pengarah sesebuah syarikat pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada dua orang dan tidak melebihi sembilan orang. Artikel 67 Memorandum dan Artikel KRSB bertarikh 9 Februari 1982 telah menetapkan Ahli Lembaga Pengarah hendaklah tidak kurang daripada dua orang dan tidak melebihi sembilan orang. Manakala Enakmen Kerajaan Negeri Kedah No. 5/1965 pula telah menetapkan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari PKNK hendaklah dilantik oleh Menteri Besar Kedah. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 juga memberi penekanan terhadap peranan wakil kerajaan dalam Lembaga Pengarah syarikat kerajaan.

Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada lima orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar Kedah. Pelantikan ini telah mematuhi undang-undang yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965. Selain itu terdapat seorang wakil PKNK telah dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah KRSB.

Pada pendapat audit, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah KRSB adalah baik kerana telah mematuhi undang-undang manakala pelantikan wakil PKNK adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

11.4.3.3 Pembayaran Dividen

Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensi Kerajaan menubuhkan syarikat atau entiti perniagaan sendiri bertujuan menjana pendapatan tambahan untuk digunakan dalam melaksanakan pembangunan atau program yang dirancang. Pekeling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat kerajaan harus membayar dividen sebanyak 10% daripada keuntungan tahunan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati KRSB memperolehi keuntungan sejumlah RM0.07 juta dalam tahun 2006. Bagaimanapun, KRSB tidak membuat pembayaran dividen kepada PKNK selaku agensi Kerajaan dan pemegang ekuiti berjumlah RM7,000. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri Kedah gagal mendapatkan pulangan hasil daripada pelaburan yang dilakukan.

KRSB memaklumkan bahawa dividen tidak dapat dibayar kerana syarikat tidak mempunyai aliran tunai yang kukuh.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran dividen oleh KRSB kepada Kerajaan melalui PKNK adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi pekeliling yang ditetapkan.

11.4.3.4 Jawatankuasa Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menghendaki Jawatankuasa Audit Dalam ditubuhkan di setiap syarikat kerajaan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dalam tidak ditubuhkan. Bagaimanapun, fungsi audit dalam telah dijalankan oleh Unit Audit Dalam PKNK. Kali terakhir audit dalaman dilakukan terhadap KRSB adalah pada bulan Mei 2008.

KRSB memaklumkan bahawa Jawatankuasa Audit Dalam adalah tertakluk kepada jawatankuasa yang telah diwujudkan oleh Pemegang Saham iaitu PKNK. Di samping itu, penubuhan Unit Audit Dalam bagi syarikat adalah kurang wajar kerana ianya akan melibatkan kos operasi. Bagaimanapun, KRSB akan memastikan prosedur berkaitan perbelanjaan dan peraturan-peraturan lain dipatuhi oleh semua bahagian.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman KRSB adalah memuaskan yang mana pengauditan telah dilakukan bagi memastikan operasi syarikat dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun pengauditan haruslah dijalankan secara berkala dan lebih kerap.

11.4.3.5 Prosedur Kerja

Prosedur kerja perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Pekeliling

Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bagi meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan syarikat kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan lain dengan jelas. Semakan Audit mendapati prosedur kerja telah disediakan, bagaimanapun belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah KRSB.

KRSB memaklumkan prosedur kerja telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat.

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumentasi prosedur kerja KRSB adalah memuaskan kerana KRSB telah mengambil tindakan untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah KRSB.

11.4.3.6 Perancangan Strategik

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat menyediakan perancangan strategik. Ia sangat penting kepada sesebuah organisasi dalam usaha mencapai visi yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati KRSB telah menyediakan perancangan strategik untuk tempoh 12 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2018. Di antara perancangan program yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- a) **Pembangunan SP INN** - KRSB telah melaksanakan cadangan untuk merobohkan dan membina semula SP INN bagi meningkatkan kapasiti serta kemudahan yang sedia ada. Ini adalah penting bagi memastikan SP INN masih boleh terus bersaing dan sesuai dengan peredaran masa. Kerja yang telah dimulakan pada tahun 2007 telah siap sepenuhnya pada tahun 2009. KRSB telah menaik taraf beberapa kemudahan seperti bilik penginapan sebanyak 68 buah bilik menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 116 buah bilik, *Banquet Ballroom* dan ruang legar berkapasiti 500 orang, empat bilik mesyuarat, restoran dengan kapasiti 250 orang, *karaoke lounge*, kaunter penyambut tetamu, pembinaan surau yang lebih selesa, ruang dapur yang lengkap, kiosk bagi penjualan barangan cenderahati, ruang letak kereta yang luas serta pembinaan lanskap yang lebih menarik.
- b) **Strategi Pemasaran** - KRSB telah merancang untuk mengadakan beberapa perjanjian persefahaman dalam usaha untuk menarik lebih banyak agensi Kerajaan. Di antara agensi kerajaan yang dicadangkan adalah seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara Cawangan Kedah (UiTM), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Selain itu, KRSB telah merancang untuk mengadakan pakatan strategik (*strategic alliance*) dengan agensi pelancongan, syarikat pengurusan acara (*event management*) serta sektor korporat dalam usaha untuk meningkatkan jualan SP INN. Pada masa kini hampir 60% pelanggan KRSB terdiri daripada agensi Kerajaan.
- c) **Strategi Pengurangan Kos Operasi** - KRSB telah menggariskan beberapa langkah dalam usaha mengurangkan kos operasi. Di antara langkah yang telah ditetapkan adalah dengan mengambil pelajar institusi pengajian tinggi dalam bidang berkaitan

perhotelan melalui perjanjian persefahaman seperti UiTM dan Kolej Komuniti. Melalui perjanjian ini pelajar akan menjalani latihan industri di SP INN dan pada masa yang sama membantu pengurusan hotel. Langkah ini dapat mengurangkan kos operasi SP INN.

Pada pendapat Audit, perancangan strategik KRSB adalah baik.

11.4.3.7 Pengurusan Kewangan

- a) Senarai Tugas Dan Pembahagian Tugas** - Senarai tugas yang lengkap dan kemaskini bagi setiap kakitangan penting untuk menentukan pembahagian tugas dengan jelas. Semakan Audit mendapati KRSB telah menyediakan senarai tugas kepada semua kakitangan tetapi tidak ditandatangani oleh kakitangan serta pengurusan atasan KRSB. Selain itu pihak Audit mendapati seorang kakitangan di Jabatan Akaun menjalankan tiga tugas pada masa yang sama iaitu sebagai *Purchasing Supervisor*, *Purchasing Officer* dan *Store Clerk*. Ketiga-tiga tugas ini melibatkan proses pembelian, penyimpanan dan pengeluaran stok.

KRSB memaklumkan senarai tugas telah diserahkan kepada semua kakitangan oleh Bahagian Sumber Manusia. KRSB akan memastikan kakitangan mengakui penerimaan dengan menurunkan tandatangan di atas setiap salinan senarai dan pembahagian tugas.

Pada pendapat Audit, pengurusan senarai tugas dan pembahagian tugas kakitangan adalah memuaskan kerana tindakan penambahbaikan telah diambil oleh KRSB.

- b) Pemeriksaan Mengejut** - Pemeriksaan mengejut secara berkala terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas wang dalam jagaan seseorang kakitangan yang diamanahkan untuk menyimpan wang atau barang lain yang berharga perlu dilakukan bagi memastikan tidak berlakunya penyelewengan dan salah guna wang tunai serta harta syarikat. Dalam tahun 2008, KRSB telah mengutip caj jualan bilik hotel dan perkhidmatan lain berjumlah RM0.79 juta. Semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut tidak pernah dilaksanakan.

KRSB memaklumkan pihaknya sedang merangka mekanisme yang sesuai untuk menjalankan pemeriksaan mengejut supaya lebih efektif dan berkesan.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman kewangan tidak memuaskan kerana pemeriksaan mengejut tidak dibuat.

- c) Kawalan Bajet** - Bajet tahunan perlu disediakan dengan menetapkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap aktiviti serta jangkaan untung yang akan diperolehi. Bajet merupakan mekanisme kawalan terhadap perbelanjaan serta sebagai penunjuk prestasi terhadap pencapaian pendapatan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12

Tahun 1993 menetapkan syarikat kerajaan perlu mengawal kos perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Bajet juga perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah KRSB dan Lembaga Pengarah PKNK. Semakan Audit mendapati bajet tahunan disediakan oleh KRSB bagi tahun 2007 dan 2009, manakala bajet bagi tahun 2008 tidak disediakan. Bagi bajet tahun 2009, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada bajet telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah PKNK kerana tiada maklumat dikemukakan.

KRSB memaklumkan bajet untuk tahun 2008 tidak disediakan kerana projek pembinaan hotel SP INN sedang berjalan. Pihak syarikat telah menyediakan bajet untuk tahun 2009 dan telah diluluskan oleh lembaga Pengarah Syarikat.

Pada pendapat Audit, kawalan bajet KRSB adalah tidak memuaskan kerana bajet tahun 2008 tidak disediakan.

d) Kemasukan Wang Ke Bank - Semakan Audit mendapati KRSB tidak mempunyai prosedur kerja berkaitan kemasukan wang ke bank. Ketiadaan prosedur kerja telah menyebabkan kemasukan wang ke bank oleh KRSB tidak sistematik. Pihak pengurusan KRSB perlu menetapkan jumlah minima wang serta tempoh kemasukan wang sebelum dibankkan. Selain itu kakitangan yang dilantik untuk kemasukan wang ke bank juga tidak diberi surat kuasa.

KRSB memaklumkan prosedur kawalan kemasukan wang ke bank akan diwujudkan dan surat pelantikan dan penurunan kuasa akan di buat kepada kakitangan berkenaan.

Pada pendapat Audit, kawalan kemasukan wang ke bank oleh KRSB adalah tidak memuaskan kerana tiada prosedur diwujudkan.

e) Prosedur Perolehan - Salah satu tadbir urus korporat yang penting adalah menetapkan prosedur perolehan. Semakan Audit mendapati KRSB tidak menyediakan prosedur perolehan. Prosedur ini sepatutnya disediakan dengan menetapkan had maksima perolehan dan keperluan mendapatkan kelulusan oleh Lembaga Pengarah bagi had tertentu.

KRSB memaklumkan prosedur perolehan aset syarikat akan disediakan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Mengikut maklumbalas PKNK pula, semua perolehan aset KRSB akan dibentangkan dalam mesyuarat dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah sebelum ianya dibuat keputusan.

Pada pendapat Audit, kawalan perolehan KRSB tidak memuaskan kerana prosedur perolehan tidak diwujudkan.

f) Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor - Garis panduan pengurusan aset sangat penting bagi memastikan aset yang diperolehi telah direkodkan, disimpan, dikawal dan diselia dengan sempurna bagi mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Sehingga 31 Disember 2008, jumlah aset KRSB adalah bernilai RM15 juta. Antara aset yang terdapat di KRSB ialah seperti kenderaan, perabot, komputer, mesin pencetak alat penyaman udara, alat kelengkapan dapur untuk masakan serta set kelengkapan bilik penginapan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset KRSB mendapati perkara seperti berikut:

i) Garis Panduan Pengurusan Aset - KRSB tidak mempunyai garis panduan pengurusan aset yang lengkap walaupun telah beroperasi selama 20 tahun. Garis panduan lengkap harus merangkumi proses pendaftaran, pelupusan, perolehan serta penggunaan sesuatu aset dilakukan secara seragam oleh semua kakitangan yang terlibat.

KRSB memaklumkan pihak pengurusan sedang merangka satu garis panduan pengurusan aset untuk dibentangkan kepada pihak Lembaga Pengarah.

ii) Daftar Aset - Setiap aset yang dibeli hendaklah direkodkan dalam Daftar Aset supaya aset tersebut dapat dikawal dengan baik. Penyelenggaraan daftar tersebut adalah untuk memastikan satu sistem maklumat yang lengkap dan kemas kini bagi mengawal jumlah serta kewujudan semua aset yang diperolehi. Daftar tersebut seharusnya mengandungi nombor siri pendaftaran, nama aset, tarikh perolehan dan harga perolehan asal. Ini juga akan memudahkan kerja verifikasi aset tersebut. Pergerakan aset hendaklah direkodkan dalam Daftar Pergerakan Aset bagi mengawal aset yang dipindahkan atau dipinjamkan ke unit yang lain. Semakan Audit mendapati KRSB hanya menyediakan Senarai Aset bagi tujuan Penyata Kewangan sahaja. KRSB tidak menyelenggara Daftar Aset dan Daftar Pergerakan Aset bagi tujuan mengawal pergerakan aset. Ketiadaan daftar tersebut menyukarkan proses verifikasi aset.

KRSB memaklumkan Daftar Aset dan Daftar Pergerakan Aset telah pun direkodkan di dalam sistem komputer.

iii) Pelabelan Aset - Semua aset perlu diberi tanda pengenalan dengan cara melabel bagi menunjukkan tanda hak milik syarikat dan ditandakan dengan nombor siri pendaftaran. Semakan Audit mendapati keseluruhan aset yang diperolehi melalui kontrak pembinaan bangunan hotel baru berjumlah RM1.1 juta tidak dilabelkan oleh KRSB. Perkara ini menyukarkan KRSB mengenal pasti dan membuat pengesahan terhadap aset yang dimiliki.

KRSB memaklumkan sebahagian aset telah dilabel dan di tampal kod bar.

iv) **Pemeriksaan Dan Pelupusan Aset** - Pemeriksaan dilakukan ke atas aset untuk mengetahui keadaan dan prestasi sesuatu aset. Pemeriksaan aset dapat memastikan aset masih dalam keadaan yang baik seterusnya memanjangkan hayat penggunaan aset serta dapat membantu syarikat mengurangkan kos. Semakan Audit mendapati KRSB tidak pernah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap asetnya kerana tiada sebarang pengesahan atau bukti yang menunjukkan aset telah diperiksa. Ketiadaan pemeriksaan aset boleh menyebabkan berlakunya pembaziran kerana terdapat aset yang masih dalam keadaan baik tetapi terbiar. Bagi aset yang tidak boleh digunakan lagi, tindakan pelupusan perlu dibuat dengan kadar segera bagi mengeluarkan aset dari milikan, kawalan, simpanan dan rekod. Aset yang tidak digunakan adalah seperti di **Foto 11.7** hingga **Foto 11.10**.

Foto 11.7
Rak Bahagian Dapur Dijadikan Rak Topi Kaledar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.8
Peralatan Yang Masih Boleh Digunakan Tapi Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.9
Aset Yang Tidak Dibuat Pelupusan Terbiar Di Kawasan Loji Kumbahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.10
Peralatan Yang Masih Boleh Digunakan Tapi Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

KRSB memaklumkan pemeriksaan dari semasa ke semasa telah dan sedang dilaksanakan dan diteruskan serta diperkemaskan lagi. Pemerhatian semula Audit pada 17 Mei 2010 mendapati KRSB telah mengambil perhatian terhadap teguran Audit dengan melakukan penambahbaikan seperti pembersihan kawasan stor dan menyusun aset tersebut dengan lebih teratur seperti **Foto 11.11** dan **Foto 11.12**.

Foto 11.11
Tiada Rak Bahagian Dapur Diletak
Di Kawasan Pakir Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 17 Mei 2010

Foto 11.12
Stor Dan Kawasan Sekitarnya Dibersihkan
Dan Penyusunan Lebih Teratur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 17 Mei 2010


- v) **Penstoran** - Penstoran adalah penting bagi menjamin keselamatan sesuatu aset serta memudahkan kakitangan dalam melakukan tugas. Semakan Audit mendapati stor yang sedia ada terlalu kecil sehingga menyebabkan banyak peralatan disimpan di merata-rata tempat sebagai contoh kerusi dan meja diletakkan di koridor bangunan. Perkara ini boleh menyebabkan aset tersebut terdedah kepada risiko kecurian serta kerosakan seperti di **Foto 11.13** dan **Foto 11.14**.

Foto 11.13
Peralatan Dapur Diletakkan Di Koridor
Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

Foto 11.14
Kerusi Dan Meja Diletakkan Di Koridor
Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Sungai Petani INN
Tarikh: 24 Ogos 2009

KRSB memaklumkan pihak Syarikat telah mengenal pasti lokasi untuk didirikan stor baru bagi menampung kekurangan ruang penyimpanan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset KRSB tidak memuaskan kerana tiada peraturan ditetapkan.

- g) Daftar Simpanan Tetap** - Daftar Simpanan Tetap yang lengkap dan kemaskini perlu disediakan untuk mengurus dan memantau pergerakan simpanan serta tarikh matangnya. Antara butiran yang mesti direkodkan ialah jumlah simpanan, nama bank, nombor siri slip simpanan tetap, tarikh simpanan, tarikh matang dan jumlah faedah yang diterima. Semakan Audit mendapati KRSB mempunyai simpanan tetap dengan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad berjumlah RM0.22 juta melalui Sijil No. 10633303 yang bernilai RM0.02 juta, Sijil No. 10633572 yang bernilai RM0.10 juta dan Sijil No. 10633561 yang bernilai RM0.10 juta. Bagaimanapun, simpanan tetap ini tidak direkodkan kerana daftar tidak diselenggara.

KRSB memaklumkan Daftar Simpanan Tetap yang lengkap dan dikemaskini akan dibuat bermula Januari 2010 seperti disyorkan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, pengurusan simpanan tetap KRSB adalah tidak memuaskan kerana Daftar Simpanan Tetap tidak diselenggarakan.

11.4.3.8 Pemantauan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menggariskan kepentingan kawalan dan pemantauan pihak pengurusan terhadap syarikat Kerajaan bagi memastikan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dipatuhi serta mencapai objektif penubuhan syarikat. Pekeliling ini juga menetapkan Lembaga Pengarah syarikat hendaklah mengawal rapi dan meneliti prestasi syarikat Kerajaan, terutamanya bagi syarikat Kerajaan yang mempunyai prestasi yang tidak memuaskan. Semakan Audit mendapati pemantauan ada dilakukan di peringkat Mesyuarat Lembaga Pengarah, wakil PKNK serta pengurusan syarikat.

- a) Mesyuarat Lembaga Pengarah** - Mesyuarat Lembaga Pengarah memainkan peranan penting dalam proses pemantauan terhadap pengurusan syarikat bagi mencapai objektif utamanya. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan empat kali setiap tahun bagi membincangkan laporan kemajuan projek syarikat, hal ehwal pentadbiran, prestasi kewangan, perancangan aktiviti syarikat dan kebajikan kakitangan.
- b) Wakil PKNK** - Sebagai pemegang ekuiti, wakil daripada PKNK perlu dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin. Semakan Audit mendapati seorang wakil daripada PKNK telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KRSB bagi menjalankan kerja pemantauan. Selain itu Pengurus Besar juga adalah kakitangan PKNK yang bertindak mengurus dan memantau projek.

- c) **Pengurusan Syarikat** - Pemantauan yang dilakukan oleh syarikat membantu memastikan operasi syarikat berjalan dengan lancar. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan syarikat menjalankan pemantauan dengan baik terhadap operasi syarikat. Laporan jualan harian telah disediakan oleh Bahagian Akaun untuk tindakan pengurusan setiap hari. Pihak pengurusan juga menyediakan Laporan Suku Tahun untuk makluman Lembaga Pengarah KRSB serta Lembaga Pengarah PKNK. KRSB juga telah menjalankan mesyuarat pengurusan mingguan bagi membincangkan operasi syarikat. Bagi memastikan pengurusan kewangan lebih berkesan, KRSB telah mewujudkan *Night Auditor* yang berperanan menyemak dan memeriksa semua transaksi yang dilakukan pada setiap hari.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilakukan oleh KRSB adalah baik kerana Lembaga, wakil PKNK dan pengurusan syarikat telah memainkan peranannya dengan berkesan.

11.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, aktiviti yang dilaksanakan oleh KRSB adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Bagaimanapun prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat tidak memuaskan. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan KRSB:

- a) Nilai VO yang diluluskan perlu mengikut amalan terbaik iaitu sebanyak 10% daripada nilai kontrak asal bagi kontrak berjumlah antara RM10 juta hingga RM20 juta. KRSB juga perlu mengkaji dengan teliti ketika menyediakan kertas cadangan projek sebelum Dokumen Kontrak disediakan bagi mengelakkan VOP dan VO yang melebihi peraturan ditetapkan.
- b) KRSB perlu memastikan *Standard Operating Policies And Procedures* diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tujuan pengesahan dan penguatkuasaan *standard* kerja.
- c) Mengambil tindakan segera memastikan faktor keselamatan bangunan SPP INN mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti mendapatkan CFO dan menyediakan pelan laluan kecemasan dengan segera bagi mengelakkan risiko kemalangan.
- d) Mengambil tindakan segera terhadap isu pengurusan kewangan seperti pengagihan yang teratur bagi tugas kewangan di Jabatan Akaun, memastikan bajet tahunan disediakan dan diluluskan, menyelenggara Daftar Simpanan Tetap, pengurusan aset serta melaksanakan pelupusan bagi aset yang tidak lagi digunakan.
- e) KRSB hendaklah mempergiatkan aktivitinya bagi menjana lebih banyak pendapatan dan mengurangkan kos operasi supaya terus dapat bersaing dalam industri perhotelan serta mengurangkan liabiliti pinjaman.
- f) KRSB hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 yang mengkehendaki membayar dividen kepada Kerajaan Negeri sebanyak 10% daripada keuntungan tahunan.

12. SERI TEMIN DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

12.1 LATAR BELAKANG

Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd. (STDC) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 15 Mac 1979 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar RM2 juta. STDC merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan ditubuhkan bertujuan menjana sumber kewangan yang diperolehi dengan membiayai projek pembangunan agar dapat dinikmati oleh rakyat. Visi STDC ialah menjadi sebuah syarikat pembinaan yang dihormati serta berteknologi tinggi, tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan memberi pulangan kepada Kerajaan. STDC kini terlibat di dalam bidang pembinaan, penyenggaraan dan pengurusan projek. Selain merupakan kontraktor kelas 'A', STDC juga telah dianugerahkan Sijil Amalan Kualiti MS ISO 9001:2000. STDC mempunyai empat orang Ahli Lembaga Pengarah, manakala pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh 23 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, STDC perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 hingga 12 Tahun 1993 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri mengenai syarikat negeri dari semasa ke semasa.

12.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan STDC telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di samping itu, pengauditan juga bertujuan untuk menilai sama ada prestasi kewangan adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

12.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan merangkumi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Kaedah pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan rekod berkaitan dengan pengurusan syarikat STDC bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 dan skop diperluaskan sehingga tahun 2005 iaitu pada peringkat perolehan projek oleh STDC. Analisis kewangan juga dilakukan terhadap Penyata Kewangan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Di samping itu temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang berkaitan juga dijalankan. Lawatan Audit pula dibuat bagi meninjau pelaksanaan aktiviti perniagaan STDC.

12.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati STDC memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM0.32 juta pada tahun 2006 dan RM0.34 juta pada tahun 2009. Manakala pada tahun 2007 dan 2008, STDC mengalami kerugian yang masing-masing berjumlah RM2.56 juta dan RM0.15 juta. Pengurusan aktiviti utama STDC tidak memuaskan kerana hampir keseluruhan projek diserahkan kepada pihak ketiga menyebabkan keuntungan yang diperoleh adalah kecil. Tadbir urus korporat juga tidak memuaskan berikutan kelemahan pengurusan kewangan seperti bayaran yang tidak teratur dan tidak berkepentingan kepada STDC, maklumat penerima tidak lengkap bagi pengeluaran cek tunai, ketiadaan prosedur kerja, had dan bidang kuasa Lembaga Pengarah serta pihak Pengurusan tidak jelas serta fungsi Lembaga Pengarah dan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan yang bertindih. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

12.4.1 Prestasi Kewangan


Mengikut Penyata Kewangan, STDC mencatatkan kerugian selama dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2007 dan 2008, masing-masing berjumlah RM2.56 juta dan RM0.15 juta berbanding keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.32 juta pada tahun 2006. Kesan daripada kerugian tersebut Dana Pemegang Saham telah menyusut sebanyak 51.8% iaitu daripada RM5.42 juta pada tahun 2006 kepada RM2.61 juta pada tahun 2008 walaupun terdapat tambahan modal daripada PKNK sebanyak RM1 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, dalam tempoh 18 bulan di bawah pengurusan yang baru, STDC berjaya memperbaiki prestasi kewangannya dengan mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2009 berjumlah RM0.34 juta. Faktor ini adalah disebabkan beberapa langkah yang diambil oleh pengurusan baru STDC seperti mengawal had pemberian sumbangan dan mematuhi arahan oleh Pejabat Menteri Besar kepada anak syarikat Kerajaan supaya menghadkan pemberian sumbangan maksimum kepada RM1,000 sahaja untuk setiap permohonan. Selain itu, sumbangan dan tajaan kepada pihak yang tiada kaitan dengan syarikat juga telah dikurangkan oleh pihak pengurusan. Impaknya, STDC berjaya melakukan penurunan kos yang besar dari segi perbelanjaan am dan pentadbiran iaitu sebanyak RM1.52 juta atau 41% pada tahun 2009 berbanding perbelanjaan tahun 2008. STDC juga berjaya mengurangkan kadar cukai syarikat sebanyak RM0.49 juta atau 89% berbanding tahun 2008. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi STDC bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 12.1** dan **Carta 12.1**.

Jadual 12.1
Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Butiran	Tahun			
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	38.46	28.36	44.14	16.10
Perbelanjaan Operasi	(36.88)	(27.57)	(40.59)	(14.10)
Untung Kasar	1.58	0.79	3.55	2.00
Lain-lain Pendapatan	1.71	0.18	0.50	0.54
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(2.58)	(3.66)	(3.65)	(2.13)
Untung/(Rugi) Operasi	0.71	(2.69)	0.40	0.41
Kos Kewangan	0.00	0.00	0.00	(0.01)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	0.71	(2.69)	0.40	0.40
Pelarasan Cukai	(0.39)	0.13	(0.55)	(0.06)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	0.32	(2.56)	(0.15)	0.34

Sumber: Penyata Kewangan STDC

Carta 12.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan STDC

Bagi menentukan prestasi kewangan STDC, analisis nisbah semasa, margin keuntungan kasar, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dianalisis berdasarkan Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2006 hingga 2009 seperti di **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan			
	2006	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	1.24:1	1.07:1	1.02:1	1.06:1
Margin Keuntungan (Kasar)	4.1%	2.8%	8.0%	12.0%
Margin Keuntungan (Bersih)	0.01:1	(0.09):1	(0.01):1	0.02:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	1.0%	(5.3)%	(0.3)%	1.0%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	4.8%	(89.5)%	(5.6)%	13.0%

Sumber: Penyata Kewangan STDC

- a) **Nisbah Semasa** - Berdasarkan pengiraan Audit, nisbah semasa STDC pada akhir tahun 2006 hingga 2009 adalah di antara 1.02:1 hingga 1.24:1. Keadaan ini menunjukkan syarikat masih mampu membayar balik liabiliti semasa kerana nilai asetnya melebihi nilai liabiliti. Bagaimanapun, prestasi nisbah ini adalah masih belum mencukupi dan STDC perlu memperbaiki nilai aset dan liabilitinya supaya tidak berdepan dengan risiko ketidakupayaan untuk menyelesaikan liabiliti jangka pendeknya pada masa akan datang.
- b) **Margin Keuntungan Kasar** - Margin ini menunjukkan keuntungan yang boleh diperolehi ke atas sesuatu produk sebelum mengambil kira perbelanjaan jualan dan pentadbiran. Peningkatan peratusan nisbah ini biasanya menunjukkan penambahbaikan syarikat dalam menguruskan kos operasinya. Secara amnya, nisbah ini adalah konsisten melainkan jika ada perubahan yang mendatangkan kesan pada kos jualan dan polisi harga. Selain itu, paras kebiasaan industri pembinaan bagi kontraktor kelas 'A' ialah di antara 10% hingga 15%. Semakan Audit mendapati margin keuntungan kasar STDC pada tahun kewangan 2006 hingga 2009 adalah sangat rendah iaitu diantara 2.8% hingga 8%. Ini disebabkan kebanyakan projek yang diperolehi STDC diserahkan kepada kontraktor lain dan STDC hanya menerima keuntungan minima daripada nilai kontrak setelah diambil kira kos sub kontraktor. Bagaimanapun pada tahun 2009, STDC berjaya melakukan penambahbaikan dalam menguruskan kos utama iaitu kos kontrak pembinaan sehingga meningkatkan peratusan margin kepada 12% atau peningkatan sebanyak 4% berbanding tahun 2008. STDC telah mengambil pendekatan tidak lagi menyerahkan projek kepada kontraktor lain dan hanya menerima keuntungan minimum, sebaliknya syarikat telah mengambil inisiatif menjalankan sendiri projek tersebut. Oleh itu, kos projek telah dapat dikawal dengan lebih baik dan efektif.
- c) **Margin Untung Bersih** - Mengikut pengiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, STDC telah memperoleh keuntungan 1 sen pada tahun 2006 tetapi mengalami kerugian 9 sen pada tahun 2007 dan 1 sen tahun 2008. Keadaan ini adalah disebabkan STDC tidak berhemat dalam mengawal perbelanjaan am dan pentadbiran termasuk melakukan perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan kepentingan syarikat. Sementara itu, pada tahun 2009, pengurusan baru STDC berjaya meningkatkan margin keuntungan kepada 2 sen. Ini adalah disebabkan STDC telah mengambil langkah berhemat dalam mengawal perbelanjaan am dan pentadbiran termasuk mengurangkan perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan kepentingan syarikat.
- d) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** - Berdasarkan pengiraan Audit, nisbah pulangan ke atas aset adalah tidak konsisten di mana ianya adalah *surplus* pada tahun 2006 tetapi menjadi defisit pada tahun 2007 dan 2008. Keadaan ini menunjukkan syarikat tidak produktif dan gagal menggunakan sepenuhnya aset yang dimiliki untuk memaksimumkan keuntungan pada kedua tahun tersebut. Pada tahun 2009, STDC telah berjaya meningkatkan nilai nisbah kepada 1% seperti pada tahun 2006, bagaimanapun ianya masih di tahap rendah.

- e) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Berdasarkan pengiraan Audit, adalah didapati kadar pulangan ke atas ekuiti STDC adalah tidak memuaskan terutamanya pada tahun 2007 dan 2008. Ini menunjukkan syarikat gagal menjana keuntungan kepada PKNK sehingga menyebabkan ekuiti syarikat pada tahun 2008 menyusut sejumlah RM4.31 juta berbanding pada tahun 2006 iaitu daripada RM6.98 juta kepada RM2.67 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2009, pengurusan baru STDC berjaya meningkatkan kembali peratusan nisbah kepada 13% dan ini menunjukkan syarikat sedang dalam proses meningkatkan kecekapan pengurusan modalnya.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan STDC tidak memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2007 dan 2008.

12.4.2 Pengurusan Aktiviti

12.4.2.1 Pengurusan Projek

Sebagai kontraktor kelas 'A' yang telah lama beroperasi dan mempunyai sumber yang mencukupi, STDC seharusnya berupaya untuk berperanan sebagai kontraktor utama dalam menjalankan projek yang diperolehi. STDC sebaliknya telah menyerahkan 24 projek daripada keseluruhan 25 projek yang diperolehi kepada subkontraktor kecuali Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Perpustakaan UUM. Butiran terperinci projek tersebut adalah seperti di **Jadual 12.3**.

Jadual 12.3
Projek STDC Bagi Tempoh 2005 Hingga 2009

Bil.	Projek	Harga Kontrak STDC (RM Juta) (a)	Kos Subkontraktor (RM Juta) (b)	Untung Kasar (RM Juta) (a-b)
1.	Jambatan Sungai Chegar	1.27	1.22	0.05
2.	Kediaman Rasmi SUK	1.13	1.05	0.08
3.	Jalan Baru Kg. Lubuk Pedati, Baling	1.11	0.98	0.13
4.	Kelab Kedah	0.25	0.24	0.01
5.	Kompleks Akuatik	33.21	32.69	0.52
6.	Mahkamah Syariah Kota Setar	0.49	0.45	0.04
7.	Gelanggang <i>Lawn Bowl</i> Pumphong	2.19	2.05	0.14
8.	Baik pulih Stadium Darul Aman	9.63	8.96	0.67
9.	Stadium Hoki Sungai Petani	4.61	4.09	0.52
10.	Stadium Hoki Alor Setar	4.11	3.79	0.32
11.	Pintu Gerbang Titi Gajah	1.40	1.28	0.12
12.	Pintu Gerbang Tol Utara	1.50	1.38	0.12
13.	Jejantas Tandop	0.19	0.18	0.01
14.	Pusat Melawat Pulau Payar	6.80	6.04	0.76
15.	Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam	1.22	1.10	0.12
16.	Galeria Sultan Abdul Halim	9.85	9.25	0.60
17.	Rumah Rasmi Menteri Besar	9.90	9.19	0.71
18.	Perumahan Sg. Kisap Langkawi	11.45	10.68	0.77
19.	Taman Jubli Emas Pakej 1 (Belum Muktamad)	22.12	18.38	3.74
20.	Taman Jubli Emas Pakej 2	19.53	18.55	0.98
21.	Pintu Gerbang Tol Selatan	2.30	2.19	0.11
22.	Pembangunan Taman Tuanku Haminah, Sg. Petani. *	TB	TB	1.00
23.	Pembangunan Laka Temin *	TB	TB	5.86

Bil.	Projek	Harga Kontrak STDC (RM Juta) (a)	Kos Subkontraktor (RM Juta) (b)	Untung Kasar (RM Juta) (a-b)
24.	Pembangunan Mukim Jabi *	TB	TB	10.0
25.	Bangunan Tambahan Perpustakaan UUM **	22.0	TB	1.0
Jumlah		166.26	133.74	28.38

Sumber: Rekod STDC

Nota: * STDC memperoleh keuntungan daripada harga jualan tanah dan bukan daripada baki harga kontrak setelah mengambilkira kos sub kontraktor.

** Projek sedang dilaksanakan oleh STDC.

TB: Tidak berkenaan.

Berdasarkan Jadual di atas, tindakan STDC menyerahkan kerja kepada subkontraktor telah merugikan pihak syarikat serta Kerajaan Negeri selaku pemegang saham tunggal. Ini adalah kerana sepanjang tempoh tahun 2005 hingga 2009, STDC hanya memperolehi keuntungan kasar berjumlah RM28.38 juta sahaja daripada projek keseluruhan kos projek bernilai RM166.26 juta. Selain itu, selaras dengan objektif STDC untuk menjadi syarikat pembinaan yang dihormati dan disegani, STDC perlu meluaskan operasi dengan mengambil bahagian dalam projek di luar Negeri Kedah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati STDC telah mengambil bahagian dalam tender yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia tetapi tidak berjaya. Sepanjang tempoh 2005 hingga 2009, STDC hanya memperolehi projek daripada Kerajaan Negeri Kedah dan PKNK.

STDC mengambil maklum teguran Audit. Pihak STDC telah mengubah kaedah pengurusan projek setelah mengambil alih syarikat dengan mengambil beberapa langkah iaitu:

- a) Melaksanakan sendiri projek yang diperolehi. Contoh projek pembinaan bangunan tambahan perpustakaan UUM.
- b) Pemilihan sub-kontraktor adalah melalui proses tender dan temuduga.
- c) Menetapkan had kelulusan melantik kontraktor serta mewujudkan Jawatankuasa Tender.
- d) Menyertai tender terbuka di seluruh Negara yang bernilai RM480 juta. Berjaya memperolehi projek-projek yang bernilai keseluruhan RM19.6 juta.

Pada pendapat Audit, pengurusan projek STDC tidak memuaskan kerana hampir keseluruhan projek diserahkan kepada subkontraktor menyebabkan hanya keuntungan kecil diperoleh.

12.4.2.2 Pengurusan Projek STDC Oleh Sub Kontraktor

Pengauditan telah dijalankan terhadap tiga projek daripada 24 projek STDC yang diserahkan kepada subkontraktor. Semakan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut:

a) Projek Pembangunan Taman Tuanku Haminah, Sungai Petani

Projek pembangunan Taman Tuanku Haminah dijalankan di atas tanah P.T. No. 17697 No. Lot 15001 Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah yang berkeluasan 13.32 hektar bersamaan dengan 18,904 meter persegi. Tanah ini pada asalnya adalah

milik PKNK yang kemudiannya diserahkan kepada STDC untuk dibangunkan sebagai kawasan perumahan dan perniagaan. Perjanjian secara usaha sama antara STDC dengan Panglima Maju Sdn. Bhd. (PMSB) telah ditandatangani pada 16 Disember 2003. Melalui perjanjian ini PMSB bersetuju untuk memberikan 12.5% daripada keuntungan jualan tanah atau minimum jaminan keuntungan berjumlah RM13.19 juta. Ini bermakna amaun perbezaan akan dibayar oleh PMSB sekiranya keuntungan jualan tanah yang diperoleh melebihi jaminan keuntungan. Mengikut perjanjian, PMSB perlu membayar minimum jaminan keuntungan berjumlah RM13.19 juta secara berjadual berjumlah RM2.64 juta setahun mulai tahun 2008 hingga 2012. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Mac 2010, PMSB telah menjelaskan amaun jaminan keuntungan kepada STDC berjumlah RM6.78 juta.

Satu perjanjian di antara PKNK dan STDC pula telah ditandatangani pada 4 Mei 2005 di mana STDC dikehendaki membayar RM12.19 juta jaminan keuntungan yang diterima dari PMSB kepada PKNK secara berjadual berjumlah RM2.44 juta setahun mulai tahun 2008 hingga 2012. Pembayaran sejumlah RM12.19 juta dari RM13.19 juta jaminan keuntungan yang sepatutnya diterima daripada PMSB mengikut perjanjian menunjukkan STDC memperoleh jaminan keuntungan sejumlah RM1 juta. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Mac 2010, STDC hanya membayar sejumlah RM0.10 juta kepada PKNK walaupun telah menerima pembayaran jaminan keuntungan berjumlah RM6.78 juta daripada PMSB.

Bagi tujuan menjaga kepentingan syarikat Kerajaan, STDC sepatutnya membuat kajian penilaian harga pasaran terhadap tanah miliknya sebelum menandatangani sebarang perjanjian dengan subkontraktor. Penilaian harga mengikut pasaran akan memudahkan pengurusan STDC membuat keputusan kewajaran melaksanakan sesuatu projek sebelum perjanjian ditandatangani. Selain itu, ianya dapat mengelak STDC daripada menetapkan nilai yang lebih rendah daripada harga pasaran. Semakan Audit mendapati kajian penilaian harga pasaran terhadap tanah yang akan dimajukan tidak dilaksanakan oleh STDC. Keputusan melaksanakan projek dengan subkontraktor hanya berdasarkan jualan harga tanah yang bakal diperoleh atau minimum jaminan keuntungan. Pembangunan Taman Tuanku Haminah (rumah kedai dan taman perumahan) adalah seperti di **Foto 12.1** dan **Foto 12.2**.

Foto 12.1
Projek Pembangunan
Taman Tuanku Haminah, Sg. Petani



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Tunku Haminah, Sg. Petani
 Tarikh: 9 Oktober 2009

Foto 12.2
Projek Pembangunan
Taman Tuanku Haminah, Sg. Petani



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Tunku Haminah, Sg. Petani
 Tarikh: 9 Oktober 2009

STDC mengambil maklum teguran Audit dan memaklumkan syarikat sedang dalam proses rundingan dengan PKNK untuk menyelesaikan baki hutang tertunggak secara ansuran. Pihak syarikat juga akan memastikan pada masa akan datang, kajian penilaian harga pasaran akan dilakukan sebelum keputusan dibuat.

PKNK pula memaklumkan ianya merupakan projek PKNK dan keputusan untuk memajukan projek ini secara usaha sama telah ditetapkan oleh pengurusan PKNK sendiri. Pihak STDC hanyalah bertindak sebagai pengantara.

b) Projek Pembangunan Laka Temin, Daerah Kubang Pasu

Projek pembangunan Laka Temin dibangunkan di atas tanah Lot 276, Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu, Kedah yang berkeluasan 90.35 ekar. Lokasi tersebut yang berpotensi tinggi untuk menjana keuntungan telah menjadi tarikan pihak swasta untuk menjalankan usaha sama dengan STDC. Perjanjian telah ditandatangani antara STDC dengan Jesin Development Sdn. Bhd. (JDSB) pada 30 April 2003 untuk pembinaan taman perumahan dan rumah kedai. Melalui perjanjian ini STDC bersetuju menyerahkan tanah miliknya kepada JDSB dengan bayaran RM5.86 juta atau 25% daripada hasil jualan bersih. Bayaran atau keuntungan tersebut akan dibayar secara berjadual berjumlah RM1.17 juta setahun selama lima tahun. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2009, STDC masih belum menerima sebarang bayaran daripada JDSB.

Selain itu, semakan Audit mendapati kajian penilaian harga pasaran terhadap tanah yang akan dimajukan tidak dilaksanakan oleh STDC. Keputusan melaksana projek dengan subkontraktor hanya berdasarkan jualan harga tanah yang bakal diperoleh atau minimum bayaran mengikut perjanjian. Kawasan pembangunan Bandar Laka Temin adalah seperti di **Foto 12.3** dan **Foto 12.4**.

Foto 12.3
Projek Pembinaan Taman Perumahan
Dan Rumah Kedai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek Pembangunan Laka Temin
Tarikh: 04 Oktober 2009

Foto 12.4
Projek Pembangunan
Laka Temin



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek Pembangunan Laka Temin
Tarikh: 04 Oktober 2009

STDC mengambil maklum teguran Audit. Pihak STDC telah menghantar peringatan kepada pihak JDSB untuk melaporkan status terkini jualan serta mematuhi semua terma di dalam perjanjian usahasama.

PKNK memaklumkan projek ini diserahkan kepada JDSB yang mengemukakan tawaran yang memuaskan dan perjanjian telah ditandatangani dalam tahun 2003. Di samping itu, STDC bercadang untuk menumpukan kepada projek pembangunan di Jabi.

c) Projek Pembangunan Mukim Jabi, Pokok Sena

STDC telah menandatangani perjanjian usahasama dengan Long Island Properties (Kedah) Sdn. Bhd. pada 30 Julai 2003 untuk memajukan 11 bidang tanah berkeluasan 240.43 ekar yang terletak di Mukim Jabi, Daerah Pokok Sena, Kedah iaitu SP 16315 (Lot 2), SP 14104 (Lot 67), SP 1405 (Lot 68) SP 51847 (Lot 1072), SPK 15136 (Lot 1596), Geran 2523 (Lot 2398), Geran 2524 (Lot 2399), GM 2525 (Lot 2400), Geran 2526 (Lot 2401), Geran 2527 (Lot 2402) dan Geran 2528 (Lot 2403). Kawasan tersebut akan dimajukan sebagai kawasan pembangunan bercampur. Kedudukan yang strategik membolehkan kawasan ini mampu muncul sebagai kawasan pembangunan berpotensi tinggi. Sebagai balasan STDC akan menerima sejumlah RM10 juta di atas persetujuan untuk menyerahkan keseluruhan kawasan kepada pemaju. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2009, STDC masih belum menerima sebarang bayaran daripada pemaju. Selain itu, penilaian hartanah juga tidak dilakukan.

STDC mengambil maklum teguran Audit. STDC telah membuat keputusan untuk membatalkan perjanjian usaha sama dengan Long Island Properties (Kedah) Sdn. Bhd (LIPSB). STDC akan memajukan sendiri projek pembangunan Mukim Jabi Pokok Sena. Lesen pemaju perumahan dijangka diperolehi pada Julai 2010.

PKNK memaklumkan perjanjian untuk projek ini dengan LIPSB telah pun dibatalkan pada penghujung tahun 2008 dan akan dilaksanakan sendiri oleh STDC.

Pada pendapat Audit, pengurusan projek STDC oleh subkontraktor tidak memuaskan kerana keuntungan dibayar hanyalah berdasarkan jaminan keuntungan atau keuntungan jualan tanpa membandingkan dengan harga pasaran tanah semasa.


12.4.3 Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik dan berterusan amat penting kerana ia membantu mengukuhkan jenama bagi syarikat, di samping meningkatkan budaya yang sihat kepada tanggungjawab korporat. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2000 yang dikemas kini pada tahun 2007. Kod ini telah menetapkan beberapa prinsip dan amalan terbaik, termasuk penstrukturan, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah, komunikasi antara syarikat dengan pemegang saham, aspek pelaporan dalaman dan luaran serta aspek akauntabiliti syarikat. Hasil penemuan Audit adalah seperti berikut:

12.4.3.1 Struktur Organisasi

Struktur organisasi STDC diketuai oleh Lembaga Pengarah yang mempunyai empat orang ahli. Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) pula bertanggungjawab menyelia dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah terhadap perjalanan operasi tiga bahagian utama dan kakitangan STDC seramai 23 orang. Tiga bahagian utama ini diuruskan oleh pengurus bahagian iaitu Pengurus Pentadbiran Dan Sumber Manusia, Pengurus Pembangunan Perniagaan Dan Kewangan serta Pengurus Projek. Struktur organisasi ini berkuat kuasa mulai 22 April 2008 bersamaan tarikh pelantikan KPE yang baru. Sebelum itu, struktur organisasi STDC hanya mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia dan Bahagian Projek. Pelantikan KPE baru dibuat setelah mantan KPE meletak jawatan pada 21 April 2008. Struktur organisasi STDC adalah seperti di **Carta 12.2**.

Carta 12.2
Struktur Organisasi STDC Mulai 22 April 2008



Sumber: STDC

Pada pendapat Audit, struktur organisasi STDC adalah baik kerana mempunyai pengasingan dan pembahagian tugas yang jelas.

12.4.3.2 Pelantikan Dan Peranan Ahli Lembaga Pengarah

Seksyen 16(3A) dan 123(4) Akta Syarikat 1965 menetapkan keahlian Lembaga Pengarah sesebuah syarikat pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada dua orang dan tidak melebihi sembilan orang. Enakmen Kerajaan Negeri Kedah No. 5/1965 telah menetapkan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari PKNK hendaklah dibuat oleh Menteri Besar Kedah. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 juga memberi penekanan terhadap peranan wakil Kerajaan dalam Lembaga pengarah syarikat Kerajaan. Semakan Audit mendapati bilangan keahlian Lembaga Pengarah STDC sehingga 30 Mac 2008 adalah seramai tujuh orang, manakala keahlian bagi tempoh 1 April 2008 sehingga 3 Jun 2008 adalah seramai 2 orang. Mulai 4 Jun 2008 sehingga kini, bilangan ahli Lembaga Pengarah STDC telah berkurangan kepada empat ahli sahaja. Semua Ahli Lembaga Pengarah telah dilantik oleh Menteri Besar Kedah. Pelantikan ini telah mematuhi undang-undang seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965. Selain itu, terdapat seorang wakil PKNK telah dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah STDC.

Pada pendapat Audit, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah STDC adalah baik kerana telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan melantik wakil PKNK bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

12.4.3.3 Pembayaran Dividen

Kerajaan melalui pelbagai agensi Kerajaan menubuhkan syarikat atau entiti perniagaan sendiri bertujuan menjana pendapatan untuk digunakan dalam melaksanakan pembangunan atau program yang dirancang. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat Kerajaan hendaklah memberi pulangan berbentuk dividen sebanyak 10% daripada keuntungan tahunan kepada Kerajaan. Berdasarkan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, STDC perlu membayar dividen pada tahun 2006 kerana mendapat keuntungan pada tahun tersebut. Manakala pada tahun 2007 dan 2008, STDC tidak perlu membayar dividen kerana mengalami kerugian. Semakan Audit mendapati STDC tidak membayar dividen pada tahun 2006 sebaliknya Lembaga Pengarah STDC telah meluluskan pembayaran dividen berjumlah RM0.10 juta kepada PKNK pada tahun 2008 walaupun STDC mengalami kerugian pada tahun tersebut.

STDC mengambil maklum teguran pihak Audit. Pihak syarikat akan mengemaskini polisi dan pembayaran dividen.

Pada pendapat Audit, pembayaran dividen oleh STDC tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

12.4.3.4 Pembayaran Bonus

Perkara 5.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan semua pembayaran bonus hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Badan Induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus telah diberi kepada kakitangan pada tahun 2007, bagaimanapun tiada bonus dibayar pada tahun 2008 dan 2009. Pembayaran bonus kepada 24 kakitangan STDC pada tahun 2007 sebanyak dua

bulan gaji berjumlah RM98,681 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah STDC yang bermesyuarat pada 27 Ogos 2007. Bagaimanapun pembayaran ini tidak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PKNK dan Pihak Berkuasa Negeri untuk diluluskan seperti yang dikehendaki oleh peraturan.

STDC mengambil maklum teguran Audit dan akan memastikan pada masa hadapan pembayaran bonus akan dilakukan mengikut peraturan.

Pada pendapat Audit, pembayaran bonus kakitangan STDC pada tahun 2007 tidak memuaskan kerana tidak mengikut peraturan.

12.4.3.5 Jawatankuasa Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat Kerajaan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan terhadap syarikat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham terpelihara. Semakan Audit mendapati STDC belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam. Bagaimanapun, fungsi audit dalam telah dijalankan oleh Unit Audit Dalam PKNK.

STDC tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam adalah kerana tertakluk kepada Unit Audit Dalam PKNK.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman STDC adalah memuaskan yang mana pengauditan dilakukan bagi memastikan operasi syarikat dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, pengauditan perlu dilakukan secara berkala dan lebih kerap memandangkan STDC terlibat dengan projek-projek yang besar dan berisiko.

12.4.3.6 Kelemahan Pengurusan Kewangan

a) Prosedur Kerja

Prosedur kerja perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bagi meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan syarikat Kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan lain dengan jelas. Semakan Audit mendapati STDC tidak mempunyai prosedur kerja mengenai pengurusan kewangan. Ini menyebabkan pengurusan bayaran bagi 10 baucar bayaran berjumlah RM1.83 juta daripada 20 baucar bayaran yang dipilih adalah didapati tidak teratur seperti tiada tandatangan penyemak, pelulus dan penerima bayaran, tiada dokumen sokongan, penerima bayaran serta pelulus adalah individu yang sama dan baucar dikeluarkan tidak mengikut turutan nombor siri baucar. Sembilan daripada sepuluh baucar ini telah diluluskan oleh KPE STDC ketika itu. Manakala pembayaran bagi satu baucar berjumlah RM200,000 yang bertarikh 19 April 2007 adalah didapati tiada tandatangan pelulus dan penyemak.

Walaupun tiada maklumat kelulusan, pembayaran baucar ini telah dibuat secara cek tunai. Kelulusan pengeluaran cek tunai bagi baucar ini dibuat oleh KPE yang sama.

STDC mengambil maklum teguran Audit dan memaklumkan sedang menyediakan Polisi Perakaunan dan Kewangan bagi memastikan kawalan dalaman berada pada tahap yang baik.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan STDC tidak memuaskan kerana prosedur kewangan tidak diwujudkan menyebabkan pembayaran dibuat tidak teratur, tidak sempurna dan digunakan bukan untuk mencapai objektif penubuhan syarikat.

b) Pengeluaran Cek Tunai

Pembayaran hendaklah dibuat kepada penerima seperti yang dinyatakan di dalam baucar bayaran. Oleh itu semua baucar hendaklah disokong dengan maklumat lengkap seperti nama, alamat dan nombor akaun. Had kuasa bagi meluluskan pembayaran secara cek tunai juga hendaklah ditetapkan sebagai langkah kawalan sama ada di peringkat KPE, Lembaga Pengarah STDC atau Lembaga Pengarah Induk. Semakan Audit mendapati had kuasa ini tidak diwujudkan dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah STDC. Semakan Audit selanjutnya terhadap 20 baucar bayaran yang dipilih berjumlah RM2.24 juta mendapati bayaran dibuat secara cek tunai. Bagaimanapun tiada maklumat yang lengkap di cek seperti nama dan nombor akaun penerima. Sebagai contoh lima baucar bayaran berjumlah RM1.70 juta dan dua baucar bayaran berjumlah RM0.31 juta. Pengeluaran cek tunai bagi 20 baucar bayaran ini telah diluluskan oleh KPE STDC ketika itu dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan. Majoriti kehadiran bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan ini terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik sehingga 30 Mac 2008.

STDC mengambil maklum teguran Audit dan memaklumkan beberapa langkah kawalan telah diambil di antaranya adalah menghadkan amaun pengeluaran cek tunai kepada RM20 ribu sahaja, menetapkan had kuasa untuk meluluskan cek tunai dan mewajibkan setiap pengeluaran cek tunai hendaklah disertakan dokumen pengenalan dan akaun penerimaan di atas baucar.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran secara cek tunai tidak memuaskan kerana maklumat lengkap penerima tidak dinyatakan di cek manakala had kuasa pembayaran tidak diwujudkan oleh Lembaga Pengarah STDC.

c) Perbelanjaan Tidak Berkepentingan Kepada STDC

Sebagai sebuah syarikat kontraktor utama atau kelas 'A', STDC perlu memastikan pengurusan kewangannya teratur dan melakukan perbelanjaan seperti yang dirancang bagi mengelak pembaziran. Selain itu, STDC bertanggungjawab melaksanakan projek berdasarkan matlamat ianya ditubuhkan. Perbelanjaan yang dibuat hendaklah dikawal kerana ianya adalah wang syarikat. Semakan Audit terhadap baucar bayaran STDC bagi tahun 2007 dan 2008 mendapati sebanyak 51 baucar bayaran berjumlah RM2.68

juta yang diluluskan oleh KPE STDC ketika itu adalah perbelanjaan yang tidak berkepentingan kepada STDC. Jumlah ini terdiri daripada 34 baucar bayaran berjumlah RM0.86 juta pada tahun 2007, manakala 17 baucar bayaran berjumlah RM1.82 juta bagi tahun 2008. Perbelanjaan ini menyebabkan STDC telah membazirkan wang syarikat yang sepatutnya dibelanjakan bagi mencapai matlamat penubuhannya. Sekiranya perbelanjaan ini tidak dilaksanakan oleh STDC pada tahun 2007 dan 2008, keuntungan STDC akan bertambah atau kerugian STDC dapat dikurangkan seperti di **Jadual 12.4**.

Jadual 12.4
Analisis Keuntungan/Kerugian STDC Bagi Tahun 2007 dan 2008

Tahun	Perbelanjaan Tidak Berkepentingan Kepada STDC (RM Juta) (a)	Keuntungan/(Kerugian)	
		Mengikut Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan STDC (RM Juta) (b)	Analisis Audit (RM Juta) (a) + (b)
2007	0.86	(2.56)	(1.70)
2008	1.82	(0.15)	1.67
Jumlah	2.68	(2.71)	(0.03)

Sumber: STDC

Analisis Audit menunjukkan STDC sepatutnya mengalami kerugian berjumlah RM1.70 juta sahaja pada tahun 2007 berbanding kerugian sebenar berjumlah RM2.56 juta. Manakala pada tahun 2008, STDC sepatutnya memperolehi keuntungan berjumlah RM1.67 juta berbanding kerugian sebenar yang dialami berjumlah RM0.15 juta. Ini jelas menunjukkan sekiranya perbelanjaan STDC dilakukan secara berhemat, kerugian pada tahun 2007 dapat diminimumkan sebanyak 34% daripada kerugian sebenar manakala pada tahun 2008, STDC sebenarnya memperoleh keuntungan berbanding kerugian.

STDC mengambil maklum teguran Audit dan memaklumkan pengurusan baru akan sentiasa memastikan semua perbelanjaan adalah selaras dan berkepentingan dengan tujuan asal penubuhan syarikat.

Pada pendapat Audit, wang yang digunakan oleh STDC untuk perbelanjaan tidak berkepentingan mampu memberikan pulangan yang lebih bernilai kepada STDC dan Kerajaan Negeri sekiranya wang tersebut digunakan dengan berhemat dan teratur.

d) Pembelian Kenderaan Kepada Bekas Penasihat Ketua Pegawai Eksekutif

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan supaya syarikat Kerajaan mengawal dengan rapi kos operasi syarikat bagi memastikan matlamat penubuhan syarikat Kerajaan dapat dicapai. Semakan Audit mendapati STDC telah membeli sebuah kereta Proton Gen 2 pada tahun 2007 sebagai ganjaran kepada bekas penasihat KPE yang berkhidmat semenjak tahun 2005. Cadangan pembelian ini tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah manakala surat perlantikan rasmi sebagai penasihat kepada KPE juga tidak dikemukakan untuk pengesahan.

Pada pendapat Audit, pembelian kenderaan kepada bekas penasihat KPE tidak wajar dilakukan oleh STDC sebelum kelulusan daripada Lembaga Pengarah diperoleh.

e) Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan semua syarikat Kerajaan perlu menyediakan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Ini penting dalam menentukan hala tuju sesuatu organisasi. Semakan Audit mendapati STDC tidak menyediakan rancangan korporat seperti yang dikehendaki.

STDC mengambil maklum teguran Audit dan memaklumkan rancangan korporat sedang dalam proses untuk didokumentasikan.

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada peraturan yang berkuatkuasa oleh STDC tidak memuaskan. Ketiadaan rancangan korporat menyebabkan STDC sukar mencapai visi dan misi syarikat.

f) Tanggungjawab Sosial Korporat

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) adalah penting di dalam usaha memakmurkan masyarakat. Semakan Audit mendapati STDC telah menjalankan CSR dengan memberi bantuan kepada keluarga yang ditimpa bencana dalam bentuk pembaikan rumah sedia ada dan juga pembinaan rumah baru kepada sembilan keluarga berjumlah RM189,000. Selain itu, bantuan kepada mangsa banjir juga telah diberikan bagi meringankan beban. Pada masa yang sama, STDC telah mengambil tiga buah sekolah sebagai anak angkat. Bantuan dalam bentuk kewangan serta peralatan telah diberikan. Kawasan yang terlibat adalah Kuala Nerang, Pedu dan Padang Terap.

Pada pendapat Audit, STDC telah menjalankan CSR dengan memuaskan.

g) Had Dan Bidang Kuasa

Bagi memastikan setiap perkara yang diputuskan atau dilakukan tidak bercanggah dengan peraturan dan kepentingan syarikat, syarikat perlu menyediakan had dan bidang kuasa yang khusus kepada Lembaga Pengarah, pengurusan serta kakitangan. Semakan Audit mendapati STDC ada menggariskan beberapa kuasa dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah di dalam Memorandum Dan Artikel STDC, bagaimanapun ianya terlalu umum. Selain itu, semua Ahli Lembaga Pengarah STDC merupakan pengarah *nominee* yang tidak mempunyai sebarang saham di dalam syarikat.

STDC memaklumkan bermula tahun 2008 had kuasa penandatanganan cek telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, penetapan had dan bidang kuasa Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan tidak memuaskan kerana tidak ditetapkan secara khusus oleh STDC.

12.4.3.7 Pemantauan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menggariskan kepentingan kawalan dan pemantauan pihak pengurusan terhadap syarikat Kerajaan bagi memastikan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dipatuhi serta mencapai objektif penubuhan syarikat. Pekeliling ini juga menetapkan Lembaga Pengarah syarikat hendaklah mengawal rapi dan meneliti prestasi syarikat Kerajaan, terutamanya bagi syarikat Kerajaan yang mempunyai prestasi yang tidak memuaskan. Selaras dengan peraturan ini, Kerajaan Negeri dan PKNK hendaklah memantau syarikat subsidiari yang ditubuhkan bagi memastikan operasi syarikat subsidiarinya seperti STDC adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Pemantauan yang perlu dilaksanakan meliputi aspek pengurusan, prestasi kewangan, operasi syarikat dan keberkesanan kawalan dalaman syarikat.

a) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah memainkan peranan penting dalam proses pemantauan terhadap pengurusan syarikat bagi mencapai objektif utamanya. Amalan terbaik menghendaki Ahli Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak empat kali setahun. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah STDC hanya diadakan sebanyak dua kali setahun pada tahun 2007 dan 2008.

STDC mengambil maklum teguran Audit dan akan memastikan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun.

Pada pendapat Audit, pengurusan mesyuarat Lembaga Pengarah STDC tidak memuaskan kerana tidak mematuhi sekurang-kurangnya kehendak amalan terbaik.

b) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Syarikat

STDC telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan sebanyak enam kali dalam tahun 2007 manakala tiga kali dalam tahun 2008. Semakan Audit mendapati Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Syarikat sebelum 4 Jun 2008 terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah dan juga pengurusan STDC. Hal ini mewujudkan pertindihan fungsi antara peranan Lembaga Pengarah dan juga pihak Pengurusan dalam membuat keputusan. Bagaimanapun berkuat kuasa pada 4 Jun 2008, Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan hanya terdiri daripada KPE dan pengurus bahagian sahaja.

PKNK memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (EXCO) diadakan bagi membincangkan atau menyemak hal dan kertas kerja yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Mesyuarat ini tidak dihadiri oleh semua ahli pengurusan yang biasa menghadiri mesyuarat di peringkat pengurusan biasa. Amalan ini juga dilaksanakan oleh PKNK.

Pada pendapat Audit, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan telah berperanan seperti yang ditetapkan. Pelantikan keanggotaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan selepas 4 Jun 2008 juga adalah baik kerana tidak wujud pertindihan fungsi.

c) PKNK

Sebagai sebuah Badan Induk kepada STDC, pemantauan yang berkesan daripada PKNK adalah sangat diperlukan bagi memastikan kepentingannya sentiasa terjamin. Ini adalah selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 yang menggariskan beberapa langkah ke arah meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan. Semakan Audit mendapati PKNK telah melantik seorang pegawainya sebagai Pengarah *nominee* di dalam usaha menjaga kepentingannya di dalam STDC. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 pula menetapkan wakil Kerajaan dalam syarikat Kerajaan dikehendaki menyediakan laporan berhubung perjalanan operasi syarikat sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Semakan Audit mendapati laporan suku tahun telah disediakan oleh pihak STDC mulai tahun 2008 dan dikemukakan kepada PKNK.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh PKNK adalah memuaskan kerana Laporan Prestasi operasi syarikat subsidiari telah dikeluarkan seperti yang dikehendaki oleh peraturan.

12.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, aktiviti yang dilaksanakan oleh STDC tidak selaras dengan objektif penubuhannya. Walaupun perniagaan yang dilaksanakan melibatkan bidang pembinaan, pembangunan, penyenggaraan dan pengurusan projek, STDC sebenarnya hanya menerima keuntungan minima hasil perjanjian projek yang diserahkan kepada sub kontraktor. Keuntungan ini tidak dapat menjana sumber kewangan yang mantap bagi membiayai projek pembangunan melibatkan kontraktor utama. Selain prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat STDC juga tidak memuaskan. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan STDC.

- a)** STDC melaksanakan sendiri projek yang diperolehnya bagi menjana keuntungan dengan lebih baik.
- b)** Mengawal perbelanjaan secara berhemat dengan memastikan perbelanjaan hanya dilakukan terhadap perkara-perkara yang mempunyai kepentingan kepada syarikat sahaja dan mengikut matlamat penubuhan syarikat STDC.
- c)** Meningkatkan keupayaan dalam usaha memperoleh projek selain daripada projek Kerajaan.
- d)** Mewujudkan prosedur kerja, had kuasa pembayaran dan lain-lain peraturan berkaitan hal-hal kewangan.
- e)** Mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan/Agensi Kerajaan terutama berkaitan dengan penyediaan rancangan korporat, pembayaran bonus, dividen, Jawatankuasa Audit Dalam, arahan kawalan pengurusan syarikat serta peranan dan tanggungjawab wakil Kerajaan.
- f)** Meneruskan dasar agar ahli Mesyuarat Pengurusan Syarikat tidak dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah bagi mengelak pertindihan fungsi.
- g)** Dividen hendaklah dibayar kepada Kerajaan Negeri sekiranya STDC memperoleh keuntungan sebagaimana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993.

13. KSDC INSURANCE BROKERS SDN. BHD.

13.1 LATAR BELAKANG

13.1.1 KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd. (KSDC) yang sebelum ini dikenali sebagai Albar Insurance Brokers ditubuhkan pada 1 Jun 1976. KSDC telah menjadi milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) pada tahun 1989. KSDC mempunyai modal berbayar berjumlah RM2.1 juta dan aktiviti utama perniagaannya adalah broker insurans terhadap semua jenis perlindungan yang sedia ada di pasaran. KSDC telah diberikan hak eksklusif untuk bertindak sebagai konsultan kepada Kerajaan Negeri Kedah, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri serta anak syarikat Kerajaan Negeri dalam melindungi aset yang dimiliki. KSDC merupakan salah satu daripada 34 pemegang lesen broker insurans yang terdapat di Malaysia.

13.1.2 Sebagai anak syarikat PKNK, KSDC perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh PKNK dari semasa ke semasa. Selain itu, KSDC juga perlu mematuhi undang-undang di bawah Akta Insurans 1996 dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

13.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan KSDC telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di samping itu, pengauditan juga bertujuan untuk menilai sama ada prestasi kewangan adalah memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

13.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan merangkumi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Kaedah pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, Akta Insurans 1996, peraturan kewangan, minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan rekod berkaitan dengan pengurusan KSDC. Analisis kewangan juga dilakukan terhadap Penyata Kewangan tahun 2006 hingga 2009. Di samping itu, temubual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkaitan.

13.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2009 hingga Februari 2010 mendapati KSDC memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM0.14 juta pada tahun 2006, RM0.01 juta pada tahun 2008 dan RM0.07 juta pada tahun 2009 manakala pada tahun 2007 KSDC mengalami kerugian berjumlah RM0.16 juta. Pengurusan aktiviti utama KSDC adalah memuaskan yang mana menunjukkan KSDC mencatatkan peningkatan drastik jualan premium insurans pada tahun 2008 berbanding tahun 2006. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan iaitu peningkatan penghutang perdagangan, belum mencapai nisbah purata industri untuk perbelanjaan berbanding pendapatan, tidak mematuhi prosedur kerja dan pelan pemasaran tidak disediakan. Dalam aspek tadbir urus korporat pula beberapa kelemahan pengurusan iaitu pembayaran yuran pengarah tidak mendapat kelulusan Mesyuarat Agung, indeks petunjuk prestasi tidak disediakan, polisi pelarasan harga tidak disediakan serta kemudahan dan keistimewaan yang diperoleh Ahli Lembaga Pengarah tidak dinyatakan dengan jelas di dalam surat pelantikan. Selain itu, pihak Audit mendapati KSDC gagal memberikan pulangan pelaburan kepada PKNK. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

13.4.1 Prestasi Kewangan


KSDC mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM0.14 juta pada tahun 2006, manakala pada tahun 2007 mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.16 juta. Ini disebabkan peningkatan belanja pentadbiran berjumlah RM0.58 juta iaitu bersamaan 57%. Selain itu, keuntungan pada tahun 2006 bukanlah hasil pendapatan operasi syarikat tetapi sebaliknya disebabkan oleh pelarasan peruntukan hutang ragu yang dikira semula berjumlah RM0.25 juta. Pada tahun 2008, KSDC memperoleh keuntungan berjumlah RM0.01 juta berikutan peningkatan pendapatan operasinya kepada RM0.90 juta (6.92%) dan penurunan belanja pentadbirannya kepada RM0.91 juta (12.35%) berbanding tahun 2007. Pada tahun 2009 pula, keuntungan KSDC bertambah kepada RM0.07 juta kerana peningkatan pendapatan operasi kepada RM1.07 juta iaitu peningkatan sebanyak 19% berbanding tahun 2008. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan KSDC bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.1** dan **Carta 13.1**.

Jadual 13.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009

Butiran	Tahun			
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	0.30	0.84	0.90	1.07
Untung Kasar	0.30	0.84	0.90	1.07
Lain-lain Pendapatan	0.28	0.02	0.02	0.01
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(0.44)	(1.02)	(0.91)	(0.99)
Untung/(Rugi) Operasi	0.14	(0.16)	0.01	0.09
Kos Kewangan	-	(0.003)	(0.004)	(0.003)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	0.14	(0.16)	0.01	0.08
Pelarasan Cukai	(0.002)	(0.002)	-	(0.005)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	0.14	(0.16)	0.01	0.07

Sumber: Penyata Kewangan KSDC

Carta 13.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan KSDC

Bagi menilai prestasi kewangan KSDC, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2006 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 13.2**.

Jadual 13.2
Analisis Nisbah Kewangan
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan			
	2006	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	1.99:1	1.13:1	1.14:1	1.14:1
Margin Keuntungan	0.24:1	(0.18):1	0.01:1	0.07:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	7.04%	-3.11%	0.21%	1.26%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	14.00%	-19.30%	1.18%	7.61%

Sumber: Penyata Kewangan KSDC

- a) **Nisbah Semasa** - Perkiraan Audit mendapati tahap kecairan KSDC pada tahun 2006 adalah 1.99 kali, manakala pada tahun 2007, ianya menurun kepada 1.13 kali. Penurunan ini akibat daripada peningkatan mendadak liabiliti semasanya iaitu hutang tertunggak premium insurans kepada institusi insurans berdaftar. Pada tahun 2008 pula kadar nisbah ini mengalami sedikit peningkatan kepada 1.14 kali dan ianya masih kekal pada tahun 2009. Secara keseluruhannya KSDC berupaya membayar balik liabiliti semasanya kerana nilai aset melebihi nilai liabiliti. Bagaimanapun, jika ianya tidak dikawal berkemungkinan syarikat akan berdepan dengan risiko untuk melunaskan liabiliti jangka pendeknya pada masa akan datang.
- b) **Margin Keuntungan** - Perkiraan Audit mendapati bagi setiap ringgit hasil pendapatan, KSDC memperoleh keuntungan berjumlah 24 sen pada tahun 2006 tetapi mengalami kerugian sebanyak 18 sen pada tahun 2007. Bagaimanapun, KSDC telah memperoleh keuntungan yang kecil berjumlah 1 sen pada tahun 2008 dan 7 sen pada tahun 2009.

- c) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** - Perkiraan Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset adalah tidak konsisten. Pada tahun 2006, nisbah adalah sebanyak 7% dan menurun dengan mendadak pada tahun 2007 iaitu nisbah sebanyak (3.1%). Bagaimanapun pada tahun 2008 dan 2009 nisbah pulangan ke atas aset menunjukkan sedikit peningkatan kepada 0.2% dan 1.26%. Keadaan ini menunjukkan syarikat kurang produktif dan gagal menggunakan sepenuhnya aset yang dimiliki untuk memaksimumkan keuntungan.
- d) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Berdasarkan perkiraan Audit mendapati kadar pulangan atas ekuiti KSDC pada tahun 2006 adalah memuaskan dengan mencatatkan pulangan sebanyak 14% daripada jumlah ekuiti. Bagaimanapun kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2007 dan 2008 adalah tidak memuaskan masing-masing berjumlah (19.3%) dan 1.18%. Pada tahun 2009 pula, ianya menunjukkan sedikit peningkatan kepada 7.61%. Keadaan nisbah yang kecil menunjukkan syarikat masih gagal menjana keuntungan yang besar kepada pemiliknya.

KSDC memaklumkan kerugian pada tahun 2007 adalah disebabkan penambahan kakitangan baru, penyelesaian hutang lapuk syarikat dan penyelarasan gaji pekerja.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan KSDC tidak memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2007 dan mencatatkan keuntungan yang kecil pada tahun 2008 dan 2009.

13.4.2 Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap membantu syarikat dalam usaha meningkatkan keuntungan. Aktiviti utama perniagaan KSDC adalah bertindak sebagai broker insurans. KSDC telah diberikan lesen broker insurans konvensional dan takaful oleh Bank Negara Malaysia (BNM). KSDC menawarkan khidmat sebagai broker insurans untuk pelbagai jenis kelas perlindungan. Jenis-jenis kelas perlindungan yang ditawarkan oleh KSDC antaranya seperti kebakaran, kejuruteraan dan pembinaan, kenderaan dan marin. Hasil penemuan Audit untuk pengurusan aktiviti KSDC adalah seperti berikut:

13.4.2.1 Prestasi Penjualan Insurans

Penjualan insurans merupakan penyumbang utama sumber pendapatan KSDC. Semakan Audit mendapati prestasi penjualan insurans berbanding pendapatan yang diterima dalam bentuk *brokerage* bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3
Prestasi Penjualan Insurans Berbanding Brokerage
Bagi Tahun Kewangan 2006 hingga 2009

Bil.	Jenis Insurans	Tahun 2006			Tahun 2007			Tahun 2008			Tahun 2009		
		Jumlah Premium (RM Juta)	Jumlah Brokerage (RM Juta)	(%)	Jumlah Premium (RM Juta)	Jumlah Brokerage (RM Juta)	(%)	Jumlah Premium (RM Juta)	Jumlah Brokerage (RM Juta)	(%)	Jumlah Premium (RM Juta)	Jumlah Brokerage (RM Juta)	(%)
1.	Bonds	-	-	-	0.09	0.009	10	0.39	0.04	10	0.24	0.02	9
2.	Cargo	0.06	0.009	15	1.97	0.20	10	1.69	0.17	10	0.34	0.03	10
3.	Contractor's All Risks & Engineering	0.52	0.08	15	1.22	0.20	16	1.68	0.27	16	1.75	0.23	13
4.	Fire	0.70	0.10	14	1.45	0.22	15	1.72	0.16	9	0.96	0.14	14
5.	Liabilities	-	-	-	0.07	0.01	14	0.13	0.02	15	2.06	0.22	11
6.	Marine Hull	-	-	-	0.05	0.0007	1	0.001	0.0002	20	0.002	0.0002	15
7.	Medical and Health	-	-	-	0.55	0.06	11	0.69	0.07	10	0.72	0.069	10
8.	Motor 'Others'	0.33	0.03	9	0.48	0.04	8	0.60	0.06	10	0.57	0.05	10
9.	Personal Accident	0.05	0.01	20	0.12	0.03	25	0.22	0.04	18	0.12	0.025	20
10.	Workmen's Compensation & Employers' Liabilities	0.07	0.01	14	0.14	0.03	21	0.06	0.01	17	0.1	0.023	23
11.	Life	-	-	-	0.29	0.03	10	0.34	0.04	12	0.39	0.038	10
12.	Others	0.47	0.06	13	0.05	0.01	20	0.24	0.04	17	1.32	0.212	16
Jumlah		2.2	0.30	14	6.48	0.84	13	7.76	0.92	12	8.57	1.07	13

Sumber: Rekod Kewangan KSDC

Berdasarkan jadual di atas, pihak Audit mendapati jualan premium insurans oleh KSDC mencatatkan peningkatan yang drastik pada tahun 2007 iaitu sebanyak RM4.28 juta bersamaan 194.5% berbanding tahun 2006. Pada tahun 2008, jualan premium KSDC mengembang sebanyak 19.8% bersamaan dengan RM1.28 juta. Pada tahun 2009 pula, jualan premium KSDC meningkat sebanyak RM0.81 juta atau 10.4%. Bagaimanapun, peratus pendapatan *brokerage* yang diterima daripada jumlah premium pada tahun 2007 hingga 2009 menurun berbanding tahun 2006. Pada tahun 2006, peratus pendapatan *brokerage* yang diterima oleh KSDC berdasarkan jualan premium adalah 13.6%, manakala pada tahun 2007 , 2008 dan 2009 masing-masing sebanyak 13% , 11.9% dan 12.5%.

KSDC memaklumkan nilai 'brokerage' tidak mencerminkan pulangan yang sepatutnya disebabkan KSDC terpaksa berkongsi 'brokerage' tersebut dengan rakan kongsi dalam bentuk komisen dan 'introducer fee'.

Pada pendapat Audit, prestasi penjualan insurans oleh KSDC adalah memuaskan kerana jumlah *brokerage* yang dicatatkan menunjukkan peningkatan.

13.4.2.2 Pengurusan Kutipan Hasil

Pengurusan kutipan hasil yang cekap dapat membantu syarikat memastikan semua jualan mendapat pulangan yang sewajarnya. Selain itu, kutipan hasil yang berkesan juga dapat mengelakkan syarikat dibebani hutang lapuk. Baki penghutang perdagangan KSDC pada 31 Disember 2006 berjumlah RM1.20 juta. Jumlah ini telah meningkat kepada RM4.74 juta pada 31 Disember 2007 iaitu peningkatan sebanyak RM3.54 juta (295%). Bagaimanapun,

trend jumlah penghutang perdagangan semakin menurun di mana pada tahun 2008 ianya menurun sebanyak RM0.35 juta kepada RM4.39 juta dan pada tahun 2009 ianya menurun sebanyak RM0.22 juta kepada RM4.17 juta. Pada kebiasaannya, terma bayaran kredit dibenarkan sehingga 60 hari. Berdasarkan prosedur kerja KSDC, bayaran kredit yang dibenarkan adalah sehingga 30 hari sahaja. Semakan Audit mendapati KSDC tidak mematuhi prosedur kerja yang telah ditetapkan. Akibatnya KSDC mempunyai tunggakan hutang lapuk yang tinggi. Penghutang perdagangan KSDC bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4
Penghutang Perdagangan KSDC
Pada Tahun Kewangan 2006 hingga 2009

Usia Penghutang	Tahun			
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Sehingga dua bulan	0.20	3.61	3.17	3.49
Melebihi dua hingga enam bulan	0.35	0.39	0.56	0.41
Melebihi enam hingga 12 bulan	0.05	0.16	0.09	0.14
Melebihi 12 bulan	0.60	0.58	0.57	0.13
Jumlah	1.20	4.74	4.39	4.17

Sumber: Rekod Kewangan KSDC

Jadual di atas menunjukkan peningkatan yang ketara jumlah tunggakan penghutang perdagangan berbanding tahun 2006. Terdapat juga tunggakan hutang yang melebihi 12 bulan. Ini jelas menunjukkan KSDC tidak berupaya memastikan hasil dikutip dalam tempoh 30 hari sebagaimana kehendak prosedur kerja. Selain itu, KSDC juga gagal mencapai praktis pasaran yang menetapkan terma bayaran kredit hanya dibenarkan sehingga 60 hari. Akibatnya, KSDC terdedah kepada kehilangan pendapatan *brokerage*. Ini adalah kerana pembayaran *brokerage* hanya diperolehi setelah pembayaran penuh kepada syarikat insurans dibuat.

Bermula tahun 2008, KSDC telah mengambil langkah melupuskan sebahagian baki penghutang tertunggak. Bagaimanapun, KSDC bersetuju untuk meningkatkan kawalan dalaman bagi memastikan kutipan hasil dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan hasil KSDC adalah tidak memuaskan kerana jumlah penghutang perdagangan mencatatkan peningkatan ketara sehingga terdapat hutang lapuk yang melebihi 12 bulan.

13.4.2.2.1 Penghutang Perdagangan Berbaki Kredit

Mengikut praktis perakaunan, penghutang perdagangan hendaklah berbaki debit yang menunjukkan masih terdapat tunggakan hutang yang belum dijelaskan kepada syarikat. Semakan Audit terhadap laporan kewangan KSDC mendapati terdapat beberapa akaun penghutang perdagangan berbaki kredit. Jumlah keseluruhan penghutang perdagangan yang berbaki kredit pada 31 Disember 2008 adalah RM0.04 juta.

KSDC mengambil maklum teguran Audit dan pada masa kini KSDC sedang melakukan proses penyesuaian dengan pihak insurans dan pelanggan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penghutang perdagangan adalah tidak memuaskan kerana masih terdapat akaun penghutang yang berbaki kredit.

13.4.2.3 Analisis Industri

Analisis industri adalah penting dalam mengukur pencapaian syarikat berbanding pesaing lain dalam industri yang sama. Industri broker insurans menetapkan purata industri nisbah perbelanjaan berbanding pendapatan adalah pada tahap 60:40. Hasil analisis Audit adalah seperti di **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5
Analisis Perbelanjaan Dan Pendapatan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2009

Tahun	Perbelanjaan (RM) (a)	Pendapatan (RM) (b)	Nisbah Perbelanjaan Berbanding Pendapatan (%) (c) (a/b)
2006	440,822	582,942	75.6
2007	1,024,413	864,748	118.5
2008	904,807	923,204	98
2009	993,247	1,076,053	92.7

Sumber: Rekod Kewangan KSDC

Berdasarkan jadual di atas, KSDC belum mencapai tahap purata industri 60:40 iaitu perbelanjaan hendaklah tidak melebihi 60% daripada pendapatan yang diterima. Malahan pada tahun 2007, jumlah perbelanjaan telah melebihi pendapatan sebanyak RM0.16 juta. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan am dan pentadbiran terutamanya pembayaran gaji dan yuran konsultan.

KSDC mengambil maklum teguran Audit dan akan meningkatkan kawalan terhadap kos operasi syarikat bagi mencapai tahap purata industri.

Pada pendapat Audit, nisbah perbelanjaan berbanding pendapatan yang diterima oleh KSDC adalah tidak memuaskan kerana melebihi purata industri yang ditetapkan.

13.4.2.4 Pelan Pemasaran

Pelan pemasaran hendaklah didokumentasikan dengan lengkap dan sempurna bagi memastikan pemasaran dapat dilakukan dengan teratur dan berkesan. Pelan pemasaran yang komprehensif hendaklah merangkumi lima prinsip asas pemasaran iaitu produk, harga, lokasi, pasaran dan promosi. Semakan Audit mendapati KSDC tidak menyediakan pelan pemasaran. Bagaimanapun, pemasaran telah dilakukan tetapi tidak terancang.

KSDC mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan memaklumkan pelan pemasaran syarikat hanya dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada awal tahun. Pada masa hadapan pelan pemasaran akan dibuat dengan lebih teliti.


Pada pendapat Audit, ketiadaan pelan pemasaran menyukarkan KSDC dalam merancang aktiviti perniagaan dengan berkesan.

13.4.3 Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik dan berterusan amat penting kerana ia membantu mengukuhkan jenama bagi syarikat, di samping meningkatkan budaya yang sihat kepada tanggungjawab korporat. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2000 yang dikemaskini pada tahun 2007. Kod ini telah menetapkan beberapa prinsip dan amalan terbaik, termasuk penstrukturan, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah, komunikasi antara syarikat dengan pemegang saham, aspek pelaporan dalaman dan luaran serta aspek akauntabiliti. Hasil penemuan Audit adalah seperti berikut:

13.4.3.1 Struktur Organisasi

Struktur organisasi KSDC diketuai oleh Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bertanggungjawab menyelia dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah terhadap perjalanan operasi dua bahagian utama dan kakitangan KSDC seramai 15 orang yang terdiri daripada 11 eksekutif dan dibantu oleh empat orang kakitangan sokongan. Berdasarkan struktur organisasi, KPE dibantu oleh Ketua Pegawai Operasi (KPO). Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2009, jawatan KPO masih kosong. Dua bahagian utama KSDC iaitu jualan/pemasaran dan kewangan/pentadbiran masing-masing diketuai oleh Pengurus. Struktur organisasi KSDC adalah seperti di **Carta 13.2**.



Sumber: Fail KSDC

13.4.3.2 Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah

Seksyen 16(3A) dan 123(4) Akta Syarikat 1965 menetapkan keahlian Lembaga Pengarah sesebuah syarikat pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada dua orang dan tidak

melebihi sembilan orang. Enakmen Kerajaan Negeri Kedah No. 5/1965 telah menetapkan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari PKNK hendaklah dibuat oleh Menteri Besar Kedah. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan di dalam Akta Insurans 1996. Semakan Audit mendapati pelantikan Ahli Lembaga Pengarah KSDC telah mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Seramai lima orang menganggotai Lembaga Pengarah KSDC termasuk seorang wakil PKNK.

Pada pendapat Audit, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah KSDC adalah baik kerana telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan wakil PKNK juga dilantik bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, keanggotaan Lembaga Pengarah juga terdapat wakil bebas dan profesional.

13.4.3.3 Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah

Amalan tadbir urus korporat terbaik menggalakkan supaya kemudahan dan keistimewaan termasuk semua elaun dinyatakan dengan jelas di dalam surat pelantikan bagi memastikan tiada unsur salah guna kuasa dan penyelewengan berlaku dalam pengurusan syarikat. Tambahan pula kepada pengarah *nominee* yang tidak mempunyai sebarang saham syarikat. Pengarah *nominee* dilantik selaku pemegang amanah pemilik saham untuk menguruskan syarikat. Semakan Audit mendapati tuntutan perbelanjaan oleh Ahli Lembaga Pengarah telah dibuat berdasarkan jumlah sebenar di bil. Kadar kemudahan dan keistimewaan yang boleh dituntut oleh Ahli Lembaga Pengarah tidak dinyatakan dengan jelas sama ada di dalam surat pelantikan atau polisi syarikat. Kemudahan dan keistimewaan yang dimaksudkan adalah seperti elaun perjalanan, elaun makan, elaun penginapan dan lain-lain.

KSDC mengambil maklum teguran Audit dan akan memanjangkan perkara ini kepada PKNK untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, surat pelantikan atau polisi syarikat berkaitan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah tidak memuaskan kerana tidak dinyatakan kadar kemudahan dan keistimewaan yang diberikan bagi memastikan tidak berlaku salah guna kuasa dan penyelewengan.

13.4.3.4 Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat Kerajaan harus memberi pulangan berbentuk dividen sebanyak 10% daripada keuntungan tahunan kepada Kerajaan. Sehingga 31 Disember 2009, PKNK telah melabur sejumlah RM2.1 juta dalam KSDC. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati KSDC tidak mematuhi pekeling tersebut kerana tidak pernah membayar dividen dari tahun kewangan 2006 hingga 2008.

KSDC memaklumkan kedudukan kewangan syarikat menyebabkan dividen tidak dapat dibayar. Bagaimanapun, mesyuarat Lembaga Pengarah pada Mac 2010 telah meluluskan pembayaran dividen pertama kepada PKNK sebanyak RM21 ribu.

Pada pendapat Audit, KSDC gagal memberikan pulangan yang sewajarnya kepada PKNK atas pelaburan yang dilakukan.

13.4.3.5 Jawatankuasa Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat Kerajaan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham terjamin. Jawatankuasa ini juga berperanan memastikan semua polisi dan prosedur kerja yang telah ditetapkan dipatuhi. Ini adalah penting bagi memantapkan lagi pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati KSDC belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam. Bagaimanapun, fungsi audit dalaman telah dijalankan oleh Unit Audit Dalam PKNK. Kali terakhir audit dalaman dilakukan adalah pada awal tahun 2009.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman KSDC adalah memuaskan yang mana pengauditan telah dilakukan bagi memastikan operasi syarikat dilaksanakan dengan teratur.

13.4.3.6 Indeks Petunjuk Prestasi

Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) merupakan mekanisme pengurusan untuk mengukur pencapaian syarikat, pengurusan serta kakitangan. Berdasarkan Buku Biru: *Intensifying Performance Management* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional untuk program transformasi syarikat kerajaan (GLC), KPI juga boleh dijadikan asas untuk penilaian prestasi individu dalam proses memberikan penghargaan dan sebagainya. Selain itu, KPI untuk KPE dan pengurusan atasan yang merangkumi prestasi syarikat dan bahagian/unit perlu disediakan dalam usaha mencapai visi syarikat. Amalan terbaik juga menggalakkan supaya KPI mestilah jelas dan fokus serta menjurus ke arah objektif syarikat. Semakan Audit mendapati KSDC tidak menyediakan KPI yang perlu dicapai oleh syarikat manakala KPI untuk kakitangan hanya disediakan bermula pada tahun 2009.

KSDC memaklumkan PKNK akan menyelaraskan kaedah KPI yang akan digunakan oleh semua anak syarikatnya.

Pada pendapat Audit, ketiadaan KPI menyebabkan penilaian prestasi KSDC tidak dapat dinilai dan diukur.

13.4.3.7 Kelemahan Pengurusan Kewangan

a) Yuran Lembaga Pengarah

Menurut Seksyen 132(2) Akta Syarikat 1965, pengarah syarikat tidak boleh menggunakan kedudukannya sebagai Pengarah untuk mendapat manfaat bagi dirinya tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung. Semakan Audit mendapati pembayaran yuran pengarah kepada Ahli Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan 2006 berjumlah RM27,000 telah diluluskan oleh Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada 25 Mac 2007 tanpa kelulusan Mesyuarat Agung. Pengerusi KSDC menerima

bayaran berjumlah RM7,000 manakala pengarah yang lain mendapat RM5,000 setiap seorang.

KSDC mengambil maklum teguran Audit dan akan memastikan perkara sedemikian tidak berulang lagi.

Pada pendapat Audit, pembayaran yuran pengarah bagi tahun kewangan 2006 adalah tidak memuaskan kerana tidak mendapat kelulusan dan pengesahan Mesyuarat Agung.

c) Yuran Bulanan Lembaga Pengarah

Menurut Seksyen 132(2) Akta Syarikat 1965, pengarah syarikat tidak boleh menggunakan kedudukannya sebagai Pengarah untuk mendapat manfaat bagi dirinya tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah KSDC Kali Ke 39 yang diadakan pada 22 Februari 2007 telah meluluskan pembayaran yuran pengarah kepada Ahli Lembaga Pengarah dibuat secara bulanan. Berdasarkan keputusan tersebut pengerusi syarikat dibayar RM2,000 sebulan manakala tiga Ahli Lembaga Pengarah yang lain dibayar RM1,000 seorang sebulan. Semakan selanjutnya mendapati pembayaran telah dilakukan mulai Januari 2007 sehingga Ogos 2008. Keputusan pembayaran yuran Lembaga Pengarah secara bulanan ini tidak dibawa ke dalam Mesyuarat Agung untuk kelulusan dan pengesahan.

KSDC mengambil maklum teguran Audit dan akan memastikan perkara sedemikian tidak berulang lagi. Bermula Ogos 2009, KSDC telah memberhentikan pembayaran yuran berkaitan berdasarkan arahan Kerajaan Negeri Kedah.

Pada pendapat Audit, pembayaran yuran bulanan pengarah adalah tidak memuaskan kerana tidak mendapat kelulusan dan pengesahan Mesyuarat Agung.

13.4.3.8 Perancangan Strategik

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, pihak pengurusan syarikat perlu menyediakan strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan korporat penting disediakan untuk merangka strategi pelaksanaan bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik dan hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati KSDC telah menyediakan rancangan korporat bagi tahun 2007 hingga 2009 yang mengandungi hala tuju syarikat dan unjuran pendapatan. Di bawah rancangan ini, KSDC telah merancang untuk meningkatkan pelanggan sektor kerajaan yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan. KSDC merancang untuk melibatkan diri di dalam sektor perlindungan akuakultur serta pelabuhan dan perkapalan. Sebagai usaha memenuhi keperluan sumber manusia, KSDC telah menandatangani

perjanjian pakatan strategik dengan Universiti Utara Malaysia untuk membekalkan graduan yang berkualiti. Dalam meneruskan kesinambungan perniagaan, KSDC juga merancang untuk membuka cawangan di Kuala Lumpur sebagai langkah untuk mendekatkan diri dengan pelanggan korporat yang besar.

Pada pendapat Audit, KSDC telah menyediakan perancangan strategik dengan memuaskan kerana pihak pengurusan dan kakitangan mempunyai gambaran yang jelas mengenai hala tuju syarikat.

13.4.3.9 Pengurusan Fail

Penyelenggaraan fail yang teratur adalah penting dalam usaha memastikan rekod pelanggan disimpan dengan selamat serta memudahkan pencarian maklumat apabila diperlukan. Berdasarkan prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh KSDC, pengasingan fail perlu dilakukan menggunakan pengelasan enam warna fail. Pihak Audit mendapati KSDC tidak mengelaskan fail berdasarkan warna yang ditetapkan.

KSDC mengambil perhatian atas teguran Audit dan akan memastikan langkah bersesuaian diambil.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan KSDC mengenai pengurusan fail boleh menyebabkan pengurusan fail dilakukan secara tidak teratur dan mengambil masa yang lama sekiranya carian maklumat dilakukan.

13.4.3.10 Pemantauan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menggariskan kepentingan kawalan dan pemantauan pihak pengurusan terhadap syarikat Kerajaan bagi memastikan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dipatuhi serta mencapai objektif penubuhan syarikat. Pekeliling ini juga menetapkan Lembaga Pengarah syarikat hendaklah mengawal rapi dan meneliti prestasi syarikat Kerajaan, terutamanya bagi syarikat Kerajaan yang mempunyai prestasi yang tidak memuaskan. Selaras dengan peraturan ini, Kerajaan Negeri dan PKNK hendaklah memantau syarikat subsidiari yang ditubuhkan bagi memastikan operasi syarikat subsidiarinya seperti KSDC adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Pemantauan yang perlu dilaksanakan meliputi aspek pengurusan, prestasi kewangan, operasi syarikat dan keberkesanan kawalan dalaman syarikat.

a) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah memainkan peranan penting dalam proses pemantauan terhadap pengurusan syarikat bagi mencapai objektif utamanya. Amalan terbaik menghendaki ahli Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak empat kali setahun. Semakan Audit mendapati secara purata Mesyuarat Lembaga Pengarah KSDC telah diadakan sebanyak empat kali setahun. Mesyuarat Lembaga Pengarah KSDC telah membincangkan hal pentadbiran dan kewangan syarikat dengan teratur.

Pada pendapat Audit, pengurusan mesyuarat Lembaga Pengarah KSDC adalah memuaskan kerana diadakan mengikut amalan terbaik.

b) Mesyuarat Pengurusan Syarikat

Mesyuarat pengurusan syarikat merupakan mekanisme pemantauan yang digunakan kebanyakan organisasi dalam usaha mengawal operasi syarikat. Semakan Audit mendapati KSDC telah mengadakan mesyuarat pengurusan bagi membincangkan hal pentadbiran dan prestasi syarikat. Bagaimanapun minit mesyuarat tidak disediakan.

KSDC mengambil perhatian teguran Audit dan akan memastikan minit mesyuarat disediakan pada mesyuarat seterusnya.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan pada peringkat pengurusan KSDC adalah tidak memuaskan kerana minit mesyuarat tidak disediakan untuk tujuan rekod, rujukan dan keberkesanan mesyuarat.

c) Laporan Bulanan

Pemantauan yang berkesan dan teratur dapat membantu pihak pengurusan syarikat mengawal prestasi dalam mencapai visi yang telah ditetapkan. Laporan bulanan merupakan mekanisme yang seringkali digunakan untuk memantau operasi syarikat. KSDC telah menetapkan setiap ketua bahagian atau unit hendaklah menyediakan laporan bulanan tentang prestasi unit/bahagian masing-masing kepada KPE. Semakan Audit mendapati hanya Bahagian Akaun yang menyediakan laporan bulanan untuk semakan KPE.

KSDC mengambil perhatian teguran Audit dan akan memastikan laporan bulanan disediakan oleh setiap jabatan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan laporan bulanan menyukarkan pihak pengurusan memantau operasi syarikat.

d) PKNK

Sebagai sebuah Badan Induk kepada KSDC, pemantauan yang berkesan daripada PKNK adalah sangat diperlukan bagi memastikan kepentingannya sentiasa terjamin. Ini adalah selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 yang menggariskan beberapa langkah ke arah meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 pula menetapkan wakil Kerajaan dalam syarikat Kerajaan dikehendaki menyediakan laporan berhubung perjalanan operasi syarikat sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Semakan Audit mendapati PKNK telah melantik seorang pegawainya sebagai Pengarah *nominee* di dalam usaha menjaga kepentingannya di dalam KSDC dan laporan berkenaan telah disediakan kepada PKNK.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilakukan oleh PKNK adalah memuaskan kerana wakil PKNK telah dilantik dalam keanggotaan Lembaga Pengarah KSDC.

13.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, aktiviti yang dilaksanakan oleh KSDC adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Bagaimanapun, prestasi kewangan KSDC adalah kurang memuaskan kerana hanya mencatatkan keuntungan yang kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan operasi yang tinggi. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan memuaskan dan teratur. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan KSDC.

- a)** Mematuhi prosedur kerja terutama berkaitan dengan kutipan pembayaran secara kredit.
- b)** Mengadakan mesyuarat pengurusan dalam usaha memantau perjalanan operasi syarikat.
- c)** Menyediakan pelan pemasaran untuk meningkatkan prestasi pemasaran dalam usaha meningkatkan pendapatan syarikat seterusnya memberikan pulangan kepada PKNK.
- d)** Menyediakan polisi dan prosedur kerja berkaitan pelarasan harga bagi mengelakkan berlakunya salahguna kuasa dan penyelewengan.
- e)** Mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan/Agensi Kerajaan terutama berkaitan dengan Jawatankuasa Audit Dalam, arahan kawalan pengurusan syarikat serta peranan dan tanggungjawab wakil Kerajaan.
- f)** Mematuhi Akta Syarikat 1965 terutama perkara berkaitan ganjaran dan elaun kepada Ahli Lembaga Pengarah.
- g)** Dividen hendaklah dibayar kepada Kerajaan Negeri sebanyak 10% daripada keuntungan tahunan sebagaimana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993.



BAHAGIAN III PERKARA AM

14. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam bahagian ini di bawah tajuk berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008.
- b) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum selesai.

15. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

15.1 JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

Pengurusan Kelas Al Quran Dan Fardu Ain (KAFA)

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.1	Penubuhan KAFA Tidak Teratur Penubuhan KAFA baru adalah tidak teratur kerana tidak mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA 2006. Selain itu, terdapat empat permohonan daripada Daerah Kuala Muda belum diluluskan walaupun telah dimohon sejak tahun 2006.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) telah mengambil tindakan mulai tahun 2008 untuk menggunakan Garis Panduan Pelaksanaan KAFA 2006 dan akan memastikan garis panduan ini dipenuhi sepenuhnya. Empat permohonan daripada Daerah Kuala Muda tidak dapat diluluskan kerana pihak JAKIM tidak membenarkan penambahan kuota guru KAFA.	Tindakan segera perlu diambil.
2.5.2 (a)	Kelayakan Dan Pelantikan Penyelia Pelantikan baru bagi jawatan penyelia KAFA masih dibuat walaupun bilangan penyelia sedia ada telah melebihi kuota JAKIM.	Tiada pelantikan baru penyelia KAFA dilakukan selepas daripada tarikh teguran Audit.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.2 (c)	Tanggungjawab Penyelia KAFA Prestasi lawatan penyelia ke KAFA di Daerah Kota Setar adalah tidak memuaskan kerana separuh bilangan KAFA tidak pernah dilawati setiap tahun.	Mulai Januari 2010, arahan telah dikeluarkan oleh Bahagian Pelajaran JHEAIK kepada semua penyelia KAFA supaya membuat perancangan lawatan dan menyediakan Laporan Kekerapan Lawatan Penyelia.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
2.5.2 (d)	Latihan Penyelia KAFA Tiada latihan/kursus diberikan kepada penyelia KAFA sepanjang tahun 2006 dan 2008.	Pihak JAKIM telah mengadakan kursus kepada Penyelia KAFA pada tahun 2009 dan 2010.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
2.5.3 (d)	Latihan Guru KAFA Latihan/kursus yang diberikan kepada guru KAFA adalah tidak mencukupi dari segi kandungan dan masa. Ini menyebabkan guru KAFA tidak diiktiraf oleh institusi pendidikan tempatan.	Sembilan siri kursus telah diberikan kepada guru KAFA pada tahun 2009 dan satu sesi kursus telah dijalankan pada tahun 2010.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
2.5.3 (f)	Guru KAFA Tidak Dibayar Imbuhan Tahunan Guru KAFA tidak pernah dibayar imbuhan tahunan walaupun layak menerimanya.	Imbuhan tahunan ini tidak dibayar kerana tidak mendapat kebenaran dan peruntukan daripada pihak JAKIM.	Tindakan masih belum diambil.
2.5.4 (b)	Kelas Kurang 25 Orang Murid Dan Penempatan Bercampur Darjah Penempatan secara menggabungkan murid daripada darjah yang berbeza di dalam satu kelas menyukarkan guru yang mengajar dan murid tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran dan pembelajaran silibus KAFA.	Murid daripada darjah yang berbeza digabungkan di dalam satu kelas kerana kuota guru yang terhad.	Tindakan masih belum diambil.
2.5.4 (c)	Pencapaian Prestasi Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) Masih terdapat murid berdaftar yang tidak hadir menduduki UPKK.	UPKK tidak diwajibkan, namun tindakan telah diambil dengan langkah memaklumkan mengenai ujian tersebut kepada murid dan waris.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.5 (b)	Penubuhan Akaun Amanah Akaun Amanah Rancangan Pengajian KAFA ada diwujudkan tetapi Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah KAFA tidak ditubuhkan.	Mulai 18 November 2009 Akaun Amanah KAFA telah dipinda kepada Akaun Amanah Peruntukan Persekutuan JHEAIK dan Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah telah ditubuhkan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
2.5.6 (a)	Bangunan Tidak Kondusif Terdapat KAFA yang beroperasi tanpa kelengkapan asas yang mencukupi seperti kerusi dan meja iaitu KAFA Surau Taman Wira dan Dewan Kampung Keluncur di Daerah Kota Setar.	KAFA Surau Taman Wira telah berpindah ke bangunan baru dan mempunyai kelengkapan termasuk kerusi dan meja. KAFA Dewan Kampung Keluncur telah ditutup dan murid dipindahkan ke KAFA SK Dato' Hj. Syaari Kubang Rotan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
2.5.7 (d),(e), (f)	Pengurusan Rekod Dan Maklumat Rekod latihan yang diselenggara tidak lengkap dan kemas kini. Daftar Lawatan KAFA tidak diselenggara di Pejabat Agama Daerah (PAD) Kota Setar dan Langkawi. Unit KAFA masih belum lagi memasukkan data murid ke dalam SIMPENI.	Rekod latihan dan kursus telah dikemas kini di dalam fail Senarai Kursus/Latihan. Daftar Lawatan KAFA bagi tahun 2010 telah diselenggarakan di PAD Kota Setar dan Langkawi. Pengisian data murid dalam SIMPENI telah diambil tindakan dan akan diteruskan dari semasa ke semasa.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
2.5.10 (a), (b), (c)	Pemantauan Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA Peringkat Negeri (JPKPN) tidak berfungsi. Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas (JPKPK) tidak ditubuhkan di KAFA Dewan Kampung Keluncur, Daerah Kota Setar dan KAFA Surau Polis Marin, Daerah Langkawi. Selain itu, kekerapan mesyuarat JPKPK di KAFA yang lain tidak dapat dipastikan kerana tiada minit mesyuarat disediakan. Mekanisme pemantauan tidak seragam antara PAD. Kekerapan lawatan juga tidak dapat disahkan dan terdapat KAFA yang tidak pernah dilawati oleh penyelia	Jawatankuasa ini akan dipanggil bermesyuarat pada bulan Julai 2010. KAFA Dewan Kampung Keluncur telah ditutup. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan di KAFA Surau Polis Marin Daerah Langkawi. Pemantauan berkala akan dilakukan dari semasa ke semasa oleh Unit KAFA JHEAIK.	Tindakan segera perlu diambil.

15.2 JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.2 (a)	Pewartaan Hutan Pelindungan Seluas 31,219 hektar atau 20% sahaja daripada keluasan kawasan hutan perlindungan diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air manakala baki hutan perlindungan seluas 126,563 hektar atau 80% belum lagi diwartakan mengikut kelas masing-masing.	Pewartaan adalah hak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, demi masa depan adalah diharapkan Kerajaan Negeri akan mewartakan kawasan perlindungan yang dikenalpasti bagi kesejahteraan negeri dan negara pada masa akan datang.	Tindakan segera perlu diambil.
3.5.2(c)	Kelewatan Pewartaan Kawasan Cadangan Hutan Simpan Kekal (CHSK) Sembilan kawasan CHSK seluas 35,567 hektar tanah Kerajaan belum diwartakan sepenuhnya sebagai HSK.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah akan berusaha agar kawasan Cadangan Hutan Simpan Kekal (CHSK) ini diwartakan sebagaimana dirancang.	Tindakan segera perlu diambil. Kelewatan pewartaan akan menggalakkan pencerobohan
3.5.2 (d)	Penggantian Kawasan Tanah Yang Dikeluarkan Dari Hutan Simpan Kekal 24 kawasan HSK seluas 4,479 hektar yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan masih belum diwartakan keluar daripada HSK dan belum diganti balik sebagaimana yang ditetapkan oleh APN 1984.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah akan berusaha mendapatkan kawasan diganti apabila sesuatu kawasan HSK itu dicabut keluar. Bagaimanapun terpulanglah kepada Kerajaan Negeri sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 12 APN seperti berikut: <i>Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengganti kawasan tanah yang dikeluarkan daripada hutan simpanan kekal. Jika mana-mana kawasan tanah dikeluarkan di bawah Seksyen 11, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, barang di mana boleh, dan sekiranya berpuashati bahawa adalah demi kepentingan Negara berbuat demikian setelah mengambil kira:</i> a) Keperluan bagi pemuliharaan tanah dan air, kepelbagaian hayat serta lain-lain	Tindakan segera perlu diambil.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		pertimbangan ke atas alam sekitar; b) Keperluan untuk mengekalkan pengeluaran kayu di dalam Negeri itu bagi memenuhi kehendak industri perhutanan; c) Pembangunan ekonomi negeri itu; dan d) Terdapatnya tanah yang sesuai. Menjadikan dengan mengikut Seksyen 7 suatu kawasan tanah yang lebih kurang sama luasnya sebagai suatu hutan simpan kekal.	
3.5.3	Pengurangan Jumlah Kompaun Kompaun yang dikenakan oleh JPNK bagi 19 kesalahan hutan adalah lebih rendah berbanding jumlah kerugian hasil hutan yang dianggarkan.	Kuasa yang diperuntukkan kepada Pengarah untuk mengkompaun di bawah Seksyen 101 APN jelas menuntut Pengarah untuk mempertimbangkan kesalahan tersebut mengikut budi bicaranya dalam memastikan keadilan dan keberkesanan undang-undang tersebut. Kesalahan hutan adalah pelbagai termasuk dari kategori sangat serius dan memberi ancaman kepada hutan dan Jabatan hingga kategori yang tidak memberi kesan besar kepada hutan dan jabatan. Oleh yang demikian adalah wajar pertimbangan diberikan dan seterusnya pengurangan kompaun yang berasaskan kepada fakta-fakta kes sebagaimana yang diperincikan dalam maklum balas jabatan dilaksanakan demi keadilan. Pada pandangan Jabatan, tujuan mengkompaunkan bukanlah untuk menyumbang kepada hasil negeri tetapi lebih ke arah memastikan keberkesanan undang-undang itu sendiri. Hutan adalah suatu komoditi yang tidak ternilai dan kemusnahannya tidak boleh dinilai dengan kompaun tersebut.	Jabatan hendaklah mengambil tindakan berdasarkan peruntukan Akta Perhutanan Negara dan menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.6(a)	Kekosongan Jawatan Pengawas Hutan Semakan Audit terhadap Waran Perjawatan bagi tahun 2008 mendapati kekosongan 16 jawatan Pengawas Hutan Gred G11. Jawatan yang diluluskan ialah 98 jawatan. Kekosongan jawatan ini menjejaskan aktiviti pemantauan dalam pengurusan hutan.	Untuk makluman audit, semua jawatan Ranjer Hutan dan Pengawas Hutan belum diisi pada tahun 2008. Pihak Jabatan sedar bahawasanya Jabatan memerlukan lebih kakitangan dalam pemantauan terhadap pengurusan hutan. Usaha telah dibuat dalam penyusunan semula dan pertambahan jawatan. Walau bagaimanapun terpulanglah kepada kemampuan Kerajaan Negeri dalam membuat pertimbangan dalam penambahan jawatan tersebut.	Tindakan segera perlu diambil.
3.5.6(b)	Kekurangan Kenderaan Dan Peralatan Sokongan Semakan Audit terhadap rekod Harta Modal JPNK mendapati Unit Sivilkultur Dan Perlindungan Hutan hanya mempunyai dua kenderaan pacuan empat roda untuk digunakan oleh 15 orang pegawai berbanding dengan keluasan kawasan HSK yang perlu dikawal dan dilindungi. Ini mengakibatkan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan HSK tidak dapat dijalankan dengan lancar.	JPNK juga bersetuju bahawa keperluan kenderaan dan peralatan yang mencukupi dalam memastikan pemantauan dijalankan dengan baik, cekap dan berkesan.	Tindakan segera perlu diambil.
3.5.6(c)	Pemantauan Hutan Melalui Sistem Informasi Geografi (GIS) JPNK memiliki perkakasan komputer dan perisian GIS. Bagaimanapun, sistem ini tidak digunakan sepenuhnya kerana ketiadaan pegawai yang berkemahiran untuk mengendalikan. Ini menjejaskan pencapaian objektif SMPN.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bersetuju dengan pandangan pihak Audit bahawa penggunaan kenderaan yang mencukupi dan peralatan elektronik seperti kemudahan GIS dan GPS adalah penting dalam menjamin kerja yang cekap dan berkesan. Jabatan telah dan akan terus berusaha untuk menggunakan teknologi terkini dalam kerja pemantauan hutan.	Tindakan segera perlu diambil.

15.3 PEJABAT KEWANGAN NEGERI/PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH

Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri Kedah (SPEKS)

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.1	Empat Modul SPEKS Belum Digunakan Sepenuhnya Sebanyak empat Modul SPEKS iaitu Modul Pinjaman, Pelaburan, Aset Dan Sistem Pengurusan Maklumat (MIS) belum digunakan sepenuhnya.	Modul Pinjaman dan Pelaburan, BNK masih dalam proses mengemaskini data berikutan terdapat di skrin 'Data Conversion' yang baru disediakan oleh Perunding. BNK telah memohon pembatalan bagi data yang lama bagi menginput semula data baru. Modul Aset masih di peringkat percubaan di Jabatan Akauntan Negara dan menunggu arahan untuk digunakan. Apabila semua Modul diguna semula BNK menjangkakan Modul MIS akan dapat digunakan sepenuhnya.	Tindakan segera perlu diambil.
4.5.2	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tidak Dijana Sepenuhnya Dari Modul SPEKS Penyata Pelaburan, Penyata Pinjaman dan Penyata Akaun Memorandum masih disediakan secara manual.	Apabila Modul Pinjaman dan Pelaburan diguna sepenuhnya BNK menjangkakan Penyata Kewangan akan dijana sepenuhnya dari Modul MIS.	Tindakan segera perlu diambil.
4.5.3	Prestasi Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Semua Penyata Kewangan bagi tahun 2001 hingga 2008 tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan untuk pengauditan.	Dengan merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 139 (c), BNK masih menghantar Penyata dalam tempoh ditetapkan iaitu sebelum 31 Julai setiap tahun. BNK telah menetapkan tarikh 31 Mac sebagai tarikh sasaran penyerahan dokumen Penyata Kewangan dan lampiran akaun kepada Jabatan Audit Negara.	Bagi tahun kewangan 2009, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah telah berjaya dimuktamadkan pada 1 April 2010.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.4	Keselamatan Sistem		
(a)	Backup Data SPEKS Buku Log <i>Backup</i> tidak diselenggara. Hanya <i>backup</i> data mingguan disimpan di JANM Negeri manakala <i>backup</i> data harian dibuat secara automatik setiap malam. Data <i>backup automatik</i> ini disimpan dalam fail <i>backup</i> di <i>server</i> yang sama dan akan disalinkan ke PC Pegawai Sistem Teknologi Dan Maklumat pada keesokan hari.	Buku log <i>backup</i> telah diselenggara mulai Januari 2009. BNK akan mendapatkan peruntukan untuk membeli PC khas bagi penyimpanan data <i>backup</i> .	BNK menggunakan PC yang sedia ada kerana belum mendapat peruntukan.
(b)	Verifikasi Media BackUp Tidak Dilaksanakan Didapati verifikasi media <i>backup</i> di JANM Negeri tidak pernah dilaksanakan dan Daftar Verifikasi Media <i>Backup</i> juga tidak diselenggara.	Verifikasi media <i>backup</i> di JANM tidak pernah diuji tetapi di BNK diuji sebulan sekali. Akan ambil tindakan menguji data di JANM mengikut tempoh.	Tindakan untuk diuji data di JANM pada setiap minggu dan data di Pejabat SUK pada setiap hari.
(c)	Pelan Pemulihan Bencana (DRP) Dan Pelan Kesenambungan Business (BCP) Kedua-dua pelan masih belum dilaksanakan.	Menunggu arahan daripada JANM.	Tiada perubahan.
(d)	Jejak Audit Log jejak Audit SPEKS Kedah telah diwujudkan tetapi tidak digunakan kerana menyebabkan gangguan kepada <i>server</i> .	Akan merujuk kepada JANM.	Tiada perubahan.
4.5.7	Pengurusan ID Pengguna SPEKS		
(b)	Kata Laluan Pengguna SPEKS Tidak Diencrypt Kata laluan pengguna di <i>server</i> SPEKS tidak <i>diencrypt</i> .	Kata laluan tidak <i>diencrypt</i> di <i>server</i> SPEKS akan dibincang sebagai penambahbaikan dengan JANM dan Vendor.	Tiada perubahan.
(c)	Pengesahan ID Pengguna Dan Keselamatan Kata Laluan Pengguna - Tiada fungsi <i>log off</i> secara automatik sekiranya tidak digunakan bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan. <i>Log in</i> menggunakan ID yang sama melalui komputer yang berbeza pada masa yang sama dibenarkan.	Akan dibincang sebagai penambahbaikan dengan JANM dan Vendor.	Tiada perubahan.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	• <i>Log in</i> menggunakan <i>ID</i> yang sama walaupun tidak berjaya di <i>log in</i> sebelumnya sebanyak tiga kali berturut-turut dibenarkan. • Tiada fungsi amaran kepada pengguna secara automatik di skrin komputer bagi kata laluan yang hampir tamat tempoh masa penggunaannya.		
4.5.8 (a)	Kawalan Fizikal dan Persekitaran Selepas <i>server</i> SPEKS dipindahkan ke pejabat baru tindakan memasang akses telah dibuat. Bagaimanapun pintu bilik <i>server</i> yang dipasang alat akses ini tidak digunakan.	UPEN belum menyerahkan kad akses. Bilik <i>server</i> dikunci dengan kunci biasa.	Tiada perubahan.
4.5.9	Peralatan Dan Perkakasan SPEKS		
(b)	Perkakasan Dibekal Tidak Digunakan • 10 unit PC ditempatkan di cawangan JPN tidak menggunakan SPEKS manakala 5 unit PC digunakan untuk tujuan pentadbiran di Ibu Pejabat JPN. • 2 unit PC tidak digunakan manakala 3 unit PC digunakan untuk tujuan pentadbiran di JKR.	JPN memaklumkan pelaksanaan SPEKS di Pejabat yang tidak menggunakan SPEKS hanya dibuat setelah kekosongan jawatan sedia ada diisi. Diguna untuk tujuan lain akibat pemindahan ruang kerja kakitangan (mungkin tersalah letak / diguna untuk tujuan lain).	Masih belum menggunakan kecuali JPN daerah Kuala Muda. PC tersebut digunakan bagi tujuan pentadbiran.
4.5.14	Pemantauan		
(a)	Unit Naziran Dan Pemantauan SPEKS Laporan pemerhatian secara bertulis kepada PTJ tidak dikeluarkan sepanjang tahun 2006 hingga 2008. Laporan bertulis hanya dikeluarkan bagi lawatan kali kedua mendapati perkara yang sama masih berulang.	Teguran secara lisan ada dimaklumkan kepada Pegawai Pengawal di PTJ terlibat dan laporan bertulis hanya dibuat di peringkat BNK.	Pemerhatian secara bertulis mula dikeluarkan pada tahun 2009 kepada sembilan PTJ.
(c)	Pengurusan Fail Minit Mesyuarat SPEKS Tidak Teratur Hanya satu fail diwujudkan untuk 10 jenis mesyuarat iaitu Fail Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri Peringkat Negeri Kedah	Penambahbaikan akan dilaksanakan bagi memastikan peraturan pengurusan fail dipatuhi dengan mewujudkan fail mengikut pengkelasan	Fail tersebut telah diserahkan kepada Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, BNK.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	Dan Perlis. Minit mesyuarat yang disimpan tidak lengkap dan mengandungi pelbagai surat menyurat seperti surat kursus dan surat berkaitan SPEKS.	mesyuarat seperti yang dicadangkan.	

15.4 JABATAN BEKALAN AIR NEGERI KEDAH

Pengurusan Kualiti Air Minum

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.2 (a)	Pewartaan Kawasan Tadahan Air Sehingga 31 Disember 2008, sejumlah 108,075 hektar kawasan HSK masih dalam proses pewartaan sebagai kawasan HTA oleh Kerajaan Negeri. Kesan daripada kelewatan pewartaan, keselamatan HTA tidak dapat dilindungi sepenuhnya dari segi perundangan.	Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 31,219 ha sebagai HTA dan bercadang untuk mewartakan tambahan 14,480 ha sebagai HTA.	Tindakan memuaskan.
5.5.3(b)	Kakitangan Di loji Rawatan Air Lawatan Audit ke LRA terpilih mendapati makmal LRA Kulim Hi-Tech (JBA Kedah) tidak mempunyai Ahli Kimia. LRA Kulim Hi-Tech diuruskan oleh seorang Juruteknik di mana pada masa yang sama Juruteknik tersebut bertanggungjawab terhadap dua buah loji lain. Selain itu, ujian fizikal kualiti air dilaksanakan oleh operator sahaja dan tidak dipantau oleh pegawai bertauliah.	SADA dalam proses pengambilan Ahli Kimia bagi kerja-kerja kawalan serta pemantauan kualiti air. Aktiviti ujian kualiti di loji dipantau oleh Juruteknik Pengawas dan seorang pembantu makmal dari Ibu Pejabat dari masa ke semasa.	Tindakan memuaskan.
5.5.3 (c)	Prosedur Dan Protokol Persampelan Di loji JBA Kedah tiada manual atau prosedur khusus disediakan dalam menjalankan pensampelan. Kakitangan loji hanya bergantung kepada latihan yang diberikan ketika kursus sahaja. <i>Berdasarkan maklum balas, pihak JBA Kedah akan menggunapakai Manual Makmal Program KMAM sebagai rujukan.</i>	Piawaian Prosedur Operasi (SOP) Kualiti Air telah disediakan dan diedarkan untuk kegunaan semua loji pada awal September 2009.	Tindakan selesai.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.5 (a)	Jumlah SPA Yang Digunakan Oleh KKM 57 daripada 427 buah SPA di Negeri Kedah tidak berfungsi disebabkan SPA rosak, tiada air dan tidak mengikut spesifikasi.	Tindakan pembaikan telah dibuat untuk SPA yang rosak.	Tindakan selesai.
5.5.6	Program Pencucian Paip JBA Kedah tidak menyediakan jadual atau perancangan bagi program pencucian paip.	SADA sedang dalam proses menyediakan program pencucian yang berjadual.	Tindakan memuaskan.

15.5 JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH

Membina Dan Menyiapkan Jalan Dan Jambatan Tambang Badak/Seberang Terus, Bandaraya Alor Setar

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
6.5.8	Bayaran Kemajuan Kelewatan bayaran antara 20 hingga 111 hari daripada tarikh bayaran mengikut jadual dengan tarikh bayaran sebenar dan tidak disemak oleh Juru Ukur Bahan.	Kelewatan pembayaran tersebut adalah disebabkan Jabatan baru menerima peruntukan tahunan bagi tahun 2005 dan 2006. Kelewatan ini juga disebabkan oleh kelewatan dalam menerima pengesahan dan syor bayaran daripada Kontraktor/Perunding.	Tindakan memuaskan.
6.5.13	Penyelenggaraan Rekod Dokumen di tapak seperti <i>site diary</i> , minit mesyuarat tapak, rekod kualiti, pelan dan <i>As Built Drawing</i> belum diserahkan kepada JKR walaupun projek telah siap sepenuhnya.	Jabatan telah menerima dokumen berkenaan.	Tindakan selesai.

15.6 MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI

Pengurusan Cukai Taksiran Berkomputer

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.1 (a)(iv)	Binaan/Tambahan/Pindaan Bangunan Tanpa Kebenaran Kebanyakan permohonan yang tertangguh adalah tambahan dan pindaan bangunan rumah burung walit. Pihak Majlis masih menunggu kelulusan dasar dan garis panduan daripada Kerajaan Negeri.	Permohonan berkaitan diproses semula setelah Majlis menerima dasar berkaitan Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walet (<i>Swiftlet</i>) mulai 31 Januari 2010.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.1 (a)(v)	Deposit Yang Tidak Dituntut Bagi Tambahan Dan Pindaan Bangunan Sehingga Disember 2008, deposit bagi kerja pengubahsuaian bangunan yang telah siap tetapi masih tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh ianya didepositkan, masih dipegang oleh Majlis. Tidak diwartakan mengikut Arahan Perbendaharaan 162.	Keputusan pewartaan deposit kebersihan bagi tempoh tahun 1999 hingga 2003 masih belum diterima dari Kerajaan Negeri, manakala deposit bagi tahun 2004 hingga 2008 sedang dalam proses penyemakan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.1 (a)(vi)	Penilaian Semula Selepas Bangunan Diubahsuai Sebanyak 57% sampel akaun deposit yang dipilih mendapati Majlis masih belum membuat penilaian kadar yang baru terhadap premis yang telah diubahsuai.	Penilaian semula premis telah dilaksanakan dan telah dikemas kini dalam Sistem Bersepadu Pihak Berkuasa Tempatan (SBPBT).	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.3(c)	Bil Tidak Dapat Diserah Kepada Pemilik Pemantauan terhadap integriti maklumat pemilik dalam SBPBT tidak diberi penekanan menyebabkan bil tidak dapat diserahkan. Antara faktor penyebab adalah seperti rumah sudah roboh, alamat tidak lengkap dan tiada nombor.	Pemantauan dibuat dari semasa ke semasa dengan mengemaskini alamat premis dan membatalkan akaun bagi premis yang telah tiada ditapak atau pun dirobohkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.3(d)	Bil Masih Dikeluarkan Walaupun Notis Telah Dikeluarkan Melebihi Lima Tahun Bil masih dicetak terhadap pegangan yang dikenakan notis (denda) melebihi lima tahun. Tiada pemantauan oleh Jabatan Penilaian dan Jabatan Perbendaharaan bagi memastikan kewujudan sebenar hartanah. Data pemilik tidak dikemas kini.	Unit <i>task-force</i> diwujudkan bagi membincang dan mengatur tugas lawat-siasat bagi mengenal pasti status pegangan bagi tujuan pemutihan data. Notis juga diberikan kepada pemilik, sebagai peringatan agar menjelaskan bayaran. Selain itu pemilik dingatkan membuat permohonan pindah milik dan juga melaporkan status premis kepada Majlis jika bertukar milik. Tindakan adalah berterusan sehingga sekarang kerana kewujudan kes baru.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.4(d)	Tunggakan Melebihi Enam Tahun Sehingga Disember 2008, sejumlah RM8.29 juta tunggakan cukai yang tertunggak antara enam hingga 91 tahun, masih tidak diambil sebarang tindakan untuk dibuat hapus kira (rujuk P.P.Bil.13 Tahun 2008)	Majlis telah mengambil tindakan membuat hapus kira cukai berjumlah RM583,799 bagi akaun berstatus batal yang melibatkan 194 pegangan. Sebahagian lagi akaun yang melibatkan premis di cawangan masih dalam tindakan pasukan <i>task force</i> bagi mengenalpasti kedudukan serta status premis sebelum pembatalan akaun dan proses hapus kira dibuat. Susulan dari tindakan pasukan <i>task force</i>, Majlis juga telah mendapat kelulusan hapus kira bagi 100 pegangan yang melibatkan RM75,926.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.4(e)	Pelupusan Cukai Taksiran Cukai taksiran tahun 2007 yang berjumlah RM154,758 terhadap pegangan yang dilaporkan kosong pada tahun berkenaan yang diluluskan oleh Majlis pada tahun 2008 masih belum dibuat hapus kira.	Tindakan telah diambil dengan membuat pemotongan cukai taksiran. Ianya dikemas kini dalam sistem SBPBT pada bil penggal ke-2 tahun 2008.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.5 (c)(i)	Kawalan Perubahan Sistem Tiada Jawatankuasa Teknikal atau Jawatankuasa Pelaksana ditubuhkan bagi membincang dan meluluskan perubahan terhadap sistem.	Jawatankuasa Teknikal bagi SBPBT telah ditubuhkan pada tahun 2010. Ia bertanggungjawab jika ada perubahan ke atas sistem SBPBT yang dipohon oleh pengguna sistem.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.5 (c)(iii)	Kawalan Fizikal Dan Persekitaran Di Bilik Operasi (Server) • Lantai bilik tidak ditinggikan. • Alat kunci elektronik atau kunci keselamatan lain tidak digunakan untuk mengunci pintu bilik. • Alat penyaman udara yang digunakan untuk mengawal suhu bilik adalah secara berpusat bagi seluruh bangunan. • Kamera litar tidak digunakan	Langkah sewajarnya telah diambil terhadap perkara berkaitan kunci keselamatan dan alat penyaman udara di bilik server. Perkara lain seperti lantai bilik server, kamera litar dan sistem pencegahan kebakaran adalah memerlukan kos yang tinggi. Bagaimanapun, ianya akan dilaksanakan pada	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	untuk memantau keadaan bilik dan kawasan persekitaran. • Sistem pencegah kebakaran tidak disediakan.	2010/2011 iaitu apabila Majlis berpindah masuk ke bangunan baru.	
7.5.5 (c)(iv)	Kawalan Capaian Logikal Polisi teknologi maklumat yang meliputi had kuasa capaian pengguna, kata laluan dan kawalan keselamatan teknologi maklumat tidak disediakan seperti yang ditetapkan oleh MAMPU.	Polisi Jabatan Teknologi Maklumat berkenaan dengan had kuasa capaian pengguna, kata laluan dan kawalan keselamatan teknologi telah disediakan seperti yang telah ditetapkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.5 (c)(v)	Kawalan Business Continuity Plan Keselamatan data yang disimpan dalam DVD tidak menepati kehendak keselamatan yang ditetapkan oleh MAMPU. Selain itu pelan pemulihan bencana tidak disediakan.	DVD backup telah disimpan dalam peti besi di Jabatan Landskap yang terletak berjauhan dari bilik server Jabatan Teknologi Maklumat.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.5 (c)(vii)	Kawalan End User Computing Polisi penggunaan komputer dan rangkaian komunikasi tidak disediakan secara bertulis.	Polisi penggunaan secara bertulis telah disediakan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.5 (d)(i)	Kawalan Am Aplikasi Dokumentasi lengkap kawalan am pengguna SBPBT tidak disediakan. Kawalan dalam bagi fungsi <i>log-in</i> data dan <i>log-off</i> sistem juga tidak diberi penekanan.	Dokumentasi lengkap berkaitan kawalan am sistem SBPBT telah diedarkan kepada Jabatan yang terlibat dengan penggunaan sistem SBPBT.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.7	Pembaharuan Lesen Perniagaan Terdapat pemilik perniagaan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran telah diperbaharui lesen perniagaan.	Pemohon perlu mengemukakan resit cukai taksiran sebelum lesen perniagaan diperbaharui.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
7.5.8	Perbezaan Alamat Dalam Modul Pelesenan Dan Modul Taksiran Wujud perbezaan alamat antara lesen perniagaan dan alamat pegangan yang wujud dalam Modul Taksiran. Keadaan ini berlaku kerana Modul Taksiran tidak dihubungkan dengan Modul Pelesenan.	Satu ruangan (<i>field</i>) rujukan akaun cukai pintu diwujudkan dalam Modul Pelesenan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

15.7 YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

Yiked Kuari Sdn. Bhd.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
9.5.4 (b)(i)	Pengeluaran Resit Resit kepada pembayar tidak dikeluarkan sebagai bukti terimaan.	Telah pun dilaksanakan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
9.5.4 (c)(i)	Elaun Kehadiran Mesyuarat Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.3/2006 telah meluluskan kenaikan kadar elaun Ahli Lembaga Pengarah daripada RM500 kepada RM1,000 tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung.	Mesyuarat Agong Luar Biasa yang diadakan pada 16 Disember 2009 telah meluluskan Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi Ahli Lembaga Pengarah daripada RM500 kepada RM1,000 dan diperakukan oleh pemegang saham. Pihak syarikat akan sentiasa mematuhi Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan 1993.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
9.5.4 (c)(ii)	Pembayaran Honorarium kepada Ahli Lembaga Pengarah Pembayaran honorarium bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 telah diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah tanpa mengesahkan atau kebenaran mesyuarat agung.	Mesyuarat Agong Luar Biasa yang diadakan pada 16 Disember 2009 telah meluluskan Pembayaran Honorarium kepada Ahli Lembaga Pengarah dan diperakukan oleh pemegang saham. Pihak syarikat akan sentiasa mematuhi Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan 1993.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
9.5.4 (c)(iii)	Pembayaran Bonus kepada Kakitangan Pihak YKSB telah membuat bayaran kepada Pegawai Eksekutif antara dua setengah hingga lima bulan gaji seperti mana diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.3/2008 bertarikh 17 September 2008. Bagaimanapun, ini adalah bertentangan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 10 Tahun 1993 kerana pembayaran bonus ini dibuat sebelum akaun tahun kewangan semasa ditutup tanpa mendapat kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung	Mesyuarat Agong Luar Biasa yang diadakan pada 16 Disember 2009 telah meluluskan Pembayaran Bonus kepada Kakitangan dan diperakukan oleh pemegang saham. Pihak syarikat akan sentiasa mematuhi Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan 1993.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	serta kelulusan daripada Menteri Besar.		
9.5.4 (c)(iv)	Perbelanjaan Hari Keluarga di Luar Negara Pada tahun 2007 dan 2008 YKSB telah membelanjakan sejumlah RM85,375 untuk membiayai kos hari keluarga di Hong Kong dan New Zealand. Pada tahun 2007 hari keluarga melibatkan Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan manakala pada tahun 2008 hari keluarga ke New Zealand hanya disertai Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus Besar. Kesemua perbelanjaan tidak mendapat kelulusan mesyuarat agung sepertimana dikehendaki oleh Seksyen 132(2) Akta Syarikat 1965.	Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 16 Disember 2009 telah meluluskan Perbelanjaan Hari Keluarga di Luar Negara dan diperakukan oleh pemegang saham. Pihak syarikat akan sentiasa mematuhi Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan 1993.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
9.5.4 (c)(v)	Pembayaran Dividen YKSB hanya melakukan pembayaran dividen sebanyak 3.9% kepada Yayasan pada tahun 2007 manakala tiada maklumat diperoleh pada tahun 2008.	Pada tahun 2008 YKSB telah membayar dividen RM100,000 bersamaan 10% kepada YIKED Holdings (YHSB) sebagai pemegang saham yang baru.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
9.5.4 (c)(vi)	Pelaburan YKSB mempunyai sebuah syarikat subsidiari iaitu Yiked Tranzglobal Sdn.Bhd (YTSB). Syarikat ini dahulunya dikenali sebagai Yiked Premix Sdn. Bhd. dan YKSB mempunyai pegangan ekuiti 100% terhadap syarikat ini. Jumlah pelaburan dalam syarikat subsidiari YKSB pada tahun 2006 adalah sejumlah RM2,200 dan YKSB menambah pelaburannya pada tahun 2007 menjadi RM252,200. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2008 YKSB masih belum memulakan perniagaan.	Pengambilalihan YTSB oleh YIKED Holdings Sdn Bhd (YHSB) dan dijadikan sebagai subsidiari YHSB.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
9.5.6 (b)	Pelaksanaan Perjanjian Kuari Perjanjian kuari antara YKSB dan Bumimas ditandatangani bagi tempoh 30 tahun. Klausula untuk semakan semula perjanjian kuari tidak dinyatakan di dalam perjanjian.	Telah melaksanakan <i>Domestic Inquiry</i> (D.I) oleh Penasihat Undang-Undang (Firdaus Zakaria & Aswandi Hashim) kepada Pengurus Besar YKSB kerana beliau bertanggungjawab kepada pelaksanaan perjanjian	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		tersebut. Beliau telah meletak jawatan sebagai Pengurus Besar YKSB berkuatkuasa pada 23 Februari 2010. Berhubung dengan isu perjanjian kuari pihak pengurusan telah mendapat pandangan dan nasihat daripada dua firma guaman iaitu Zain Megat & Murad dan juga Firdaus Zakaria & Aswandi Hashim di mana ia sukar untuk semakan semula perjanjian kerana tiada klausa yang kuat.	

16. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam dan aktiviti Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 18 November 2009.

17. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sehingga bulan Mei 2010, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kedah telah memeriksa Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 dan Laporan mengenainya telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 Ogos 2009. Jawatankuasa telah bersidang sebanyak tiga kali pada tahun 2009 dan sebanyak tiga kali pada tahun 2010. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa itu adalah mengenai isu Laporan Ketua Audit Negara bagi Tahun 2007. Jawatankuasa kini telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 dan tahun 2007. Jawatankuasa sepatutnya telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 kerana laporan tersebut telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 18 November 2009. Ini adalah selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan akauntabiliti awam di mana Jawatankuasa perlu mengadakan mesyuarat bagi memastikan isu Laporan Ketua Audit Negara yang dibincangkan adalah isu terkini. Selain mengadakan mesyuarat, Jawatankuasa juga perlu membuat lawatan ke tapak projek dan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri, memantau keberkesanan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, mengkaji kes lama yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan

oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. **Jadual 17.1** menunjukkan butiran mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Kedah mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi.

Jadual 17.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Isu/Tajuk Laporan
1.	15 Jun 2009	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah	Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)
2.	16 Julai 2009	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	Pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah
3.	28 Dis. 2009	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah	Pengurusan Aktiviti Bantuan Am
4.	11 Jan. 2010	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	Pengurusan Biasiswa Dan Pinjaman Pelajaran
5.	11 Jan. 2010	Majlis Bandaraya Alor Star	Pembinaan Dan Pengurusan Gerai
6.	28 Jan. 2010	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	Pembinaan Dan Pengurusan Gerai



PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah antaranya kurang latihan diberi kepada penjawat awam terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperolehi keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

6 Julai 2010



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2010
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773